

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 16**

**Khamis**

**1 Jun 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

|  |               |
|--|---------------|
| Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006                  | (Halaman 21)  |
| Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006        | (Halaman 53)  |
| Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006           | (Halaman 72)  |
| Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006                            | (Halaman 105) |
| Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006               | (Halaman 121) |
| Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 | (Halaman 132) |
| Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005                          | (Halaman 169) |
| Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006         | (Halaman 175) |

**USUL-USUL:**

|  |               |
|--|---------------|
| - Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat                       | (Halaman 21)  |
| - Meminda Susunan Dalam Aturan Urusan Mesyuarat  | (Halaman 49)  |
| - Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat<br>Majlis Mesyuarat Dewan Negara | (Halaman 184) |

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 1 Jun 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Rhina Bhar** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah Kementerian mengambil tindakan untuk menukar jenis tanaman pertanian petani-petani yang sedang menanam tembakau di negara ini kepada jenis tanaman pertanian yang lain.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian melalui Lembaga Tembakau Negara, sedang mengkaji potensi tanaman-tanaman seperti kenaf ubi kayu, ubi keledek dan juga herba sebagai alternatif kepada tembakau.

Walau bagaimanapun, tanaman-tanaman ini didapati tidak sesuai untuk menggantikan tembakau sepenuhnya kerana tidak setanding atau *sustainable equivalent* dengan izin, dari segi harga, pasaran segala pengeluaran dan kestabilan pendapatan berbanding dengan tembakau.

Pasaran daun tembakau adalah stabil dari segi harga dan permintaan kerana pengeluarannya adalah berdasarkan kepada permintaan sebenar iaitu pengilang-pengilang rokok. Penanaman tembakau adalah dikawal di mana hanya penanam dan penanam pengawet yang berdaftar dan dilesenkan oleh LTN sahaja dibenarkan menanam dan mengeluarkan daun tembakau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat Lembaga Tembaga Negara telah pun melaksanakan tanaman tersebut sebagai tanaman integrasi sejak tahun 2005 iaitu melibatkan tanaman jagung, tembikai, padi, kenaf, ubi keledek dan ubi kayu. Sekian.

**Dato' Rhina Bhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri di atas jawapan soalan saya. Soalan tambahan saya ialah apabila AFTA dikuatkuasakan pada tahun 2008 di mana tembakau boleh di import terus daripada negara-negara ASEAN apakah langkah-langkah kerajaan akan diambil untuk membantu petani-petani dan mereka yang terlibat di dalam industri tembakau supaya mereka masih boleh mencari rezeki dan mengekalkan persaingannya. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat itu adalah soalan yang penting bagi masa depan industri tembakau di negara kita kerana segala-galanya ialah untuk

supaya kita boleh mengekalkan persaingan industri tembakau di negara dengan industri tembakau di negara ASEAN seumpamanya. Apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya ini bermakna duti import yang kita kenakan kepada daun tembakau yang diimport dari luar negara seumpamanya di Indonesia, Thailand dan juga Filipina.

Harga daun tembakau tersebut akan rendah lebih rendah kalau berbanding dengan harga daun tembakau yang dijual di negara kita, kerana kos di dalam negara-negara tersebut adalah rendah kalau berbanding dengan kos di negara kita. Oleh sebab itu, maka dengan pelaksanaan AFTA kita tidak boleh menghalang pengimportan dari negara Indonesia dari Thailand dan juga Filipina dan kalaulah situasi itu berlaku maka petani-petani tembakau dalam negara ini tidak mampu untuk bersaing dengan harga yang diadakan kepada daun-daun yang datang dari luar negara itu dan akhirnya petani ini akan tidak ada pasaran. Dan itulah satu hakikat yang kita sekarang menyediakan secara perlahan ya, secara perlahan iaitu berperingkat-peringkat supaya pada masa itu iaitu 2008 di mana duti import hanya RM10 sekilogram daun tembakau yang diimport berbanding dengan RM20 sekarang dan kalau kita imbas kembali pada tahun 2004 di mana duti import adalah RM30.

Semua ini bermaknanya kita kenalah menyediakan petani ini untuk bersaing dengan harga-harga daun tembakau dari negara-negara ASEAN dan salah satu cara untuk menyediakan mereka menghadapi persaingan ini adalah pelaksanaan *exit* skim dengan izin, yang kita sudah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri tahun yang dahulu di mana kita akan melaksanakan cara-cara termasuk yang saya sebut tadi tanaman integrasi atau tanaman alternatif bagi petani-petani yang tidak cukup di mana kosnya, kosnya adalah tinggi ya.

Ada juga saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, ada juga petani yang boleh bersaing kerana dia produktivitiya adalah tinggi dan sebab produktiviti tinggi maka dia boleh jual lebih rendah harganya dan sebab itu kita sekarang menggalakkan petani ini sebagai juga pengawet petani daun tembakau dan juga pengawet.

Kalau petani itu boleh buat dua cara ini iaitu tanam dan juga pengawet daun itu maka dia boleh jual kos daun kering itu dengan lebih efisien dengan lebih rendah kosnya. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita akan menghadapi satu cabaran yang besar dan buat masa sekarang kita ambil segala tindakan supaya petani-petani yang masih bersaing dapat bersaing dan mempunyai produktiviti yang tinggi, mereka boleh hidup lagi ya.

Tetapi, kepada lain-lain petani tembakau mereka kenalah keluar daripada industri ini dan sebab itulah kita melaksanakan skim *exit* skim bagi mereka, supaya dia boleh alih pergi tanaman yang lain seperti yang saya sebutkan tadi ubilah atau kenaf dan lain-lain lagi. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Ir. Hiang A Li dan selepas itu Puan Siti Zailah.

**Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semua kita tahu, kita memang anti rokok. Jadi, memang kita ada berhasrat untuk menukarkan atau berhentikan penanaman tembakau. Soalan tambahan saya ialah sekiranya diberhentikan apakah berkesan buruk dan

kebaikan kalau sekiranya kita berhentikan tanaman tembakau di Malaysia ini dari segi kewangan dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat, salah satu sebabnya yang industri tembakau hidup di dalam negara ialah kita nak mengimbangi keluaran mata wang daripada negara kepada negara yang lain seperti yang saya sebut Thailand, Indonesia. Di mana kalau kita tidak ada industri tanaman tembakau maknanya kita kena beli dari Indonesia dan sebab itulah lebih elok kita gunakan tanaman ini di dalam negara tetapi pada masa yang sama kita tidak membenarkan industri ini di kembang dengan tidak terkawal maknanya kita melaksanakan satu cara di mana industri ini di kawal mengikut *quota*.

Setiap petani kenalah ada satu *quota* sebelum dia dibenarkan untuk menanam maknanya kira *control* dengan izin, *control growing of tobacco* dengan izin, sebab itu kita boleh mengawal jumlah yang dikeluarkan dan hasil daripada petani dan juga cukai yang kita boleh letakkan terhadap industri ini dan walawpundari segi dasarnya kerajaan memang tidak menggalak rakyat kita merokok ya, merokok kalau dapat kita nak rakyat berhentikan. Tetapi, ini bukanlah satu perkara yang kita boleh laksanakan dalam sekelip mata ya, kita kenalah ada satu cara di mana kita undur dengan cara yang baik dan tidak mewujudkan satu suasana di mana petani-petani ini akan terpinggir dari hidupan mereka ya, dan semua ini adalah sebabnya kita masih ada industri tembakau di negara kita.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, sehingga sekarang ini berapakah jumlah nilai import tembakau yang dimasukkan ke dalam negara kita, dan berapakah jumlah kilang yang sedang beroperasi di seluruh negara dan adakah ia dipasarkan untuk pasaran domestik atau dieksport ke luar negara, dan adakah pihak kementerian membuat kerjasama dengan Kementerian Kesihatan terhadap penggunaan racun yang terlalu tinggi yang disembur terhadap daun tembakau ini supaya ia mengelak daripada rosak akibat serangga dan ulat. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai pertanyaan spesifik yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, memang kita hanya ada empat kilang rokok yang agak besar di negara kita dan mereka memang mempunyai kilang-kilang di Lembah Klang seumpamanya. Tetapi dari segi jumlah angka itu, saya tidak ada di sinilah Yang Berhormat. Saya boleh bekalkan selepas pagi ini untuk pengetahuan Yang Berhormat. Dari segi pekerjaan yang terlibat dalam industri ini, memang ini adalah satu angka yang besar. Kita tahu dari segi *upstreamnya*, iaitu di mana pihak petani dan sebagainya terlibat adalah angkanya 73,000 kurang lebih itulah. Di *downstream* atau di peringkat kilang dan juga penjual dan sebagainya, jumlah yang terlibat ialah 96,000. Ini bermaknanya, lebih 169,000 orang terlibat dalam industri ini, maka industri ini agak penting juga bagi keluarga-keluarga masing-masing.

Kalau kita ambil tindakan yang tidak prihatin terhadap kehidupan mereka, maka kita akan dilihat, dipandang sebagai satu kerajaan yang tidak berpatutan kerana banyak warganegara

kita terlibat dalam industri ini. Jumlah tembakau, Yang Berhormat tanya jumlah keluaran tembakau?

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Pasaran.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Pasaran? Ya, pasaran tembakau kita, memang kita eksportkan kepada banyak juga negara di luar. Seperti kita keluarkan kepada USA, kepada Eropah, kepada Jepun, Korea dan banyak lagi di negara-negara, di mana pengilang ini ada talian jualan dan ini adalah satu angka yang, kalau kita sebut jumlah pengeksportan ini, Yang Berhormat, sekejap ya. Nanti saya... [*Sambil melihat kertas ucapan*] Jumlah harga yang *value* atau harga nilainya ialah RM1.3 bilion Yang Berhormat. Ini jumlah nilai (*value*) yang kita eskportkan ke luar negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat sendiri yang datang untuk memberi jawapan. Terima kasih. [*Tepuk*]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya di nombor dua, tetapi saya ingin membuat pembetulan yang bukan material bentuknya iaitu "*Big Groom*" itu ditukar kepada "*Groom Big*" sebenarnya.

2. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan sama ada dalam perancangan membentuk Masyarakat Perniagaan dan Perdagangan Bumiputera (MPPB) menggariskan sasaran kuantitatif tertentu. Umpamanya berapakah jumlah usahawan yang akan dibentuk di bawah skim francais, berapa pula yang akan dibimbing di bawah "*GROOMBIG*" dan berapakah jumlah usahawan wanita yang dapat dibentuk dalam RMK-9.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dipertanggungjawabkan sebagai agensi peneraju dalam membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Bagi mencapai matlamat ini MECD telah menggariskan sasaran '*detective*' melalui penunjuk prestasi utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) dengan izin. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan seperti berikut:

- (i) pembudayaan keusahawanan di kalangan 1.5 juta masyarakat bumiputera dengan tumpuan kepada pelajar, belia, siswazah dan wanita;
- (ii) melahirkan 150,000 usahawan baru;
- (iii) 20 peningkatan. Sebanyak 25,000 *enterprise* yang sedia ada;
- (iv) membangunkan 75,000 sumber manusia profesional;
- (v) memantapkan keupayaan 600 buah koperasi yang sedia ada - mungkin, serta mewujudkan 800 buah koperasi yang baru; dan
- (vi) melatih 206,000 tenaga kerja mahir.

Secara khusus bagi setiap program utama yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan MECD telah menetapkan KPI seperti berikut:

- (i) mewujudkan 1,000 buah *franchisee* dan 50 buah *franchisor* melalui program pembangunan francais;
- (ii) program “*Groom Big*” melibatkan penyertaan seramai 25,000 usahawan; dan
- (iii) mensasarkan sekurang-kurangnya 30% penyertaan kaum wanita dalam Program Pembangunan Usahawan MECD ini.

Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Adakah sasaran-sasaran juga dibuatkan untuk menentukan bahawa program-program dan aktiviti keusahawanan di bawah program vendor dengan GLC-GLC juga ditetapkan atau diadakan? Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya memang ada dalam senarai matlamat kementerian. Di dalam rangka mewujudkan atau memastikan sasaran tersebut dicapai, kementerian di dalam program MPPB telah menggariskan lapan program teras utama yang akan menjadi fokus dalam rancangan MPPB bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu:

- (i) meningkatkan keupayaan usahawan untuk *capacity building*;
- (ii) program berpakej dalam sektor yang strategik di mana bermula daripada latihan, pembiayaan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur, seterusnya pembiayaan secara berpakej; dan
- (iii) pembangunan dalam penyelidikan bukan khas, promosi dan pemasaran, pangkalan data, pusat serenti dan juga usaha sama strategik.

Bagi program khusus yang dimaksudkan, dalam pembiayaan setakat ini, kementerian telah mewujudkan 248,199 usahawan ini, saya punya angka tambahan Tuan Yang di-Pertua, yang telah mendapat manfaat daripada dana yang telah disediakan bernilai RM2.9 bilion. Program premis perniagaan sebanyak RM13,825 buah unit premis telah disediakan dan ditawarkan oleh kementerian.

Syarikat *vendors* sebanyak 340 usahawan dan dalam pelbagai bidang yang berjaya dibangunkan. Sementara dalam program francais sebanyak 102 *franchisor* dan 807 *franchisee* telah dapat dibangunkan. Dalam sektor pembinaan setakat ini, seramai 46,511 kontraktor kerja awam dalam semua kelas daripada A sampai F, pelbagai bidang telah berjaya dibangunkan dan juga 2,525 dalam kontraktor kerja elektrik.

Seterusnya dalam usahawan pengangkutan termasuk semua teksi, bas sekolah, bas kilang. Sejumlah 358,616 lesen telah dikeluarkan bagi membantu pencapaian usahawan dalam bidang pengangkutan. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pembangunan MPPB juga digunakan sebagai peluang untuk mengurangkan jurang

pendapatan *intra attract* yang dirancangkan di RMK-9. Apakah galakan-galakan diberi atau akan diberi kepada Orang Asli di mana keadaan mereka itu agak tidak memuaskan dan memerlukan kita semua membantu. Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** MPBB adalah dirangka oleh kerajaan bagi memastikan penyertaan masyarakat bumiputera untuk menyertai dalam pembangunan perdagangan dan juga perindustrian. Maka dalam konteks yang sedemikian, ianya mengambil kira ketidaksamarataan penyertaan masyarakat bumiputera dalam sektor yang disebutkan. Oleh sebab itu, dalam kategori-kategori sektor yang tertentu, ada kelonggaran-kelonggaran yang diberi kepada setiap kumpulan sasaran yang dimaksudkan dan dalam bidang latihan misalnya, maka ada ruang-ruang yang diberikan kepada bukan bumiputera sebanyak 10% ditentukan dan begitulah juga dengan masyarakat minoriti masyarakat Orang Asli yang disebutkan, terletak kepada sektor-sektor yang dimaksudkanlah. Ini, kementerian terbuka di dalam melaksanakan dasar tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**3. Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan respons daripada warga Orang Kurang Upaya dan majikan semenjak pelancaran Sistem Penempatan Orang Kurang Upaya (SPOKU) pada tahun lalu.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Penempatan Orang Kurang Upaya (SPOKU) telah dilancarkan pada 31 Mei 2005 bagi tujuan untuk membantu warga Orang Kurang Upaya untuk mencari pekerjaan. SPKOKU boleh dilayari oleh semua pencari kerja Orang Kurang Upaya (OKU) dan majikan yang menawarkan pekerjaan khusus kepada golongan ini. Sistem ini diwujudkan bagi memudah dan mempercepatkan proses pendaftaran dan pepadanan pekerjaan khusus bagi warga Orang Kurang Upaya.

Calon pencari kerja Orang Kurang Upaya (OKU) perlu mendaftar diri sebagai pencari kerja dan majikan perlu mendaftar untuk mencari pekerja OKU. Pendaftaran boleh dilakukan secara percuma, mudah, cepat dan boleh dilakukan di mana-mana tanpa perlu hadir ke Pejabat Tenaga Kerja secara *on line*. SPOKU akan melaksanakan pepadanan secara automatik dan kedua-dua pihak yang mendaftar hanya perlu masuk ke dalam sistem untuk meninjau penjadohan tersebut dan kedua-dua pihak perlu berhubung untuk melaksanakan penawaran dan penerimaan kontrak perkhidmatan. Selepas penawaran dan penerimaan tersebut, maka barulah satu penempatan berlaku.

Dinyatakan di sini bahawa seramai 60,000 orang kurang upaya, AKMM 2005 telah ataupun boleh bekerja. Walau bagaimanapun, dari tahun 1990 hingga 2006, bilangan orang kurang upaya yang mendaftar secara manual dan SPOKU adalah 8,105 dan daripada jumlah itu seramai 6,432 orang memperoleh pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terkini semenjak SPOKU diperkenalkan pada 21 Mei 2005, berikut adalah respons yang telah diperolehi.

- (i) pencari kerja OKU – 1,860;
- (ii) majikan – 423;
- (iii) kekosongan jawatan – 1,023;
- (iv) kekosongan jawatan yang telah diisi – 577; dan
- (v) majikan yang menerima - 115.

Bilangan penempatan OKU dari Mei 2005 hingga 30 April 2006:

- (i) penglihatan – 5;
- (ii) pekak dan bisu – 253;
- (iii) cacat anggota – 170;
- (iv) masalah pembelajaran – 7; dan
- (v) lain-lain – 142.

Jumlahnya 577.

JTK sentiasa berusaha untuk menggalakkan OKU mendaftar melalui SPOKU bagi mewujudkan lebih banyak pilihan kepada majikan untuk mengisi pelbagai kekosongan jawatan. Buat masa ini golongan pekak, bisu dan OKU fizikal anggota yang tidak serius menjadi pilihan para majikan. Sementara OKU buta dan OKU masalah pembelajaran kurang mendapat perhatian.

JTK memperkenalkan SPOKU melalui aktiviti pemeriksaan rutin di tempat-tempat pekerjaan, kaunseling INSITU, program-program pendidikan perburuhan, karnival pekerjaan serta melalui pengedaran risalah SPOKU sendiri. JTK juga mendapat kerjasama NGOs untuk mendaftarkan OKU yang berminat untuk mencari pekerjaan. Usaha seumpama ini akan dilaksanakan secara berterusan. Terima kasih.

**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam:** Majlis Persatuan Orang Buta Malaysia (MPOBM) pula mencadangkan diwujudkan semula Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya usaha untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik lebih difokuskan supaya bantuan yang disalurkan lebih terjamin. Apakah tindakan pihak kementerian untuk memperbaiki sistem penyampaian supaya seluruh rancangan dan bantuan kerajaan tercapai dan dimanfaatkan oleh kumpulan sasaran.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Memang kita memberikan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk dengan Kementerian Kebajikan. Di samping itu pelbagai usaha telah pun kita laksanakan bagi meningkatkan lagi peluang-peluang pekerjaan di kalangan orang-orang kurang upaya ini. Pertamanya sebagaimana yang kita tahu, kita sentiasa membuka Electronic Labor Exchange (ELX) ini bukan sahaja untuk orang normal tetapi juga untuk orang kurang upaya.

Selain daripada itu, kita juga menubuhkan jawatankuasa teknikal di peringkat negeri mahupun daerah termasuk juga persatuan-persatuan orang kurang upaya bagi memberikan perkhidmatan serta menolong mereka mencari pekerjaan. Di samping itu juga kita mengadakan pusat-pusat latihan ataupun pusat-pusat bertauliah di bawah kelolaan Majlis Vokasional Kebangsaan, juga kita membuka Institut Latihan Perindustrian, SIAS mahupun AMTAX untuk membantu orang kurang upaya ini untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan iaitu termasuk kursus-kursus persijilan sebanyak 35 dan diploma sebanyak 36 dan kita juga mengadakan kursus-kursus skim latihan graduan yang dibuka bukan sahaja kepada orang normal tetapi juga kepada orang-orang kurang upaya di mana kursus-kursus ini sedang berjalan dan peluang masih dibuka.

Kita juga memberikan galakan kepada majikan untuk terus mendaftar dan juga memberikan insentif-insentif percukaian, pemotongan cukai kepada mana-mana majikan dalam bentuk, pertama, peralatan. Kalau dia beli alat, jadi dia boleh dipotong cukai malah kalau dia mengambil orang kurang upaya untuk bekerja, juga dipotong cukai malah orang normal tetapi apabila mendapat kemalangan, dia menjadi orang kurang upaya, gaji yang dibayar kepada mereka juga dipotong untuk percukaian dan yang terbesarnya juga kita menggalakkan serta mewajibkan PERKESO membayar ganti rugi sama ada dalam bentuk pencen penakat ataupun pencen ilat dan yang paling besar kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM22 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membantu golongan orang kurang upaya ini. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah SPOKU hanyalah untuk pendaftaran pekerjaan tetapi apa sebenarnya yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat di dalam penambahbaikan kepada orang kurang upaya ini, khususnya dari segi memberikan kemahiran kepada mereka supaya mereka dapat bersaing dalam pasaran pekerjaan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, selain daripada memberikan pekerjaan, kita juga memberikan latihan-latihan kepada mereka termasuk antara yang terutama iaitu melatih mereka menggunakan alat-alat bagi membantu membaik pulih dia punya cacat anggota tetapi kalau mereka ini tidak juga baik pulih tetapi mereka diberikan ruang-ruang khas di dalam mana-mana syarikat untuk mereka mengendalikan pekerjaan.

Di samping itu juga, kita juga memberikan latihan-latihan berbentuk seperti kalau orang buta, alat-alat Braille dan juga alat-alat yang lain kepada mereka seperti untuk alat-alat pendengaran dan sebagainya. Kita juga sentiasa mengadakan promosi-promosi latihan daripada masa ke semasa termasuk kita juga, pegawai-pegawai kita pergi ke kilang-kilang ataupun ke mana-mana syarikat bagi membantu mereka. Malah sering kali boleh dikatakan satu ataupun dua minggu, pegawai-pegawai kita akan masuk ke tempat-tempat latihan untuk membantu dari segi latihan praktikalnya. Terima kasih.

4. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah strategi kementerian untuk memastikan produk pertanian tempatan terutamanya produk akuakultur berupaya dipasarkan di pasaran global.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha memastikan produk akuakultur negara berdaya saing dan diterima di peringkat antarabangsa. Di antara usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) **Mengurangkan kos pengeluaran;**

Memandangkan kos makanan ternakan merupakan input kos terbesar di dalam ternakan akuakultur, Jabatan Perikanan Malaysia akan melaksanakan Program Penyelidikan dan Pembangunan Makanan Ikan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Program ini bertujuan untuk menghasilkan makanan ikan tempatan yang bermutu tinggi tetapi dengan kos yang lebih murah.

(ii) **Menghasilkan baka-baka ternakan berkualiti tinggi;**

Penghasilan baka-baka berkualiti tinggi mempunyai kadar tumbesaran yang cepat mempunyai kadar pertukaran makanan kepada daya yang tinggi dan mempunyai daya tahan terhadap serangan penyakit di mana akhirnya dapat meningkatkan daya saing produk akuakultur negara di peringkat antarabangsa. Pihak jabatan melalui pusat-pusat penyelidikan dan pusat-pusat pengembangan melaksanakan kajian berterusan untuk mencari baka baru dan meningkatkan kualiti baka ternakan sedia ada. Jabatan turut mengadakan kerjasama dengan pihak universiti tempatan, pihak swasta dan Gold Fish Center untuk mencapai matlamat ini.

(iii) **Meningkatkan kualiti ternakan akuakultur negara bagi membolehkan produk akuakultur negara menepati piawaian antarabangsa.**

Jabatan Perikanan telah memperkenalkan Skim Pengajian Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia dan Sijil Amalan Akuakultur Baik. Pengusaha yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan akan diberi hak untuk menggunakan logo persijilan pada produk mereka sepanjang tempoh sah laku sijil. Di samping itu, pengusaha-pengusaha industri asas tani juga diberi galakan dan khusus supaya dinaikkan taraf premis mereka sehingga mendapatkan pengiktirafan piawaian antarabangsa seperti HSCCP dan GMP.

(iv) **Mengadakan promosi dan misi perdagangan ke luar negara.**

Pengusaha akuakultur turut dibantu untuk mencari peluang-peluang perniagaan di luar negara melalui misi-misi perdagangan dan promosi-promosi yang akan dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tindakan-tindakan yang disebut oleh Yang Berhormat memang betul. Tetapi sebenarnya keluaran produk akuakultur, khasnya udang di Malaysia masih kurang berbanding dengan Thailand, Indonesia dan Vietnam walaupun pinggiran pantai atau *coaster line* di Malaysia adalah lebih kurang 4,000 kilometer dari Perlis sampai ke Sabah. Jadi pengeksporan udang beku daripada Thailand adalah lebih 300,000 tan metrik bernilai USD3 bilion berbanding dengan Malaysia hanya 6,000 tan metrik dengan nilai lebih kurang USD70 juta sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalnya, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Soalnya, apakah insentif di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan diberi kepada pengusaha-pengusaha untuk memperkasakan sektor akuakultur kerana sepanjang tahun cuaca tropika di Malaysia amatlah baik untuk udang harimau dan udang putih. Jadi kita perlulah menggalakkan kilang-kilang tempatan untuk membuat dedak udang dan mengurangkan import *prawn feed* kerana ini akan menggalakkan orang tempatan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan sudah jelas, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** ...menjalankan *business* yang baik untuk negara kita. Sekian.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee. Soalnya panjang merangkumi banyak bidang. Yang pertamanya saya hendak maklumkan di sini bahawa kita kena lihat kelebihan kita dengan negara Thailand dan Indonesia dari segi pengeluaran udang. Tetapi kalau Yang Berhormat tadi bercakap tentang udang putih, jadi udang putih kita tidak boleh bersaing dengan Thailand dan Indonesia kerana pengeluaran udang putih tidak banyak di Malaysia dan kita nampak kelebihan yang ada kepada kita ialah *tiger prawns*.

Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita beri perhatian kepada udang harimau. Oleh kerana kita sahaja di negara ini yang mempunyai induk, kelebihan. Negara-negara lain tidak ada induk udang harimau. Jadi kita dapati permintaan untuk udang harimau ini di pasaran Eropah ini boleh memberi harga yang lebih baik daripada udang putih. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, perhatian kita adalah untuk udang harimau oleh sebab kelebihan yang ada pada negara kita. Negara lain tidak ada. Dia hendak seludup udang harimau dari Malaysia ke negara lain ada kerana induk ini amat mustahak.

Dari segi insentif, kita telah sebutkan di antara insentif-insentifnya termasuklah dari segi percukaian, kemudian kemudahan pinjaman daripada Dana Tabung Untuk Makanan dan begitu juga kementerian akan memudahkan dari segi membantu untuk mendapatkan tenaga pekerja kerana projek-projek ternakan udang ini memerlukan banyak tenaga kerana ada tenaga-tenaga pekerja pakar. Kadang-kadang tenaga pekerja pakar itu tidak terdapat di negara kita, terpaksa dibawa dari negara luar. Kementerian telah membantu untuk mempermudah pihak-pihak swasta yang terlibat dalam industri ternakan udang.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pendek sahaja soalan saya. Apakah peranan dan pendekatan yang diambil oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi memenuhi seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya nelayan jangan hanya bergantung dengan menangkap ikan tetapi perlu menternak ikan. Memandangkan ikan laut pun boleh ditenak di darat iaitu dalam kolam seperti ikan air tawar supaya nelayan memperolehi pendapatan yang konsisten sekali gus hasil yang lumayan boleh dipasarkan di pasaran global. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat mengenai dengan penglibatan pertubuhan peladang kawasan dalam kegiatan akuakultur. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah mewujudkan Zon Industri Akuakultur sebagai satu pendekatan untuk term menangani masalah sumber perikanan yang terhad daripada tangkapan di laut. Sebagai langkah alternatif untuk menyediakan protin kepada rakyat Malaysia, kita telah bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri mewujudkan Zon Industri Akuakultur.

Saya berpendapat pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan boleh menyertai dengan menjalankan kegiatan akuakultur. Suka saya maklum di sini, kalau kita bercakap tentang akuakultur mungkin persepsi kita hanya tertumpu pada ikan. Akuakultur ini merangkumi ternakan ikan, ikan air tawar termasuk udang, udang galah, termasuk kerang pun, termasuk ikan hiasan. Ini semua ditakrifkan sebagai akuakultur. Ini satu bidang yang luas. Saya yakin pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan dapat mengambil peluang menyertai salah satu aktiviti yang saya sebutkan tadi.

**5. Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kementerian di dalam menangani masalah menghidu gam di kalangan anak-anak muda yang kini menimbulkan masalah sosial yang serius di kalangan masyarakat Melayu.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang telah dan sedang diambil oleh kementerian bagi menangani masalah menghidu gam dan bahan-bahan yang mengkhayalkan di kalangan anak-anak muda adalah seperti berikut:-

- (i) memberi pendidikan dan kesedaran mengenai bahaya gam bersekali dengan pendidikan pencegahan dadah kepada pelajar-pelajar sekolah. Program yang dilaksanakan di sekolah rendah ialah pendidikan dalam kokurikulum khususnya yang dinamakan Program Intelek Asuhan Rohani atau dinamakan PINTAR;
- (ii) program di sekolah menengah pula dilaksanakan melalui aktiviti kokurikulum, ceramah, pameran, edaran risalah, kem motivasi dan publisiti di media masa. AADK juga mengadakan berbagai-bagai program kursus dan ceramah untuk

memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat mengenai penyalahgunaan dadah daripada semasa ke semasa.

Di samping program pencegahan yang dinyatakan di atas, kementerian sedang menimbang untuk menggubalkan satu akta bagi menjadikan perbuatan menghidu gam dan bahan-bahan lain yang mengkhayalkan sebagai suatu kesalahan yang boleh disabitkan di bawah undang-undang.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Puan Wan Ubaidah, dan selepas itu Tuan Lee Chee Keong.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian tidak bercadang untuk menjadikan gam itu sebagai bahan kawalan supaya kanak-kanak tidak terlalu mudah untuk membelinya? Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah kita sedang meneliti dan halusi supaya gam ini dijadikan sebagai bahan kawalan. Kerana selain daripada itu, kita memandangkan bahawa gam ini diperlukan begitu meluas di industri kita terutama sekali dalam industri kraf tangan, automobol, pembinaan dan pelbagai lagi iaitu kilang-kilang perabot dan sebagainya, dan ada juga di peringkat sekolah. Jadi perkara ini haruslah diteliti dengan begitu berhati-hati. Kalau tidak ia akan menimbulkan masalah yang besar kepada kita kerana ia melibatkan industri, terutama sekali industri perabot, kerana ia banyak menggunakan gam.

Selain daripada itu, sepertimana yang saya katakan tadi, kita sedang menggubalkan satu undang-undang di mana satu tindakan tegas akan diambil. Baru-baru ini pada Mac 2006, satu keputusan dasar telah dibuat dan dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya satu tindakan tegas diambil kepada penghidu gam ini dan sekarang ini di peringkat kajian di AG's Chambers. Apabila selesai, akan kita laksanakan tidak berapa lama lagi.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Menurut kajian kementerian, apakah sebab-sebabnya muda-mudi kita menghidu gam? Dan berapakah jumlah bilangan muda-mudi bukan Melayu yang didapati menghidu gam? Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali soalan ini spesifik. Kenapa, kenapa dia hidu gam? Kerana mungkin gam ini ialah satu bahan yang mudah didapati. Kerana mungkin dadah susah. Gam ini, pertama sekali murah dan dapat kita dapati di mana-mana pun. Mengenai statistik yang diminta oleh Yang Berhormat itu, saya akan berikan secara bertulislah. Terima kasih.

**6. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah golongan profesional yang menghidapi penyakit AIDS serta tindakan susulan bagi memudahkan mereka menjalani rawatan dengan kos yang berpatutan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang diperolehi oleh Kementerian Kesihatan sehingga 31 Disember 2005, terdapat seramai 444 orang pegawai kerajaan telah dijangkiti virus HIV serta seramai 120 orang daripadanya telah dijangkiti AIDS. Manakala bagi pegawai swasta pula, pegawai swasta adalah peringkat pengurusan, terdapat seramai 2,091 orang pegawai telah dijangkiti HIV dan seramai 539 orang daripadanya telah dijangkiti AIDS.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan rawatan bagi mereka yang dijangkiti HIV atau AIDS dengan memberikan rawatan *Highly Active Anti-Retro Viral Therapy* atau HAART di hospital kerajaan seluruh negara. Rawatan HAART mengandungi 3 jenis ubatan *anti-retro viral* yang berlainan. Bagi pegawai-pegawai kerajaan sekiranya mereka dijangkiti HIV, kerajaan menyediakan rawatan secara percuma kepada mereka. Untuk pegawai swasta pula, pihak kerajaan ada menyediakan subsidi dengan memberikan 2 jenis ubatan *anti-retro viral* secara percuma. Manakala penghidap HIV/AIDS perlu menanggung kos satu lagi ubatan *anti-retro viral*. Sekian.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, berapa ramai golongan profesional yang terdiri daripada doktor yang menghidapi HIV/AIDS ini, dan apakah perlindungan yang diberikan kepada mereka yang ketika ini terdedah berurusan secara *direct* kepada pesakit-pesakit, terutamanya kes-kes kecemasan semasa kemalangan jalan raya dan berapa lamakah jangka masa yang diambil untuk mengenal pasti seseorang itu menghidapi HIV, seterusnya AIDS setelah *sample* darah diambil dan apakah jaminan kerajaan bahawa pemindahan darah yang dijalankan selama ini bebas daripada HIV?

**Dato' Lee Kah Choon:** Yang Berhormat, saya tidak ada mempunyai angka yang menyatakan berapa doktor atau kakitangan Kementerian Kesihatan yang menghidap HIV/AIDS ini, tetapi kita merangkumi angka ini di bawah pegawai kerajaan, yang katakan tadi iaitu 444 orang adalah penghidap HIV.

Berkaitan dengan darah yang diberikan kepada pesakit-pesakit, kita memang mengambil tindakan untuk mempertingkatkan saringan yang kita bagi kepada darah-darah yang kita dapat daripada orang ramai. Kita sentiasa mengambil langkah bagaimana kita dapat meningkatkan saringan ini supaya tahap darah yang kita bagi kepada pesakit adalah selamat digunakan. Sekian.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan program edaran kondom dan juga jarum suntikan untuk mencegah merebaknya penyakit AIDS. Jadi soalan saya ialah cara mana edaran kondom dan juga jarum suntikan itu dikendalikan dan apakah *respons* orang ramai tentang program ini?

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Pemberian kondom dan juga penukaran jarum adalah satu aspek dan satu program yang dikatakan *harm reduction* atau mengurangkan kemudaratan penagih penghidap HIV untuk mengurangkan pesakit HIV/AIDS ini.

Ini adalah satu program yang disyorkan oleh WHO iaitu Persatuan Persekutuan Perubatan Sedunia.

Setakat ini kita ada dua cara iaitu, satu adalah pemberian kondom. Pemberian kondom adalah untuk mencegah pesakit-pesakit HIV/AIDS ini daripada menyebarkan penyakit ini kepada pasangan mereka dan seterusnya merebakkan penyakit ini kepada anak-anak mereka.

Yang kedua itu berkaitan dengan penukaran jarum pula. Ini adalah satu aspek yang kita hendak ambil supaya kita harap kita dapat mengurangkan pesakit. Ini adalah kerana keadaan negara kita pada masa sekarang adalah 75% daripada HIV/AIDS, pesakit HIV/AIDS ini adalah terdiri daripada penagih dadah suntikan dan kita menjalankan program ini adalah supaya pesakit-pesakit ini tidak sebarkan penyakit ini kepada kawan-kawan mereka yang berkongsi jarum. Ini adalah program yang dijalankan di negara kita. Sekian.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah tentang cara mana ia diedarkan?

**Dato' Lee Kah Choon:** Untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah satu program perintis di mana kita jalankan untuk 1 tahun iaitu 1 Januari tahun ini sampai 31 Disember tahun ini. Dalam program perintis ini, kita telah menepati 4 kawasan iaitu satu di Utara, di tengah Malaysia dan di Selatan Malaysia dan satu di Pantai Timur. Apabila kita sampai ke akhir tahun ini, kita akan buat satu penilaian. Kita akan tengok, kita akan mengkaji adakah program ini berkesan, dan jikalau berkesan kita akan teruskan program ini, luaskan lagi program ini dan jikalau ia mempunyai kekurangan kita akan ambil tindakan untuk mengatasi kekurangan ini. Sekian.

**7. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Pelancongan menyatakan 'Program Rumah Kedua' dengan menjemput warga asing tinggal di Malaysia selama 5 tahun. Adakah program ini menguntungkan Malaysia dan dikhuatiri program ini akan merugikan kerana dari segi kebanjiran warga asing dan pengaliran wang keluar negara.

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali untuk makluman Yang Berhormat, waktu jangka yang diberi kepada Program Rumah Kedua ini bukan lagi 5 tahun. Malahan kita telah panjangkan kepada 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Program Rumah Malaysia Keduaku, adalah bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai warga asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama di negara ini dengan berbelanja menggunakan sumber pendapatan yang diperolehi dari negara asal mereka.

Kebanyakan peserta memilih Malaysia sebagai destinasi utama. Selain daripada itu, setiap permohonan dari warga asing akan dihalusi terlebih dahulu sebelum kelulusan diberi untuk memastikan hanya warga asing yang berkualiti dan berkelayakan sahaja yang menyertai program ini. Maklumat latar belakang peserta program ini dihantar kepada Polis Diraja Malaysia

untuk tujuan siasatan sebelum permohonan diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Program ini bukannya melibatkan kebanjiran warga asing. Kerana peserta di bawah program ini tidak boleh bekerja atau berniaga di Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka boleh melabur dalam pasaran tempatan atau syarikat-syarikat tempatan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah program ini juga, setiap peserta yang berusia 50 tahun ke bawah, dikehendaki mengadakan simpanan tetap sebanyak RM300 ribu.

Selepas satu tahun peserta-peserta bolehlah mengeluarkan simpanan tetap sehingga RM240 ribu untuk tujuan pembelian rumah dan melabur dalam pasaran tempatan ataupun syarikat-syarikat tempatan. Manakala bagi peserta yang berusia 50 tahun ke atas, diberi pilihan sama ada untuk mengadakan simpanan tetap sebanyak RM150 ribu atau mengemukakan dengan izin *monthly of short income* sebanyak RM10 ribu sebulan. Peserta yang memilih untuk mengadakan simpanan tetap boleh mengadakan sehingga RM90 ribu selepas setahun berada dalam program ini bagi tujuan yang sama seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Penyertaan warga asing dalam program ini merupakan golongan yang berpendapatan tinggi dan berkeupayaan berbelanja. Secara tidak langsung, perbelanjaan oleh peserta-peserta program ini dapat memperkembangkan pasaran hartanah, menggalakkan pelancongan kesihatan dan pelancongan pendidikan di dalam negara ini. Kesemua aktiviti ini memberi manfaat dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru pelaksanaan program ini tidak akan mengakibatkan pengaliran wang keluar negara, sekian terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh kementerian bagi menjayakan program ini? Terima kasih.

**Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat kerana amat mengambil perhatian terhadap program yang sedang kita laksanakan. Kepada ahli Yang Berhormat, kita mengadakan pelbagai dengan izin *road show*, apabila kita membuat pengenalan terhadap destinasi-destinasi dalam negara, kita juga memperkenalkan MM2H ini sebagai satu produk yang diperkenalkan di dalam setiap pertemuan kita di negara asing. Selain daripada itu, kita juga memaklumkan kepada semua Pejabat Tourism Malaysia di seluruh dunia untuk memperkenalkan program ini supaya program ini mendapat sambutan.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab sendiri soalan pada hari ini. Soalan tambahan saya apakah jaminan kerajaan bahawa program rumah Kedua yang supaya terima kasih dijadikan tempat *terrorist* ataupun *gangsterism* dan juga para jenayah bersembunyi di negara kita, terima kasih.

**Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, ini sahabat saya Tuan Yang di-Pertua, dia sengaja hendak kacau saya. Sebenarnya saya telah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya bagi peluang kepada dia.

**Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Apabila saya sebut berkenaan dengan apabila ada pemohon-pemohon warga asing, ia akan diperhalusi, dan kita akan menghantarkan maklumat data latar belakang peserta program ini kepada pihak Polis Diraja Malaysia untuk tujuan siasatan. Sebelum permohonan diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, walaupun sekarang ini kita mempunyai dengan izin, *one stop center* di kementerian saya, untuk memproses permohonan-permohonan ini, tetapi setiap permohonan akan dihantar kepada pihak polis untuk meneliti latar belakang pemohon-pemohon tersebut. Percayalah ahli Yang Berhormat bahawa kita akan pastikan bahawa tidak akan ada orang-orang yang tidak dikehendaki untuk mengikuti program yang kita ketengahkan ini, sekian terima kasih.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengikut jawapan daripada menteri, memanglah baik Rancangan Rumah Kedua ini. Saya ingin tahu, rancangan ataupun langkah-langkah untuk mempromosikan program ini oleh pihak Kementerian Pelancongan dan juga *target group* dengan izin negara yang kita *targetkan*, terima kasih.

**Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini pun kawan saya juga, ini masalah ramai kawan Yang Berhormat kerana saya dahulu bekas Senator, jadi ramai kawan dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah saya sebut kepada soalan asal Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, program-program penggalakan memang sentiasa dilaksanakan dan kita sekarang ini juga telah mengambil ketetapan bahawa syarikat-syarikat untuk mengendalikan program ini hendaklah mengendalikan program ini dengan secara khusus. Tidak lagi seperti dahulu di mana syarikat-syarikat pemaju perumahan ataupun syarikat-syarikat pelancong boleh melaksanakan ataupun mengetengahkan program ini kepada mereka dengan izin.

Tetapi, sekarang ini setiap syarikat yang ingin mengendalikan program ini mestilah dengan izin, *register* satu syarikat dengan dalam kurungan menuliskan (MMH2). Jadi dia menjadi satu syarikat yang khusus untuk mengendalikan program 'Malaysia My Second Home' dengan izin. Yang Berhormat, untuk makluman ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mempunyai banyak saingan sebenarnya khususnya dengan negara-negara jiran. Selain daripada negara-negara jiran, kita juga mempunyai saingan yang begitu kuat dengan Negara Australia. Jadi kita sedang merangka bagaimana hendak maklumkan kepada pihak kerajaan barangkali ingin melonggarkan lagi syarat dan cara untuk memberi peluang kepada orang-orang yang ingin membuat Malaysia ini sebagai rumah ataupun negara kedua mereka, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Dewan Negara juga menghargai kehadiran Yang Berhormat sendiri yang tidak rasa letih untuk datang ke Dewan Negara, terima kasih. [*Tepuk*]

**8. Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan kerajaan bagi memastikan Pembangunan Koridor Timur, aju perumahan tidak menipu pembeli rumah semasa mengiklankan projek perumahan di dalam akhbar dan brosur.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mensyaratkan kepada semua pembeli perumahan supaya mendapat kelulusan permit iklan dan jualan sebelum mengiklankan projek perumahan di dalam akhbar dan *brochure*. Iklan-iklan yang dikeluarkan oleh pemaju hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian agar pembeli mendapat maklumat lengkap mengenai projek dan mereka tidak tertipu.

Di antara butir-butiran yang perlu dimasukkan ke dalam iklan adalah seperti;

- (i) nombor dan tarikh sah laku lesen pemaju perumahan itu;
- (ii) nombor dan tarikh kesahan permit iklan dan jualan;
- (iii) nama dan alamat pemaju perumahan berlesen dan agen-agen yang diberi kuasa.
- (iv) Jika tanah itu di bawah pegangan pajak tarikh tamat tempohnya dan pembenaran jika ada padanya tanah itu;
- (v) perihalan rumah yang dijual;
- (vi) nama pemajuan perumahan jika ada;
- (vii) tarikh pemajuan perumahan yang dicadangkan dijangka siap;
- (viii) harga jualan bagi setiap jenis rumah tempat tinggal;
- (ix) bilangan unit setiap jenis yang ada dan
- (x) nama PBT yang berkenaan yang meluluskan pelan-pelan bangunan dan nombor rujukannya.

Di samping itu, bahagian Pengawasan dan Penguat kuasa Kementerian akan memantau iklan-iklan yang dikeluarkan oleh pemaju untuk memastikan ianya mematuhi syarat-syarat seperti yang diluluskan oleh kementerian. Kegagalan pemaju perumahan menyatakan butiran-butiran yang diperlukan adalah menjadi satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5000 atau hukuman penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali atau boleh juga dikenakan tindakan kompaun terima kasih.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah rasional kementerian mengehendaki pemaju perumahan untuk membayar RM200 ribu sebagai cagaran secara rata atau *flat rate*, dengan izin tanpa mengira *sitenya* atau *skill* projek mereka, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Cagaran yang dikenakan atau yang dimaksudkan oleh ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan permohonan lesen pemaju perumahan untuk memajukan sesuatu projek perumahan. Rasionalnya adalah untuk memastikan bahawa sesiapa yang ingin untuk menjadi seorang pemaju mesti mempunyai kekuatan kewangan supaya mereka tidak menghadapi masalah kewangan semasa pemajuan rumah itu dan saya terima bahawa sampai sekarang pada projek yang pertama, maka kebolehan mereka di dalam bidang memajukan perumahan itu tidak dipastikan semasa permohonan lesen diberi. Tetapi untuk projek-projek yang selanjutnya, kalau kementerian boleh mengenal pasti bahawa pemaju itu ingkar atau menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai kebolehan untuk memajukan projek perumahan itu dengan sempurna, mereka tidak akan diberi lesen untuk projek-projek yang akan datang, terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon izin mungkin soalan saya ini terkeluar sedikit daripada soalan yang asal iaitu berkait sama dengan hasrat kerajaan supaya satu *family* sebuah rumah akan tercapai khususnya di dalam bandar dan menghindarkan daripada masalah sosial. Oleh hal yang demikian, kita ingin bertanya pihak kerajaan, cara manakah boleh pihak khususnya penduduk-penduduk di dalam bandar ini mempunyai rumah supaya dapat harga rumah ini dalam bandar khususnya di Kuala Lumpur dapat mampu dibeli oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini kerana terlalu tinggi. Bolehkah kerajaan mengawal harga-harga ini supaya tidak rumah-rumah ini dipunyai oleh satu kumpulan sahaja, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, dasar kerajaan ialah untuk daripada segi harga rumah, kawalan harga cuma diberi kepada rumah kos rendah di mana harga telah ditetapkan daripada RM25 ribu disatu-satu kawasan sampai RM42 di kawasan-kawasan yang lain. Selain daripada itu, daripada di dalam dasar, semasa seorang pemaju telah mencadangkan untuk memajukan suatu projek, mereka digalakkan dan diwajibkan supaya separuh daripada rumah mereka ialah rumah kos rendah dan ada separuh rumah kos sederhana rendah. Tetapi, untuk rumah kos sederhana, sekarang di dalam dasar kita, masih bukan ada dijadikan sebagai satu kewajipan. Kita berharap pasaran akan menentukan harga dan pemaju-pemaju akan membina rumah supaya semua golongan yang ingin memiliki rumah itu dapat membeli rumah di bawah kemampuan mereka, terima kasih.

**9. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- a) status serta perkembangan bantuan untuk tabung tsunami yang telah disalurkan kepada mangsa-mangsa tsunami khususnya di Kedah dan Pulau Pinang; dan
- b) perkembangan serta kemajuan projek perumahan/penempatan semula mangsa tsunami di Kedah dan Pulau Pinang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**

Tuan Yang di-Pertua, akaun Tabung Tsunami telah ditutup pada 31 Mei 2006 semalam. Sehingga tarikh tersebut, sebanyak RM78.95 juta telah diterima hasil sumbangan orang ramai yang prihatin terhadap nasib malang yang menimpa mangsa-mangsa tsunami di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM51.39 juta telah dibelanjakan untuk membantu mangsa-mangsa. Bantuan Ehsan yang telah diperuntukkan kepada mangsa tsunami adalah berdasarkan kadar seperti berikut;

- (a) kematian, kita bagi Ehsan RM1000 seorang, pampasan RM20, 000 seorang. Mangsa itu mesti meninggal dunia dalam tidak kira sama ada dalam ataupun di luar negara;
- (b) kecederaan, kalau dirawat di hospital kita memberikan RM200 seorang;
- (c) perpindahan RM500 satu keluarga;
- (d) kalau awak-awak dihilang pendapatan RM500 seorang;
- (e) rumah yang musnah tidak boleh diperbaiki lagi diberikan RM5,000 satu rumah;
- (f) rumah rosak, rumah yang boleh diperbaiki diberi bantuan RM3,000 satu rumah. Untuk bot besar iaitu enjin di luar kita beri RM3,000 satu bot. Bagi bot kecil diberikan RM1,000 satu bot iaitu enjin di dalam - bot kecil. Penternak ikan ataupun kerang diberikan bantuan RM500 seorang. Peralatan rumah rosak, kalau peralatan rumah itu tidak melebihi RM2,000 diberikan RM2,000 seorang. Peralatan rumah rosak, kalau nilai yang rosak itu antara RM1,000 sehingga RM2,000 diberikan RM1,000 seorang.

Selain daripada bantuan ihsan yang dinyatakan di atas, mangsa-mangsa yang layak turut menerima bantuan pemulihan dan pembangunan semula daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antaranya pembaikan dan pemulihan bot, enjin dan pukut serta pemulihan kawasan pertanian. Syarikat Rapid Kuala Lumpur juga bertanggungjawab untuk memperbaiki enjin-enjin bot yang rosak. Antara usaha-usaha pembinaan semula yang lain ialah pembaikan rumah yang rosak, pembinaan rumah transit dan rumah kekal kepada mangsa-mangsa yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Bhd.

Mangsa-mangsa yang layak dan berdaftar dengan jabatan yang berkaitan telah menerima kesemua bantuan yang disebut di atas. Baki daripada sumbangan derma orang ramai tersebut iaitu sebanyak RM27.56 juta telah diakaunkan ke dalam Tabung Bantuan Bencana Negara untuk tujuan memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana yang lain di seluruh negara pada masa yang akan datang.

Usaha-usaha pembangunan semula di negeri Kedah dan Pulau Pinang masih dalam proses pembinaan rumah-rumah kekal kepada mangsa-mangsa tsunami. Walau bagaimanapun rumah kekal di Langkawi telah pun siap dibina. Kos pembinaan rumah kekal adalah satu pertiga dibiayai oleh Tabung Bantuan Bencana Negara, satu pertiga daripada subsidi kerajaan dan satu pertiga dibiayai oleh mangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan dan selepas itu penanya soalan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah keluarga yang mendapat manfaat daripada bantuan kewangan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, banyak. Tetapi secara spesifik saya tidak boleh hendak beritahu. Walau bagaimanapun saya akan sampaikan jawapan itu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya mungkin lari sikit tetapi oleh kerana ini untuk orang kampung, Yang Berhormat, saya ingin bertanya, mangsa-mangsa tsunami yang lalu daripada Kedah dan Pulau Pinang terutamanya, ingin mengetahui adakah kerajaan merancang membeli *latest scientific equipment* bagi mengesan *future disaster*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soalan lari pun tidak apalah, saya kejar. Memang Yang Berhormat, kita pertamanya telah pun mengambil tindakan untuk mengadakan kita punya sendiri, seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menjawab di mana beliau telah menyatakan beberapa kali di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara iaitu bahawa kita telah membuat sendiri yang kita punya, yang telah pun dilancarkan pada akhir tahun lepas.

Kemudian kita juga bersama-sama berusaha dengan negara-negara ASEAN setelah kita berjumpa di Jakarta, sebaik sahaja tsunami ini berlaku, di sana juga kita bersama-sama dengan negara-negara ASEAN akan mewujudkan sistem yang sama juga untuk negara ASEAN. Semua ini akan mempunyai kaitan dengan Tsunami Centre di Hawaii di mana dia ada *connectionnya*. Kalau sekiranya apa-apa juga yang berlaku - tsunami di kawasan kita, kita akan berkongsi maklumat dengan mereka dan kita akan diberitahu secepat mungkin tentang apa kemungkinan tsunami akan berlaku di kawasan kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dewan Negara juga turut menghargai kehadiran Yang Berhormat untuk menjawab soalan pada hari ini. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]***

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.20 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari diputuskan dan diluluskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya,

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari diputuskan dan diluluskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semua perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. **[31 Mei 2006]**”

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani untuk sambung ucapan.

**11.22 pg.**

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang dan seterusnya menyambung perbahasan ataupun hujah-hujah saya yang telah saya mulakan kelmarin.

Seperti mana yang telah saya sebut, yang penting ialah memandangkan bahawa bekalan air bersih harus diberi keutamaan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur asas kepada masyarakat. Bagi perkhidmatan pembedungan pula, walaupun masalah yang wujud tidaklah begitu serius, namun sistem pembedungan harus sentiasa dikawal dan diselenggarakan dengan baik serta diurus secara teratur dengan mengadaptasikan sistem baru yang lebih moden bagi memperbaiki sistem yang sedia ada, dan menyediakan rangkaian kawalan tadahan yang bersesuaian selaras dengan keperluan permintaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, pada hemat saya penggubalan Rang Undang-undang Perkhidmatan Air Negara 2006, untuk mengadakan peruntukan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan adalah bertepatan sekali. Sebagai sebuah badan yang mempunyai fungsi-fungsi khusus dan tanggungjawab secara umum untuk memastikan matlamat pembangunan negara yang berkaitan dengan aspek-aspek pembekalan dan perkhidmatan air serta perkhidmatan pembedungan dapat dicapai, maka sudah tentu penubuhan merupakan satu langkah yang dialu-alukan.

Oleh itu dengan tertubuhnya sebuah pesuruhjaya nanti, kita berkeyakinan tinggi supaya ia akan dapat memberi impak yang besar kepada peningkatan tahap dan kualiti perkhidmatan air dan perkhidmatan pembedungan di negara ini. Selain daripada itu, apa yang kita jangkakan ialah melalui penguatkuasaan dan pembaharuan-pembaharuan kepada undang-undang berkaitan, pemantauan ataupun standard perkhidmatan pengendali yang dijalankan serta garis panduan yang bakal dibuat oleh pesuruhjaya ini nanti supaya ia bukan sahaja mampu memperbaiki industri perkhidmatan bekalan air dan pembedungan secara lebih menyeluruh, malah turut memberi kesan terhadap peningkatan daya pengeluaran bekalan air serta mengurangkan bekalan air tidak terhasil melalui program-program yang dicadangkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *non revenue water*, dengan izin, ataupun bekalan air yang tidak terhasil di Sabah adalah terlalu tinggi. Air paipnya terlalu tua dan ada paip-paip yang belum diganti sejak kemerdekaan lagi. Kerosakan meter air dan kehilangan meter air terlalu *rampant*, dengan izin. Menjadi satu perkara yang biasa meter-meter ini dicuri dan dijual sebagai *scrap iron*. Yang lebih teruk lagi ialah *illegal connection*, dengan izin, ataupun penyambungan secara haram terutamanya yang dilakukan oleh pendatang-pendatang tanpa izin yang mendirikan rumah-rumah setinggan di merata tempat dan tidak terkawal. Kebocoran (*leakages*) lambat diambil tindakan.

Semua kelemahan ini telah mengakibatkan kerugian besar kepada kerajaan dan rakyat, dan saya berharap bahawa penggubalan Rang Undang-undang ini mengambil kira untuk

mengganti paip-paip lama secara berperingkat-peringkat supaya kualiti air sampai kepada pengguna akan kekal bermutu tinggi dan bukan bertambah keruh akibat paip-paip yang sudah usang. Di samping itu juga, dengan penentuan tarif oleh pihak pesuruhjaya melalui mekanisme yang adil dan cekap kepada pihak pengguna dan pemegang lesen kelak akan memberi manfaat yang setara kepada kedua-dua pihak. Inilah yang kita harapkan kerana kita tidak mahu ada pihak yang akan merasa tertindas dan tidak puas hati dengan sistem pengendalian yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti apa yang berlaku dengan bekalan elektrik sungguhpun perjanjian atau janji kerajaan tidak akan dinaikkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ganggu sekejap.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Zainudin mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini.

[Datuk Hamzah bin Zainudin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti juga bekalan elektrik yang baru-baru ini yang banyak disebut-sebut bahawasanya tidak akan naik, tetapi pada akhirnya dinaikkan juga. Kita tidak mempersoalkan tentang kenaikan ini sekiranya memang ada sebab-sebab tertentu, maknanya mungkin dari segi kos penyelenggaraan. Tetapi malangnya banyak kenaikan ini diakibatkan oleh kelemahan atau perjanjian yang telah dibuat, kesilapan-kesilapan tertentu yang mengakibatkan kerugian besar, tetapi akhirnya pihak pengguna menjadi orang yang menerima akibat dan beban yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan negeri, apa yang kita ingin tekankan di sini ialah, memastikan bahawa peranan pesuruhjaya yang bakal ditubuhkan nanti haruslah mengambil kira dan prihatin terhadap apa jua masalah dan keperluan di peringkat negeri. Masalah-masalah yang bakal timbul juga perlu dikaji secara teliti supaya kejayaan pelaksanaan nanti adalah seperti yang diharapkan. Dalam hal ini pertimbangan-pertimbangan yang perlu dibuat hendaklah mengambil kira beberapa elemen penting iaitu dari segi:

- (i) perancangan;
- (ii) dari segi pengurusan; dan
- (iii) pelaksanaan.

Berdasarkan kepada liputan bekalan air bagi negeri Sabah lebih kurang 60% atau 1.7 juta orang daripada keseluruhan penduduk mendapat bekalan air terawat. Ini meliputi 88% di kawasan bandar dan hanya 39% di kawasan luar bandar. Oleh itu, dengan peratusan kawasan

liputan air yang terawat yang masih terlalu rendah terutamanya di luar bandar maka kita berharap perkara ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Selain daripada itu, masalah seperti kemudahan dan peralatan yang diperlukan seperti loji rawat air, saluran paip dan sistem pengagihan air yang memerlukan baik pulih dan penyelenggaraan yang berterusan. Bagi memenuhi keperluan yang sentiasa bertambah, mesti menepati piawaian yang telah ditetapkan. Ini juga perlu diperhatikan sesuai dengan peranan pesuruhjaya yang antara lain menambah usaha bersepadu ke arah meningkatkan kecekapan pengendalian industri bekalan air dan memastikan pembekalan kualiti air yang dibekalkan secara berterusan.

Jangan lupa Tuan Yang di-Pertua bahawa ada kes di Sabah akibat daripada pembangunan yang pesat di satu-satu tempat dan ketidakupayaan loji rawatan air di tempat yang disebut tadi ditambah pula dengan *pressure* yang begitu rendah, apabila kita buka paip di tempat ini bukan air yang keluar, yang keluar angin sahaja. Ini berterusan bertahun-tahun. Hendak ambil contoh banyak tapi saya ambil yang paling dekat di kawasan saya iaitu bahagian Sipitang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Angin itu ada baukah?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Apa?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Angin yang berbau atau tidak?

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tidaklah berbau tetapi angin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ok.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kementerian adakah cara, undang-undang yang digubal ini mampu memperbaiki perjanjian penswastan yang telah dimeterai ataupun telah ditandatangani oleh kerajaan negeri Sabah dengan tiga konsesi yang berasing seperti apa yang saya persoalkan kelmarin lebih kurang. Pertama ialah Jetama Sdn. Bhd., kedua ialah Timatch Sdn. Bhd. dan ketiga Lahad Datu Sdn. Bhd. Mungkin setelah membaca perundangan ini perkara ini mungkin dapat diusahakan di bawah peruntukan 191 (7) dan 191 (8).

Penswastan ini boleh dikatakan seakan-akan sama dengan cerita perjanjian di antara TNB dengan IPP. Saya beranggapan bahawa perjanjian yang telah ditandatangani adalah satu perjanjian yang begitu berat sebelah ataupun *lopsided*, dengan izin yang lebih memberi keuntungan kepada satu pihak sahaja dan seperti apa yang saya katakan kelmarin juga bahawasanya saya bertambah hairan kenapa dan mengapa perjanjian ini diteruskan. Kita semua sedia maklum apa sahaja jenis perjanjian yang melibatkan kerajaan dengan mana-mana pihak mesti dirujuk kepada peguam negara dan saya yakin peguam negara mesti telah memberi *observation* dan cadangan-cadangan dan saya juga yakin bahawa pihak peguam negara kalau melihat sesuatu yang merugikan kepada kerajaan tentu sekali *observation* ini diberi penekanan.

Tetapi yang peliknya, kenapa terus ditandatangani dan membebankan kepada kerajaan. Contohnya apa yang berlaku di Sabah biasanya dalam usaha memberi perkhidmatan bekalan air, kita mempunyai tiga komponen. Pertama peringkat *production* (bekalan), kedua *distribution* (pengagihan) dan peringkat ketiga *billing* (pengeluaran bil). Malangnya dalam kes penswastan di Sabah yang diswastakan hanyalah bahagian *production* sahaja. Bahagian-bahagian lain masih lagi dibebankan kepada kerajaan. Bermakna setiap titik kalau bilang meter yang *running* itu yang dari elektrik maknanya setiap watt tapi yang ini setiap titik yang keluar daripada loji swasta ini dan tidak kira sama ada sampai kepada pengguna atau tidak dan mengikut daripada informasi ataupun maklum balas yang sampai hanya kepada pengguna lebih kurang 55% sebab *non-revenue water* lebih kurang antara 45% dan selebihnya.

Ini bermakna bahawa kerajaan terpaksa menanggung kerugian yang begitu besar sebab kita jangan lupa apabila kita sebut *non-revenue water* ini banyak masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Maka persoalannya ialah kita balik kepada apa semangat ataupun dasar penswastan itu dan apakah rasional penswastan itu diteruskan, sedangkan tujuan kita untuk menswastakan sesuatu ialah untuk meringankan beban kewangan kepada kerajaan tersebut.

Tetapi dalam kes penswastan air di Sabah telah melipatgandakan kerugian kepada kerajaan. Sudahlah kerajaan terpaksa membayar setiap titik seperti yang saya sebutkan tadi yang keluar daripada loji konsesi dan ditambah pula dengan masalah-masalah kerosakan paip dan kita boleh nampak bahawa pertama paip yang rosak. Apabila air itu sampai kepada pengguna cuma sekian jumlah sahaja yang sampai kepada pengguna katakan 55%. Apabila sampai kepada pengguna, mutunya lagi tidak baik sebab di loji itu dirawat, elok dan bersih. Tetapi melalui kepada paip-paip yang sudah rosak dan usang ini dia pula mengutip *sediment* sebelum sampai kepada pengguna. Apabila sampai kepada pengguna, meternya pula lagi rosak. Meter yang rosak ini pula boleh dipersoalkan dan boleh dinafikan pembayaran oleh pengguna. Ketiga *illegal connection* yang menambahkan lagi kerumitan kepada kerajaan.

Jadi sebab itu saya nampak bahawa kontrak yang di *sign* ini seolah-olah macam disengajakan. Mungkin perkataan ini terlalu berat untuk saya katakan tetapi saya sampai tidak boleh nampak rasional lain sebab begitu besar kerugian yang ditampung oleh kerajaan. Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa bagi menangani perkara tersebut perancangan yang dibuat haruslah bersesuaian. Untuk itu kita memerlukan para pengurus di peringkat negeri yang lebih memahami masalah-masalah yang wujud dan keperluan yang harus dipenuhi bertujuan untuk memastikan supaya pihak pesuruhjaya dapat melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan lagi.

Saya juga turut mengambil kira kuasa-kuasa yang begitu luas yang diberikan kepada menteri di bawah perkara 191(4), 191(5), 191(7) dan 191(8). Tetapi dalam kes Sabah saya sebenarnya berhasrat dan berharap kuasa-kuasa ini dapat membantu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah dan bukanlah bertujuan untuk pula mengambil

kesempatan untuk menafikan pampasan kepada konsesi yang ada ataupun menarik balik sewenang-wenangnya. Tetapi saya rasa kuasa ini boleh digunakan dengan bijaksana kepada konsesi yang terlalu keras yang selama ini mengaut keuntungan yang berlebihan yang tidak mahu memberi kerjasama kepada kerajaan mereka sudah dapat *this is my gold mine there is no way I'm going to butch*.

Tetapi kuasa-kuasa yang ada pada menteri ketika ini ataupun dalam perundangan dan dalam pembentangan hari ini saya rasa dapat digunakan untuk kebaikan bersama. Tujuan kita ialah supaya konsesi-konsesi ini dibawa berunding semula dan mereka diberi peluang yang sama. Tetapi janganlah dia cuma mengambil kira pada peringkat *production* sahaja. Tetapi mestilah mengambil kira kepada *distribution* dan juga *billings* sekali gus supaya sebenar-benar penswastaan ini membawa kesan yang positif kepada kerajaan dan kepada rakyat dan biarlah ia menjadi satu *win-win situation* kepada kedua pihak. Bukanlah menanggung di air yang keruh, mendapat perjanjian yang dia rasa luar biasa dan keuntungan hanya menguntungkan diri sendiri dan tidak mahu berganjak. Jadi saya melihat kepada positifnya peruntukan yang ada di sini untuk ianya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah.

Yang kedua, saya juga mengambil kira apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dalam perbahasan beliau. Bahawasanya untuk mana-mana sama ada pihak kerajaan yang melaksanakan program ini, saya rasa lega apabila Yang Berhormat Menteri kata tidak ada penswastaan yang akan dilakukan dan itu adalah satu jaminan yang paling penting kerana saya melihat kepada air sebagai satu produk sekuriti. Dia macam juga beras. Orang kata beras kalau sekiranya kita tidak ada beras kita berharap kepada negara lain untuk *supply* kita beras, sekiranya berlaku peperangan di mana orang kita ataupun masyarakat kita untuk berlindung. Air lebih teruk lagi daripada beras. Kita boleh tidak makan nasi dalam seminggu tapi tidak boleh tidak ada air untuk seminggu.

Jadi begitulah pentingnya air dan air *is a security product*. Dan saya berharap supaya *security product* air ini tidak diswastakan dan jangan sampai jatuh kepada tangan orang asing kerana ini adalah satu peringatan yang amat penting kerana ini akan membawa mudarat kepada negara kita.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Mohon laluan.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Silakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu adakah perbezaan di antara perkataan korporat dan swasta kerana bagi saya orang biasa mungkin pengkorporatan itu melambangkan penswastaan. Sebab dalam satu jawapan menteri bahawa menteri menggalakkan supaya semua negeri-negeri mengkorporatkan syarikat-syarikat perkhidmatan air mereka. Terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Saya kurang pakar. Soalan ini mungkin sesuai ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri dan mungkin Yang

Berhormat Menteri boleh menjawab dengan lebih halus. Tetapi dalam pengetahuan saya memang ada perbezaan. Satu, apabila kita *privatize* kita mengkhususkan sesuatu produk itu umpamanya air ini kepada satu syarikat sahaja untuk mereka mengendalikan. Mengkorporatkan ertinya dia boleh melibatkan banyak pihak lagi dalam bidang perniagaan. Walau bagaimanapun, saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan Yang Berhormat.

Akhir sekali saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengemukakan undang-undang ini kerana saya sebagai orang Sabah yang saya nampak beban ini sampai tidak ada penghujungnya. Di Sabah kita membayar sekitar RM270 juta setahun dan ini adalah satu tanggungan yang begitu besar. Ini bukan salah satu masalah, kita banyak lagi masalah lain daripada penswastaan kenderaan dan sebagainya. Jadi dia membawa beban yang luar biasa. Jadi saya sekali lagi memberi penekanan bahawa apa yang paling penting ialah dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Air Negara 2006 ianya mampu mewujudkan kerjasama erat dan bersepadu di antara semua pihak yang berkaitan.

Saya berkeyakinan sekiranya pesuruhjaya dapat memainkan peranan secara berkesan serta bersikap prihatin terhadap masalah-masalah dan keperluan-keperluan khususnya di peringkat negeri maka tidak ada halangan bagi kita untuk sama-sama berganding bahu dan memberikan sokongan yang sepenuhnya dalam usaha untuk mencapai objektif Dasar Kebangsaan mengenai aspek perkhidmatan bekalan air dan pembedugan di negara ini. dan dengan kata-kata yang sedemikian saya mohon menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar. Kemudian Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin.

**11.44 pg.**

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2005 dan saya amat berharap sekiranya pihak kerajaan dapat memberi jaminan bahawa pengkorporatan itu bukan penswastaan sebagaimana yang difahamkan. Kita menghargai hasrat kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang ini untuk mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh industri air demi menjamin perkhidmatan air yang berkualiti kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, air adalah sumber kehidupan, sumber yang asas dalam kehidupan manusia sebagaimana udara dan matahari. Di dalam al-Quran pun Allah menyebut bahawa Allah menciptakan manusia daripada air dan begitu juga beberapa ayat lain yang menyatakan bahawa kami menjadikan setiap sesuatu itu daripada air.

Maknanya tanpa air tidak ada manusia, tanpa air tidak ada kehidupan. Tuan Yang di-Pertua sebab itulah bermula daripada tahun 1948 lagi, Hak Asasi Manusia turut mengisytiharkan air sebagai satu hak dan keperluan harian manusia. Begitu juga Konvensyen Hak Kanak-kanak

1981 dan yang terbaru Jawatankuasa Bangsa-bangsa Bersatu bagi Hak Ekonomi dan Kebudayaan Sosial pada 2003 mengisytiharkan bahawa hak untuk menikmati kemudahan air adalah hak asasi manusia yang asas dan semua negara pihak hendaklah mewujudkan undang-undang bagi merealisasikan hak untuk menikmati kemudahan air ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bimbangkan ialah Rang Undang-undang ini seolah-olah memaksa semua negeri untuk mengkorporat ataupun kalau bagi sayalah yang saya fahamkan menswastakan pihak berkuasa air di negeri masing-masing.

Usaha-usaha ke arah pengkorporatan atau penswastan air sebagai satu keperluan asas manusia mungkin boleh mendatangkan pelbagai kebimbangan dan keraguan kepada rakyat. Kita tahu hasrat yang murni ini, tetapi kita bimbang pelaksanaannya nanti bagaimana. Terutamanya ialah kemungkinan impak ke atas golongan miskin dan sederhana yang telah pun menderita dengan pelbagai kenaikan seperti kenaikan gas, petrol, api, barang-barang dan kini berkemungkinan pula terpaksa menanggung kos air yang tinggi. Yang keduanya ialah penswastan air tambahan pula dengan konsep *full cost recovery* terhadap *capital expenditure* sudah tentu akan menyebabkan syarikat-syarikat konsesi air ini lebih mementingkan keuntungan *at the expense of the people* dengan izin.

Kebimbangan ini bukan tanpa asas. Usaha-usaha penswastan air di negeri-negeri telah pun berlaku dan khususnya di negeri Selangor yang menunjukkan beberapa syarikat yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri terus dibela dengan wang rakyat. Saya ingin membaca satu *clause* yang saya petik daripada *The Star* pada 17 Januari 2006 yang berbunyi salah satu daripada perjanjian di antara SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor yang berbunyi, '*is stated that in the concession agreement that SYABAS is entitle to compensation in the even the government fails to aloud it to raise water tariff to the extend it is entitle too*', dengan izin, dan lebih kurang maknanya telah ada dalam perjanjian bahawa SYABAS boleh memperoleh kompensasi ataupun pampasan apabila kerajaan gagal untuk membenarkan syarikat itu menaikkan taraf air yang mana ia rasakan perlu.

Jadi kita bimbang kalau ada *clauses* yang sebegini maka syarikat swasta akan dapat mengaut keuntungan yang lebih dengan menaikkan taraf ke tahap yang kita tidak tahu adakah siling ataupun had ke atas satu-satu tahap tarif yang hendak dinaikkan. Ini perkara yang satu subjektif dan sekiranya dibenarkan berterusan berlaku maka lebih banyak kerajaan-kerajaan negeri yang akan terpaksa membayar pampasan dan ganti rugi kepada syarikat-syarikat konsesi. Tuan Yang di-Pertua persoalan saya ialah apakah kuasa menteri dalam meneliti perjanjian-perjanjian penswastan air yang akan dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri nanti. Adakah ianya satu *standard agreement* dengan semua negeri dan adakah perjanjian baru nanti di antara SPAN dengan syarikat konsesi dan apa pula yang akan terjadi dengan perjanjian yang telah ditandatangani dahulu.

Saya juga ingin tahu bagaimana pula dengan hutang-hutang Kerajaan Negeri yang bersabit dengan air ataupun hutang-hutang yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat konsesi yang telah diswastakan yang berkaitan dengan air. Adakah SPAN ataupun Kerajaan Pusat akan memberi hutang untuk *capital expenditure* yang kita tahu amaunnya yang begitu besar kepada syarikat-syarikat konsesi. Bagaimana pula dengan hutang yang sedia ada yang dibuat dengan Bank Komersial. Adakah adakan diadakan satu bentuk *loan restructuring* yang dibuat oleh pihak kerajaan ataupun pihak SPAN.

Berbalik semula kepada Syabas Tuan Yang di-Pertua, kita juga dimaklumkan melalui media bagaimana syarikat swasta ini di mana yuran pengarahnya begitu tinggi dalam *Malaysian Business* telah dilaporkan bahawa yuran seorang ahli lembaga mencapai sehingga untuk tahun berapa saya pun tidak ingat, tetapi boleh dicarilah sehingga RM1.25 juta sedangkan Syabas itu sendiri menanggung ataupun membuat pinjaman yang begitu tinggi daripada Kerajaan Negeri tetapi dalam masa yang sama boleh membayar yuran sehingga RM1.25 juta kepada salah seorang pengarah dan kalau tidak silap saya jumlah keseluruhan yuran pengarah ialah sehingga RM6 juta. Jadi bagaimana syarikat seperti ini boleh dibiarkan sedangkan kita tahu di Selangor ini kualiti perkhidmatan air amatlah mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua kita bimbang dengan amalan penswastan di negara kita ini kerana akhirnya bila berlaku kerugian dan sebagainya rakyatlah yang terpaksa menanggung segala bebanan. Usaha-usaha penswastan dalam negara kita adalah usaha-usaha yang banyak merugikan rakyat, banyak contoh yang kita masih ingat seperti Indah Water Consortium, Perkapalan, Proton dan sebagainya, Time.Com, RENONG dan yang terakhir MAS Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan masalah penswastan dalam negara kita. Yang terkini bagaimana kerajaan kita telah membentuk pakar daripada Universiti Harvard untuk membuat kajian tentang sistem penyampaian sektor awam untuk meningkatkan lagi kualiti, keupayaan, teknikal dan sebagainya dalam perkhidmatan awam dan daripada kajian daripada jawapan yang diberi dalam Dewan ini bahawa di antara cadangan yang telah dibuat oleh pakar daripada Universiti Harvard itu mencadangkan supaya semua pertimbangan semula secara menyeluruh dibuat ke atas semua peraturan dan undang-undang sedia ada yang didapati boleh menghalang wujudnya pelaburan swasta.

Jadi saya kira sekiranya perkara ini kita tidak teliti dengan betul, mungkin lebih banyak lagi kepentingan-kepentingan awam yang akan diswastakan sekiranya kita mendapat nasihat menerima sepenuhnya pandangan daripada pakar daripada Universiti Harvard ini. ini adalah jawapan daripada Dewan Negara yang dibentangkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi pertamanya saya pun tidak tahulah *why* Harvard? Kenapa kita tidak ada keyakinan dengan rakyat dalam negara kita sendiri untuk memberi pandangan-pandangan terhadap apa yang kita lakukan. Mungkin kita ini belum mencapai kepada *first class mind set*, mungkin Tuan Yang di-Pertua. Yang keduanya cadangan-cadangan untuk menswastakan itulah yang uniknya Malaysia ini apa yang untung kita swastakan yang rugi ditanggung oleh kerajaan. Dalam apa juga keadaan pun akhirnya rakyatlah yang menanggung kerugian. Jadi kami amatlah berharap supaya pihak kerajaan benar-benar meneliti apa-apa usaha-usaha penswastaan supaya tidak merugikan tidak membazirkan dan segala wang yang ada, kekayaan yang ada di dalam negara kita boleh disalurkan dan rakyat benar-benar dapat menikmatinya.

Seperti mana yang saya sebut tadi syarikat-syarikat hasil daripada penswastaan, berpuluh-puluh bilion wang kerajaan telah digunakan untuk *bail out* ataupun menghidupkan semula untuk memberi *capital injection* dan sebagainya kepada syarikat-syarikat yang rugi. Syarikat yang sepatutnya untung seperti TNB, tetapi akhirnya rugi mungkin kerana membayar terlalu tinggi kepada *independent power supply*. Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini amatlah mendukacitakan kerana akhirnya rakyatlah bayar harga tinggi dan sebagainya dan tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang sepatutnya disalurkan, dapat menikmati kualiti kehidupan yang lebih tinggi dan lebih menyedihkan ialah tidak ada tindakan tegas ke atas orang-orang yang menerajui syarikat-syarikat swasta yang rugi.

Mungkin pandangan saya ini salah jadi mungkin kerajaan boleh memberi sedikit jawapan tindakan terhadap ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat yang rugi ini. Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita perlu menswastakan perkhidmatan air, mengapa kita tidak boleh minta kerajaan-kerajaan negeri meningkatkan usaha memperbaiki perkhidmatan air. Saya difahamkan contohnya di Pulau Pinang bagaimana Perbadanan Air Pulau Pinang membuat keuntungan sebanyak RM50 juta. Jadi perkhidmatan air di Pulau Pinang ini perlulah diswastakan sedangkan ianya adalah satu perkhidmatan yang sudah pun efisien dan memberangsangkan dapat membuat keuntungan sebanyak RM50 juta.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin tahu apabila dikorporatkan perkhidmatan air, siapakah yang akan menjamin pinjaman-pinjaman daripada syarikat swasta, adakah Kerajaan Negeri ataupun adakah Kerajaan Persekutuan. Apakah aset-aset negeri nanti akan dicagarkan kepada bank-bank bagi mendapatkan pinjaman bagi syarikat-syarikat konsesi air. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian terhadap Seksyen 89 di dalam akta ini mengenai dengan pemberhentian bekalan air sekiranya gagal menjelaskan bil yang dikatakan bahawa masa yang diberikan untuk menjelaskan ialah selama 14 hari tetapi dalam pembentangan menteri semalam saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah pun melihat semula dan menukar kepada 30 hari.

Walau bagaimanapun saya masih merasakan bahawa 30 hari ini masih tidak mencukupi terutamanya bagi mereka-mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, warga-warga tua, ibu-ibu tunggal dan orang-orang yang susah yang sukar untuk mencari sumber kewangan bagi membayar bil airnya. Jadi saya mencadangkan kalau kerajaan boleh menimbangkan supaya ditingkatkan kepada 60 hari. Tuan Yang di-Pertua saya juga difahamkan bahawa kerajaan akan membelanjakan sebanyak RM6 bilion bagi membina saluran paip air dari Pahang ke negeri Selangor. Ini adalah kerana Selangor tidak mempunyai simpanan air yang mencukupi yang saya fahamkan Selangor hanya mempunyai simpanan air sebanyak 3% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua ini adalah satu keadaan yang agak ironis kerana di Selangor khususnya di Lembah Klang ini selalunya berlaku hujan dan banjir kilat tetapi negeri Selangorlah yang sering menghadapi krisis air. Tuan Yang di-Pertua soalan saya adalah adakah pihak-pihak pernah memikirkan bagaimana kita boleh memanfaatkan hujan dan banjir kilat di Kuala Lumpur ini sebagai satu usaha untuk meningkatkan simpanan air. Saya ingin berkongsi sedikit mengenai pengalaman saya semasa pergi ke Sarawak baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua apa yang diamalkan oleh orang-orang kampung di sana mungkin kita boleh amalkan di sini iaitu oleh sebab perkhidmatan airnya teruk air paipnya kotor jadi mereka menggunakan air paip itu untuk mandi tetapi mereka menyimpan menyalurkan air hujan untuk mencuci pakaian dan juga untuk minum. Mereka ambil air hujan direbus dan terus boleh diminum tetapi oleh kerana air paip itu terlalu kotor hanya boleh digunakan untuk mandi itu pun kerana hendak menjimatkan simpanan air hujan. Sebab itulah antara masalah di tempat yang saya lawati itu ialah penyakit gatal mungkin kerana mandi dengan air yang kotor.

**Dato' Hamzah Zainudin:** Yang Berhormat di mana itu Yang Berhormat?

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Saya hendak tanya juga Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan di mana?

**Dato' Hamzah Zainudin:** Saya hendak tolong tanyakan.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih.

**Dato' Hamzah Zainudin:** Di mana tempatnya itu?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Jadi kami berpeluang pergi ke Kampung Baladin di Beting Maro, selain daripada guna air hujan Tuan Yang di-Pertua kawan saya pun sudah sebut tidak apalah saya sebut sekali lagi, dinding rumah dibuat dengan asbestos yang tidak pernah dalam hidup saya tengok. Jadi mungkin orang Sarawak boleh ambil tindakanlah terhadap perkara ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan juga kita mengajar rakyat kita untuk menjimatkan air, menggunakan air dengan berjimat-cermat dan mungkin kita boleh memanfaatkan juga air hujan yang masih lagi mencurah-curah di negara kita.

**Dat' Haji Abdul Rashid Ngah:** Yang Berhormat boleh saya mohon laluan?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Sila.

**Dato' Hamzah Zainudin:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Rashid Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wan Ubaidah. Jadi dengan maklumat yang telah dipaparkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kaedah atau cara-cara penjimatan air di Sarawak, adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya kaedah yang sama diamalkan oleh penduduk-penduduk negeri Selangor? Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Bukan sahaja di Selangor, kalau boleh di seluruh Malaysia dan saya sendiri pun terfikir cara hendak, sebab air hujan begitu mencurah-curah, terbuang begitu sahaja, mengapa kita tidak salurkan daripada terowong air itu, masukkan terus ke dalam tangki dan kita boleh gunakan air itu untuk membasuh kereta, menyiram rumput. Ramai yang suka menyiram rumput, sebab suka tengok rumput yang hijau, gunakan air hujan untuk menyiram rumput supaya kita boleh menjimatkan. Dan boleh menggunakan air hujan itu sebagai satu tangki kecemasan apabila air kita itu kotor, busuk, berbau najis dan sebagainya.

Jadi saya rasa ini tidak ada masalah dan tidak perlu satu perkara yang begitu teknikal amat mudah sekali untuk dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita boleh ajar bagaimana kita hendak menjimatkan air. Dan begitu juga dengan air dan banjir kilat di Kuala Lumpur ini. Sebab mesti ada jalan tetapi mesti ada kumpulan orang-orang yang memikirkan bagaimana hendak memanfaatkan air dari sungai yang berlimpah ruah sehingga 30 kereta boleh hanyut dalam banjir. Mesti ada cara bagaimana hendak memanfaatkan air hujan dan air banjir ini. Dan mungkin di setiap tempat perumahan boleh diadakan satu tempat untuk menyimpan air-air supaya disalurkan kepada pusat penyimpanan air di daerah dan sebagainya.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan tarif. Saya berasakan amat tidak adil, saya tidak tahulah apakah kerajaan akan menggunakan satu tarif yang sama untuk semua negeri. Sekiranya sama, saya merasakan ini adalah satu perkara yang tidak adil, kerana di negeri yang ada banyak sumber air, rakyatnya sepatutnya membayar tarif yang lebih rendah. Kalau juga hendak diselaraskan tarif, maka sepatutnya rakyat, di mana negeri yang banyak air, negeri yang banyak air, sepatutnya mendapat rebet daripada tarif sama yang dikenakan. Jika tidak sudah tentu syarikat di negeri yang banyak sumber air, akan mengaut keuntungan yang lebih dan tidak memberi manfaat kepada rakyat.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua ialah saya juga ingin menyentuh mengenai kuasa menteri yang mutlak, yang tidak boleh dicabar. Walaupun telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani tadi bagaimana kuasa menteri ini boleh dimanfaatkan di Sabah, tetapi sebagai terutamanya sayalah dari negeri Kelantan ini merasa agak bimbang dengan kuasa menteri yang terlalu lebih.

Walaupun kerajaan semalam telah memberi jaminan bahawa menteri tidak akan bertindak sewenang-wenangnya, menteri akan bertindak di atas nasihat Jemaah Menteri, di atas nasihat forum air, saya bimbang ia akan membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa.

Sekiranya menteri dikehendaki bertindak di atas nasihat dan pandangan Jemaah Menteri atau pun pandangan forum air, kenapa perkara ini tidak dinyatakan secara bertulis di dalam akta ini atau pun Rang Undang-undang ini.

Di antara beberapa perkara yang menunjukkan betapa berkuasanya menteri ialah yang pertama Subseksyen 1, Seksyen 11 yang menyatakan, menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana Suruhanjaya tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu. Ini menunjukkan satu kuasa yang mutlak, boleh memberhentikan mana-mana anggota suruhanjaya tanpa memberikan apa-apa sebab. Sekurang-kurangnya mesti ada penjelasan kenapa kita hendak memberhentikan seseorang daripada mewakili suruhanjaya tersebut.

Yang kedua, Subseksyen 1, Seksyen 18 yang juga menerangkan bahawa, suruhanjaya juga bertanggungjawab kepada menteri yang bermaksud, maksud di sini kuasa menteri adalah lebih besar daripada suruhanjaya. Kenapa tidak suruhanjaya itu bertanggungjawab kepada satu badan, kepada Kabinet atau pun kepada mana-mana pihak selain daripada menteri seorang itu.

Yang ketiganya ialah dalam Subseksyen 5, Seksyen 56 bagaimana dinyatakan, keputusan, perintah dan arahan menteri dalam melaksanakan kuasanya. Di bawah seksyen ini adalah muktamad, dan tidak boleh dicabar, di rayu semula, di kaji semula, dibatalkan dan dipertikaikan di mana-mana mahkamah. Masuk mahkamah pun tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagaimana kita hendak menjamin ketulusan, kebebasan, hak bersuara, sekiranya, suara-suara yang hendak disampaikan, sekiranya berlaku, sebab kita bimbang, benda-benda ini belum dilaksanakan. Kemungkinan untuk berlaku penyalahgunaan kuasa itu mungkin ada. Jadi sekiranya berlaku bagaimana kita hendak menyuarakan pandangan-pandangan kerana dari awal sudah dikatakan tidak boleh dicabar, tidak boleh dibawa kepada mana-mana mahkamah.

Dan perkara yang keempat ialah Subseksyen 9 Seksyen 56.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, bangkitkan Seksyen 56(5) yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat sedar, bahawa seksyen ini adalah melibatkan kuasa khas semasa kecemasan, iaitu tatkala berlaku kecemasan. Tatkala berlaku kecemasan hendak masuk mahkamah macam mana? Dan kalaulah masa hendak masuk masa kecemasan pun hendak guna mahkamah maka tidak ada gunanya kuasa menteri semasa kecemasan.

Maka sebab itulah keperluan untuk menghormati keputusan menteri tatkala berlaku kecemasan. Kerana seksyen ini kalau kita baca betul-betul adalah menteri hendaklah mempunyai mana-mana atau semua kuasa yang berikut semasa sewaktu kecemasan. Jadi adalah logik digunakan dengan izin *ouster clause* ini apabila berlaku kecemasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Seksyen 56 ini adalah berhubung kait dengan soal-soal kecemasan. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat di atas penjelasan tersebut. Jadi kecemasan pun satu perkara yang subjektif, mungkin menteri boleh menerangkan apakah yang dimaksudkan keadaan kecemasan itu.

Perkara yang keempat yang saya ingin sentuh ialah mengenai dengan Subseksyen 9, Seksyen 56 yang terdapat peruntukkan mengecualikan pemegang lesen daripada dipertanggungjawabkan terhadap tindakan mereka yang menyebabkan berlakunya kerosakan akibat daripada tindakan pemberhentian perkhidmatan, pengurangan dan penamatan bekalan air. Maksudnya kalaulah syarikat swasta itu, ini kebimbangan kita, sekiranya syarikat air itu tidak melaksanakan tanggungjawab yang baik, kemudian diberhentikan lesennya, syarikat itu boleh lari macam itu sahaja. Ini apa yang saya faham, mungkin pihak kerajaan boleh memberi penerangan, kerana mereka dikecualikan pemegang lesen daripada dipertanggungjawabkan terhadap tindakan mereka yang menyebabkan berlakunya kerosakan akibat daripada tindakan pemberhentian perkhidmatan air. Buat kerja sambil lewa, tanpa tanggungjawab, kemudian ditarik balik lesen, kemudian apa-apa kerosakan, apa-apa yang berlaku kemudiannya syarikat itu tidak dapat diberi tanggungjawab, *accountability* untuk memikul kesan daripada apa yang telah mereka laksanakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini harus dipertimbangkan semula, supaya kita rakyat lebih berasa selesa dan yakin bahawa urusan air ini akhirnya akan ditangani dengan baik, telus, adil dan penuh tanggungjawab, yang ini boleh digunakan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, apa-apa yang kita hendak laksanakan, kami mengharapkan dibuat dengan baik, dengan penuh tanggungjawab, jangan dibuat sesuatu dengan sikap ambil mudah supaya rakyat dapat menikmati segala usaha kerajaan dan akhirnya tidak membebankan rakyat. Dalam hal air ini, janganlah kita terlalau hendak membuat keuntungan kerana air adalah seperti yang saya sebutkan tadi adalah hak asasi manusia seperti mana juga udara dan matahari. Dan marilah kita semua berusaha untuk mentadbir negara dan mengurus kehidupan kita sesuai dengan perintah Allah kerana Allah yang berkuasa ke atas air dan juga keseluruhan hidup kita. Dan ingatlah amaran Allah dalam ayat terakhir dalam surah Al-Mulk yang berbunyi, "adakah kamu terfikir, sekiranya semua air hilang meresap ke perut bumi, siapakah yang akan dapat memberikan kamu air yang mengalir". Dengan kata-kata itu saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Senator Ahmad bin Husin dan sebelum itu hendak tanya lama ke? Boleh pendekkan 20 minit kerana selepas ini, ada sesiapa lagi? Saya rasa kalau tidak ada mungkin Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy akhirnya kemudian Yang Berhormat Menteri boleh bersedia untuk menjawab. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin, mulanya tadi saya agak, semalam ini, saya ada *tune* yang agak keras sikit. Lama-lama saya nampak ada

*dilute* sikit, maklumlah benda-benda dia *start* dengan satu benda yang agak *stress*, tapi di hujung ini kita nampak saya akan perlembutkan suasana Dewan khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bercadang hendak sebut tentang kuasa menteri dan kepentingan nasional. Pertama saya hendak sebut dari segi kedudukan negeri-negeri yang dikatakan *federation*, sebab kita berada dalam *federation* iaitu negeri-negeri sujud kepada Kerajaan Pusat, dan Kerajaan Pusat memberi keselamatan kepada kerajaan-kerajaan negeri. Dan ada negeri-negeri yang kaya, ada negeri-negeri yang kurang kaya, tetapi kaya juga, jadi saya tidak hendak sentuh, nanti...hendak perbetulkan ayat ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh sebab itulah mungkin timbul pada pandangan Kerajaan Pusat macam mana hendak *distribute* kekayaan itu tadi. Yang senang tolong yang susah, yang susah dapat perhatian daripada yang kaya, yakni boleh kita sebut *love and care* yang di sebut oleh Datin tadi *win-win situation*.

Ini bermakna *fair share of the cake*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kek yang besar kita makan ramai, ramai orang makan kek besar Tuan Yang di-Pertua, yang kecil sebahagian kecil makan. Jadi bermakna kekayaan dapat diagihkan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut beberapa ayat dan saya hendak bangkit di sini ada satu pesanan daripada Sayidina Ali, disebut begini "tidak ada satu perkara yang akan lebih mempercepat kemungkaran Allah daripada kezaliman dan penindasan" ini masa 'Al-Malek Al-Astar' hendak di lantik sebagai Gabenor Mesir oleh sayidina Ali. Jadi sudah pastilah setakat yang kita, sampai sekarang daripada merdeka sampai sekarang ini, ini bukan kerana timbalan menteri ada di sini, kerajaan ini tidak pernah menipu rakyat, jadi maknanya kita hendak pegang asas ini, sebab kita hendak kena bincang daripada asasnya. Kalau kita bincang terkeluar daripada skop ini, dia jadi masalah. Setakat ini, jelas, *transparence* kerajaan ini. Jadi saya hendak ulas di sini, apa yang kita hendak buat lagi, sudah elok.

Pada saya apa yang ada di sini, yang di bimbang tadi ialah tentang kuasa untuk mengubah terma-terma lesen, muka 11, bimbang tak sangkalah orang yang berniaga ini. Kerajaan tidak apalah, dia statiklah di dalam unsur-unsur pengkorporatan bukan penswastaan, bukan *privatization* jadi saya minta menteri ulaskan bagi kena sikitlah, bagi rakyat faham. Kalau sini pun kurang faham orang luar bandar lagi tidak faham. Jangan kelirukan benda ini, benda ini besar, hendak sebut pun pengkorporatan, penswastaan, *privatization*, jangan salah dengan persyarikatan Malaysia, dan terma-terma ini kerajaan hendak kena perbetulkan, perhalus *fine tune*, biar semua orang faham. Yang masalahnya fasal orang tidak faham, maknawinya Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi tentang pembatalan lesen. Pun ada masalah, Perkara 13, dok risaulah. Kemudian disebut Perkara 56. Kuasa menteri semasa darurat. Makna ini kira sudah tidak boleh buat apa sudah. *Beyond*, ditakdirkan Allah (s.w.t). Makna benda ini *chaos* sudah, dengan izin. Teruk sudah, tidak boleh buat apa sudah. Orang pun lari lintang pukang sudah kalau hendak kira dari segi istilah. Jadi makna digunakan seksyen ini. Nanti menteri perbetul benda ini, biar semua

orang rasa diri selamat. Saya hendak bawa daripada *thinking* yang negatif ke positif, positif lebih positif. Proaktif Tuan Yang di-Pertua.

Kemudian tentang kadar dan *charge*. Ini pun bimbang juga, ini semua kebimbangan-kebimbangan rakyat, pemimpin-pemimpin yang membela rakyat kerana kerajaan ini kerajaan hendak membela rakyat. Sebab rakyat bagi mandat dekat kerajaan. Kerajaan tidak boleh buat apa, kalau rakyat tidak memberi mandat, ini kena tunggu tahun depan pula. Masalah yang satu lagi ialah pengambilalihan kawalan iaitu kepentingan Nasional, 114. Ini pun diragu-ragukan. Jadi, kita hendak selesai keragu-raguan kerana mengikut apa yang terdapat, kita tidak boleh bawa ke mahkamah, yakni semakan kehakiman.

Saya mengharap kerajaan dapat menerangkan secara lebih halus lagi, jangan bercanggah dengan apa-apa undang-undang, khasnya dengan Perlembagaan Persekutuan yang saya sebut. Itu sahaja, kita tidak hendak benda ini jadi macam Undang-undang Keluarga, bawa balik. Kalau boleh, terus-terus. Jadi makna kita tiada *stoppages*, kalau kita tembak, terus meletup sahaja. Kena mangsa. Jangan kita tembak, *cross bullet*, *stop pages*, habis, *gun* terus buang. Tidak guna ada senapang kalau tembak pun tidak betul, tambah lagi tiada *bullet*.

Jadi, dalam hal semakan, sebab saya tengok dalam Perlembagaan Persekutuan, disebut tentang pampasan, itu sahajalah. Kalau kita boleh cari kaedah macam mana kita boleh buat *compensation* dengan izin, menyebabkan mereka-mereka yang menjalankan perniagaan ini merasa diri selamat. Sekarang ini kita lebih kepada *security*. Bukan apa kita, sekarang saya hendak cadang kerajaan, la ni macam ini. semua menteri-menteri sekarang ini cakap satu bahasa. Kita bukan sahaja hendak *legally binding* tetapi kita hendak *morally binding*. *Morally binding plus legally binding*, kita akan jadi kerja yang cukup kuat dan akan dihormati oleh semua negara dalam dunia ini. *Not take it as*, dengan izin *legally binding*. Itu satu, *legal*. Siapa boleh buat? Kita buat undang-undang, semua ok tetapi moral kita kena jaga sebab apa yang penting jati diri *towering* Malaysia ini ialah moral itu penting.

Saya hendak tekan perkara ini sebab semua Menteri-Menteri Kabinet, semua Timbalan Menteri Kabinet, semua Ahli-ahli Kabinet, semualah termasuk kitalah. Makna semua pemimpin yang memerintah, mesti betul-betul moral dia tinggi. Dia hendak buat apa pun dia fikir dua tiga kali, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat dia tidak timbul masalah. Sekarang ini ada orang nampak dari segi moral itu, kita hendak *fine tune*, bagi cantik elok. Undang-undang dia mari dengan sendirinya, mengkomplimenteri.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah hari ini Yang Berhormat merasakan Ahli-ahli Menteri-menteri kita dan Ahli-ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tidak menampakkan kesungguhan dari segi *legally* dan *morally values* yang ada di kalangan mereka ini?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada sudah. Cuma hendak meningkatkan. Kan saya buat tadi *smooth* dia. Saya ada bawa isu minyak kelapa dara, saya bawa. Yang bawa *virgin coconut oil* pun saya. Makna dia, dia boleh SPA pun boleh, aroma terapi pun boleh. Dia melembutkan badan kita. Sekarang kita hendak melembutkan, *fine tune kan* otak kita, mental, *mind set* kita. Jadi, benda-benda ini menjadi akauntabiliti kepada seluruh rakyat. Dan semalam, saya minta maaf kepada PTD *Officers*.

Ada dibangkitkan sedikit tentang jawapan. So, saya minta *my dear* PTD *Officers*, dengan izin kena betul-betul, kalau sudah ada di sini, yang duduk di sini, *hundred percents* tumpukan 100 peratus pada apa yang diperkatakan. Catat semua sekali dan cari kaedah yang terbaik untuk menjawab soalan. Jawab soalan ini memberikan *confidents*, keyakinan, dan kita yang buat *home work* pun rasa puas hati. Kita beri yang terbaik. *You give the best*. Saya minta kepada *my brothers* PTD *Officers* kerana saya juga bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Saya tidak mahu bendera PTD tumbang. Bukan, di *inverted* koma, direndah-rendahkan. Saya hendak kita pernaik-pernaik. Sebab *you are the frontier*. Duduk depan ini. Saya anggap PTD *Officers* sebagai *recognises cop* Duduk depan sekali. Kalau pekena...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini bercakap di dalam Dewan kepada ahli-ahli Yang Berhormat Senator ke motivasi kepada yang hendak jawab sat lagi? Ini kerana saya..

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Semua sekali termasuk.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Kemudian, sebab saya perlukan tentang ini sahaja. Kalau kita sudah ada perkara ini, sudah cukup. Tuan Yang di-Pertua, yang lain itu *substance* sahaja, sebab kita perlu perbetul dalaman sahaja. Luaran *is* biasa. Tetapi yang dalam itu, yang tidak nampak itu *instincts* yang dalaman itu. itu sahaja. Kita boleh selesai masalah. Yang kita bergaduh ini kerana kita tidak selesai masalah-masalah dan siapa pun tidak berani menegur. Saya sendiri, hari mula saya sudah tegur semua Senator. Saya tegur diri saya sendiri. Macam Tok Imam, dia tegur dia dahulu baru dia tegur makmum.

Jadi dalam sekarang ini, saya ingat tidak banyak masalah yang kita hendak fikirkan tentang perkara ini. Cuma saya hendak perbetulkan sedikit dari segi legal, sebab saya tengok di dalam Perlembagaan, disebut dalam Perkara 183, tentang Yang Dipertuan Agong juga boleh didakwa dengan izin *Attorney General*. Ini kita hendak kena baca benda ini perabis kerana ini telah ada dalam *constitution, the highest law of the Nation*. Mengikut Perkara 41 disebut, "Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi. Mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan adalah terbatal setakat yang bercanggahan itu". Dengan ini, saya sokong usul ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Ahmad bin Hussin. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri menjemput beliau memberi motivasi kepada Kementerian ini nanti. Saya juga menjemput Yang Berhormat Senator M. Munusamy.

**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang. Saya juga telah ada beberapa perkara berkaitan dengan kuasa Menteri dan tarif dan sebagainya. Tetapi oleh kerana memandangkan masa ini, saya memendekkan sahajalah. Dalam bahagian ketiga kewajipan dan obligasi pemegang lesen, Bab 1 Perkara 35, kewajipan pemegang lesen kemudahan berkenaan dengan sistem bekalan air dan sistem pembedungan. Disebutkan tiap-tiap pemegang lesen kemudahan mempunyai kewajipan untuk membina, membaik pulihkan, memperbaiki, meningkatkan, menyelenggarakan dan membaiki sistem bekalan air dan sistem pembedungan dan semua aset lain yang berhubung dengan sistem itu.

Di sini saya ingin tahu dan juga bercadang supaya pemegang lesen boleh menyambung paip saluran ke kawasan perladangan ataupun kawasan setinggan termasuk juga kawasan-kawasan rumah KTM sebab pada masa-masa lalu, apabila kawasan setinggan dan juga kawasan-kawasan perladangan, kita memohon peruntukkan daripada Kementerian Luar Bandar dan semalam apabila Menteri menjawab, Menteri berkata itu bukanlah beban Kementerian tetapi kita kena rujuk kepada syarikat-syarikat yang memberi bekalan-bekalan seperti air dan elektrik. Oleh itu, saya ingin tahu ada tidak tanggungjawab dan obligasi pemegang lesen juga boleh memasuki perkara ini supaya kita boleh dapat sambungan daripada mereka untuk sambung kepada penduduk-penduduk ladang, setinggan dan sebagainya.

Satu lagi perkara yang saya bimbang adalah berkenaan dengan deposit. Pada satu ketika dahulu, apabila syarikat Telekom diswastakan, syarikat itu telah meminta pengguna-pengguna untuk menambah deposit. Saya berharap bahawa apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, syarikat pemegang-pemegang lesen ini tidak akan berbuat sedemikian kepada pengguna-pengguna. Dan saya juga berharap bahawa pihak pemegang lesen akan memberi atau menambahkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna, kerana pada masa ini, apabila kadang kala kita memanggil untuk membaiki paip, kita kadang-kadang kena tunggu satu hari, dua hari. Oleh itu, saya harap setelah rang undang-undang ini dikuatkuasakan, pemegang-pemegang lesen itu kan memberi satu perkhidmatan yang lebih selesa dan satu perkhidmatan yang lebih diterima oleh rakyat. Dengan kata-kata ini, saya ingin menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**12.27 tgh.**

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada lapan orang ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air ini. Pada masa yang sama, terima kasih juga kepada beberapa ahli Yang Berhormat yang telah bangun meminta penjelasan. Di lihat ahli-ahli Yang Berhormat begitu prihatin memberi pandangan dan teguran dengan gaya mereka tersendiri. Cara menyampaikan hujah, pandangan dan kita amat maklum akan keprihatinan Yang Berhormat pada hari ini. Yang Berhormat Dr. Hj. Mohd. Puad Zarkashi menyokong Fasal 56, yang memberi kuasa kepada menteri untuk mengambil tindakan semasa kecemasan. Untuk maklumat ahli Yang Berhormat, sebelum saya ke sana, saya ingin mengatakan bahawa tadi, Puan Wan Ubaidah mengatakan tidak ada definisi untuk kecemasan. Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah bolehlah merujuk kepada Fasal 56 dalam Rang Undang-undang ini yang jelas memberi penjelasan definisi kecemasan.

Saya harap kalau Yang Berhormat baca dengan teliti, Yang Berhormat pasti tidak akan tertinggal definisi kecemasan dalam Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat Dr. Hj. Mohd. Puad Zarkashi menyokong Fasal 56 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengambil tindakan semasa kecemasan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Fasal 56 diperlukan semasa keadaan kecemasan dan terdesak iaitu kemarau yang teruk, atau pergolakan industri, mogok atau pun bekalan air itu membahayakan atau menimbulkan ancaman kepada keselamatan atau kesihatan awam.

Saya percaya kita tidak mahu melihat para pengguna mendapat bekalan air yang boleh mengancamnya wa dan keselamatan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dr. Hj. Mohd. Puad Zarkashi juga telah membangkitkan mengenai kawasan tadahan air yang masih berada di bawah tanggungan kerajaan Negeri. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah sama-sama kita bersetuju, cuma melibatkan perkongsian kuasa ke atas aspek perkhidmatan air.

Kerajaan Persekutuan menghormati hak kerajaan Negeri ke atas kawasan tadahan yang terus kekal di bawah bidang kuasa mereka memandangkan tanggungjawab ke atas kawasan tadahan dan sumber air kekal di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, adalah wajar kos penjagaan dan pemuliharaan kawasan tadahan dan sumber air ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, menyedari akan hakikat bahawa kualiti air mentah boleh mempengaruhi tarif air sebahagian sumbangan daripada Kumpulan Wang Industri Air ini kelak akan disalurkan bagi membantu kerajaan negeri untuk tujuan itu. Dalam pada itu peruntukan untuk tujuan yang sama juga disediakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya bagi penjagaan dan pemuliharaan sungai.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad turut bertanya kenapa tidak ada peruntukan khusus dalam Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (IPA) ini mengenai tribunal pengguna. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peruntukan tentang tribunal pengguna tidak perlu dalam rang undang-undang ini kerana setiap pengguna mempunyai hak dari segi undang-

undang untuk memfailkan tuntutan yang sewajarnya dan terpulanglah kepada tribunal pengguna mengendali tuntutan yang dikemukakan. Pada masa ini kita memang telah ada tribunal pengguna yang terletak dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna maka tidak perlulah ada tribunal yang kedua kepada pengguna. Oleh adalah tidak sesuai untuk mengadakan peruntukan khusus mengenai tribunal pengguna di bawah rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mempersoalkan apakah jaminan bahawa kuasa yang diberikan oleh Menteri di pantau oleh Kabinet supaya kepentingan rakyat sentiasa dijaga. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim pula mempersoalkan atas asas apakah kuasa Menteri tidak boleh dicabar di bawah Fasal 114.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, fasal ini juga telah mendapat perhatian yang begitu serius oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta telah diperhalusi secara terperinci dan mendalam. Yang saya tekankan bahawa fasal ini perlu bagi memastikan bekalan air kepada pengguna tidak terjejas memandangkan air merupakan keperluan asas bagi setiap individu. Sekiranya pemegang lesen didapati gagal untuk menunaikan obligasinya bagi membekalkan air bersih dan selamat kepada pengguna, tindakan serta-merta perlu diambil bagi memastikan bekalan air tidak terjejas. Ini dalam perkara-perkara dalam keadaan masa kecemasan maka perlulah Menteri mempunyai kuasa ini supaya mereka boleh mengambil tindakan dan keputusan dengan cepat.

Walau bagaimanapun, Menteri hanya boleh menguatkuasakan peruntukan ini setelah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan. Lazimnya ini akan dikemukakan melalui memorandum Jemaah Menteri yang perlu juga diedarkan untuk ulasan agensi-agensi pusat dan kementerian yang berkaitan.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga ingin mendapat definisi mengenai kepentingan negara pada Fasal 114. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu-isu kepentingan negara akan ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan. Adalah sukar untuk menentukan secara terperinci pada masa ini apakah yang menjadi isu-isu kepentingan negara dalam sesuatu perjanjian konsesi itu. Isu-isu yang kita boleh anggap sebagai kepentingan negara adalah tertakluk kepada pelbagai faktor, di mana kepentingan awam semestinya akan memainkan peranan yang penting. Penentuan ini hendaklah mengambil kira hal keadaan perkhidmatan air di seluruh negara. Misalnya perbezaan mengenai tarif yang ketara antara satu negeri dan negeri yang lain.

Sumber bekalan air mentah bagi sesebuah negeri dan faktor-faktor lain yang boleh mempunyai implikasi ke atas hasrat kerajaan untuk mengendalikan bekalan air secara holistik di Malaysia. Dalam apa-apa hal sekalipun perkara yang menjadi asas kepada kepentingan negara ialah keadilan dan kesamarataan bagi semua pihak yang terlibat. Oleh itu setiap perjanjian perlu

diteliti berdasarkan terma masing-masing. Sementara itu Fasal 191(4) memperuntukkan bahawa orang yang diberi kuasa hendaklah dengan secepat mungkin selepas menyerahkan perjanjian dan perjanjian tambahannya tetapi dalam apa-apa hal tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh penyerahan itu, memulakan rundingan semula perjanjian dan perjanjian tambahannya dengan Kerajaan Persekutuan dan pihak lain kepada perjanjian tersebut.

Ini bertujuan untuk menangani apa-apa isu kepentingan negara yang berbangkit dari mula berkuatkuasanya Akta ini. Walaupun fasal ini tidak memperuntukkan bahawa rundingan semula itu mesti mencapai apa-apa keputusan, adalah diharap bahawa dengan berbincang dan berunding bersama-sama kedua-dua pihak dapat menghargai isu-isu yang mempunyai implikasi kepada negara umumnya. Oleh yang demikian, kepentingan kedua-dua pihak, syarikat dan rakyat dapat diseimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga merujuk kepada Fasal 191(8) yang menyatakan tiada bayaran pampasan yang dikatakan bercanggah dengan Perkara 13(2) Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seperti kita sedia maklum penswastan Perkhidmatan Bekalan Air di sesetengah negeri didapati tidak mampu mencapai kekekalan, *sustainability*, dengan izin, untuk jangka masa panjang dan perlu ditangani terutamanya yang melibatkan kenaikan tarif secara automatik. Oleh itu perjanjian konsesi perlu dirunding semula bagi memastikan semua pihak termasuk pengguna mendapat manfaat.

Walau bagaimanapun kerajaan akan terus, saya ulang, walau bagaimanapun kerajaan akan terus menghormati perjanjian konsesi sedia ada memandangkan perjanjian konsesi merupakan suatu dokumen yang mengikat antara pihak-pihak. Ini bermakna perjanjian konsesi sedia ada masih berkuat kuasa dan tidak akan menjejaskan kedudukan kewangan pemegang lesen malah pengalaman dari negara-negara maju menunjukkan bahawa pihak bank, pemberi pinjaman bersedia untuk memberi kemudahan pinjaman dan kredit kepada industri yang *well regulated*, dengan izin, *and ring fans*, dengan izin, walaupun pulangan kepada pihak operator yang agak rendah dan *incident default*, dengan izin, bayaran balik kepada bank adalah minimum.

Mengenai isu pampasan pula terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan kerana telah menjelaskan mengenai peruntukan 191 yang perlu dibaca secara menyeluruh.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila pemberikuasaan dibatalkan atau lesen tidak diberikan di bawah Fasal 191(7) Menteri hendaklah menjalankan kuasa di bawah Fasal 114 di mana kuasa ini hanya boleh dijalankan dengan mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan iaitu Jemaah Menteri. Selanjutnya Fasal 117(4) memperuntukkan bahawa perintah pengambilalihan kawalan harta perniagaan dan hal ehwal pemegang lesen tidak mempunyai kuat kuasa untuk memberi atau meletakkan hak dan apa-apa hak milik kepada apa-apa kepentingan,

*beneficial* mengenai apa-apa harga pemegang lesen pada SPAN atau orang yang dilantik oleh SPAN untuk mengambil alih kawalan bagi pihak SPAN.

Oleh yang demikian, tidak timbul isu percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Suka saya jelaskan sekiranya ada operator yang tidak dapat berfungsi dan SPAN terpaksa masuk, campur tangan. SPAN tidak mempunyai kuasa terhadap harta, aset yang dipunyai oleh syarikat itu tetapi SPAN hanya boleh menjalankan operasi supaya bekalan air tidak terjejas.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga ingin tahu.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Shahziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tentang pampasan tadi. Sebenarnya yang ada kuasa untuk mengubah terma-terma ini adalah Menteri. Jadi, di ubah terma tersebut kemudian operator yang sedia ada. Saya ambil contoh katalah Syarikat Air Johor tidak setuju maka SPAN ada kuasa mengambil alih sementara pengurusan dan kemudian dia akan serah pula kepada mungkin operator ataupun pemegang lesen yang lain. Persoalannya ialah, Syarikat Air Johor tadi dia tidak ada hak untuk mendapatkan pampasan daripada SPAN ataupun kerajaan yang mengubah terma tersebut.

Saya mungkin dapat faham maksud Yang Berhormat iaitu pampasan ini mungkin datangnya daripada operator yang baru tadi, pemegang lesen yang baru, mereka kena berunding dengan operator lama. Mungkin itu maksud Yang Berhormat. Tetapi soalnya yang mengubah terma ialah Menteri dan mungkin operator yang baru tadi itu menyatakan bukan dia yang mengubah terma tersebut, itu Menteri. Kita ambil yang mengubah terma-terma tersebut yang menyebabkan operator yang asal itu tidak bersetuju dan akhirnya diambil alih oleh SPAN dan kerajaan kata dia bukan bertanggungjawab untuk membayar pampasan dan operator yang asal tidak boleh mengadu ke mahkamah. Pampasan boleh dibincang antara pemegang lesen baru dengan operator yang sedia ada.

Saya bimbang operator yang baru ini pula akan berkata, kenapa hendak minta pampasan dengan dia, yang mengubah semua terma sebab yang you punya syarikat tidak setuju ini ialah Menteri. Sebab itu saya tengok dalam kes jambatan, contohnya bila tidak jadi, kerajaan kata batalkan, kerajaan bayar pampasan kepada Gerbang Perdana RM1 juta. Okeylah, tetapi yang ini, operator yang dia kata yang bertanggungjawab mengubah Menteri sebenarnya. Jadi, dia rasa dia sudah rugi banyak, dia dah banyak pinjam bank, so tidak *viable* pada dia, so dia terpaksa. Apatah lagi di Johor ini Yang Berhormat ialah kerana rawatan air dikuasai oleh satu syarikat lain iaitu Aquaventure, sebab di Johor dia terpisah.

Perkhidmatan air membekalkan air, *collect payment, pipe* Syarikat Air Johor tetapi rawatan air ialah Aquaventure dan Aquaventure pula perjanjiannya untuk 90 tahun yang Syarikat Air Johor dapatkan air yang dirawatnya, *treatment water*, dengan izin, untuk 90 years, dengan izin, dan dibayar dengan lump sum, ia kena lump sum. Jadi, paip bocor dia kena baiki

dan sebagainya, banyak perbelanjaan, loji-loji dia kena buat tetapi bila timbul soal hendak menyelaraskan ini maka SAJ akan jadi *disadvantage* kalau dia tidak setuju kalau terma-terma – tidak sesuai dengannya dan dia tidak boleh menuntut pampasan daripada Menteri ataupun kerajaan. Itu yang saya faham kerana Yang Berhormat kata mungkin dia kena berunding dengan pemegang lesen yang baru. Jadi, di mana keadilannya? Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih, untuk pengetahuan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Syarikat Air Johor adalah antara syarikat yang awal menyatakan persetujuan mereka untuk diadakan rundingan dan saya yakin apabila sekiranya rang undang-undang ini diterima dan diluluskan kelak kita akan mula berbincang dengan Syarikat Air Johor untuk bagaimana menyelesaikan kemelut bekalan air di negeri Johor dan dari segi pemberian pampasan itu sebagaimana yang saya jelaskan peringkat awal tadi bahawa yang kita ingin wujudkan di sini adalah suatu badan *regulatory* yang seragam bagi, tidak kiralah di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, maknanya *everybody, all players*, dengan izin, semua operator mesti ikut satu undang-undang ini dan dengan undang-undang ini dia tidak menyatakan dari segi hak milik harta.

Ia hanya menyatakan bahawa semua mesti ikut peraturan ini dan sekiranya mereka gagal mengikut peraturan ini SPAN dengan kuasa Menteri membenarkan, mengizinkan SPAN mengambil alih pusat operasi atas syarikat itu. Dan, setelah itu kita boleh fikirkan mana yang sesuai untuk diberikan. Katakanlah ada syarikat dari negeri lain yang rasa boleh mampu mengendalikan ini – maka dia bagi. Kerana SPAN tidak bertujuan untuk menjadi operator. Pihak SPAN hanya sebagai *regulatory body*, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Di sana sekiranya terpaksa diberikan maka mereka boleh berbincang sebagai, contohnya syarikat, kalau syarikat biasa ia mengalami kerugian, tidak boleh berniaga, ada *receivership*.

Tuan Yang di-Pertua lagi tahu seorang yang arif dalam bidang perniagaan. Saya tidak pandai. You perbetulkan kalau saya silap. Sekiranya ada *receivership* kemudian sudah pasti di situ bank akan membuat *valuation*, nilai sebelum diberi pampasan kepada syarikat yang pertama itu. Begini juga soalnya dalam perkara ini, dia mesti ada *valuour* yang akan menilai berapakah nilai pampasan. SPAN tidak berniat untuk mengambil harta mana-mana pihak dan memberikan pada mana-mana syarikat dengan begitu sahaja.

Saya yakin di negara kita, kita memang mengamalkan ini selalunya kita banyak lihat kadang-kadang ada syarikat yang tidak berjaya meneruskan perniagaan kerana apa juga sebab walaupun tadi Yang Berhormat kata mungkin disebabkan terma-terma baru tetapi kita ada cara-cara kita. Kita ada *valuer* biasanya dia akan buat apakah *value-value* aset ini sebelum dipersetujui di antara dua pihak. Inilah kaedah terbaru yang kita lakukan di negara ini dan itu sahaja yang boleh saya sampaikan kepada Yang Berhormat dari segi pampasan yang hendak disampaikan kepada syarikat itu tadi.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi :** Cuma sedikit lagi Yang Berhormat. Kalau boleh dapat diperjelaskan.....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Kalau saya silap Tuan Yang di-Pertua, sila *correct* kan dari segi *receivership* ini dan *valuer* yang ada dalam syarikat ini. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua lebih arif daripada saya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi :** Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Eh! Bukan Tan Sri.

**Seorang Ahli:** Tan Sri ke?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi :** Dato', Tan Sri ..... Tan Sri pula [*Ketawa*] [*Dewan riuh*] Dato' Tan Sri pula saya tersebut. Minta maaf Dato', Dato' Yang di-Pertua. Cuma ... Okay, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, saya itulah... saya minta perjelasan juga iaitu kalau sekiranya tadi, operator yang baru ini pemegang lesen baru ini, dia tidak mahu membayar apa yang dituntut oleh operator yang pertama. Apakah kes ini dirujuk kepada Parlimen..... maafkan saya ke mahkamah ataupun bagaimana jika berlaku *dispute* ini juga. Mohon penjelasan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Di sini, sebagaimana yang kita maklumkan, SPAN juga ada kuasa selain daripada *valuer* yang saya kata kita perlu lantik dan dipersetujui syarikat lain, SPAN juga ada kuasa untuk berkhidmat dari segi akaun mana-mana syarikat apabila diputuskan kelak.

Secara tidak langsung SPAN boleh mengatakan *This is the right value company and we can* dengan izin kita boleh bagi pandangan kita dan kita minta syarikat yang mana yang inginkan perniagaan itu, yang inginkan perniagaan itu kerana kita tahu di Malaysia tiap-tiap negeri ada operator mereka sendiri. Kalau satu ini tidak hendak, kita bagi yang hendak. Katakanlah kompeni A tidak hendak, kompeni B hendak, kompeni C tidak hendak, kompeni D hendak mesti banyak yang hendak. Siapa-siapa yang boleh ikut dengan saranan kita, kita bagi dia orang, ini bukanlah suatu masalah besar kecuali kita tidak ada *player*, kita tidak ada operator di dalam ini dan SPAN mungkin ada masalah, kalau kompeni ini tidak boleh buat, tidak ada orang lain yang boleh buat.

Tetapi dalam kes ini ada banyak umpamanya Terengganu boleh buat katakanlah, Perak boleh buat, Selangor boleh buat, kalau satu negeri ada masalah, ada banyak lagi *operator players* lain yang boleh buat. Kita boleh *offer*. Kita sudah lantik *valuer*, SPAN pun kata *this is the rights price* dengan izin dia seorang sahaja yang tidak hendak. Kita bagilah kepada yang hendak. Sebab yang hendak melabur dalam industri ini mesti mereka yang berkeyakinan ini industri yang boleh memberi pulangan kepada mereka sebagai orang perniagaan. Kalau saya salah, tanyalah Tuan Yang di-Pertua sebab dia lagi arif. Orang berniaga ini dia hendak masuk bila dia rasa boleh untung. Betulkah Tuan Yang di-Pertua.?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Betul.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Hah, betul. Tuan Yang di-Pertua kata betul, jadi sudah pasti dia rasa untung walaupun harganya sudah ditentukan barulah operator yang kedua itu masuk dan bersetuju membeli dengan harga yang macam itu. Itulah dapat saya jelaskan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Cuma Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat, sekiranya tidak ada, apakah SPAN juga akan mengambil alih untuk menjalankan operasi itu sendiri.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** SPAN dia hanya jalan operasi sementara sehingga ada yang mengambil alih, mampu mengambil alih operasi itu dengan baik. Ini yang dilakukan, SPAN hanya bertindak sebagai badan *regulatory*. Tetapi hendak kata tidak ada itu agak sukar sebab banyak *player* tentang industri air ini dan masih ramai lagi hendak minta lagi walaupun sudah cukup.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menyedari akan keperluan untuk mengadakan suatu akta berkaitan dengan air minuman. Dalam hal ini kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah mengkaji dan memahami akan keperluan untuk diwujudkan Akta Air Minum yang selamat.

Penggubalan akta ini jika diluluskan nanti akan merupakan pelengkap dan juga boleh dijadikan suatu alat yang akan menambah keyakinan pengguna terhadap kualiti air minum yang dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini telah wujud mekanisme untuk memantau kualiti air minum yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1986. Standard kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna adalah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai piawaian kualiti air minum kebangsaan. Piawaian ini juga adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh *World Health Organization (WHO), International Standard For Drinking Water 1963*. Di bawah rang undang-undang IPA, menteri akan menetapkan standard kualiti air minum di bawah peraturan Fasal 41/179 berdasarkan piawaian kualiti air minum kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae menyokong rang undang-undang ini dengan memberi contoh mengenai isu hutang tertunggak tiga operator air di Sabah iaitu di Lahad Datu Water Supply, T. Match Sendirian Berhad dan Jentama Sendirian Berhad yang tidak diuruskan secara berkekalan sehingga menyebabkan beban hutang yang tinggi kepada kerajaan negeri.

Kementerian saya sedia maklum dan masalah yang dihadapi oleh negeri Sabah. Dengan demikian rang undang-undang ini merupakan langkah yang positif bagi membolehkan kerajaan menangani masalah yang sama yang mungkin berlaku di Semenanjung. Walau

bagaimanapun, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae dan undang-undang ini tidak akan merangkumi perkhidmatan air di negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan dimaklumkan bahawa kerajaan negeri Sabah sedang mengambil langkah yang sesuai bagi menangani perkara ini.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan mengenai kedudukan hutang negeri apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan kelak. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini juga telah dibangkitkan semasa kementerian mengadakan sesi rundingan awam dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sedang memperincikan mekanisme yang sesuai bagi menangani perkara ini.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Ir. Hiang A Li menyentuh mengenai Fasal 89 (2) berkaitan dengan pemotongan bekalan air kerana kegagalan menjelaskan bil dan mencadangkan agar tempoh pemotongan dipanjangkan daripada 30 hari kepada 60 hari. Sukacita dimaklumkan bahawa tempoh pemotongan bekalan air kerana kegagalan menjelaskan bil telah dipanjangkan kepada 30 hari daripada 14 hari seperti yang dinyatakan dalam draf rang undang-undang sebelum ini. Selepas tempoh 30 hari pengguna akan diberi notis 14 hari lagi untuk menjelaskan bil air sebelum pemotongan sebenar dilakukan. Tempoh ini kita yakin adalah memadai.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga membangkitkan mengenai hukuman mati ke atas pencemaran sumber air sekiranya pencemaran sumber air dilakukan oleh sesuatu syarikat iaitu sama ada pegawai eksekutifnyakah ataupun lembaga pengarahnya yang akan dikenakan hukuman tersebut. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, peruntukan fasal ini adalah perlu memandangkan air adalah keperluan asas. Alur air dan sistem bekalan air adalah terbuka dan terdedah kepada pihak awam. Ini membolehkannya menjadi sasaran yang mudah bagi penjenayah dan pegganas untuk mencemari dan mengakibatkan kematian atau kecederaan.

Pencemaran air memberi kesan kepada orang ramai. Oleh yang demikian adalah mustahak untuk memastikan bahawa hukuman yang dikenakan sepadan dengan kesalahan yang begitu serius ini. Namun demikian, hukuman mati hanya boleh dikenakan jika kematian adalah akibat perbuatan jenayah itu. Ini adalah juga selaras dengan perbuatan jenayah bunuh di bawah Seksyen 300 dan 302 Kanun Keseksaan. Akta ini adalah undang-undang spesifik mengenai perlindungan dan pengawalseliaan bekalan air.

Sehubungan itu kesalahan dan hukuman sedemikian adalah berikutan daripada pengawalseliaan berkenaan. Kesalahan mengenai pencemaran air merupakan perbuatan yang dilarang secara spesifik di bawah undang-undang ini. Dalam pendakwaan, seseorang yang dituduh bagi kesalahan tersebut adalah lebih mudah untuk membuktikan akibat-akibat perbuatan tertuduh di bawah undang-undang ini yang telah menyebabkan kematian seseorang.

Sesiapa yang akan didakwa adalah bergantung kepada hasil siasatan dan pihak berkuasa dan sama ada tuduhan di bawah Fasal 121 adalah bergantung juga kepada fakta-fakta khusus dalam kes tersebut. Walaupun semua unsur kesalahan itu telah dibuktikan, hukuman mati bukanlah satu-satunya hukuman yang boleh dikenakan di bawah undang-undang ini.

Mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengenakan hukuman alternatif iaitu pemenjaraan selama tempoh yang boleh berlanjutan sehingga 20 tahun tergantung kepada merit kes dan apa-apa faktor peringanan sebagai perbandingan hukuman mati adalah satu-satunya hukuman bagi kesalahan membunuh di bawah kanun keseksaan.

Yang Berhormat Ir. Hiang A Li memohon kerajaan menggantikan paip-paip lama kerana ia mengganggu bekalan dan kualiti air yang dibekalkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Persekutuan memberi fokus utama kepada kerja-kerja penggantian paip lama kerana selain daripada bertujuan untuk membekalkan air yang berkualiti, ia juga boleh mengurangkan kadar air tak terhasil (NRW) Kebangsaan daripada para paras 38% kepada 30% pada tahun 2010. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekurang-kurangnya RM1.4 bilion telah diperuntukkan untuk tujuan ini.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed ingin tahu adakah kerajaan telah mengambil kira dan menentukan mekanisme untuk menangani isu tuntutan pampasan oleh kerajaan negeri setelah pengurusan bekalan air diambil oleh kerajaan persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab ke atas operasi bekalan air kekal dengan syarikat-syarikat bekalan air negeri yang dilesenkan di bawah rang undang-undang ini kecuali dua buah negeri yang telah menswastakan bekalan air secara menyeluruh. Ini saya jelaskan bahawa setelah rang undang-undang diluluskan tidak ada pun sebenarnya kerajaan persekutuan ambil operasi daripada syarikat negeri. Cuma syarikat-syarikat negeri ini akan dilesenkan dan mereka akan mengikut suatu undang-undang atau peraturan yang sama daripada Perlis sampailah ke Johor, undang-undangnya sama kerana pada hari ini sebagaimana yang telah saya pernah jelaskan, di Perlis mungkin cara undang-undang dari segi airnya lain.

Di Kedah lain, di Pulau Pinang lain, jadi mungkin tidak ada keseragaman dari segi undang-undang. Tetapi dengan adanya nanti tertubuhnya SPAN semua kena ikut satu undang-undang ini. Ini menyelaraskan, dari segi operasi semua boleh operasi secara biasa. Cuma yang kita minta mereka mengkorporatkan bekalan air di negeri mereka. Ini bermakna syarikat bekalan air negeri akan terus memungut hasil daripada perkhidmatan yang diberikan.

Oleh yang demikian tidak timbul isu pampasan memandangkan kerajaan persekutuan hanya bertanggungjawab bagi aspek kawal selia sahaja. Oleh kerana bidang kuasa kerajaan negeri ke atas kawasan tadahan dan sumber air kerajaan-kerajaan negeri boleh terus menikmati pendapatan yang dijana daripada kawasan tadahan seperti mengenakan levi ke atas pengambilan alih air mentah serta lain-lain aktiviti ekonomi yang sesuai.

Yang Berhormat, Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed juga ingin tahu adakah tarif air akan naik selepas akta ini dikuatkuasakan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa sekarang tarif air yang dibilkan kepada pengguna berada di bawah kos pengeluarannya dan bukan berpandukan *full cost recovery* dan disubsidi oleh kerajaan terutama sekali dari segi pinjaman-pinjaman persekutuan untuk menampung *cash* "CAPACS". Justeru itu operator air perlu lebih cekap dan efisien dalam usaha mengurangkan NRW dan mengambil lain-lain langkah bagi memastikan kos pengoperasian air adalah terkawal.

Adalah sukar untuk memberi jaminan tarif air tidak akan naik untuk selama-lamanya. Agak mustahil Tuan Yang di-Pertua hendak kata sampai bila-bila tidak naik itu agak mustahil. SPAN akan mengawal struktur tarif berdasarkan pencapaian KPI oleh operator supaya ianya tidak membebankan pengguna. Untuk mendapatkan kenaikan tarif, SPAN akan mengkaji permohonan semakan tarif berdasarkan kepada faktor-faktor seperti pematuhan kepada KPI yang merangkumi prestasi perkhidmatan "CAPACS", OPECS dan sebagainya. Dalam pada itu SPAN juga perlu mengambil kira pandangan dan cadangan forum air yang sewajarnya demi kepentingan pengguna.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed juga bimbang akan rang undang-undang ini bercanggah dengan GATS di mana Malaysia adalah *signatory* kepadanya. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perjanjian Am Perdagangan Dalam Perkhidmatan (*General Agreement On Trade And Services – GATS*) adalah suatu perjanjian di bawah pertubuhan dunia WTO yang menggariskan prinsip dan peraturan bagi perdagangan perkhidmatan dunia.

Di bawah perjanjian ini terdapat rundingan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan yang mengambil kira objektif dasar negara setelah tahap pembangunan setiap ahli.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat akan mengambil berapa lama lagi untuk menjawab.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** 20 minit.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Oleh itu, saya ..... mungkin kita benarkan Yang Berhormat jawab selepas sebelah petang nanti.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Baiklah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan sekarang ini saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula jam 2.30 petang.***

*[Timbalan Yang di Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ada menerima usul daripada menteri. Silakan Yang Berhormat.

**USUL****MEMINDA SUSUNAN DALAM ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua,

"Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 D.R.6/2006 yang dijadualkan nombor 6 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dinaikkan kedudukannya ke nombor 3 manakala Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 D.R.8/2006, Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006 D.R.9/2006 dan Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 D.R.3/2006 dijadualkan semula sebagai nombor 4, 5 dan 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

*[Perbahasan disambung semula]*

**Timbalan Yang di Pertua:** Silakan Yang Berhormat untuk menyambung jawapan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya menyambung jawapan kepada perbahasan Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga menyokong pembaharuan ke atas Industri Perkhidmatan Air dan pembedaan serta menekankan aspek kualiti melalui program penggantian paip-paip usang agar pengguna mendapat air yang bersih dan selamat digunakan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya program penggantian paip-paip lama turut diambil kira oleh kerajaan di bawah Rang Undang-undang ini. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan struktur perkhidmatan air yang *holistic* di mana aktiviti rawatan, pengagihan, pengebilan dan pembedaan akan digabungkan dalam satu rangkaian nilai (*value chain*) dengan izin. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hak pengguna untuk mendapatkan bekalan air yang bersih

dan selamat serta perkhidmatan pembedungan yang efisien menjadi fokus utama Rang Undang-undang ini. Seperti yang telah saya jelaskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM1.4 bilion untuk program NRW termasuk program penggantian paip-paip usang bagi memastikan para pengguna mendapat air yang berkualiti.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin ingin tahu perbezaan pengkorporatan dan penswastaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan supaya kerajaan-kerajaan negeri mengkorporatkan Pihak Berkuasa Air Negeri bagi memudahkan kawal selia dan penguatkuasaan oleh SPAN. Pengkorporatan bermaksud di mana badan-badan kerajaan atau berkanun ditukar status kepada sebuah syarikat di mana hak milik syarikat berkenaan masih lagi dimiliki oleh pemilik asal iaitu kerajaan negeri atau badan berkanun.

Sementara itu penswastaan merujuk kepada keadaan di mana setelah badan tersebut dikorporatkan hak miliknya ditukarkan kepada pihak ketiga. Ini bermakna di bawah penswastaan, syarikat persendirian di dalam projek industri berkenaan meletakkan timbangan komersial dan keuntungan sebagai objektif utama. Sebaliknya pengkorporatan agensi kerajaan lebih merupakan pengasingan dari segi urusan kewangan dan akaun syarikat dari sistem pengurusan kewangan negeri tetapi hak milik dan penguasaan, perjalanan operasi masih kekal pada kerajaan negeri. Contohnya, Syarikat Air Terengganu (SATU) dimiliki 100% oleh kerajaan negeri Terengganu.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar juga ingin tahu adakah tarif air akan diseragamkan di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat izinkan saya untuk memaklumkan bahawa agak sukar untuk menyeragamkan tarif air antara negeri-negeri memandangkan tarif air bergantung kepada struktur kos pemindahan dan rawatan air mentah, pengagihan kedudukan air tidak berhasil (*none revenue water*) serta faktor-faktor lain seperti CAPEX di negeri-negeri berkenaan.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar juga ingin mendapat penjelasan adakah kerajaan ataupun SPAN menyediakan peruntukan CAPEX kepada kerajaan negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan-kerajaan negeri boleh menggunakan kemudahan pembiayaan di bawah WAMCO nanti bagi membangunkan infrastruktur bekalan air di negeri masing-masing termasuklah perbelanjaan CAPEX.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar sekali lagi ingin mendapatkan penjelasan mengenai Fasal 191 yang berkaitan dengan rundingan semula perjanjian konsesi. Yang Berhormat juga bertanya apakah yang akan terjadi kepada perjanjian konsesi yang telah ditangani. Perjanjian ialah satu dokumen mengikat antara pihak-pihak. Oleh itu perjanjian konsesi yang sedia ada harus terus berkuat kuasa.

Pemegang konsesi akan diberi kuasa di bawah Akta ini untuk menjalankan perkhidmatan dan aktiviti yang ditentukan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan selama tempoh tiga bulan

dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya. Jika perjanjian itu didaftarkan dengan Suruhanjaya maka pemegang perjanjian konsesi itu akan terus diberi kuasa untuk menjalankan perkhidmatan dan aktiviti itu selama tempoh dua tahun dan apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya dari tarikh yang ditetapkan. Jika mereka tidak mendaftar pemberikuasaan akan luput selepas tempoh yang telah ditetapkan.

Seterusnya dalam tempoh satu tahun dari tarikh yang ditetapkan atau apa-apa tempoh lain yang dilanjutkan oleh Suruhanjaya, pemegang konsesi yang diberi kuasa mestilah memutuskan sama ada mereka berhasrat untuk berhijrah ke rejim yang baru atau tidak. Jika mereka berhasrat sedemikian mereka mestilah memohon lesen di bawah Akta ini dan sekiranya tidak, mereka boleh memohon untuk pemberikuasaan bertulis sehingga tempoh perjanjian konsesi berkenaan. Namun begitu pemegang konsesi masih tertakluk kepada pengawal seliaan oleh SPAN dan dari segi penetapan *Key Performance Indicators (KPI)* – Piawaian Teknikal dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy .....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya cuma hendak mendapatkan penjelasan sedikit lagi. Selepas tiga bulan jika operator asal itu tidak bersetuju dan dia tidak meneruskan operasinya dan ia diambil alih oleh SPAN dan diserahkan kepada pemegang lesen yang baru. Saya ingin tahu apa jadi dengan hutang-hutang yang ditinggalkan, itu tanggungan siapa sekarang. Itu satu. Yang kedua berkenaan dengan pekerja-pekerja, apakah di MSS kan juga ke?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** VSS.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya? VSS.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa SPAN tidak berniat untuk mengambil operasi mana-mana syarikat. Sebagai mana saya katakan tadi mereka boleh datang untuk berunding tetapi bukanlah SPAN memutuskan mereka mesti bersetuju dengan rundingan tersebut. Perundingan tidak semestinya dipersetujui oleh satu pihak. Perundingan yang hendak dilakukan di antara SPAN dengan mana-mana pihak mesti dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Maknanya SPAN tidak suka-suka masuk dalam syarikat itu ambil kuasanya dan beri kepada syarikat baru, tidak begitu.

Selalunya yang dilakukan oleh kerajaan kita pada hari ini bila berlaku masalah dalam mana-mana syarikat kerajaan walaupun ada kuasa masuk ke dalam (*step in*) punya kuasa kerajaan akan masuk bincang fikirkan terlebih dahulu bagaimana mekanisme, kaedah yang sesuai untuk membantu syarikat itu untuk memulihkan syarikat itu. Dan apabila tidak ada jalan lain tidak ada pilihan lain baru SPAN akan *step in* dan menjalankan operasi kemudian baru dicari

siapakah pengganti kepada syarikat yang baru. Ini bukannya dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Itu yang dapat saya beri kepada Yang Berhormat hal yang sebenarnya.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy bertanyakan sama ada pemegang lesen bertanggungjawab untuk membekalkan air ke kawasan setinggan dan ladang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bekalan air boleh diberi ke ladang sekiranya pihak pengurusan ladang menyediakan sistem bekalan air yang teratur serta mematuhi syarat dan keperluan teknikal yang ditetapkan. Bagi bekalan air ke kawasan setinggan ianya tertakluk kepada dasar pendirian kerajaan negeri oleh kerana adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk tidak menggalakkan pembangunan kawasan setinggan.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin ingin penjelasan mengenai maksud terma-terma yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air iaitu pengkorporatan terma-terma lesen, kuasa menteri mengenai kadar dan caj dan kepentingan negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah memperjelaskan mengenai terma pengkorporatan dan kepentingan negara dalam jawapan penggulungan sebentar tadi. Sementara itu terma-terma lesen akan diperincikan dalam perundangan *subsidiary* yang dibuat di bawah Fasal 179. Fasal 84 pula memberikan kuasa kepada menteri atas syor SPAN untuk menetapkan kadar dan caj perkhidmatan air dan perkhidmatan pemetungan dalam perundangan *subsidiary* yang dibuat di bawah Rang Undang-undang ini.

Sebagai penutup, bagi pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab kementerian mengambil maklum dan akan mengambil kira semasa menggubal perundangan *subsidiary* sekiranya terdapat pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang sesuai dan praktikal. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Kerajaan yakin, kementerian yakin dengan Rang Undang-undang ini Industri Perkhidmatan Air Negara mampu diuruskan secara lebih teratur dan efisien demi kepentingan semua pihak. Kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adalah penting bagi memastikan kelancaran penguatkuasaan Rang Undang-undang ini apabila ianya dikuatkuasakan kelak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 193** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan kuasa untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedahan dan untuk menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedahan dan perkara-perkara yang berkaitan, dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila huraikan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air digubal untuk menyokong penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara. Dalam pada itu kewujudan sebuah badan kawal selia yang efektif di peringkat kebangsaan adalah perlu bagi menguatkuasakan Rang Undang-undang berkenaan.

Kewujudan sebuah badan kawal selia yang kukuh dan berkesan adalah kunci kepada kejayaan penstrukturan semula industri perkhidmatan air yang berdaya maju dalam jangka masa panjang. Ia juga dapat memastikan pengguna dibekalkan dengan air yang bersih, berkualiti dengan tarif yang berpatutan serta selamat digunakan di samping perkhidmatan pembedahan yang efisien kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat tujuan Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini digubal untuk menubuhkan sebuah badan kawal selia yang dikenali sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menyelia dan mengawal selia

perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan serta menguatkuasakan undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dan hanya terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Kandungan Rang Undang-undang SPAN. Rang Undang-undang SPAN mengandungi enam bahagian dan 44 fasal iaitu dari muka surat 1 hingga 29.

Fungsi SPAN. Adalah menjadi harapan kerajaan agar SPAN dapat berfungsi sebagai sebuah badan kawal selia yang profesional dan berkesan di dalam menangani pelbagai masalah yang membelenggu industri perkhidmatan air negara pada masa sekarang, terutamanya untuk memastikan rakyat mendapat bekalan air yang berterusan, selamat digunakan serta perkhidmatan pembedungan yang cekap, selari dengan matlamat dasar kebangsaan industri perkhidmatan air. Di antara fungsi-fungsi utama SPAN ialah:

- (a) menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedungan bagi mencapai objektif dasar kebangsaan;
- (b) melaksana dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedungan serta menimbang dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembedungan;
- (c) memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan serta memantau, mengendali, mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan. Obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (d) menambah usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak berhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- (e) menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap untuk penentuan tarif serta pelaksanaannya; dan
- (f) memastikan pengelakan kualiti air dan perkhidmatan pembedungan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan.

Kuasa SPAN – Di antara kuasa-kuasa utama SPAN ialah:

- (a) menggunakan harta alih dan tak alih suruhanjaya mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai dan wajar;
- (b) mengenakan fee atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh suruhanjaya;
- (c) melantik mana-mana agen pakar atau perunding yang didapatinya patut untuk membantu suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya;
- (d) merumus dan melaksanakan pembangunan sumber manusia dan program pembiayaan dan kerjasama bagi pelaksanaan fungsi-fungsi suruhanjaya dengan patut dan berkesan; dan

- (e) bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan, perbadanan dan agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat fasal-fasal penting Rang Undang-undang Suruhannya Perkhidmatan Air Negara, izinkan saya untuk menjelaskan mengenai fasal-fasal penting Rang Undang-undang ini iaitu:

(a) **Fasal 5 keanggotaan suruhanjaya.**

Bagi memastikan Suruhannya dapat berfungsi secara berkesan, ahli-ahli Suruhannya hendaklah terdiri dari kalangan profesional, dalam bidang kewangan, kejuruteraan, perniagaan, perundangan, pentadbiran dan sebagainya. Kesemuanya mereka akan dilantik oleh Menteri walaupun tidak dinyatakan di dalam Rang Undang-undang SPAN, kementerian bersetuju untuk melantik dua wakil kerajaan negeri sebagai ahli Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasa 5(1)(c).

(b) **Fasal 9 tempoh jawatan ahli Suruhanjaya.**

Ahli-ahli Suruhanjaya akan memegang jawatan untuk tempoh dua tahun. Walau bagaimanapun fasal ini tidak menghalang ahli-ahli Suruhanjaya yang menunjukkan komitmen yang tinggi serta mempunyai prestasi cemerlang dilantik berkhidmat bagi satu tempoh yang lebih panjang. Ini kerana di bawah fasal ini mereka boleh dilantik semula untuk tempoh tidak melebihi lima penggal atau maksimum 10 tahun.

(c) **Fasal 11 pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan ahli Suruhanjaya.**

Fasal ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan pelantikan mana-mana anggota Suruhanjaya tanpa memberi apa-apa alasan yang munasabah bagi pembatalan berkenaan. Dari segi undang-undang seseorang atau pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk melantik juga mempunyai kuasa untuk membatalkan pelantikan itu. Fasal ini bukan sahaja perlu malah selaras dengan undang-undang lain seperti Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Suruhanjaya Tenaga, Akta Suruhannya Syarikat Malaysia dan Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Walau bagaimanapun dalam melaksanakan kuasa tersebut Menteri adalah bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri dan seterusnya Parlimen. Oleh yang demikian, kuasa pelantikan dan pembatalan mana-mana anggota SPAN yang dibuat oleh Menteri menjadi tanggungjawab bersama kerajaan dan boleh dipersoalkan dalam mahkamah dan juga Parlimen.

(d) **Fasal 13 jawatankuasa-jawatankuasa SPAN.**

Fasal 13, memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu untuk membantunya melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Suruhannya juga boleh

melantik mana-mana orang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa serta boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Suruhanjaya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan. Wakil-wakil negeri juga boleh dilantik untuk menganggotai mana-mana jawatankuasa yang sesuai.

(e) **Fasal 20 Ketua Pegawai Eksekutif.**

Fasal ini memperuntukkan kuasa untuk Menteri melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya yang juga menjadi ahli Suruhanjaya. Ini adalah berdasarkan kepada konsep pengasingan kuasa antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif. Amalan ini selari dengan tadbir urus yang baik *good governance* serta untuk mengelak kemungkinan berlakunya dengan izin, *conflict of interest* sekiranya kedua-dua jawatan ini dipegang oleh orang yang sama.

(f) **Fasal 27 Kumpulan Wang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.**

Fasal ini memperuntukkan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi tujuan pembiayaan pentadbiran dan operasi Suruhanjaya. Di antara sumber kewangan kumpulan wang ini termasuklah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen. Pendapatan daripada fee lesen atau fee lain, caj pentadbiran, levi atau caj lain yang dikenakan oleh Suruhanjaya. Sementara itu Fasal 28 memperincikan tujuan perbelanjaan kumpulan wang ini. Atas faktor ketelusan penyata dan laporan kumpulan wang yang diaudit akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penutup, saya mempunyai keyakinan penuh bahawa SPAN sebagai sebuah perbadanan akan dapat memikul tanggungjawab kawal selia yang diamanahkan dengan jayanya demi kebaikan semua pihak.

Akhir kata dengan sokongan padu Ahli-ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara mampu berfungsi secara berkesan untuk membangunkan industri perkhidmatan negara yang mapan dan berdaya maju dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan kuasa untuk menyelia dan mengawal selia perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan dan untuk menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan

perkara-perkara yang berkaitan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan Dr. Haji Mohd. Puad.

**2.57 ptg.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya tidak akan bercakap panjang kerana hanya ada beberapa perkara sahaja yang saya rasa masih menimbulkan keraguan yang perlu diberikan perhatian. Walau bagaimanapun kita mengucapkan jutaan terima kasih di atas usaha kerajaan yang mewujudkan ataupun menyediakan satu Rang Undang-undang yang bertujuan sedemikian untuk memperbaiki penyelarasan kawal selia, kaedah kawal selia untuk menyeragamkan, kaedah kawal selia terhadap industri air di negara kita ini. Apatah lagi Suruhanjaya ini diberi kuasa sebenarnya untuk mengawal selia dan juga kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang akan diadakan ataupun peruntukan-peruntukan yang diadakan.

Cuma satu perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian di sini ialah soal pelantikan dan ini saya rasa sudah dibincangkan juga secara terbuka, soal pelantikan anggota kepada Suruhanjaya SPAN ini iaitu, di mana kuasa ini diberikan sepenuhnya kepada Menteri. Ini membimbangkan kita bahawa jika Menteri yang diberikan kuasa untuk melantik anggota-anggota SPAN ini, maka menyebabkan SPAN tidak mendapat kebebasan sebenarnya dari menjalankan tugas, sebab pelantikan mereka sendiri adalah pelantikan yang dibuat oleh Menteri. Oleh sebab itulah saya ingin mencadangkan, walaupun Menteri yang melantik anggota-anggota SPAN dan kita dimaklumkan bahawa anggota-anggota ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang dari segi profesionalismenya, kemampuannya dan penglibatannya dalam sektor air dan sebagainya.

Jadi, kita mengharapkan bahawa apabila senarai ini dikemukakan, dilantik dan dipilih oleh Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mestilah meneliti nama-nama ini, dan memberikan perhatian yang serius kepada nama-nama ini supaya mereka ini benar-benar mereka yang berkelayakan dan bebas serta tidak dipengaruhi oleh Menteri apabila mereka membuat sebarang keputusan, dan menjalankan tugas mereka untuk menguatkuasakan undang-undang yang disediakan.

**Tuan Ismail bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi berhubung dengan kebebasan menyuarakan pandangan yang bakal diberikan insya-Allah, oleh Ahli-ahli SPAN yang akan dilantik oleh menteri, kerana kita tidak mahu atas dasar mengenang jasa, kerana lantikan berkenaan. Ahli-ahli yang dilantik ini, dia boleh dikatakan akan mengikut ataupun menjadi 'pak turut' pada setiap keputusan yang dibuat, tanpa berani membuat teguran-teguran atas kelemahan-kelemahan yang berlaku.

Ini kerana kita Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, kita hanya perlu mengambil iktibar dari peristiwa AP yang berlaku, yang telah menimbulkan begitu banyak polemik di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat mahupun Ahli-ahli Dewan Negara yang mana apabila kuasa berkenaan terletak di tangan menteri dan kita lihat seolah-olah jawatankuasa yang ditubuhkan hanya lebih bersifat *rubber stamp just to endorse*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua segala keputusan-keputusan yang telah ditetapkan oleh menteri.

Kita bimbang dan kita minta sebenarnya supaya perkara ini biar pemantauan dan juga kawalan yang begitu terperinci yang perlu dibuat oleh Perdana Menteri ke atas setiap seorang ahli seperti mana Yang Berhormat Dr. Puad cadangkan tadi dan begitu juga ahli-ahli yang dilantik ini ahli-ahli yang berani menyuarakan pandangan, termasuklah kalau boleh Dr. Puad seorang sebagai ahli SPAN yang kita lihat ada kelayakan untuk membuat teguran secara terbuka.

Ini kerana, dalam hal ini kita hendak keadilan. Keadilan hanya boleh ditegakkan kerana sebagai manusia, bila dia terlampau banyak berkuasa macam Napoleon dia lupa. Walaupun dia kecil sahaja, tetapi dengan kuasa yang ada, dia berasa diri dia besar untuk dia hendak buat sesuatu, hendak *abuse the power* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang saya tekankan iaitu bahawa Suruhanjaya ini mestilah bebas. Sebab ini, masalah industri air ini adalah satu masalah yang besar sebenarnya dan dia boleh menimbulkan apa yang dikatakan sebagai darurat jika sekiranya kita tidak dapat mengurus air dengan baik. Sebab itulah, jika sekiranya Suruhanjaya ini yang kita alu-alukan kewujudannya untuk menyeragamkan kaedah pengawalan kawal selia air yang sekarang ini berbeza-beza antara negeri, daripada satu negeri ke satu negeri yang lain. Dia pula diberi kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan tersebut.

Tetapi jika sekiranya SPAN ini sendiri tidak bebas, dia terikut dengan telunjuk menteri yang melantik dia, maka tidak ada makna Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah saya mengatakan bahawa siapa juga yang dilantik, yang dicadangkan oleh menteri untuk menganggotai SPAN ini, nama-nama itu mestilah diteliti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan saya setuju bahawa jika sekiranya salah seorang daripada anggota itu dilantik di kalangan Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai latar belakang yang tahu dalam bidang tersebut, mungkin Yang Berhormat Senator Hang Ai Li. Saya lebih suka sebut nama dia Hang Ai Li Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Hang Ai Li tetapi lebih mudah saya hendak sebut Hang A Li.

**Tuan Ir. Hiang Ai Li:** [*Senyum*]

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya rasa saya setuju sama ada daripada Dewan Rakyat atau Dewan Negara tetapi seorang daripada Parlimen. Jadi lebih telus sebenarnya. Lebih telus dan perkara ini kita lebih mudah untuk mendapat maklumat dan apa juga yang kita perbahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga dibawa di dalam SPAN itu supaya saya melihat kawal selia itu lebih telus dan lebih berkesan sebenarnya. Sebab di dalam Perkara 5,

seksyen 5, Bil 5, kuasa Menteri ini adalah cukup jelas iaitu bahawa dia yang berkuasa melantik anggota Suruhanjaya ini.

Sebab itu saya mengharapkan bahawa Yang Berhormat dapat membawa balik perkara ini, iaitu soal pelantikan ini walaupun menteri yang melantik, tetapi nama-nama tersebut mestilah akhirnya diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri supaya tidak berlaku apa yang dikatakan sebagai kroni dan sebagainya dalam pelantikan anggota-anggota tersebut. Itu yang pertama, sebab dalam SPAN ini pun, kita melihat kuasa menteri terlalu banyak kalau kita lihat soal pengawalan lesen dalam seksyen 9, kuasa menteri menentukan syarat lesen dalam seksyen 9, Perkara 2 (b) dan (c) kuasa menteri untuk mengubah syarat lesen dalam seksyen 11. Kemudian pembaharuan lesen dalam seksyen 17.

Pembatalan lesen dalam seksyen 13. Semua kuasa menteri. Jadi kalau sekiranya suruhanjaya ini tidak bebas, dia ikut sahaja apa sahaja yang menteri katakan. Maka di mana sebenarnya peranan suruhanjaya ini nanti dari segi untuk memastikan bahawa kaedah untuk mengawal selia perkhidmatan air ini dapat diperbaiki daripada apa yang berlaku sekarang ini. Sebab itulah saya mengharapkan perkara ini diberikan perhatian. Yang kedua Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Memanglah, inilah yang kita bincang dalam Dewan, bahawa kita hendak Lembaga Pengarah dilantik oleh menteri itu biarlah dapat kelulusan daripada Yang Berhormat Perdana Menteri. Kita tidak mahu ada orang menggunakan nama Perdana Menteri untuk kepentingan dia. Macam-macam masalah yang kita bincang dalam Dewan ini, maka banyak perkara yang tidak *transparent*. Untuk pandangan Yang Berhormat yang kedua, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Suruhanjaya ini satu kuasa yang besar. Suruhanjaya Pilihan Raya, apa sahaja suruhanjaya bebas ditubuhkan ini memang satu kuasa yang besar bagi Menteri. Saya tidak tahu kenapa menteri hendak sangat kuasa ini. Ini sebagai satu kuasa veto. Dia boleh veto segala-galanya. Ini kuasa veto ini, kuasa begitu besar sekali. Saya hendak tanya satu lagi pandangan Yang Berhormat, sekarang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan kerajaan negeri, dia ada dua kuasa pula sekarang ini. Kalau hendak minta tanah, dia kena pergi kepada kerajaan negeri. Kalau dia hendak dahulukan sesuatu bangunan untuk apa, dia mesti kepada kerajaan negeri. Jadi bagaimana kuasa yang ada ini, kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini boleh mengatasi masalah ini? Tidak bolehkah pandangan Yang Berhormatlah, konsesikah, penswastaan ini kita serah kepada kerajaan negeri. SPAN inikah, apakah, pembuat dasar sudah.

Lagi satu, saya takut hari ini kita hendak selaraskan semua pihak berkuasa air tempatan. Macam saya di Pihak Berkuasa Air di Pulau Pinang (PBAP). Saya ingat yang terbaik, sistem dia begitu baik sekali. Saya tidak mahu apabila tubuhnya SPAN ini, ada negeri-negeri yang tidak

boleh menampung perbelanjaan mereka, hendak menampung kos mereka, maka terpaksa tarif dinaikkan. Maka Pulau Pinang pun terpaksa menanggung risiko ini walaupun Timbalan Menteri mengatakan mungkin tidak naik besok, tidak naik lusa. Itu adalah kita dengar selalulah. Tarif elektrik pun tidak akan naik, tidak akan naik. 'Tak dan' dua minggu, dia naik juga. Jadi inilah. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat kerana seorang yang cukup prihatin sebenarnya, dalam isu-isu apatah lagi yang membabitkan soal keperluan asas kepada rakyat sebenarnya seperti air ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tentang isu Yang Berhormat bangkitkan. Sebab itulah saya ingin membangkitkan juga kepada Yang Berhormat yang membentangkan rang undang-undang ini iaitu kenapa dalam rang undang-undang kita ini, dalam Rang Undang-undang SPAN ini tidak disertai undang-undang yang sedia ada mengenai dengan kualiti alam sekitar dan juga kuasa kerajaan negeri ke atas tanah dan sumber air.

Sebab, kalau tidak nanti, berlaku pertindihan antara SPAN dan juga kerajaan negeri sebab tidak jelas dalam isu ini. Sebab saya takut nanti timbul pertindihan. Saya boleh memberikan contoh nanti kenapa saya membangkitkan perkara ini iaitu tidak disertai dengan undang-undang yang sedia ada mengenai dengan kualiti alam sekitar ini kalau tidak berlaku pertindihan. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, contohnya ialah SPAN akan menetapkan piawaian air mentah yang boleh dirawat dan air bersih yang boleh dibekalkan kepada pengguna.

Tetapi jika sekiranya operator loji menghadapi masalah air mentah yang dicemari, SPAN tidak boleh berbuat apa-apa. SPAN tidak mempunyai kuasa untuk menangani isu ini sebab sumber air adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan negeri. Jadi bagaimana sebenarnya suruhanjaya ini boleh menjalankan atau melaksanakan kuasanya jika berlaku masalah-masalah seperti ini sebab tidak disertakan dalam rang undang-undang ini. Sebab itu saya kata mungkin boleh berlaku pertindihan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya juga mengharapkan iaitu apa sahaja asas-asas pertimbangan yang dibuat sama ada untuk menarik lesen, membatalkan lesen atau membaharui lesen, kenapa tidak disenaraikan dalam rang undang-undang ini dan dijadikan sebagai peruntukan dalam rang undang-undang ini supaya kita tahu atas asas apakah apabila Kerajaan, khususnya suruhanjaya ini bertindak. Sebab itu yang saya sebutkan awal sebelum ini iaitu tentang atas kepentingan nasional tidak disenaraikan.

Begitu juga dalam perkara-perkara di dalam SPAN ini di mana menteri mempunyai kuasa untuk membatalkan, membaharui lesen dan sebagainya. Kenapa tidak disenaraikan asas-asas pertimbangan itu dan dijadikan sebahagian daripada peruntukan supaya kita tahu apa sebenarnya yang menjadi asas apabila menteri itu membuat keputusan terhadap sesuatu perkara. Yang ini saya harap dapat diberikan penjelasan.

Jadi sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, kenapa akhirnya kita mengharapkan bahawa seperti juga dalam rang undang-undang sebelum ini yang dipanggil sebagai WSI ini iaitu bahawa kuasa menteri ini mesti ada perimbangan sebenarnya. Kalau sebelum ini kita berharap Kabinet menjadi kuasa pengimbangannya yang memantau apa juga yang diputuskan oleh menteri, maka saya harap suruhanjaya ini adalah suruhanjaya yang bebas kerana mereka yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan segala peruntukan yang ada baik dalam WSI dan sebagainya.

Jadi kalau mereka sendiri tidak bebas, mereka sendiri terikat, mereka sendiri dipilih berdasarkan kepada *favoritism*, dengan izin, minta maaf, bukan saya hendak berburuk sangka tetapi kita bimbang perkara ini akhirnya akan berlaku juga, maka mesti ada satu pengimbang terhadap suruhanjaya ini dan sebab itulah kalau boleh sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkanlah bahawa dicari satu kaedah dah kalau boleh saya minta Kementerian fikirkan kaedah untuk memastikan suruhanjaya ini adalah suruhanjaya yang benar-benar bebas, yang dapat menjalankan kuasanya dengan terbuka, dengan apa ini....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Haji Abdul Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Bercakap berhubung dengan kebebasan ini dan perimbangan, tidakkah Yang Berhormat memikirkan bahawa kalaulah lain-lain badan tidak boleh mengimbangi kuasa menteri ataupun kuasa suruhanjaya, tidakkah cukup perimbangan itu dibuat oleh Dewan Rakyat dan oleh Dewan Negara seperti yang kita buat selama ini atau adakah kita sebagai Ahli Dewan Negara juga tidak bebas dalam erti kata yang sebenarnya pada waktu-waktu yang tertentu oleh kerana kita dilantik oleh orang-orang yang tertentu, kita hanya boleh bercakap, boleh menegur, boleh mengkritik pada perkara-perkara yang tertentu sahaja dan kita dinasihatkan jangan lupa bahawa kita ada tuannya.

Hal yang semacam ini barangkali saya rasa ada kena-mengena juga dengan orang yang dilantik sebagai ahli suruhanjaya, "kamu boleh menegur, kamu boleh mengecam, tetapi jangan lupa kamu dilantik". Saya ingat begitu barangkali dalam hal ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Apa fikiran Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Benar, Yang Berhormat. Itulah perbandingan yang paling tepat sebenarnya. Tetapi oleh kerana seperti yang kita maklum bahawa tujuan kita melakukan semua perkaranya, semalam pun Yang Berhormat ada sebut 10 perkara, tujuan kenapa rang undang-undang ini dibuat, kenapa sebenarnya kita hendak selaraskan semuanya. Kerana air adalah merupakan satu isu yang cukup sensitif dan boleh dianggap sebagai satu kategori yang darurat jika kita tidak lagi mendapat air yang bersih ataupun sumber air kita sudah tidak lagi mencukupi.

Dalam hal ini, sebab itu saya kata bahawa mesti ada satu kaedah bagaimana SPAN ini, suruhanjaya ini... Saya tidak tahulah Suhakam bagaimana tetapi sekurang-kurangnya Suhakam itu saya fikir memang dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Kenapa tidak, maksudnya SPAN ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini mendapat kedudukan seperti Suhakam itu di mana mereka yang duduk dalam Suhakam itu dapat menjalankan tugasnya dengan penuh bebas. Sebab itulah yang menjadi kehairanan saya kenapa dalam soal pelantikan anggota kepada suruhanjaya ini mesti menteri yang melantik.

Kalau sekiranya Perdana Menteri sendiri yang memantau dan melihat nama tersebut dan sebagainya, mungkin kita rasa lain sedikit tetapi dalam soal ini menteri sebenarnya. Sebab itulah saya harap perkara ini dapat dibawa kembali oleh Kementerian untuk dirujuk balik kepada Kabinet dan carilah apa jalan pun bagaimana perkara ini dapat diperbetulkan.

Saya terus-terang, Tuan Yang di-Pertua, maksudnya saya tidak begitu selesalah. Jangan dianggap macam takut pula bila disebut tidak selesa ini, tetapi rasa macam tidak seronok apabila pelantikan SPAN ini diberi kuasa sepenuhnya kepada menteri.

Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya bangkitkan dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu, boleh tahu berapa lama Yang Berhormat...

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya ingat dalam tiga minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiga minit? Selepas itu saya minta Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong untuk bersedia.

### 3.17 ptg.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyimpulkan perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian dalam perbincangan kita hari ini. Seperti mana yang disebut oleh yang terdahulu, yang pertama, peranan menteri perlu diminimumkan. Ini yang banyak diperkatakan. Perlu ada ketelusan dalam tindakan dan keputusan suruhanjaya dan peranan utama suruhanjaya adalah untuk melaksanakan objektif polisi perundangan dan dalam hal ini ketelusan adalah penting.

Yang kedua, keputusan suruhanjaya perlu tertakluk kepada semakan kehakiman. Tidak ada siapa yang rugi kalau kita menggunakan kehakiman sebagai semakan kita. Tidak perlu menteri membuat keputusan yang muktamad.

Yang ketiga, walaupun dengan penubuhan SPAN, masih kurang jelas sama ada SPAN berkeupayaan untuk membuat pemantauan dan kawal selia perkhidmatan yang berkesan. Itu sahaja yang saya hendak timbulkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Cukup jelas.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

### 3.18 ptg.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin kemukakan dua dasar saya iaitu air itu adalah satu aset semulajadi, air itu adalah satu hadiah kurniaan daripada Tuhan, air itu adalah hak semua manusia, air itu harus selamat digunakan oleh semua manusia. Itu dasar pertama saya. Yang kedua, penubuhan SPAN ini tidak harus pada akhirnya membebankan rakyat. Itu dua dasar saya. Dua perkara yang ingin saya kemukakan, yang pertama iaitu kuasa mutlak menteri....

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Minta maaf, izinkan saya beri penjelasan sedikit. Saya rasa kita perlu pergi lebih jauh daripada itu. Air itu bukan hanya perlu selamat untuk manusia, air itu perlu selamat digunakan oleh sesiapa sahaja, tidak kira manusia, binatang, ternakan, makhluk dan sebagainya dan perlu bersih. Sebab itu semua orang perlu bertanggungjawab terhadap air di dunia ini. Saya rasa Yang Berhormat lebih setuju dengan pandangan saya.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih. Saya setuju betul sebab yang melibatkan diri dalam perbincangan manusia, jadi saya *limitkan* kepada air untuk manusia, semua manusia dalam dunia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maksud Yang Berhormat, kalau selamat untuk manusia itu, selamatlah untuk...

**Tuan Lee Chee Keong:** Untuk yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ... untuk yang lain. Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Jadi, pendirian saya yang pertama ialah kuasa mutlak menteri. Dalam undang-undang yang dicadangkan, dalam Perkara 5(1)(a)(b), bahawa menteri boleh melantik Pengerusi dan CEO atau Ketua Pegawai Eksekutif tanpa diberi sebarang kriteria untuk rujukan kita bersama. Ini bererti menteri kemungkinan besar sebagaimana yang kita lihat selama ini akan melantik orang-orang tertentu, orang-orang yang mungkin memihak kepada menteri itu sendiri atau kroni-kroninya.

Kita berterus-teranglah di sini. Sebab kita nampak, dalam banyak GLC-GLC ini, banyak perkara macam ini berlaku. Dalam Perkara 11(b), menteri boleh membatalkan jawatan mana-mana anggota tanpa memberi sebarang sebab. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira ini tidak berapa patut dari segi undang-undang. Sesiapa sahaja yang dipecat atau dibatalkan

jabatannya, patutlah diberi satu peluang untuk memberi sebab atau mendengar sebab-sebab mengapa beliau ini dilucutkan jabatannya.

Maka pada pandangan saya, kuasa menteri untuk membatalkan mana-mana anggota suruhanjaya tanpa memberi sebab adalah kurang adil kepada anggota-anggotanya. Menteri melantik Ketua Pegawai Eksekutif difikirkan wajar oleh menteri sahaja. Pada pandangan saya, Ketua Pegawai Eksekutif adalah satu jawatan yang penting. Jadi, suka tidak suka menteri itu, kalau pegawai itu sesuai, kalau ada kelayakan, ada pengalaman, jadi itulah harus dijadikan kriteria yang utama. Bukan difikirkan wajar oleh menteri sebagaimana yang tercatat dalam bill-bill kita.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya mohon mencelah, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Chee Keong:** Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih. Tadi beberapa Yang Berhormat telah mengatakan seolah-olah mempertikaikan kewibawaan seseorang menteri ini. Jadi, tidakkah Yang Berhormat rasa bahawa menteri itu dilantik oleh Perdana Menteri? Maka dia ada bosnya di atas, takkan dia boleh buat sewenang-wenangnya, dan adakah Yang Berhormat meragui kewibawaan menteri-menteri kita ini? Kerana pada saya, sebagai menteri atau ketua di setiap kementerian, maka dia haruslah bertanggungjawab dari segi kemajuan dan kelemahan kementeriannya sendiri. Dan saya percaya semua menteri ini juga dia gunakan air ini. Keperluan asas kita. Yang tidak ada api, kita boleh pakai lilin, tidak ada air ini susah hendak hidup. Jadi saya tidak rasa dengan ada kuasa yang diberikan oleh sebagaimana dibentangkan oleh kementerian tadi akan membawa kepada benda yang boleh menjurus kepada benda yang tidak betul. Kerana..

**Tuan Ismail bin Kassim:** Tidak Yang Berhormat..

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya tengah mencelah.

**Tuan Ismail bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah kerana saya rasa kenyataan itu saya rasa tidak berapa betul. Kerana kenyataan yang dibuat oleh rakan-rakan tadi, hanya ingat-mengingati. Sebab ada telah terjadi perkara ini. Jangan kata tidak pernah terjadi, sebab kementerian melibatkan kementerian Ketua Wanita Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Lee Chee Keong:** Saya lebih setuju kepada Yang Berhormat Tuan Ismail, sebab kalau Ketua Pegawai Eksekutif itu dilantik. Bila difikirkan wajar oleh menteri itu sendiri. Kalau kita sama-sama tidak ada air, CEO ini akan menyalurkan air terus ke rumah menteri, sebab menteri itu berkuasa mutlak untuk memecat atau membatalkan jabatannya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sampai tidak boleh bercakap Tuan Yang di-Pertua bila Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim tadi mengganggu. Sebenarnya, kita sudah sepatutnya memberi kuasa itu kepada menteri supaya nampakkan kewibawaannya dan saya percaya dan yakin sebagaimana

saya kata, tadi Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim mengatakan bahawa ada kementerian itu, kadang-kadang bukan menteri itu yang buat kesilapan. Pegawai-pegawai tadbirnya, dan antara kegagalan-kegagalan GLC kadang-kadang bukan kerana menteri itu, tetapi kerana tamaknya kesilapan pentadbiran dan pengurusan itu. Jadi saya rasa, kementerian ini di bawah yang diketuai oleh seorang menteri, menteri lah patut menentukan pentadbirannya dan dia juga patut memikirkan apa yang betul. Kadang-kadang antara yang ...

**Tuan Ismail bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, yang saya maksudkan tadi kesilapan menteri. Kita tidak pernah salahkan pegawai. Sebab polisi ditentukan oleh menteri. Pegawai hanya menjalankan tugas, jangan salahkan pegawai. Kalau dia tidak terima *clear direction*, dengan izin, dia tidak akan buat keputusan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sharifah dah habis bercakap tadi?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Cukuplah Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengambil pandangan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong, Yang Berhormat Tuan Ismail dan juga Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Sebenarnya menteri itu juga manusia. CEO itu juga manusia, dan manusia tidak lepas daripada kesilapan. Jadi, kalau ada proses-proses yang tertentu, yang telus dalam pemecatan ataupun menurun pangkat seseorang itu, maka ia membawa erti kata bahawa proses keadilan itu diadakan di dalam peruntukan perundangan.

Jadi apa yang saya rasa Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong maksudkan di sini, oleh sebab adanya kelemahan-kelemahan yang semula jadi dalam manusia. Maka kalau diberi kuasa yang mutlak kepada menteri, mungkin akan ada kesilapan dan ketidakadilan. Maka kalau ada proses, orang kata menganalisa dan memberi peluang bagi CEO itu mempertahankan diri sekiranya ada, dan juga menteri itu untuk berunding dengan dia menyatakan kesilapan, saya rasa itu yang lebih adil, itu yang lebih baik dan itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lee Chee Keong:** Saya lebih setuju kepada pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. *[Ketawa]* Sebab dah jumpa geng dah. Pada pandangan saya menteri boleh melantik anggota-anggota suruhanjaya. Tetapi CEO itu, saya cadangkan kepada Dewan yang mulia ini, biarlah Kabinet yang melantik sebab CEO ini mempunyai kuasa tertentu yang menteri tidak boleh kacau esok. Kalau tidak, CEO itu akan sahaja tunduk kepada menteri, akan sahaja menerima arahan daripada menteri. Ini akan menyebabkan banyak penyalahgunaan kuasa, penyelewengan akan berlaku. Itu pada pandangan saya. Pendirian saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkara 33, dikatakan pelaburan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini boleh membuat pelaburan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh menteri. Yang menjadi soal...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Pohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Maksud Yang Berhormat tadi, CEO itu, maknanya kuasa dia lebih daripada menteri?

**Tuan Lee Chee Keong:** Maksud saya, CEO patut dilantik oleh Kabinet. Biarlah menteri lantik anggota-anggota suruhanjaya. Kalau tidak, CEO akan patuh, akan tunduk sahaja kepada menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat boleh pergi kepada perkara yang kedua tadi.

**Tuan Lee Chee Keong:** Pendirian saya yang kedua, yang kita dapat baca dalam Perkara 33, iaitu pelaburan boleh dibuat oleh Suruhanjaya ini mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh menteri. Ini saya khuatir sedikit. EPF kita melabur. Banyak GLC-GLC kena melabur. Kalau rugi pelaburannya, itu EPF punya. Kalau untung dalam pelaburan, entah mana pergi duitnya. Saya bimbang perkara ini berlaku. Kepada saya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini harus memberi tumpuan kepada kerja-kerja rawatan air, pengagihan air dan sebagainya, tetapi bukan the pelaburan.

Hendak cari untung daripada air kurniaan Tuhan ini sudah cukup, mengapa hendak melabur lagi dalam bidang-bidang lain? Apa kata kalau pelaburan ini mengalami kerugian, ini akan jatuh, akan balik kembali kepada rakyat. Tarif akan dinaikkan. Saya sudah cakap tadi, pada awal tadi, bahawa air ini adalah pengurniaan Tuhan. Bahawa SPAN ini, Suruhanjaya ini tugasnya, tanggungjawabnya, ialah tidak membebankan rakyat.

Itulah asas saya dan dua pendirian saya. Maka saya ingin mencadangkan iaitu kuasa menteri harus dipantau oleh Kabinet. Pelantikan CEO harus dibuat oleh Kabinet, tetapi anggota-anggota Suruhanjaya boleh dilantik oleh menteri kita. Menteri Mempunyai kuasa tertentu, tetapi bukan kuasa mutlak, itulah pandangan saya dan dengan itu saya sokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ada ahli-ahli Yang Berhormat lain yang hendak berucap. Kalau tidak ada, saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

### 3.30 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tiga orang ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi pandangan berhubung dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Rata-rata kebanyakan Ahli Yang Berhormat bangun untuk menyatakan kebimbangan, keraguan akan kuasa yang begitu besar diturunkan atau diberikan kepada menteri dan saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat saudara Tuan Ismail bin Kassim yang menyatakan bahawa tujuannya bukanlah kerana tidak mempercayai mana-mana menteri ataupun kewibawaan mana-mana pihak pentadbiran, tetapi lebih merupakan satu peringatan, satu cara kita ingat mengingati antara satu

sama lain, apatah lagi dalam Islam kita sendiri dituntut supaya saling ingat-mengingati antara satu sama lain.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan mengenai kepentingan SPAN yang diwujudkan sebagai sebuah suruhanjaya yang bebas. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, SPAN adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh Parlimen melalui Rang Undang-undang SPAN. Fungsi dan kuasa-kuasanya juga diperincikan di bawah Rang Undang-undang ini. SPAN bertanggungjawab kepada menteri di bawah Seksyen 18 (1) dari segi pentadbiran. Ini adalah kerana SPAN termasuk dalam ruang lingkup fungsi Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Menteri bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri dan Parlimen untuk perkara-perkara yang termasuk dalam ruang lingkup fungsinya.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga membangkitkan mengenai SPAN yang tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan atas pencemaran sumber air dan kawasan tadahan. Suka saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang, tanggungjawab mengenai pencemaran sumber air berada di bawah kawalan kerajaan negeri dan Jabatan Alam Sekitar. Di bawah Rang Undang-undang IPA, sekiranya berlaku pencemaran pada kawasan pengambilan air, SPAN boleh mengambil tindakan sewajarnya seperti mana peruntukan Fasal 121.

Oleh itu SPAN melalui pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat dan mendakwa mana-mana orang yang didapati telah melakukan pencemaran. Pihak Operator pula perlu memberhentikan serta-merta aktiviti pengambilan air buat sementara waktu sehingga air tersebut mencapai standard kualiti air mentah yang dibenarkan pengambilannya. Operator boleh memanjang permasalahan tersebut kepada SPAN yang akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sumber air mentah berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, maka wajarlah sebarang aktiviti pembangunan dalam kawasan tersebut di kawal oleh kerajaan negeri.

Dalam pada itu, kerjasama yang rata di antara Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan adalah amat penting sekali bagi memantau dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan. Bagi meringankan beban kewangan kerajaan negeri, Fasal 171 (3) RUU, IPA, sebentar tadi memperuntukkan sumbangan Kumpulan Wang Industri air yang boleh dibelanjakan bagi maksud perlindungan dan pemeliharaan sumber air. Selain dari itu, isu pencemaran air juga boleh ditangani oleh Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Ketua Menteri.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mempersoalkan pelantikan anggota Suruhanjaya dan kuasa yang diberikan kepada Menteri. Lazimnya dalam pelantikan

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Suruhanjaya walaupun tidak ternyata dalam akta ini, tetapi pada kebiasaannya, nama-nama yang dicadangkan ini kita bentangkan, kita cadangkan dahulu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapat persetujuan. Dalam Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini, selain nanti ada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah sedia ada Suruhanjaya Telekomunikasi dan juga Suruhanjaya Tenaga dan sebagaimana yang kita ketahui, dalam tahun ini juga kita telah melantik Suruhanjaya Tenaga yang baru dan Suruhanjaya Telekomunikasi yang baru.

Dalam pelantikan itu kita mengambil masa yang panjang sebab itu ada satu ketika kita hanya ada pemangku kepada Tuan Pengerusi Suruhanjaya itu kerana nama yang kita hantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil masa yang lama bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan kementerian sama ada bersetuju atau tidak bersetuju. Kalau tidak bersetuju kita kena buat pembetulan. Maksudnya menteri tidak ada kuasa yang bebas menentukan siapa sahaja yang dia suka dan untuk pengetahuan Tuan Pengerusi Suruhanjaya Telekomunikasi merupakan bekas Ketua Setiausaha Kementerian yang baru bersara dan beliau mempunyai pengalaman yang luas.

Ini tidak ada kena mengena kroni kepada menteri dan sebagainya yang mungkin berasa bimbang kalau orang ramai. Kalau hendak ikut saudara saya mungkin Yang Berhormat menteri letak Ah Chong, Ah Leong mungkin. Tetapi yang diletak adalah Datuk Dr. Halim yang merupakan bekas Ketua Setiausaha Kementerian ini yang - salah seorang yang bertanggungjawab menggubal Rang Undang-undang Akta Komunikasi 1998.

Jadi Yang Berhormat, saya faham dengan kebimbangan ahli-ahli Yang Berhormat dari segi kuasa menteri ini, tetapi percayalah menteri juga tidak boleh bertindak sesuka hatinya, malah menteri perlu mendapat persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila melakukan sesuatu pelantikan dalam mana-mana suruhanjaya.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mengenai pelantikan ahli di mana kuasa memberi perlu mengimbangkan. Pandangan kementerian telah bersetuju untuk melantik dua orang profesional untuk mewakili negeri sudah pasti kerajaan negeri akan dijemput untuk mengemukakan dua calon yang sesuai oleh sebab itu adalah tidak benar suruhanjaya ditubuhkan nanti adalah tidak bebas. Di sini maksudnya dua orang daripada yang dilantik nanti walaupun maksimum kita boleh lantik 12 dan biasanya 10-12, tetapi dua orang nanti adalah yang di kalangan mana-mana negeri. Mungkin kena negeri Kelantan, Terengganu. Maksudnya dua wakil daripada negeri akan masuk menjadi ahli Suruhanjaya ini. Lebih daripada itu, Suruhanjaya ini boleh dikatakan bebas, kerana memang akan menjadi bebas kerana Suruhanjaya ini bukan sahaja bertanggungjawab memberi pandangan kepada menteri.

Di bawah Suruhanjaya ini juga ada satu dinamakan *water forum*. *Water forum* ini diwakili oleh pengguna oleh operator sendiri, FOMCA dan sebagainya, memainkan peranan, memberi pandangan-pandangan kepada ahli-ahli Suruhanjaya ini. Maksudnya Suruhanjaya ini tidak boleh

sesuka hati mereka. Mereka juga kena ingat mereka sentiasa diperhatikan oleh *water forum*. Sekiranya tindakan-tindakan mereka ini tidak tepat sudah pasti mereka akan menerima kritikan-kritikan daripada *water forum* dan juga termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan yang mulia ini.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong kuasa pelaburan. Kuasa pelaburan yang diperuntukkan SPAN mestilah mengikut cara yang diluluskan oleh menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Tetapi di dalam kes ini adalah menjadi hasrat kementerian yang hendak dilaburkan adalah dalam bidang Industri Air. Dia tidak mungkin Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara nanti dia hendak melabur, dia hendak jadi kontraktor untuk buat bangunan, hendak buat kawasan perumahan. Tujuannya ada *referencing* kalau dia hendak pelaburan bagaimana untuk meningkatkan lagi untuk bekalan air di seluruh negara. Walau bagaimanapun, dari segi aspek, di mana mereka boleh melabur, mereka terlebih dahulu perlu mendapat persetujuan daripada Menteri Kewangan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, matlamat SPAN ini Suruhanjaya ini ialah untuk kita menyeragamkan kaedah kawal selia dan juga kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan.

Tetapi kalau kita rujuk dalam seksyen 30 - Maafkan saya, saya merujuk kepada WSI sebenarnya, tetapi berkaitan dengan kuasa SPAN. Saya merujuk kepada seksyen 30 WSI, Rang Undang-undang Perkhidmatan Air tentang rancangan perniagaan (*business plan*) di mana setiap tiga tahun pemegang lesen individu ini mengemukakan *business plan* nya. Tetapi dari segi pelaksanaan, untuk dia melaksanakan *business plan* itu ia kadang-kadang melibatkan kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan (PBT). Jika sekiranya dia mendapat kerumitan, PBT tidak memberikan kebenaran dan sebagainya, bagaimana suruhanjaya ini hendak menjalankan peranannya tadi sedangkan ia tidak ada kuasa untuk mengarahkan PBT untuk memberikan kebenaran, permit dan sebagainya kepada pemegang lesen individu ini untuk melaksanakan *business plan*nya itu. Mohon penjelasan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih. Sebenarnya tujuan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara meminta operator-operator ini untuk membekalkan *business plan* itu adalah untuk mengetahui sama ada operasi operator-operator ini berada dalam keadaan yang *sustainable*. Maksudnya operasinya mampan. Kita tidak mahu satu ketika operator ini terpaksa tutup dan sebagainya ataupun dalam masa yang sama kita juga tidak mahu operator ini terlalu mewah mengaut keuntungan yang begitu banyak. Sebab itu SPAN mempunyai kuasa untuk meminta syarikat yang mengendalikan operasi air ini mengemukakan kepada SPAN bagaimanakah rupa *business plan* mereka dua tahun akan datang dan sekiranya mereka nak mohon, mereka kata mereka perlukan kenaikan tarif, SPAN ini boleh mengata, mengapa kamu perlukan kenaikan tarif. Katakan di mana yang ada kenaikan-kenaikan yang menyebabkan kamu

ada kenaikan tarif dan SPAN boleh mengatakan apakah tindakan-tindakan yang telah kamu ambil untuk menurunkan NRW.

Ini perkara-perkara yang boleh diujahkan oleh SPAN. Walau bagaimanapun, walaupun SPAN tidak ada kuasa sekiranya ada permasalahan dengan kerajaan-kerajaan tempatan. Tetapi SPAN tahu dengan terperinci apakah cadangan-cadangan yang hendak diutarakan oleh operator untuk memajukan industri supaya industri ini menjadi satu industri yang berdaya maju dan mampan, boleh memberi bekalan air pada bila-bila masa, tidak kira di mana orang berada dan ia terletak di bawah kementerian ini dan saya yakin sekiranya berlaku perkara-perkara yang mengalami kesusahan sebagaimana Yang Berhormat kata mungkin di bawah kerajaan tempatan, kita dalam kelompok kerajaan yang sama, barisan yang sama, kita boleh utarakan pandangan ini kepada menteri dan menteri boleh mengutarakan ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Itu bukanlah masalah yang utama untuk berhubung antara satu kementerian dengan kementerian di bawah satu kerajaan yang sama. Kecualilah di dalam Kabinet itu menterinya satu dari parti lain dan satu lagi daripada parti lain. Ini satu parti. Satu kerajaan. Kerajaan yang sama. Perdana Menteri yang sama. Saya rasa perkara-perkara ini boleh diselesaikan dengan secara bermuzakarah dan sebagainya, perbincangan untuk kebaikan seluruh masyarakat di negara ini kerana tujuannya untuk kebaikan. Saya rasa tidak ada sebab kerajaan tempatan akan menolak cadangan daripada SPAN ataupun daripada kementerian ini sekiranya tujuan adalah untuk kepentingan orang ramai.

Sebagai contoh, hari ini kita ketahui kita mencadangkan dalam telekomunikasi kita hendak buat Telekom tower, bagaimana hendak membaiki dari segi mutu perkhidmatan telefon mudah alih. Kita dapati susah separuh-separuh tanah hendak dapat daripada kerajaan negeri, maka kementerian saya telah melantik syarikat-syarikat *state backed company*. Syarikat-syarikat ini berjumpa dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak pernah menolak kerana tujuannya adalah untuk memperbaiki perkhidmatan kepada seluruh rakyat negara ini.

Jadi bukanlah masalah utama kerana tidak ada kuasa, kerana kita masih lagi boleh berhubung dengan kementerian-kementerian lain. Itu sahaja yang boleh saya sampaikan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Lee Chee Keong:** Minta laluan Yang Berhormat. Saya suka mendengar hujah Yang Berhormat yang mengatakan bahawa suruhanjaya boleh melabur dalam bidang-bidang yang ada kaitan dengan air sahaja. Itu interpretasi Yang Berhormat. Yang *black and white* dalam undang-undang ini mengatakan:

Perkara 33: "*Wang suruhanjaya hendaklah setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh suruhanjaya di bawah Akta ini dilaburkan*

*mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan”*

Bukan sebagaimana yang telah diinterpretasikan oleh Yang Berhormat mengatakan yang pelaburan hanya dibuat dalam bidang yang ada kaitan dengan air.

Jadi, ini yang membimbangkan kita. Kita bukan cakap sewenang-wenang sahaja. Pada saya kita nampak banyak GLC atau badan-badan berkanun telah membuat pelaburan dalam KLSE atau saham-saham di luar negara yang mengalami kerugian dan kerugian ini kita yang menanggungnya esok. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Ketika saya menjawab Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air, saya ada menyebut bahawa dari segi operator sendiri, kalau mereka hendak membuat pelaburan baru daripada keuntungan yang mereka perolehi daripada industri yang mereka ceburi, industri perkhidmatan air mereka terpaksa melabur dalam *referencing* - maknanya mereka hanya boleh melabur dalam industri itu.

Saya yakin walaupun mendapat kelulusan Kementerian Kewangan, perkara yang sama akan dilakukan dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini sekiranya terdapatnya lebih daripada wang untuk pelaburan kita akan menggunakan untuk industri ini kerana SPAN dan IPA ini mereka adalah seolah-olah abang dan adik. Ia tidak boleh bergerak satu sahaja. Tanpa SPAN, IPA tidak ada makna. Tanpa IPA, SPAN tidak ada makna.

Dalam IPA tadi, saya telah menjawab, mereka hanya melabur dalam industri yang ada *referencing* nya. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu pelaburan luar, sudah pasti ia memerlukan kebenaran daripada Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Saya rasa saya telah menjawab hampir semua permasalahan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada mana-mana permasalahan yang tidak dapat saya jawab, saya akan mencari jawapan yang sebaik mungkin dan akan menghantar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi pandangan dan juga mengingatkan kerajaan, mengingatkan kementerian saya supaya lebih berhati-hati dalam meluluskan Rang Undang-undang ini kerana kita juga telah banyak mempelajari akan kesilapan-kesilapan lalu dan kita mengharapkan supaya Rang Undang-undang ini akan menjadi satu titik tolak memperbaiki mutu perkhidmatan industri perkhidmatan air di negara ini. Saya yakin dengan lulusnya Rang Undang-undang ini kita akan dapat mutu perkhidmatan air dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

Cuma ia mungkin tidak berlaku dalam satu hari dua kerana saya juga bimbang apabila lulusnya Rang Undang-undang ini, esok pagi orang ramai berharap semua mutu perkhidmatan bekalan air di negara ini dengan automatiknya menjadi baik. Ini mengambil masa kerana apabila untuk memperbaiki bekalan air di negara kita ini kita memerlukan perbelanjaan yang banyak,

paip-paip perlu ditukar, loji-loji yang lama perlu diperbaiki dan sebagainya. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat supaya bersama-sama dengan kementerian ini memberi penerangan dan bagi pihak kementerian kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi mutu bekalan air di negara ini. Jadi saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, di atas jawapan dan segala pengakuan yang telah pun diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal-fasal 1 hingga 44** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PINDAAN) 2006**

#### **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**3.22 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menggalakkan melalui latihan kemahiran pembangunan dan pembaikan keupayaan seseorang yang diperlukan untuk kerjaya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila huraikan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan bahawa keperluan akta yang dibangunkan ini adalah untuk memantau dan menyelaras latihan

kemahiran di kedua-dua sektor awam dan swasta agar lebih berkesan bagi maksud ini Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) selepas ini dirujuk sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (JPKK) adalah satu-satunya jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan dan memantau latihan kemahiran dan membangunkan kerjaya dalam bidang kemahiran.

Akta ini juga adalah sebagai platform untuk memajukan latihan kemahiran di mana Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kerangka kelayakan kemahiran lima tahap iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap satu hingga tiga, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi menggantikan persijilan tiga tahap. Bangunan laluan kerjaya bagi pekerja mahir yang selari dengan pembangunan kerjaya berasaskan akademik sedia ada juga dapat disediakan. Sehingga hari ini belum ada penerimaan dan pengiktirafan secara rasmi melalui perundangan diberikan kepada pemegang SKM di mana seramai 600,000 orang telah dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) semenjak tahun 1994 sehingga tahun lepas 2005.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kualiti latihan kemahiran sangat penting kerana selepas Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) ditubuhkan pada Januari 2001, kita dapat lihat pertambahan pusat bertauliah (PB) yang begitu banyak sehingga 1,800 pusat bertauliah telah ditauliahkan. Ini menyukarkan pemantauan dan kawal selia dijalankan terutamanya dalam aspek kualiti penyampaian latihan sedangkan aspek penyelarasan dan pemantauan adalah sangat penting bagi memastikan keluaran tenaga mahir negara. Walau bagaimanapun, jumlah pusat bertauliah ini telah menurun kepada 1,100 pusat bertauliah selepas lawatan Audit ketakakuran dijalankan. Sistem latihan kemahiran ini juga dapat memberi peluang kepada lepasan sekolah dan pekerja untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran. Peluang peningkatan kelayakan kemahiran dan pengiktirafan di bawah Rang Undang-undang akan mendorong tenaga kerja untuk mengikuti latihan kemahiran secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat bahawa kerjaya berasaskan latihan kemahiran masih kurang mendapat perhatian masyarakat kerana masalah pengiktirafan, imej dan kualiti program latihan kemahiran itu sendiri. Ini juga disebabkan oleh kurangnya promosi dan usaha penjenamaan (*branding*) berkaitan latihan kemahiran. Senario pada masa ini tenaga kerja mahir sangat diperlukan dan berlakunya peningkatan penawaran terhadap tenaga kerja mahir. Oleh itu, keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian latihan kemahiran dapat memastikan penawaran tenaga kerja mahir berkualiti tinggi yang mencukupi. Penyaluran dan penyebaran maklumat yang berkesan membolehkan pasaran buruh berfungsi dengan lebih cekap dan anjal selaras dengan keperluan perubahan ekonomi semasa. Pembangunan sistem maklumat pasaran buruh penting untuk pembangunan sumber manusia yang bersepadu dan dinamik.

Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan menekankan keluaran tenaga mahir oleh latihan institusi kemahiran perlu ditingkatkan. Oleh itu, sistem latihan sedia ada perlu

dimantapkan untuk menghasilkan tenaga kerja yang bukan sahaja berkemahiran tetapi juga berpengetahuan dan beretika. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia mahir yang disokong dengan instrumen perundangan wajar disegerakan bagi memastikan hala tuju dan kualiti kemahiran negara setanding dengan negara maju. Melalui pewujudan akta juga dapat memperkukuhkan kedudukan program latihan kemahiran negara dan mendapatkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa terhadap persijilan kemahiran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah:

- (i) Fungsi keanggotaan dan mesyuarat majlis,
- (ii) Kuasa ketua pengarah,
- (iii) Kuasa menteri memberi arahan,
- (iv) Standard kemahiran pekerjaan kebangsaan (NOS),
- (v) Pentauliahan program latihan,
- (vi) Rayuan pada menteri,
- (vii) Sijil dan pengiktirafan,
- (viii) Pemeriksaan penyedia latihan kemahiran,
- (ix) Penguatkuasaan dan penyiasatan,
- (x) Kesalahan dan penalti,
- (xi) Pengkompaunan kesalahan,
- (xii) Pengiktirafan sijil,
- (xiii) Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan,
- (xiv) Kuasa menteri untuk mengecualikan.

Seksyen 4 menggariskan tentang fungsi majlis pembangunan kemahiran yang bertanggungjawab untuk meluluskan standard dan menasihati menteri ke atas perkara yang berkaitan dengan latihan kemahiran. Seksyen 5 pula menerangkan tentang keanggotaan majlis yang terdiri daripada:-

- (i) Pengerusi,
- (ii) Ketua pengarah,
- (iii) Sembilan wakil terdiri daripada unit Perancang Ekonomi (UPE), JPA Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, lima ahli yang mewakili kementerian yang mengendalikan latihan kemahiran iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dan Kementerian Kerja Raya,
- (iv) Sepuluh ahli yang terdiri daripada enam wakil dari sektor swasta, satu wakil dari penyedia latihan berkemahiran swasta dan satu wakil dari pertubuhan wanita serta dua orang perseorangan yang didapati sesuai.

Seksyen 12 menerangkan majlis hendaklah bermesyuarat dengan seberapa kerap yang tidak luput lebih daripada tiga bulan antara mesyuarat dengan kuorum 12 orang.

Seksyen 17 dan 18 menerangkan tentang kuasa Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran yang bertanggungjawab bagi pentauliahan program latihan, kemahiran dan pentadbiran serta pengawalan sistem persijilan kemahiran Malaysia. Kuasa menteri memberi arahan dari masa ke semasa selaras dengan peruntukan akta ini kepada Ketua Pengarah pula terkandung dalam Seksyen 19. Seksyen 20 dan 21 menggariskan Ketua Pengarah dipertanggungjawabkan, mewujudkan standard kemahiran pekerjaan kebangsaan dan kelulusan dibuat oleh majlis. Seksyen 23, 24, 25 dan 26 pula menerangkan tentang pentauliahan program latihan di mana penyelia latihan kemahiran yang menjalankan program latihan menggunakan *notch* hendaklah memohon kelulusan daripada Ketua Pengarah, perakuan pentauliahan diberikan untuk tempoh tiga tahun dan permohonan pembaharuan dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tamat tempoh pentauliahan.

[Dato' Hamzah bin Zainudin ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Seksyen 31, 32, 33 pula menerangkan bahawa rayuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada menteri dalam masa 30 hari dari tarikh notis tentang keengganan atau pembatalan pentauliahan program latihan kemahiran. Seksyen 34, 35, 36, menerangkan mengenai sijil dan pengiktirafan di mana penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia, DKM (Diploma Kemahiran Malaysia), DLKM (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia) dan penyata pencapaian oleh Ketua Pengarah. Berdasarkan keterampilan yang ditetapkan dalam sistem persijilan kemahiran Malaysia. Seksyen 37, 38 dan 39 mengandungi segala perkara berkaitan pemeriksaan penyedia latihan kemahiran di mana Ketua Pengarah boleh melantik dan memberi kuasa inspektor untuk membuat pemeriksaan terhadap penyedia latihan kemahiran.

Perkara berkaitan penguatkuasaan dan penyiasatan pula terkandung di bawah Seksyen 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47 dan 49, mana-mana pegawai penyiasat yang dilantik mempunyai kuasa untuk melaksanakan penguatkuasaan penyiasatan dan penyitaan terhadap penyedia latihan kemahiran yang melanggar syarat-syarat yang dikenakan. Seksyen yang seterusnya adalah merangkumi perkara yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan dan penalti yang dikenakan. Bagi Seksyen 52, ianya adalah tertakluk kepada kesalahan yang dilakukan oleh penyedia latihan yang membuat pengambilan pelatih untuk mengikuti program yang tidak mempunyai perakuan pentauliahan manakala Seksyen 53 dan 54 adalah meliputi larangan dan kawalan tentang pengiklanan. Seksyen 53 menerangkan tentang kesalahan membuat promosi sebagai pusat bertauliah sebelum mendapat kelulusan dan Seksyen 54 pula adalah mengenai kesalahan membuat pengiklanan yang mengandungi pernyataan palsu dan mengelirukan.

Seksyen 55 pula menerangkan tentang kesalahan dan penalti yang berhubung dengan persijilan iaitu mengeluarkan atau menganugerahkan sijil palsu. Seksyen 57 menjelaskan tentang kesalahan membuat kenyataan palsu tidak benar atau memberikan maklumat mengelirukan semasa permohonan pentauliahan. Seksyen 58, menerangkan tentang kegagalan penyedia latihan untuk mempamerkan suatu salinan perakuan pentauliahan dan tidak menyerahkan perakuan pendaftaran setelah tidak lagi menyediakan latihan kemahiran. Bagi kesalahan dan penalti berhubung pemeriksaan, penguatkuasaan dan penyiasatan ianya diterangkan di bawah Seksyen 59 di mana ianya meliputi kegagalan penyedia latihan mengemukakan sama ada buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan atau artikel yang diperlukan oleh inspektor.

Seksyen 64 menerangkan tentang pengkompaunan di mana Ketua Pengarah boleh dengan keizinan bertulis pendakwa raya mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah seksyen atau peraturan-peraturan di bawah akta ini. Wang kompaun akan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Seksyen yang seterusnya ialah Seksyen 67 di mana seksyen ini menerangkan tentang pengiktirafan sijil, sijil yang dianugerahkan hendaklah dipertimbangkan bagi maksud kelayakan untuk bekerja ke dalam perkhidmatan awam, badan-badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan menurut bentuk dan tatacara yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Menteri boleh membuat apa-apa peraturan bagi pelaksanaan akta dengan lebih baik dan perkara ini adalah terkandung di dalam Seksyen 72. Seksyen 73 pula menerangkan tentang kuasa menteri untuk mengecualikan di mana menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta, mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang atau penyedia latihan kemahiran daripada semua atau mana-mana peruntukan peraturan di bawah akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih ada sesiapa menyokong?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk menggalakkan melalui latihan kemahiran, pembangunan dan perbaikan keupayaan seseorang yang diperlukan untuk kerjaya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada tiga, empat. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

#### 4.07 ptg.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin menyatakan bahawa kita menerima Rang Undang-undang ini semalam, kalau boleh kita harapkan lain kali Rang Undang-undang ini disampaikan kepada kita lebih awal. Namun

begitu ia tidak mencegah atau mengurangkan semangat Ahli-ahli Dewan Negara untuk menganalisis, mendalami dan meneliti dengan penuh keperincian undang-undang yang di hadapan kita.

Saya menganggap Rang Undang-undang ini di antara yang saya sifatkan sebagai pokok-pokok di dalam hutan yang cuba hendak menumbuh lebih tinggi daripada pokok yang lain. Pokok angkana berkejar untuk melawan dengan pokok jati tanpa melihat secara menyeluruh hutan itu sendiri inilah dia dan saya ingin berasaskan segala hujah-hujah saya dalam membincangkan, membahaskan Rang Undang-undang ini dan kita hendak memperingatkan diri kita kepada falsafah, matlamat dan aspirasi Rancangan Malaysia Kesembilan terutama sekali dalam teras satu, menambah nilai - rantaian nilai - nilai tambahan dan juga teras kelima untuk memperbaiki institusi dan sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya meneliti Rang Undang-undang ini saya dapati terlalu banyak kelemahan dan ketidaksempurnaan. Dalam definisi, dalam makna dan tafsiran kemahiran itu sendiri dan juga lain-lain yang berkaitan dalam apa yang dikatakan kerja dan kerjaya dan tugas. Terlalu banyak penindihan antara Rang Undang-undang ini dan apa juga peruntukan yang sedia ada di kementerian-kementerian lain. Timbul bermacam keraguan, terlalu banyak persoalan dan tidak selari pula dengan falsafah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mewujudkan birokrasi dan memberi satu sistem penyampaian yang mesra keusahawanan dan perniagaan.

Latihan dan pendidikan merupakan satu jenis keusahawanan dan perniagaan. Saya bermula Tuan Yang di-Pertua dengan definisi ataupun tafsiran yang dikenakan yang disediakan di dalam Rang Undang-undang ini. Fasa yang kedua dalam bab satu, tafsiran kepada kemahiran.

Sesuatu kebolehan yang diperolehi dan yang diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas dan kerja dengan cekap. Kerja dan tugas, ini bermakna segala-gala aktiviti yang menggunakan insan ini di bawah matahari dan bulan, semuanya sekali. Tidak ada *specificity* atau pun pengkhususan dalam definisi dan tafsiran kemahiran ini. Dan dengan ini maknanya ia melangkaui dan menjangkau kepada semua aktiviti dan juga *authority* yang ada di kementerian-kementerian lain.

Latihan kemahiran ertinya aktiviti yang berasaskan kerja dan berorientasikan industri yang bertujuan untuk mengadakan pengetahuan. Pengetahuan dari segi akademik dan pengetahuan dari segi kemahiran. Ini juga tidak ada definisi dan tafsiran yang tepat. Ini tentu sekali akan menimbulkan keraguan dan juga kekeliruan.

Dari itu, kita pergi pula ke muka surat 15, di mana kita mengatakan di sini, penubuhan standard. Apakah standard ini akan berasaskan *benchmarking* standard ini, apa dia? Apa dia *nomenclature standard* yang hendak diwujudkan di bawah Rang Undang-undang ini. Dan di sini kita juga melihat bahawa dalam Fasa 20(2)(ii) Ketua Pengarah boleh mengikut budi bicaranya

membenarkan mana-mana orang pertubuhan dan kumpulan orang lain untuk membangunkan standard ini. Ini bermakna standard yang akan ditubuhkan bukan sahaja dari perkiraan kerajaan tetapi perkiraan mereka yang akan di tubuh atau pun diarah oleh kementerian mengikut *discretionnya* untuk membina satu standard.

Di sini kita dapat sudah lihat, pelbagai standard akan hidup, pelbagai standard akan macam cendawanlah, baru hujan ini, tumbuh banyak sangat. Dan persoalan tadi yang hendak saya utarakan ialah *benchmarking* kita, berasaskan apa? Sebab terdapat sekarang ini berbagai-bagai pusat latihan yang sudah pun menjalankan latihan kemahiran. Termasuklah Giat MARA, termasuk juga kolej komuniti, termasuk MARDI, termasuk segala usaha yang dijalankan oleh Kementerian Keusahawanan dan Koperasi, termasuk juga kementerian Dato' Seri Shahrizat yang melatih dan memberi latihan kemahiran kepada ibu tunggal dan lain-lainnya.

Jadi di manakah letaknya *commonality* ini, pusatnya sebab semua sudah berjalan dengan baik dengan lancar. Yang saya lihat di sini dari apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi ialah untuk menentukan adanya pemantauan dan menentukan bahawa adanya keberkesanan, adakah kita mengatakan di sini bahawa ia kurang berkesan, kalau kurang berkesan, maka tiap-tiap kementerian dan jabatan yang sudah pun mengelolakan latihan-latihan kemahiran ini, harus hanya meningkatkan prestasi mereka.

**Tuan Ismail bin Kassim:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat. Yang Berhormat membangkitkan beberapa perkara sama ada relevan atau pun tidak relevan akta ini dibuat berhubung dengan kedudukan taraf Sijil Kemahiran Malaysia yang kita lihat salah satu daripada, apa yang penting kita hendak bagi sijil ini mendapat pengiktirafan, pengiktirafan bukan sahaja di negara kita bahkan di peringkat dunia. Dan mengikut akta ini juga, ianya mustahak untuk kita, selain kita ingin memberi pengiktirafan dan mentauliahkan pusat-pusat latihan atau pun *training provider* dengan izin, ia merupakan sebagai petunjuk kepada *gift former indicator*, dengan izin yang disasarkan oleh kerajaan untuk melahirkan pekerja mahir atau pun tenaga mahir pada tahun 2020 nanti insya-Allah.

Cuma apa yang kita lihat di sini, ialah soal penyelarasan di antara pusat-pusat bertauliah yang sedia ada, kerana saya difahamkan banyak pusat bertauliah. Terutamanya pusat bertauliah bumiputera yang pada mula-mulanya seperti Yang Berhormat Dato' bangkitkan tadi, bergerak seperti cendawan tumbuh, aktif dan di akhir-akhir ini kita lihat pusat-pusat bertauliah ini semakin lama semakin layu dan ada di antaranya telah pun di tutup termasuk pusat bertauliah yang dikendalikan oleh setengah kementerian dan agensi kerajaan seperti di Universiti Malaya dan sebagainya kalau tidak silap saya.

Jadi saya ingin bertanya pendapat Dato' dan pendapat kementerian juga, sejauh mana kita ingin membuat keselarasan dengan pusat PB yang sedia ada, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' dan PB yang lain yang di bawah agensi dan jabatan yang lain supaya ia

dapat dikoordinasi dan menerima satu pengiktirafan. Kerana saya pun seperti mana Yang Berhormat Dato', saya bimbang yang mana satu badan yang akan memberi pengiktirafan tertinggi terhadap kedudukan sijil ini, kerana kita amat penting, kita perlu satu badan sahaja. Tidak perlu kita libatkan banyak badan, kerana kalau kita libatkan banyak badan, dia jadi pertindihan kuasa yang boleh menyebabkan *enforcement* selalu menjadi longgar dan tidak boleh mengatasi sebarang masalah kerana berlaku pertindihan kuasa, kerana terletak di pelbagai agensi dan kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' berhubung perkara ini?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya soal ini di antara yang hendak saya bahaskan iaitu kita mempunyai terlalu banyak standard. Sekarang kita ada standard di bawah LAN, lepas itu sekarang Kementerian Sumber Manusia pula hendak keluarkan standardnya sendiri dan kita juga melihat ada Rang Undang-undang Akademi Warisan yang juga akan mengeluarkan standardnya sendiri sehingga ke peringkat PhD. Ini bermakna LAN itu sudah menjadi tidak relevan dan sekarang ini yang kita sentuh, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa terlalu banyak pusat-pusat yang memberi latihan yang tumbuh dan kemudiannya layu. Tetapi soalnya di situ, bukan semata-mata soal standard tetapi soal keupayaan mereka berdaya saing dan berdaya maju. Ada banyak lagi sebab-sebab yang menyebabkan penutupan atau pun kelemahan IPTS-IPTS ini. Tetapi yang penting yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail tadi ialah soal '*luring fellow ration*' dengan izin atau pun semakin banyaknya jumlah standard di negara kita ini.

Sebenarnya kalau kita hendak melihat kepada perkembangan yang ada dalam negara kita dan juga dalam falsafah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk penyelarasan yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail itu, kita harus mempunyai satu *National Accreditation Policy*, yang merangkumi semua segala latihan yang dijalankan oleh kerajaan dan juga pihak swasta.

Jadi saya ingin menyebut itu sebagai *conclusion* saya, kesimpulan saya tetapi oleh sebab Yang Berhormat Tuan Ismail telah menyebutkan, inilah di antara kekhawatiran kita, inilah di antara kebimbangan yang saya rasai, yang saya rasa, kawan-kawan saya ramai rasai akan timbul akibat daripada meluluskan Rang Undang-undang ini. Jadi kita seorang pergi sana, seorang pergi kiri, seorang pergi kanan, dan ini akan, pada saya suatu hari menyebabkan kementerian-kementerian berlainan juga akan menyatakan bahawa saya juga akan mewujudkan satu standard untuk kegunaan latihan kemahiran di kementerian saya.

Jadi yang hendak dikatakan di sini ialah, sebutan taksiran kemahiran itu terlalu luas, terlalu besar, sehinggakan kalau kita lihat sekarang ini, yang menjadikan LAN semakin *irrelevant* ialah pada Bab ketujuh Fasal 34 di mana Rang Undang-undang ini akan mentauliah dan membuat persijilan kepada Sijil Kemahiran Malaysia. Ini saya rasa dalam rangkungan satu sampai tiga itulah, kemahiran *one, two, three* yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi. Itu tidak apa, itu kemahiran. Tetapi di sini pun kita tidak memberikan ketetapan apa dia kemahiran

itu, *welding*, *brick-laying* itu kemahiran, *barber* hendak pergi cukur rambut Yang Berhormat Tuan M. Ratnam, itu kemahiran.

Tetapi ini mungkin tidak naik ke tahap diploma sebab tidak tahulah macam mana satu kemahiran yang berasaskan sebab diploma berasaskan pengetahuan dapat diadakan untuk *barber shop* umpamanya. Ini dia harus kita lihat dan kita teliti dengan baik. Yang menjadi persoalan sekarang ialah peruntukan B dan C di bawah 34 itu. Maknanya Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran, *Advance* Diploma akan juga di bawah kawalan rang undang-undang ini. B dan C mempunyai asas dominasinya ialah pengetahuan dan akademik, bukan lagi kemahiran.

*Brick laying*, saya tidak tahu macam mana lagi kita hendak tambah pengetahuan mereka dengan segi teori. *Welding*, *welding* dahulu saya di ESSO, saya tahu juga *welding* itu ada tahap satu hingga empat. Tetapi kemahiran tidak mempunyai asas atau pun dominasi pengetahuan di atas kemahiran *skill* dan semi *skill* tadi. Maka di sini, kedua-dua ini merupakan, Kemahiran Lanjutan umpamanya *is degree level*. Kalau kita terjemahkan *equivalence* dia ialah *degree*. Kalau *degree*, sudah ada pun pengiktirafan dan akreditasi dilakukan oleh LAN. Adakah rang undang-undang ini hendak mengambil alih apa yang sedia ada?

Inilah saya pokok angana tidak tahu apa pokok jati dok buat. Maka penyelarasan harus bermula dengan kita dahulu. Kita lihat apa yang sedia ada, apa yang kita hendak adakan, itu dia penyelarasan. Bukan hendak pergi menjangkau rangkaian sebesar mungkin untuk diletakkan di bawah rang undang-undang ini. persepsi saya, saya mohon maaf. Ini persepsi saya sebagai seorang individu, rasa saya macam *this is* satu projek *kingdom building*. Ini bukanlah sesuatu yang baik untuk kerajaan kita, untuk negara kita. Kita harus...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tanya Yang Berhormat bukan Ahli Lembaga LAN ya?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tidak.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ok. Boleh teruskan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tidak ada *interest* di sini atau pun *conflicts of interest*. Ini satu sudah saya lihat dari segi ini, segi penindihan, segi menjadikan LAN yang sedia ada itu *irrelevant*, segi mencampur tangan umpamanya di dalam apa yang sudah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Bukan campur tangan tetapi seumpamanya *encroach* lah. Macam laut itu, di *encroach* lebih lagi masuk dalam *swampy area* dan lain-lain. Bukan untuk pada saya, bukan untuk membaiki dan menyelaraskan tetapi menunjukkan mungkin aku lebih boleh buat sesuatu yang lebih baik. Adakah ini hasrat kita? Tidak.

Di sini saya juga hendak melihat apa yang kita hendak lakukan sekarang? Pengiktirafan sijil itu. sekarang ada dua, NOSS, sekarang ada LAN. Yang mana satu yang hendak kita gunakan? Terutama sekali sudah ada penindihan dalam memberi akreditasi kepada Diploma dan Lanjutan Diploma. Jadi di sini, kekeliruan yang sebenarnya menimbul kebimbangan yang

amat sangat di dalam soal ini. kalau ia membimbangkan saya, betapa bimbangannya mereka yang sedang memberi latihan kemahiran yang sedia ada. Apa yang akan jadi kepada Kolej Komuniti? Apa yang akan jadi kepada kemahiran yang dijalankan oleh Giat Mara? Apakah yang akan jadi kepada yang sedang dilakukan di bawah UiTM dan lain-lain lagi. Semuanya memberi kemahiran. Tetapi selagi perkataan kemahiran itu tidak membawa pengertian yang spesifik, kita di dalam gelombang yang naik turun naik turun, tidak ada ketentuan dan tidak ada kesampiannya.

Yang mengkhawatirkan saya juga Tuan Yang di-Pertua, ialah soal tadbir urus. Kita sentiasa bercakap tentang *corporate governance* tadbir urus yang baik, yang telus yang hendak kita kenakan di dalam sektor swasta, sektor korporat dan semakin banyak, semakin ramai orang memohon supaya *corporate governance* atau tadbir urus ini juga di gunakan di dalam sektor awam. Tetapi saya lihat di sini bahawa tadbir urus itu tidak ada dalam rang undang-undang ini. Kuasa diberi sepenuhnya kepada Ketua Pengarah. Bermula daripada memutuskan, menentukan standard dalam tangan Ketua Pengarah, kedua, mentauliahkan akreditasi dalam tangan Ketua Pengarah dan mengawal selia guna pakai standard juga di bawah tangan Ketua Pengarah.

Ini bermakna CEO buat semuanya. Tidak ada langsung *corporate governance* dan transparensi. Walhal, pada LAN yang sedia ada ini, bukan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, susunan atau pun standard itu di gubal, dibuat, direka, dibentuk oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Tetapi akreditasinya dilakukan oleh LAN, satu badan berkecuali, *independent*. Ini menunjukkan adanya transparensi adanya *corporate governance* yang berguna yang harus kita pegang dan kita guna pakai dan jangan kita lepas. Ini terbalik. Masa kita menuntut supaya *corporate governance* diguna pakai di perkhidmatan awam, kita menambah tokok lagi kepada tidak adanya *corporate governance*. Lagi satu perkara yang amat-amat menyedihkan ialah, adakah tujuan kita di sini untuk membebaskan lagi mereka yang akan berkecimpung di dalam memberi perkhidmatan latihan kemahiran atau pun kita hendak mempermudah.

Kalau saya lihat daripada rang undang-undang ini ialah lebih kepada *prastraight* daripada *facilitate*. Sebab mulanya IPTS, yang menyediakan latihan kemahiran harus berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi sebab dia merupakan institusi pengajian. Tuan Yang di-Pertua, kita selalu menerima banyak komplain, keluhan daripada mereka daripada IPTS, kita juga duduk dalam biro yang sama Tuan Yang di-Pertua. Keluhan mereka ialah amat sukar sekali memenuhi segala permintaan dalam borang itu sudah. Hendak isi borang itu pun cukup sukar, kita kena bayar *fee* juga untuknya, bayaran.

Sekarang ini dahlah hendak kena berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk dijadikan IPTS, hendak kena pula isi borang yang satu lagi yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Dua lapis dugaan kepada mereka. Dua lapis hindaran kepada mereka. Dan kos untuk memulakan perniagaan sahaja, untuk memulakan perniagaan amat tinggi sekali. Kos pendaftaran di satu tempat, kos pendaftaran di satu tempat yang lain. Dan

kalau dahulu hanya duduk satu tempat untuk menulis dan mengisi borang, sekarang kena berlari dari satu kementerian kepada satu kementerian yang lain.

Jadi saya di sini ingin melihatkan bahawa kita ini melihat dari gambaran yang lebih besar. Seperti yang Yang Berhormat Ismail sebutkan tadi, apakah dia polisi akreditasi kebangsaan kita? Adakah kita hendak lihat adanya beberapa standard yang berlainan untuk tiap-tiap kemahiran yang ada sungguh pun di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti yang dicubakan di bawah rang undang-undang ini, tetapi selagi kemahiran itu tidak mendapat satu tafsiran dan definisi yang baik, ianya sesuatu yang tidak memberi keuntungan kepada kita. Saya rasa ini adalah satu perkara yang harus kita lihat semula dengan baik kerana LAN yang sedia ada sepatutnya dijadikan satu badan akreditasi kalau tidak pun LAN satu badan akreditasi yang lain yang mengambil perkiraan semua kemahiran yang diberikan di negara kita ini, semua latihan kemahiran dan juga yang berasaskan *knowledge*, akademi dan pengetahuan dipegang oleh satu badan.

Mungkin tidak LAN, mungkin satu badan yang lain tetapi harus ada satu badan yang bertauliah, yang diiktiraf oleh antarabangsa dan dilihat sebagai e-badan, badan akreditasi negara Malaysia. Saya rasa tentu sekali kerajaan sedang memikirkan ini. Saya yakin ini sedang difikirkan oleh kerajaan tetapi kita lihat sebelum ia datang, ianya dibentangkan di hadapan kita, kita melihat banyaknya standard yang timbul.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat. Saya lihat sudah 30 minit Yang Berhormat berucap. Saya lihat dari mula hingga akhirnya undang-undang ataupun rang undang-undang yang akan dibentangkan pada hari ini mempunyai banyak kelemahan. Kita lihat pada hari ini kalau undang-undang ini diluluskan dalam Dewan ini, sudah pun menjadi undang-undang, lulus hari ini sudah menjadi undang-undang. Tetapi kelemahan-kelemahan yang kita tengok, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat tadi banyak kelemahan-kelemahannya.

Saya hendak minta kepada Kementerian-kementerian sebelum hendak bentangkan rang undang-undang dalam Dewan Rakyat atau Dewan Negara, sebelum buat draf undang-undang ini jemputlah Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, kami ini pun banyak pandai-pandai dan yang bijak-bijak. Jemput, kita bincang sama-sama, jangan bawa ke Dewan ini dan anggap kami ini macam harimau sarkas. Harimau sarkas, Tuan Yang di-Pertua. Sebab Harimau sarkas ini dia mengaum, dia bercakap, dia bising tetapi akhirnya dia kena ikut dan patuh kepada tuannya walaupun undang-undang ini banyak kelemahannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa tengok. Kita lihat hari ini Kementerian Sumber Manusia. Tadi kita cakap fasal Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, kuasa siapa, kuasa Menteri. Hari ini juga, rang undang-undang ini juga Menteri hendak kuasa. Kita lihat kalau

Menteri ini diberi kuasa, apa akan terjadi kepada Menteri Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kita ada giat Mara, kita ada beberapa pusat latihan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi, bukankah ini apabila rang undang-undang ini pelaksanaannya besok sudah tentunya akan jadi haru-biru, Tuan Yang di-Pertua, tetapi siapakah yang akan disalahkan. Kita! Ahli-ahli Dewan Negara sebab kita yang lulus, sudah lulus jadi undang-undang tetapi tidak lulus macam mana, kita ini harimau sarkas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lee Chee Keong:** Minta laluan. Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad bahawa semua kemahiran-kemahiran ini patut ada satu badan untuk memberi akreditasi terhadap program-program yang dijalankan. Jika, Yang Berhormat mencadangkan LAN, setakat yang saya tahu LAN ini tidak memberi akreditasi kepada kemahiran ataupun program-program yang melibatkan kemahiran. Ia hanya memberi akreditasi kepada program-program akademi sahaja. Jadi, saya cadangkan, kita buat satu lagi badan untuk memberi akreditasi kepada semua kemahiran-kemahiran yang akan kita lakukan. Apa pandangan, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih. Pertama...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, boleh ya? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita tangguh cadangan kertas ini? [*Sambil memegang bill*] Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya kita telah pun membawa perkara ini dalam Dewan dan kita sedang membahaskannya. Kita tunggu selepas habis kita berbahas. Mengikut aturcara kita, kita bahas kemudian kita minta jawapan daripada Kementerian, kemudian baru kita luluskan. Jadi, kita tidak boleh tangguh sedang kita membahaskan. Tidak pernah ada satu undang-undang ditangguhkan dalam perbahasan. Jadi, jangan kita buat, nanti orang kata bukan hanya harimau sarkas, kucing sarkas pula nanti jadinya. [*Ketawa*] Jadi, sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad teruskan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang dengan sedihnya saya bersetuju Yang Berhormat bahawa kita merupakan harimau sarkas. Kita diberi di hadapan kita 9 rang undang-undang untuk dibincang dalam masa satu setengah hari. Ini memang menunjukkan bahawa kita diiktirafkan sebagai *rubber stamp* tetapi kalau hendak *stamp* pun biarlah *rubber* itu elok, biarlah *stamp* itu cantik, biarlah kami dapat berbahas dengan baik dan terimalah pandangan-pandangan kami. Sungguhpun harimau sarkas, kalau terlepas daripada kawalan, hah tahulah hebatnya.

Yang kedua, Yang Berhormat menyebutkan tentang kemahiran tidak diakreditasi oleh LAN. Dari awal lagi saya sudah sebutkan itu. Memang tidak ada di bawah LAN, akreditasi untuk

kemahiran tidak ada. Ini kita bersetuju tetapi sekarang ini, yang akademi berasaskan akademi, berasaskan pengetahuan pun hendak masukkan di bawah rang undang-undang NORS ini. Ini yang membimbangkan. Macam diberi peluang bagi betis hendak paha ataupun mereka cuba mendapatkan betis selepas diberi paha. Itu dia. Bagaimana kita hendak membezakan ini. Bagaimana kita hendak membezakan kemahiran ini tetapi kemahiran Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong, selepas ianya dipanggil diploma dan disebut sebagai *advance* diploma, ia sudah berasaskan akademi maka ia harus jatuh di bawah kawal selia LAN. Ini dia.

Jadi, saya rasa mungkin mereka yang pohon perundangan ini dilakukan pun masih *confuse* sebenarnya, masih keliru tetapi saya rasakan bahawa kekeliruan ini akan dapat diatasi sekiranya Kementerian dapat mengambil ataupun menerima segala perbahasan kami dengan baik. Niat kami bukan lain tetapi untuk kejayaan, kemajuan negara kita ini. Sebab kita merupakan warganegara Malaysia yang amat kita sayangi, sama juga. Tetapi yang kita hendak perlihatkan ialah bahawa konsistensi di dalam penggubalan dasar supaya satu itu tidak berlawanan dengan satu yang lain.

Ini macam ada pertandingan pula di antara satu Kementerian dengan satu Kementerian yang lain. Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan juga akan mempunyai satu akreditasinya juga. Entah kemudian selepas itu saya tidak tahulah Kementerian Belia dan Sukan juga akan mempunyai akademi sukan dan mempunyai standardnya juga sendiri. Tendang bola itu pun satu kemahiran. Jadi, inilah saya takut dan khuatir bahawa kita ini tidak ada tumpuan yang khusus, yang global, yang nasional dalam perkiraan kita.

Satu lagi peruntukan yang amat menakutkan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kuasa, *policing* saya panggil. Kementerian Sumber Manusia umpama satu badan polis yang baru. Kalau kita lihat pada Fasal 37, 38, 39 dan juga kepada Bahagian Sembilan, Fasal 40, 47 dan lain-lainnya di mana mereka memperuntukkan perwujudan inspektor dan kemudian diikuti pula dengan penguatkuasaan. Kalau kita baca tugas dan kuasa inspektor dan penguatkuasaan ini, saya tidak mahu masuk *business* bagi latihan dan kemahiran. Ini menakutkan orang bukan menggalakkan keusahawanan dalam bidang pendidikan dan latihan. Ini adalah sesuatu yang tidak mesra perniagaan langsung. Baca, Tuan Yang di-Pertua. Inspektor boleh masuk, menggeladah, boleh masuk premis tanpa waran. Penangkapan boleh dibuat, lepas itu denda itu bukan main tinggi lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk memeriksa, di latihan kemahiran ini, pemeriksaan adalah amat ketat sekali dan penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah Bahagian Sembilan itu lagilah dahsyat. Adakah Giat Mara, adakah badan-badan di bawah MARDI yang memberi kemahiran dan latihan akan mengizinkan mereka ini masuk menggeladah premis mereka dengan tujuan untuk memeriksa dan memantau. Tetapi manusia ini manusia, "*Kalau kamu tidak mahu aku memasuki premis kamu*". Kita beri jalan ini! Jalan untuk apa? Selagi banyak, besar dan kuatnya penguatkuasaan timbullah celaan-celaan yang tidak akan

membangun dan membina. Fahamlah agaknya semua. Okey. Kuasa membuat pemeriksaan. Kalau kita lihat bab 43, 44, 45 - Permohonan waran geledah, penyitaan dokumen, kuasa majistret untuk mengeluarkan waran dan yang 41 lagi itu kuasa untuk memasuki premis tanpa waran atau notis.

Ini bermakna kalaulah saya nampak maju sikit sebagai LPTS yang menyediakan latihan kemahiran, ada lagi satu LPTS yang lain yang mungkin dengki dengan saya, dia pergi dekat KSU, Ketua Pengarah Kementerian Sumber Manusia, dia beri maklumat. Dia orang boleh masuk premis saya dan menggeledah sahaja. Kita melihat, saya melihat ada gelengan kepala bila saya menyebutkan ini. Ini saya rasa sebelum kita menggeleng kepala kita harus ingat, kami di sini pegang dua topi, satu topi sebagai Ahli Dewan Negara, satu topi lagi sebagai ahli usahawan dan perniagaan dan kami tahu pahit maungnya menjalankan perniagaan.

Kalau inilah lagi satu peruntukan, sebab saya sendiri ada pusat latihan, kalau inilah yang dilakukan, sudahlah birokrasi kerenah sudah tinggi sangat, pendaftaran bertambah lagi. Ini pula menakutkan saya dengan orang masuk premis perniagaan saya tanpa waran, tanpa notis. Inikah yang hendak kita sampaikan kepada masyarakat perniagaan? Kalaulah pemantauan itu dikatakan yang penting untuk mendapat data tadi, Yang Berhormat sebut untuk mendapat statistik buruh. Statistik buruh sudah cukup. Saya selalu pergi ke bahagian statistik, jabatan statistik, cukup *complete*. Statistik tentang tenaga buruh cukup *complete*. Sekarang ini pun di bawah IPTS dan IPTA, IPTA mempunyai banyak statistik yang sedia ada.

Apabila kita bermesyuarat untuk menimbang tentang kemajuan IPTS segala masalah yang ada, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah kita. Saya sudah duduk di dalam beberapa jawatankuasa statistiknya sudah penuh dan melimpah hanya kita mencari statistik yang untuk kegunaan kita sahaja. Jadi, kalau inilah hasratnya, matlamatnya saya tidak yakin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ...

**Tuan Ahmad bin Husin:** Mohon laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Silakan.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Tadi ada Yang Berhormat sebut tentang memasuki premis tanpa waran. Kalau dilihat pada Kanun Tanah Negara ada disebut tentang hak milik tidak boleh disangkal iaitu pemilik tanah yang namanya tertera di belakang geran itu makna tuan empunya tanah. Ini kerana sistem atau undang-undang tanah kita, Tuan Yang di-Pertua, kita mengikut – Sistem *Torrens* iaitu daripada Australia. Prinsip cermin. Ini bermakna kalau nama kita ada di belakang geran, itu maknanya tanah kitalah.

Jadi makna di sini, dari segi undang-undang disebut *trespassing will be prosecuted*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Makna kalau tanah itu tanah kita maka memang kalau siapa hendak masuk dia kena tanya tuan tanah. *It's normal*. Tanah, tanah kita, geran nama kita kecuali geran nama orang lain tetapi saya ingat kalau kita hendak bina bangunan atas tanah kita,

milik kita jadi saya tidak nampak jalan bagaimana kita hendak masuk tanpa *rule of law*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Terima kasih di atas maklumat itu tetapi Yang Berhormat, di sini juga timbulnya kemusykilan. Kalau peruntukan di dalam perundangan ini menyebut bahawa mereka mempunyai hak untuk masuk dengan waran ataupun dengan tidak ada waran dan notis bagaimana pula berkaitannya dengan *the rule of law* tadi. Adakah Rang Undang-undang ini lebih tinggi daripada Rang Undang-undang Nasional yang sedia ada berkaitan dengan perkara yang Yang Berhormat sebut.

Ini juga suatu kebimbangan kita tetapi mungkin dengan waran daripada Majistret dan juga daripada mahkamah. Mereka boleh melakukannya, jadi *the details of the law* saya kurang faham tetapi yang pentingnya ialah ia memberi satu jalan untuk mereka masuk ke premis tanpa notis dan tanpa waran. Ini dalam pemikiran seorang pengusaha, ini adalah sesuatu yang menghindar mereka dari menjalankan tugas perniagaan mereka sebab dari segi psikologi mereka sudah pun melihat kepada sesuatu yang akan menghindar ataupun menghalang perjalanan perniagaan mereka.

Ini satu elemen yang negatif. Kita harus membina elemen-elemen yang positif di dalam rang undang-undang kita. Tetapi dilihat di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah soal apakah perjalanan hidup kalau boleh saya sebut hidup, perjalanan hidup negara kita dalam soal akreditasi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah mengambil masa 40 minit.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Yakah? Rasanya baru lima minit Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau boleh kita pendek-pendekkan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Okay, saya ingin ulangi, yang ini tidak kira, masa celahan tidak kira.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan. Berkenaan rang undang-undang dengan draf masalah-masalah mereka, drafkan rang undang-undang itu, mereka pasti mengambil kira yang era sekarang ini bukan era yang dahulu. Kita adalah di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita ada teras nombor dua iaitu meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Apakah semasa mendraf akta-akta atau rang undang-undang, kita mesti mengambil kira yang minda dahulu itu patut dikaji semula adakah itu boleh dipakai lagi atau kita mesti mencari jalan untuk menukarkan apa yang tidak baik supaya rang undang-undang yang dikemukakan itu lebih berstandard dan bertaraf dunia dan juga untuk menolong negara kita untuk maju ke hadapan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak :** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya satu sahaja, kalau kebimbangan Yang Berhormat katakan tadi, mungkin macam dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong tadi tentang wujudnya satu lagi badan atau Lembaga Akreditasi Kemahiran Malaysia ke dan sebagainya, mungkinkah ini satu cara usaha kerajaan kerana setakat ini kalau kita gunakan kemahiran-kemahiran yang kita tahu macam kita panggil orang buat elektrik di rumah ataupun paip air, semua ini kita tidak tahu sebenarnya mereka ini betul-betul mahir ataupun tidak.

Kadang-kadang kalau dengan adanya ini dan boleh diletakkannya LAKM dan sebagainya mungkin sebagai contoh, mungkinkah ini memberi satu *confident* dengan izin kepada kita semua yang kemahiran-kemahiran tertentu ini juga baik. Seperti juga kalau saya tengok banyak sekali di kedai-kedai *facial* dengan izin, *beauty* dan sebagainya di mana diploma-diploma dikeluarkan oleh banyak pengusaha-pengusaha sebegini sama ini betul-betul berkemahiran ataupun tidak. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Terima kasih di atas kedua-dua pandangan tadi. Tuan Yang di-Pertua, mungkin bahasa saya kurang jelas iaitu penggunaan bahasa saya kurang, saya tidak sekali-kali menyangkal tentang kemahiran untuk meningkatkan kemahiran. Saya tidak mengatakan itu, cuma akreditasi terhadap erti kemahiran itu sebab apabila kita masuk ke pembahagian diploma dan *advance* diploma, ia sudah pun menjangkau suatu tahap yang lain yang kini berada di bawah LAN.

Saya tidak menyangka bahawa kita harus meningkatkan kemahiran kita tetapi yang seperti Yang Berhormat sebut tadi, 'Yang Berhormat Lee' pun sebut, kemahiran dalam *welding*, kemahiran dalam *piping*, *electric laying*, *beauty*... rupayanya Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim selalu pergi *beauty saloon* rupanya. Baru kita tahu. Tetapi ini saya tidak menyangkal sama sekali.

Kita ingin meningkatkan kemahiran-kemahiran di dalam kemahiran-kemahiran ini. Definisi kemahiran itu yang menjadi asas segala perbincangan kepada hari ini. Yang keduanya ialah *standard* yang semakin banyak diwujudkan di dalam negara kita. Hari ini sahaja kalau diluluskan kemudiannya warisan kita sudah mempunyai tiga *standard* dan kalau saya di kementerian-kementerian lain saya juga ingin mewujudkan kemahiran untuk kementerian saya sendiri. Umpamanya yang jelas Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, bagaimana meningkatkan keupayaan orang yang berkemahiran ahli-ahli koperasi umpamanya. Itu juga suatu kemahiran.

Di sini kita hendak melihat kalau betul-betul kita hendak melihat kemahiran berasaskan teras dua tadi maka kita adakan satu badan akreditasi mutlak yang akan mengambil dalam perkiraan semua latihan kemahiran dan juga akademi yang diadakan di dalam negara itu. Itulah baru canggih negara Malaysia yang akan menjadi negara cemerlang, terbilang dan lain-lainnya itu. Kalau kita daripada satu pusat ada LAN, kita mula berpecah, ini pada saya satu *proliferation*

ini bukan satu kemajuan, tetapi suatu penurunan di dalam tanggungjawab kita, satu penurunan bukan satu peningkatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah diberi *warning* tadi, saya mengeluarkan hujah saya ini dengan penuh *patient* sebab saya merasakan bahawa kita tidak harus membuat sesuatu yang akhirnya mungkin akan kita ketepikan sebab saya yakin bahawa akan terjadi, akan terdapat, akan digubal dan dirangka di dalam negara ini suatu badan akreditasi yang menyeluruh. Saya yakin saya sanggup ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Sanggup apa Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Selalu orang kata apa? Letak RM5 atas meja.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Bertaruh.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Bertaruh bukan guna wang, ialah sahaja cakap sahajalah. Saya rasa suatu hari nanti, di masa yang terdekat akan ada suatu badan akreditasi yang mutlak, itu satu yang akan diiktiraf antarabangsa yang bertaraf antarabangsa dan ini yang harus kita cari, menjurus mencari. Bukan masing-masing hendak buat sistem *standard* masing-masing sendiri. Saya rasa macam... minta maaf, saya rasa macam undang-undang ini macam mi segera sebab terlalu banyak sangat tindihan yang berlaku di antara Rang Undang-undang ini dan juga peruntukan-peruntukan yang sedia di Kementerian Pengajian Tinggi umpamanya. Ini bukan saya menyebelahi kementerian, tidak. Saya melihat ini sebagai Ahli Dewan Negara yang inginkan yang terbaik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan, saya ingin mengulangi sebagai kesimpulan dan penutupan dalam perbahasan saya ialah pertama, kita harus ingat dalam ingatan kita definisi dan tafsiran kemahiran itu terlalu longgar, terlalu luas, penyediaan *standard* itu, *benchmarking* nya masih diragukan. Kita tidak tahu *nomenclature* mana yang hendak kita pergunakan. Terdapat terlalu banyak *standard* yang sedang dihidupkan. Ini suatu perkara yang bukannya positif. Badan akreditasi dan pentauliahan LAN, apa jadi kepada LAN?

Yang kelimanya tadbir urus yang begitu longgar, yang tidak ada ketelusan dan segala-galanya terletak kepada Ketua Pengarah, ini sesuatu yang bukan positif. Kita sebaliknya patut menjurus kepada korporat *government* yang lebih baik, lebih ketat, kita lari daripada kedudukan itu. Ianya tidak mesra perniagaan. Ianya meningkatkan kerehnan birokrasi dan bukan mengurangkan kerehnan birokrasi. Maka ia tidak sejajar dan tidak selari dengan teras lima Rancangan Malaysia Kesembilan.

Apa akan terjadi kepada institusi-institusi dan penyedia-penyedia latihan kemahiran yang sedia ada. Ini sesuatu yang harus kita fikirkan bersama dan saya mengakui di sini kalau ikutkan hati, sukar hendak terima tetapi kita taat kepada..... kalau pun kita katakan terima dengan perlahan, segala pindaan, segala kiraan, segala yang disebutkan di sini harus diambil dalam perhatian dengan serius supaya diadakan pindaan-pindaan yang seajarnya supaya diperbaiki.

Kita bukan hendak mengatakan macam tidak jalan langsung, tetapi kita hendakkan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi duduk bersama, berbincang bersama dan sebenarnya kita mahu melihat satu badan akreditasi nasional yang mutlak dihidupkan dan diwujudkan di negara kita ini untuk diiktirafkan sebagai yang terbaik mungkin di wilayah di sini. Saya tidak mahu kata apa-apa. Saya duduk sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, saya jemput Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar.

**4.57 ptg.**

**Dato' Rhina Bhar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang saya akan bahaskan telah pun dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan saya tidak mengulangkan untuk membuang masa. Tetapi saya hendak mengucapkan bahawa saya sokong 100% apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

Satu perkara lagi yang akan saya bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ialah kuasa-kuasa Inspektor dan kuasa-kuasa Pegawai Penguatkuasa. Di bawah Fasal 37 adalah pelantikan Inspektor manakala Fasal 40 ialah tentang pelantikan Pegawai Penguatkuasa. Di sini boleh nampak bahawa kuasa-kuasa Inspektor di bawah Fasal 39 dan Pegawai Penguatkuasa di bawah Fasal 47 dan 44 dalam Bahagian 9 adalah sama.

Jikalau tujuan mengadakan dua badan untuk menjalankan penguat kuasa, adalah untuk *complement* dengan izin atau *check and balance* dengan izin. Ia adalah tidak munasabah dengan menunjukkan tidakkah ada kepercayaan kepada pegawai kerajaan. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ikut rakan saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dan tidak menyokong sekarang tetapi pertahankan. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik kemudian Yang Berhormat M. Munusamy dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

**4.59 ptg.**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang dan ruang untuk bersama-sama turut serta dalam pembahasan Rang Undang-undang ini.

Dan saya mungkin ada sependapat dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dan ada yang tidak bersependapat dan saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah

kepada kerajaan kerana telah mengambil langkah untuk menubuhkan bangunan Kemahiran Kebangsaan ini. Konsep serta kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam merangka dan membangunkan negara ini menerusi pembangunan insan maka sudah tentu ianya tidak tertinggal dalam kita menuju dan mencapai matlamat Wawasan 2020 kita malah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sekali pun salah satu faktor ataupun teras rancangan ini ianya tidak ketinggalan dalam kita membuat satu dasar iaitu pembangunan modal insan. Saya percaya malah saya yakin bahawa pembangunan modal insan ini akan menjadi satu aset negara yang paling berharga sekali seperti mana pepatah orang China “memberi joran kepada seseorang itu akan menentukan orang itu akan sentiasa mendapat ikan sepanjang hayat daripada hanya memberi ikan sahaja boleh hanya sekali sahaja ia merasai ikan itu”.

Kita sedar bahawa maju atau mundurnya sesebuah negara itu bergantung kepada modal insan. Oleh itu sejajarlah dengan penubuhan Rang Undang-undang ini rakyat kita akan dibentuk, di asas serta dipupuk menjadi masyarakat yang berkemahiran. Apabila kemahiran sebegini dapat kita timba maka sudah tentu kita akan melahirkan rakyat yang mempunyai daya kreativiti, daya saing dan juga daya tahan serta apa-apa sahaja yang boleh menjadikan mereka ini berjaya dan hasilnya negara akan menjadi maju melalui sumbangan kemahiran negara.

Dengan itu juga dengan kemahiran yang ada sudah tentu negara kita ini akan mengambil dan memupuk serta melihat bahawa kekurangan terhadap kebergantungan kita terhadap tenaga asing ini dapat kita kurangkan. Merujuk kepada Rang Undang-undang ini saya ingin menarik perhatian dan mengucapkan syabas kepada pihak kementerian yang telah memasuki juga dalam tafsirannya sektor pertanian sebagai satu usaha untuk melihat bahawa pertanian moden ini dan berkemahiran dapat kita beri kepada peserta-peserta. Saya percaya bahawa Majlis yang akan ditubuhkan nanti akan memberikan satu pendekatan yang baik oleh kerana salah satu fungsi Majlis adalah untuk meluluskan standard sebagai mana yang telah dipertikaikan.

Saya percaya hujah yang telah diberi oleh Yang Berhormat Dato’ Dr. Norraesah mempunyai hujah-hujah yang terbaik sekali dan tertarik di dalam kita melihat dan membentuk sesebuah negara yang kita idam-idamkan. Saya yakin Malaysia buat ketika ini bukanlah satu negara yang *perfect* lagi, malah kita sekarang ini menuju kepada satu *perfectionist* dalam negara kita ini. Kata pepatah Inggeris “*Rome was not build in a day*” dalam erti kata Hotel Roma tidak dibina dalam satu hari. Ianya memerlukan beribu tahun untuk membina sebuah tamadun. Saya percaya Rang Undang-undang ini sudah tentu tidak sempurna. Saya yakin kesempurnaan ini tidak boleh dapat kita rapatkan dalam satu Rang Undang-undang ini dengan memberi masa yang begitu singkat.

Oleh yang demikian apabila kita meramalkan ini meramalkan itu maka sudah tentu kita akan menjadi satu ketakutan dalam kita meluluskan Rang Undang-undang ini. Saya percaya juga bahawa di dalam kita menuju ke arah kemajuan ini kita mesti membuat sesuatu yang kita fikirkan boleh membawa satu langkah kemajuan ke hadapan. Kita tidak boleh menoleh ke

belakang dan melihat bahawa ini ada masalah ini, ada masalah ini dan sebagainya. Sebagai mana yang dikatakan tadi sudah tentu Rang Undang-undang ini akan mempunyai benda-benda yang akan dipertikaikan kalau kita bawa keluar kepada Majlis yang lain. Bawalah ianya ke satu forum yang lain pandangan yang lain pula berbeza-beza.

Walau bagaimanapun, matlamatnya adalah sama untuk menuju dan membawa negara kita yang sama-sama kita sayangi ini kepada satu tahap yang sama-sama kita hendak. Dalam menuju ini tentu sudah ada liku-liku yang sudah tentu tidak kita gemari. Sudah ada benda-benda rintangan-rintangan yang akan membawa kita kepada satu *setback*. Jadi saya percaya dan yakin dan kehadiran Yang Berhormat walaupun dikatakan 'harimau sarkas' walaupun dengan perkataan yang perlahan terima atau tidak terima satu-satu lakonan yang begitu baik sekali saya lihat. Mungkin ini juga satu akreditasi dan juga boleh memberi ...

**Dato' Norraesah binti Mohamad:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Sabar dahulu saya tidak habis lagi. Saya tidak beri laluan lagi.

**Dato' Norraesah binti Mohamad:** Saya .... tidak beri laluan?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya tidak beri laluan lagi. Saya kata begini oleh kerana ini merupakan satu matlamat untuk kerajaan membawa kepada tahap yang lebih baik daripada tahap yang ada sekarang. Saya tidak kata ia mesti melayakkan kepada 100%. Mesti ianya sampai kepada satu matlamat besok sebagai mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Air tadi mengatakan "hari ini kita lulus besok air sempurna dan sebagainya". Hari kita lulus katakan Rang Undang-undang Bekalan Air besok kesempurnaan berlaku kepada Rang Undang-undang ini, tidak. Saya pun berpendapat bahawa di dalam Rang Undang-undang ini diterima *reputation redundant*, dengan izin bahawa ada seperti dalam taksiran itu ada pembinaan itu pun ada masuk sama seperti ini. Standard-standard dalam pembinaan pun ada malah ianya ... Saya bersependapat juga dengan Yang Berhormat Norraesah malah ada di dalam kementerian-kementerian lain. Kementerian Kerja Raya ada satu badan yang dinamakan CIDB yang juga memberi akreditasi kepada pekerja-pekerja pembinaan seperti mengikat bata, mengikat *plumber*, *electrician* dan sebagainya ada dan *accreditation* telah pun diberi. Kursus-kursus pun telah diberi dan sebagainya untuk mencapai standard ini.

Setakat hari ini memang susah untuk kita mencapai kepada standard yang sebagai mana yang dikehendaki. Saya lihat juga dalam Fasal 5 iaitu dari segi keanggotaan Majlis. 19 orang diperlukan di dalam Majlis itu dan jumlah ini salah seorang mengikut pengalaman saya adalah terlalu ramai. 10 orang daripada kerajaan dan 9 orang daripada NGO ataupun lain-lain badan maka saya percaya ini adalah satu benda yang terlalu ramai dan matlamat untuk mencapai di dalam perkara-perkara ini adalah tidak tercapai apabila terlalu ramai. Oleh kerana anggota-anggota Majlis ini terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang agak senior dan kerap kali mengikut pengalaman saya mesyuarat yang sepatutnya diadakan terpaksa

ditangguhkan atau dibatalkan kerana tidak mencukupi kuorum dan ini akan berterusan dari masa ke semasa apatah lagi dengan mesyuarat yang hendak diadakan tiga bulan sekali. Dalam erti kata dalam Fasal 12, tiga bulan sekali bermakna empat kali setahun maka ianya sudah tentu tidak mencapai kepada matlamat menuju kepada kemahiran sebagai mana yang dikehendaki. Sudah tentu banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh di peringkat pengusaha-pengusaha yang memerlukan pandangan serta kelulusan Majlis.

Kalau tiga, empat kali setahun sudah tentu ia tidak mencapai kepada matlamat Parlimen yang dikehendaki. Di dalam standard ataupun sebagaimana yang dikatakan tadi standard Fasal 20, dalam hujah yang saya katakan tadi bahawa tafsiran standard ini juga amat penting. Ianya tidak boleh begitu *rigid* standard ini sebab ianya perlu daripada semasa ke semasa diubahsuai supaya mengikut kepada pasaran. Yang lebih penting di sini ialah apabila kita mengadakan standard itu, sudah tentu standard ini mesti diguna pakai oleh pasaran yang hendak menggunakan peserta-peserta yang dikeluarkan ini yang mendapat pentauliahannya sebagaimana Fasal 23. Di dalam Fasal 23 ini...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Masih tidak boleh bagi laluan Yang Berhormat? Tidak boleh?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Bolehlah sekarang. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Sebab bila selalu saya bercakap Yang Berhormat minta laluan, saya tidak pernah tidak bagi. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya agaknya terguris sedikit tadi bila Yang Berhormat menyebutkan lakonan yang baik. Adakah lakonan itu ataupun perbahasan saya? Adakah Yang Berhormat melihat kepada lakonan saya sebab kerana ini sudah kalah dengan Datuk Dr. Jins Shamsudin dah.

Yang keduanya saya ingin *underscore* lagi sekali ataupun memberi tekanan lagi sekali yang saya tidak menidakkan pentingnya peningkatan dalam modal insan, tidak sama sekali. Saya tidak sama sekali menidakkan pentingnya peningkatan dalam kemahiran. Cuma sekarang, kita menjangkau kepada persoalan diploma dan *advance* diploma yang sudah pun diiktiraf dan di akreditasi oleh LAN. Jadi standard yang mana yang hendak kita ikuti sekarang ini. Ini persoalan yang fundamental, yang harus kita lihat dan kemahiran itu memang saya setuju. Kita harus mempertingkatkan.

Tetapi mempertingkatkan tentang kemahiran *plumber* dan *brick layers* dan lain-lain. Itu kemahiran yang kita sebutkan. Jadi dari mana itu? *What is the benchmark?* Dari mana kemahiran itu menjadi satu kemahiran yang memerlukan diploma iaitu berasaskan ataupun berdominasikan pengetahuan. *Once it is reached* ataupun ia mencapai kepada tahap diploma dan latihan lanjutan iaitu *equivalent* kepada *degree*, ia sudah termasuk di bawah LAN. Ini yang menjadi kemusykilan kita. Mohon pendapat Yang Berhormat.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Kalau ianya terguris hati, terasa hati, saya mohon maaf. Ini kerana Yang

Berhormat Tuan Yang di-Pertua kata, masa Yang Berhormat ambil panjang dah tadi rasanya. Sebab itulah *stress on LAN all the time*. Jadi yang saya katakan lakonan dan perbahasan, dua-duanya baik. Sebab apabila dikatakan terima, terima itu yang jadi perkataan Datuk Dr. Jins Shamsudin pun kalah. Datuk Dr. Jins Shamsudin tidak ada tadi?

Izinkan saya pergi kepada pentauliahan tadi. Kita kena pastikan bahawa mereka yang mendapat pentauliahan ini dapat mencari tempat di dalam pasaran oleh kerana jikalau tidak, maka keyakinan terhadap peserta-peserta ini akan menjadi tergugat. Banyak yang telah kita latih sekarang ini mengikut pengalaman saya dalam industri pembinaan. Apabila kita telah latih dalam industri pembinaan ini, tidak kurang daripada 300,000 orang sepanjang CIDB telah tertubuh. Daripada jumlah ini, lebih kurang mungkin 20% tidak ada di dalam pasaran oleh kerana mungkin kursus ataupun kemahiran yang telah dibuat ini tidak mengikut kehendak pasaran.

Pemilihan peserta tadi terhadap kursus-kursus yang telah dibentuk dan diajar itu tidak dikehendaki di dalam keadaan semasa dan ini merugikan sebab tiap-tiap peserta itu dibiayai dengan tinggi sekali. Begitu juga dengan keadaan di sini, saya lihat bahawa peserta di bawah kursus ini iaitu MLVK ini perlu membayar balik. Mengikut pengetahuan saya kena bayar balik 5,000 pada had maksimumnya kepada kerajaan selepas tamat kursus ini yang telah diberi tauliah oleh pihak kerajaan dan juga kepada pengusaha-pengusaha yang memberi khidmat kemahiran ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah berkait sama, berbalik kepada seksyen 34 yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Saya mengikut sedikit yang saya tahu, di dalam sijil kemahiran ini, saya rasa Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad pun setuju hanya timbul peringkat b dan c seksyen 34 ini, di mana diploma dan *advance* diploma, ianya mengikut pengetahuan saya, sedikit sebanyak ada iklan juga yang di dalam perancangan kerajaan, khusus kepada *management*. Kalau kita ambil dari segi bentuk industri pembinaan terhadap *management* di tapak. *Management* di tapak ini memerlukan *academic qualification*.

Selain daripada *qualification*, kemahiran tadi. Tetapi *qualification* seperti pengetahuan dari segi hal-hal mentadbir tapak pembinaan itu juga perlu kepada diploma dan *advance* diploma, lahirnya daripada pelan ataupun lahirnya daripada kursus kemahiran yang dia pergi melalui peringkat pertama dan masuk kepada peringkat kedua peringkat diploma, masuk kepada peringkat ketiga, peringkat *degree*.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Dia ada had-hadnya. Tidak boleh kesemuanya kita rangkum, kesemuanya sekali di bawah satu perkara iaitu semua jurusan kemahiran hendaklah dikatakan ada sampai ke peringkat *degree*. Ada had-had. Tidak semuanya boleh masuk kepada peringkat ijazah. Ini yang sedang dirangka oleh...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat juga telah memakan masa yang agak panjang. Boleh kita pendekkan?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidak lebih daripada lima minit lagi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Okey. Seterusnya ialah berkaitnya, saya apabila diganggu oleh Tuan Yang di-Pertua ini dengan keadaan yang senyum, susah. Macam Datuk Wira Syed Ali juga. Tetapi bila dia tengok Yang Berhormat senyum, Datuk Wira Syed Ali senyum, saya pun susah.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Minta laluan, bagi *rest* sekejap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan wujudnya rang undang-undang ini, sebagai atau selaku penjagaan kualiti Sijil Kemahiran Malaysia. Pada masa yang sama, boleh mengelakkan mana-mana pusat latihan swasta mengeluarkan sijil-sijil palsu. Seperkara lagi, dengan adanya akta ini, maka standard kemahiran dapat disatukan iaitu daripada IKBN, IKM, ILB, IDTC dan MLVK dan lain-lain lagi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebelum ini pun IKBN, IKM dan lain-lain dipantau oleh MLVK bagi menerima SKM.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Untuk memendekkan masa, saya serah kepada kementerian untuk menjawab soalan ini. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan ini amatlah penting dalam kita menuju ke negara maju. Lebih pentingnya lagi, tahap kemahiran ini mestilah meresapi secara menyeluruh pada semua rakyat Malaysia, tidak kira apa bangsa sekalipun agar keseluruhan rakyat Malaysia akan mempunyai kemahiran tersendiri dan boleh dipasarkan di peringkat di seluruh Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Apa yang menjadi kekhuatiran saya hanyalah kecil. Janganlah kita bangun kemahiran ini yang tidak dapat kita pasarkan. Keduanya, kajian semula perlu diadakan dari semasa ke semasa untuk mencapai kepada tahap sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad dan negara kita suatu hari nanti akan mencapai kepada tahap 100% kemahiran yang tulen dan insya-Allah. Maka itu, saya ya pohon menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

#### 5.20 ptg.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk berbahas dalam Usul Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006. Rang undang-undang ini adalah untuk membangunkan satu masyarakat yang mempunyai kemahiran dalam karier.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita yang dikasihi telah jauh maju ke hadapan dalam pelbagai bidang. Namun demikian untuk memantapkan lagi pembangunan yang dicapai selama ini kita perlu mewujudkan rakyat Malaysia bersih dan amanah, yang adil dan beretika, ramah mesra dan bersatu padu dan mahir. Unsur-unsur ini adalah penting untuk meningkatkan jati diri, ketahanan dan perwatakan rakyat Malaysia agar membantu mencapai matlamat mewujudkan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Generasi belia merupakan sumber terbesar dalam negeri yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan kemajuan dan kemakmuran negara. 41.5% penduduk adalah kumpulan ini iaitu di bawah kategori 15-39 tahun iaitu 11.10 juta orang dengan 6.67 juta orang yang sudah bekerja. Keupayaan kita menggembeng tenaga belia akan menentukan hala tuju ke arah mencapai Wawasan 2020. Dengan ini, pembangunan belia perlu diberi tumpuan khusus ke arah menjayakan wawasan pembangunan di tanah air kita. Golongan belia yang mapan dalam akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri adalah amat perlu untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan mengukuhkan ekonomi serta masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak mempunyai harapan yang tinggi terhadap belia agar peranan sebagai penggerak utama dalam memastikan kesinambungan tamadun. Walau bagaimanapun, gambaran yang diperolehi mengenai belia masa kini amat tidak menggalakkan. Situasi gawat ini memberi cabaran yang hebat kepada sebarang usaha untuk membentuk golongan muda. Usaha untuk membina belia bukanlah satu perkara yang mudah, memerlukan iltizam yang tinggi dari semua pihak terutamanya kepada para pemimpin belia dan organisasi belia.

Sebab itulah program pembangunan belia yang bermula dari peringkat awal perlu dirancang dengan teliti untuk melengkapkan mereka dengan sikap yang positif, berpengetahuan, berkeupayaan memimpin, mempunyai sikap keusahawanan dan mempunyai kemahiran terutama dalam bidang ICT supaya mereka boleh mengatasi segala halangan yang dihadapi di dalam persaingan pembangunan ekonomi yang pesat serta arus globalisasi. Pembentukan pada peringkat awal, terutamanya di peringkat sekolah rendah adalah sangat penting dan kemudiannya dimantapkan lagi pada peringkat remaja supaya penglibatan mereka pada jangka umur belia membawa manfaat yang positif untuk negara.

Timbul persoalan apakah strategi mantap yang akan digunakan untuk melahirkan dan mengukuhkan kesemua teras modal insan ini. Pihak kementerian boleh menyebarkan perincian cara yang akan dilaksanakan kepada pelaksanaan dan perangkaan mekanisme yang boleh didapati untuk berhadapan reaksi ataupun penerimaan kumpulan sasar mereka. Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sendiri mempunyai peranan yang besar untuk memastikan pembangunan modal insan tidak terencat akibat kurang komitmen dan bersedia menerokai secara terbaik untuk mencapai keputusan akhir yang memberangsangkan.

Kebanyakan teras pembangunan dalam RMK-9 adalah bertujuan untuk melahirkan modal insan yang bersifat...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat punya *preamble* ini panjang sangat sampai lima minit. Pendekkan supaya masukkan dalam Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat.

**Tuan M. Munusamy:** Sedikit sahaja. Terima kasih. Pencapaian program dan strategi pembangunan modal insan banyak bergantung kepada persekitaran yang *conducive* dan kesesuaian program yang dirancang. Saya menyokong akta ini kerana ini akan memastikan pembangunan kemahiran berjalan sejajar dengan dasar ekonomi negara dan cuba mengambil kira arus perkembangan industri tersebut di peringkat antarabangsa.

Sistem latihan kemahiran kebangsaan mesti diorientasikan semula untuk mempertingkatkan pengetahuan kemahiran dan kreativiti biar sejalan dengan perkembangan dalam teknologi perkhidmatan dan pengeluaran di peringkat antarabangsa. Malahan akta ini diperlukan untuk memperkasakan dan menjayakan tujuan penubuhan MLVK, sekarang JPKK sejak 1989. Apa yang jelas ialah MLVK telah dipertanggungjawabkan menyelaraskan dan membangunkan latihan dan kerjaya dalam bidang kemahiran. Tanpa mempunyai perundangan atau akta itu sendiri, MLVK tidak dapat bergerak dengan efektif untuk menggalak dan memajukan bidang latihan dan kemajuan kerjaya dalam bidang kemahiran.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa akta diperlukan bagi membolehkan pemantauan dan penyelarasan latihan kemahiran di kedua-dua sektor iaitu sektor awam dan swasta. Saya berpendapat program MLVK yang diperkenalkan adalah begitu baik tetapi kegagalannya adalah pada tahap pelaksanaan. Banyak penyelewengan dalam operasi. Saya juga berharap dengan penubuhan majlis di bawah akta ini akan membawa kepada pelaksanaan dasar yang lebih konsisten untuk membolehkan pihak yang terlibat membuat perancangan jangka masa panjang yang lebih rapi.

Ini adalah kerana salah satu rungutan yang sering didengari daripada pengendali pusat MLVK adalah perubahan dasar yang kerap yang membawa kepada gangguan dalam perancangan jangka masa pendek dan panjang. Selain daripada itu, saya juga ingin menegaskan di sini bahawa pihak majlis harus memberi perhatian yang secukupnya dan serius supaya segala perancangan kerajaan berjaya. Ini adalah kerana wujud semacam perkara negatif iaitu MLVK adalah untuk golongan yang gagal atau tercicir sahaja.

Pihak majlis harus merangka program strategi pemasaran yang inovatif dan efektif dalam usaha mengikis pendapatan negatif ini di kalangan ibu bapa serta dalam usaha menarik masuk pelajar yang berkualiti ke dalam program ini. Program dari segi karier dalam JPKK haruslah jelas kepada seorang pemohon atau pelajar supaya mereka tahu JPKK bukan sahaja sekadar sijil kemahiran tetapi seorang pelajar yang baik dapat mara sehingga ke peringkat ijazah di Kolej Universiti Teknologi Malaysia.

Saya juga menyokong saran yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah bahawa peranan LAN. Peranan LAN ini kita kkuatirah apa peranan LAN. Kita telah dengar banyak hujah daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah tadi berkenaan dengan LAN. Kita ada banyak akreditasi. Nampaknya sekarang kita ada satu akreditasi yang baru. Saya juga ingin tahu adakah akreditasi ini akan menggubal semua institusi latihan daripada pihak awam dan swasta.

Satu perkara lagi yang saya ingin membawa dalam Dewan ini ialah berkaitan dengan seksyen 53 dan 54 iaitu kawalan pengiklanan. Saya percaya bahawa ini perlu dikuatkuasakan lagi sebab sistem pengiklanan bagi institusi-institusi sekarang ini adalah banyak tidak yang sebenarnya. Ramai pelajar kita mengikuti kursus-kursus memandangkan dengan iklan-iklan yang telah mereka tengok ataupun lihat dan dengar. Apabila masuk dalam kolej-kolej ataupun institut-institut kemahiran ini, apa yang diiklankan itu tidak diajar di situ. Oleh itu mereka kena tipu. Oleh itu saya berharap bahawa undang-undang pengiklanan ini lebih diperkuatkan.

Sekian, dengan ini saya mohon menyokong.

**Datuk Hamzah bin Zainuddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hamzah bin Zainuddin:** Ini kali kedua, ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya insya-Allah, lims minit sahaja. Saya simpulkan apa yang saya ingin perkatkan ini dalam beberapa perkataan yang saya yakin sampai kepada maksud saya tentang apa yang ingin saya bahaskan tentang Rang Undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik usaha yang dibuat oleh kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh teruskan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita menyambut baik segala usaha yang ingin dilakukan oleh pihak kerajaan terutamanya oleh Kementerian Sumber Manusia dalam usahanya untuk meningkatkan lagi kualiti kemahiran yang ingin disampaikan kepada generasi muda kita khususnya. Tetapi berbaliklah kepada masalah yang sering kita hadapi bahawa dalam usaha yang baik ini, kadang-kadang kita berhadapan dengan masalah yang lama, masalah yang sama iaitu berlaku tidak adanya penyelarasan, berlakunya pertindihan. Akhirnya, kita tidak akan sampai kepada matlamat apa yang kita cari sebenarnya.

Saya mengambil contoh tentang membasmi kemiskinan. Bahkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri memberi komen, dua hari lepas lagi, saya tengok komen

beliau iaitu bahawa kita terlampau banyak sangat agensi membasmi kemiskinan yang menyebabkan akhirnya kemiskinan depan mata, kita tidak boleh selesaikan. Semata-mata kerana setiap agensi mengatakan bahawa itu bukan bidang tugas dia. Ini agensi yang satu lagi yang sepatutnya menyelesaikan. Maka akhirnya, yang depan mata kita tidak selesai.

Sebab itulah akhirnya, jika sekiranya perkara ini kita terus biarkan, akhirnya matlamat kita itu tidak akan tercapai. Sebab itulah kita amat berterima kasihlah, tentang isu kemahiran ini adalah isu yang penting. Sebab itu kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, Universiti Pertanian sebagai contohnya. Akhirnya kita hanya mengeluarkan pegawai pertanian, bukan melahirkan usahawan pertanian. Inilah masalahnya kerana kita tidak memberikan kemahiran.

Sebab itulah saya teringat, saya masih bersetuju dengan Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri kita. Sebab dia mengatakan, pemindahan kemahiran teknologi tidak boleh disampaikan melalui bilik kuliah. Sebab itulah dia menubuhkan HICOM (*Heavy Industry Commission*) yang mengeluarkan kereta Malaysia. Sebab dia yakin, dengan keluaran kereta barulah kemahiran boleh dipindahkan kepada rakyat kita dan beliau betul. Kita tidak boleh memindahkan kemahiran melalui bilik kuliah semata-mata dan saya tahu matlamat ini adalah cukup baik sebenarnya. Untuk meningkatkan kemahiran. Sebab itulah kenapa kita amat kritikal terhadap kolej komuniti yang tujuannya sepatutnya memberikan kemahiran, tetapi akhirnya menjadi akademik.

Akhirnya, dia pun nak buat kolej komuniti dengan padang, dengan bangunan yang besar dan sebagainya. Sedang tujuan sepatutnya, tujuan asal kolej komuniti ini ialah memberikan kemahiran, iaitu tidak perlukan bangunan besar dan sebagainya.. Yang akhirnya, standard yang diberikan ialah mesti ada kawasan dan sebagainya. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kemahiran menjadi akademik dan akhirnya orang itu tidak mendapat kemahiran dan dia tidak mendapat peluang kedua.

Oleh sebab itulah saya mengharap bahawa soal penyelarasan ini perlu diperbetulkan dan akhirnya saya ingin menyimpulkan di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu bahawa saya haraplah diperbetulkan balik perkara ini. Cari jalan sebenarnya, bagaimana boleh dipinda, dibetulkan balikkah macam tadi itu, yang isu air itu. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dr. Norraesah bahawa akhirnya kita memerlukan satu badan akreditasi yang lebih komprehensif. Jadi, jangan ada berlaku pertindihan dan sebagainya. Saya nak katakan saya tidak setuju pun jadi berat, tapi bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya menyokonglah Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tajul Urus.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanpa menolak kelemahan-kelemahan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Norraesah dan Yang Berhormat yang lain, saya secara umumnya berpendapat bahawa Akta ini adalah satu Akta yang penting..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Belum lagi menjadi akta Yang Berhormat. Belum lagi menjadi akta.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Belum lagi menjadi Akta. Masih lagi di peringkat rang undang-undang.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Rang Undang-undang ini merupakan satu Rang Undang-undang yang penting sebagai badan penyelaras kepada aspek kemahiran, baik di sektor swasta mahupun di sektor awam. Badan ini penting untuk membangunkan kerangka kelayakan kemahiran ke tahap 1, 2, 3, 4 dan 5 untuk Diploma Kemahiran dan juga Diploma Lanjutan.

Adalah diharapkan Badan ini akan menjadi satu badan yang penting supaya satu standard yang berkualiti dapat diwujudkan melalui kawal selia yang bersistematik dan jika ia berjaya, ia akan mengatasi masalah mengurangkan siswazah menganggur dan juga mengurangkan pengambilan pekerja asing. Jadi Yang Berhormat Menteri, oleh sebab Akta ini bukanlah sebuah al-Quran, kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat terdahulu, mintalah ia boleh diperbetulkan. Saya menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Yang Berhormat lain yang ingin berbahas? Kalau tidak ada, saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya rakamkan kepada semua Ahli-ahli Senator yang telah memberikan pandangan kepada Akta ini. Sukalah saya menyatakan bahawa tujuan dan juga hasrat Akta ini sangat baik, sangat murni. Tetapi kalau kita tidak faham, tidak mengikutinya secara mendalam, kita menganggapnya tidak baik dan tidak murni, malah yang tidak mendalam secara mendalam menganggap tidak perlu disokong. Tetapi ingin saya jelaskan di sini, bahawa sebelum kita mengemukakan Akta ini dalam Dewan, kita telah membuat kajian lebih daripada dua tahun, dan saya dalam Pasca Kabinet pun, akta telah memanjang, melangkau kira-kira dua tahun. Apa yang saya hendak timbulkan di sini bahawa...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Nanti sekejap. Saya hendak..

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Satu *sentence* sahaja. Saya rasa salah anggapan, kalau kita tidak bersetuju dengan sesuatu rang undang-undang itu, bukannya kita tidak mendalam, cuma kita mempunyai pandangan yang berlainan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya bukannya maksudkan kepada Yang Berhormat, tetapi mungkin pada pandangan yang lain. Yang Berhormat sokong pada akhirnya, saya ikuti kesimpulannya. Tetapi ada juga pandangan yang perlu saya perbetulkan.

Saya ingin menjelaskan bahawa Akta ini sangat perlu kerana untuk mengawal selia kualiti program latihan-latihan kemahiran supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak tempat-

tempat kerja dan juga pusat-pusat industri melalui satu standard kebangsaan ataupun dikenali sebagai *national occupational skill standard* (standard kemahiran kebangsaan). Kita dapati ramai di antara mereka yang menerima latihan-latihan kemahiran, tetapi pentauliahannya secara bersepadu, secara *centralise* tidak pernah berlaku. Sebab itu kita pada hari ini menggabungkan semua kemahiran yang ada di pelbagai pusat pengajian ataupun pusat latihan, sama ada awam ataupun swasta untuk kita selaraskan.

Sejauh ini apabila kita telah selaraskan, langsung tidak ada bantahan. Malah sijil-sijil kemahiran yang telah kita keluarkan lebih daripada 600 ribu, bukan 6,000, *it's not 60 thousand*, tapi 600 ribu dan satu angka yang besar. Ini, apabila kita keluarkan sijil-sijil ini bukan sahaja dapat memenuhi kehendak pembangunan negara ataupun dalam mutakhir perkataan iaitu dalam memenuhi kehendak modal insan, tetapi juga dia dapat memberikan suatu pengiktirafan yang standard dalam konteks negara dan juga dalam konteks luar negara. Kerana perlu kita ingatkan bahawa kemahiran sijil ini perlu juga diberikan kepada rakyat Malaysia yang hendak bekerja keluar negara. Sukalah juga saya menjelaskan di sini, bahawa ianya berbeza dengan LAN. LAN ini merupakan satu *standard* yang diiktiraf dalam bentuk akademik.

Kita Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan memberikan pengiktirafan kepada kemahiran, tidak ada satu badan pun dalam Malaysia ini tidak ada satu Kementerian pun daripada 30 Kementerian dalam Malaysia ini mewujudkan ataupun mengadakan yang dimaksudkan undang-undang kemahiran. Ia tidak berbeza. Walaupun kita bermula di peringkat sijil kemudian meniti pada peringkat Diploma dan seterusnya kepada Diploma Lanjutan, ingin saya tegaskan di sini bahawa kita langsung tidak mengambil ataupun menyentuh ataupun meminggir ataupun mengkhianati lain-lain persijilan ataupun sijil-sijil di peringkat Diploma, ataupun Diploma Lanjutan.

Malah apa yang kita buat ini, kita juga berbincang dengan panjang lebar dengan Kementerian Pendidikan, dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga dengan Kementerian termasuklah pembangunan usahawan, termasuklah dalam Kementerian-kementerian yang lain. Jadi kita meneliti sebegitu masak akhirnya dipersetujui dalam kabinet sendiri supaya mempercepatkan agar Rang Undang-undang ini dikemukakan di sini. Walau bagaimanapun, saya bukan itu sahaja yang saya hendak timbulkan, tetapi kita perlu sedar bahawa keduanya kita mahu menjadikan Sijil Kemahiran Malaysia sebagai satu tempat rujukan kepada rakyat apabila pekerja mahir memberi khidmat kepada rakyat dan juga negara.

Perkara ini tidak ada satu rujukan yang standard, begitu sokongan ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara bukan sahaja merupakan sokongan kepada melahirkan tenaga mahir, tetapi juga merupakan satu ibadah yang sangat penting. Ketiga, NASDA juga memberikan ruang kepada pelatih yang menceburi latihan kemahiran untuk maju lebih tinggi melalui sijil kemahiran Malaysia juga melalui Diploma Kemahiran Malaysia juga Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Pada masa ini sekali lagi saya hendak tegaskan tidak ada mana-mana

IPTA, mana-mana IPTS yang memberi peluang ataupun mentauliahkan sijil mereka kepada aspek-aspek kemahiran. Sebab itu dalam sebab ini, dalam buku biru ini... *[Sambil menunjukkan senaskah buku biru]*

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Yang Berhormat, pohon laluan. Adakah dalam perspektif ini, Diploma dan Diploma lanjutan itu hanya akan dikeluarkan oleh DOS di bawah NOS dan bukan di bawah LAN. LAN tidak ada kaitan ataupun kena mengena dalam soal ini. Adakah ini yang dimaksudkan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, saya hendak sebutkan di sini, ada banyak kursus Diploma, kalau hendak baca pun boleh Kursus Diploma yang saya ada ini lebih daripada 30 ada 36 lebih kursus. Tidak ada percanggahan dengan IPTA dan juga IPTS dan Diploma-Diploma ini begitu istimewa kerana tidak diajar. Malah untuk pengetahuan Yang Berhormat, salah satu masalah kita adalah menempatkan lulusan-lulusan daripada universiti. Ada lebih kurang 23 ribu pemegang ijazah yang menganggur dan ada pemegang Diploma dalam 20 ribu juga yang SPM ini dalam 53% iaitu banyak lagilah. Jadi kalau kita perhatikan. Masalah yang pertama, mereka tidak mempunyai sijil-sijil kemahiran walaupun mereka itu keluar daripada sekolah-sekolah menengah, Diploma-Diploma ataupun universiti.

Inilah masalah yang kita dapati dan lebih lanjut daripada itu, bagi menyelesaikan masalah pengangguran ini juga, kita mengadakan pelbagai Skim Latihan Graduan dan telah kita mulakan semenjak tahun 2001 iaitu Skim Latihan Graduan 1 diikuti 2003 Skim Latihan Graduan 2 dan seterusnya 2005 kita melanjutkan Skim Latihan Graduan 3. Ini jelas sekali apabila skim-skim itu diberikan dengan pelbagai bentuk kemahiran, 85% daripada mereka memperoleh pekerjaan. Untuk itu, saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang dapat melihat aspek kemahiran ini yang lebih mustahak dan lebih penting daripada kemahiran akademik semata-mata.

Untuk tu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi menekankan bahawa soal akademik perlu dicampurkan juga dengan kemahiran dan juga aspek-aspek lain seperti moral dan sebagainya. Jadi berbalik kepada yang ini, saya ingin menjelaskan lagi bahawa NASDA ini diperlukan lagi kerana kita tahu bahawa usaha untuk kita memartabatkan secara kesimpulannya dalam soal kemahiran selama ini tidak diambil berat malah tidak ada di dalam IPTA dan juga IPTS. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang kita selaraskan. Jangan bimbang kerana dalam majlis ini yang akan dilantik nanti, ia mengandungi pelbagai ahli sebanyak 21 ahli bukanlah ahli yang ramai Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, kerana ahli ini kuorum kita ialah 12 dan tidak pernah dalam Kementerian Sumber Manusia, mesyuarat tidak cukup kuorum, malah sentiasa cukuplah.

Dan kalau kita lihat dalam majlis ini sendiri, kita dapati ada ahli yang datangnya daripada Kementerian Pendidikan dan juga daripada Kementerian IPTA dan semuanya ini tidak menafikan tentang perkara-perkara yang melibatkan keanggotaan itu di samping adanya anggota-anggota

yang lain. Jadi kita hendak sebutkan juga bahawa NASDA sama sekali tidak menyentuh kuasa kementerian lain, kuasa badan-badan lain. Cuma kita ingin katakan bahawa NASDA menjadikan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan ataupun menjadi satu *sole agent* yang menyelaras Latihan Kemahiran dan juga ianya jangan bimbang kerana ianya ditadbir oleh satu majlis yang bertanggungjawab yang inspektor yang disebutkan tadi ia bukan majlis.

Ia tidak ada kuasa untuk menutup apatah lagi untuk menyenaraihitamkan yang kita berikan kepada inspektor adalah untuk melihat premis-premis latihan, pusat-pusat latihan supaya pusat-pusat latihan itu tidak salah gunakan. Maklumlah kemahiran ini nanti dia buat benda-benda yang tidak baik. Maklumlah zaman militan, zaman macam-macam keganasan berlaku, kita bimbang juga ianya takut disalahgunakan dan dia akan memberikan pengesyoran-pengesyoran balik kepada majlis untuk majlis menentukan. Dalam majlis ini bukan setakat menentukan pemeriksa premis sahaja, tetapi majlis juga menentukan supaya standard kemahiran dapat dipertingkatkan. Subjek-subjek baru dapat diperkenalkan.

Pentauliahan di peringkat domestik dan juga di antarabangsa dapat diberikan. Pendek kata kita tidak usah bimbang sama ada ianya adanya kuat kuasa yang disebut sebagai inspektor ataupun menteri itu sendiri kerana ianya bekerja bukan diputuskan oleh seorang manusia, tetapi diputuskan di bawah satu majlis yang senantiasa bermesyuarat sekurang-kurangnya saya sebutkan dalam ini, tiga kali setahun dan juga majlis ini juga akan ditukar ahlinya daripada masa ke semasa. Jadi secara keseluruhannya ianya tidaklah menggambarkan kepada kita bahawa apa yang hendak kita berikan ini merupakan bertindan lapis ataupun bercanggahan. Saya ingin bukakan lagi kepada ahli Yang Berhormat kalau sekiranya puas hati dengan jawapan saya ini. Sila kalau ada. Jadi, kalau sudah puas hati saya minta maaf kalau agak terlanjur sedikit saya bercakap, tetapi tujuan kita sangat murni dan saya ingin menyatakan perasaan terima kasih penghargaan yang tidak terhingga kepada ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang begitu prihatin bahawa aspek kemahiran merupakan satu aspek yang sangat penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang berjenamakan modal insan itu sendiri.

Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat yang kurang jelas, telah pun saya jelaskan dan insya-Allah pada masa-masa yang akan datang kita akan terus bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk memahami Rang Undang-undang yang lain. Jikalau tidak ada pertanyaan...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tadi tidak ada, sekarang ada.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Masih saya tidak berpuas hati dengan apa yang akan berlaku dalam diploma dan lanjutan diploma itu. Yang diploma dan lanjutan diploma *is equivalent* nya kepada *degree*, adakah LAN itu akan dikecualikan sama sekali dalam menyempurnakan penyampaian akreditasi. Ini yang masih keliru di dalam pemikiran saya dan *community college* ataupun badan-badan penyediaan latihan yang sedang ada sekarang ini yang

mana harus mereka ikuti sama ada *NOS* ataupun yang satu lagi. Ini yang masih tidak dapat saya lihat dengan jelas.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka soalan itu kerana ada sikit-sikit lagi keliru, tadi banyak. Sudah kurang sikit. Saya hendak tegaskan di sini bahawa kita tidak campur urusan LAN dalam segi pengiktirafan sijil-sijil. Kita tidak campur peringkat pengiktirafan di pusat-pusat pengajian tinggi, universiti-universiti ataupun yang dikatakan kolej, ataupun yang dimiliki oleh kolej komuniti itu sendiri. Kita hanya memberikan satu Rang Undang-undang yang hanya untuk meningkatkan kemahiran. Malah ramai *student* daripada lulusan IPTA ataupun IPTS yang memberikan kuasa kepada Kementerian Sumber Manusia untuk melanjutkan dalam bidang-bidang kemahiran yang tertentu, yang kita ini hanya kemahiran. LAN sebagaimana yang kita sebutkan tadi, ia tidak ada pengiktirafan ataupun tidak buat satu pengiktirafan dalam bidang kemahiran. Kita juga pada hari ini....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon, Yang Berhormat, saya tidak tahu siapa yang keliru, Yang Berhormat atau saya. Mungkin saya, soalan saya yang mengelirukan. Definisi kemahiran itu masih lagi kita tidak dapat perolehi dalam genggaman. Jadi apabila kita mengatakan bahawa diploma dan lanjutan diploma dalam aspek kemahiran itu, sebab kalaulah kita sebut tentang *welding* dan *brick-laying* umpamanya, itu satu kemahiran, tetapi apabila ia sampai ke tahap diploma dan *advanced* diploma *which is a general degree*, saya faham apa Yang Berhormat Datuk Haji Roslan sebutkan tadi di mana *management* (pengurusan) harus ada dalam genggaman yang mencari kemahiran dan meningkatkan kemahiran itu.

Di sini sudah ada campuran akademik dan kemahiran. Tetapi selagi kemahiran itu tidak mendapat satu *specification* yang ataupun tafsiran yang lebih khusus, maka masih ada apa yang orang kata tidak ada ketentuan yang lebih khusus. Saya tidak dapat melihat itu dan apabila kita sampai ke tahap ini, jadi saya tidak katakan kementerian akan masuk campur, tetapi apabila sudah sampai tahap diploma dan *general degree* ini, maka dengan secara automatik dalam kefahaman saya, dan perundangan definisi LAN itu sendiri, akreditasi, ia sudah jatuh di bawah *authority* LAN.

Di sini, kepada saya, katakanlah saya yang hendak mengeluarkan atau menyediakan latihan kemahiran ini ke mana yang saya hendak tuju ini. Saya fahami segala-galanya tetapi saya keliru di mana destinasi akhirnya saya.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya ingat, definisi yang kita berikan itu, yang membawa erti bahawa kemahiran merupakan satu kebolehan yang diperolehi dan yang diamalkan untuk menjalankan satu tugas atau kerja dengan cekap. Definisi itu kita ambil definisi yang standard, yang dibawa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi ini tidak menjadi masalah cuma mungkin Yang Berhormat keliru sedikit tentang apa yang telah diiktiraf oleh LAN dan apa yang diiktiraf oleh kita. Kita ini sebagaimana yang disebutkan saya sebutkan tadi, apa-apa

kemahiran yang berlaku, dalam bidang kuasa kita, maka kita mengiktirafnya dan juga bukan itu sahaja tetapi juga dalam kementerian-kementerian yang lain.

Sukalah yang saya sebutkan di sini, sebagai contohnya, kita juga ada kursus-kursus diploma bukan setakat *brick-laying* atau kimpalan, kita ada mengenai dengan pemesinan, jaminan mutu, *mechatronic*, telekomunikasi, ICT, pembuatan, pengeluaran, automatif, elektronik, komputer, alat acuan, pemotong, fabrikasi, *foundry*, instrumentasi, penyaman udara dan pelbagai lagi. Jadi, kalau misal katakan sesuatu yang telah ada di bawah Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pengajian Tinggi itu, itu soal yang diiktiraf oleh LAN memang satu hal yang lain tetapi kita yang ini, kebanyakannya kursus-kursus kemahiran, dan kemahiran kita ini bermula dengan peringkat sijil melonjak kepada peringkat diploma, yang terakhir kita juga ada buat MOU dengan Universiti Kuala Lumpur dalam pelbagai bidang termasuk bidang *degree* ataupun ijazah itu sendiri. Jadi, saya fikir tidak jadi masalah dan kita tidak mempunyai hasrat untuk berebut kuasa, tetapi kita berhasrat untuk melonjakkan bidang kemahiran negara dan sekali gus menyahut seruan kerajaan di mana aspek kemahiran ini masih lagi tidak mencukupi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita juga masih banyak bergantung bukan sahaja kepada buruh asing tetapi juga kepada ekspatriat dagang asing lebih kurang 35,000 orang dalam Malaysia sekarang. Kalaulah kita tidak berbuat daripada sekarang, tidak bermula daripada sekarang, maka ianya akan menjadi ketirisan ataupun kebocoran dalam memenuhi permintaan negara itu sendiri. Jadi saya rasa saya sudah menjawab secara keseluruhannya, dan saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau ada terlanjur sedikit sebanyak, saya memohon maaf dan saya sudahi di sini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 74** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG**  
**RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2006**  
**Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**6.01 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila huraikan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, cadangan supaya Malaysia menjadi ahli kepada Patent Cooperation Treaty (PCT) telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 Oktober 1999 melalui memorandum nombor 612/2192/99 di mana Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Malaysia menyertai PCT. PCT adalah merupakan satu perjanjian kerjasama antarabangsa mengenai sistem permohonan paten untuk diterima pakai di kalangan negara-negara ahli PCT. Ia meliputi aspek-aspek pemfailan permohonan, pengendalian dokumen paten, pemeriksaan permohonan paten dan penyebaran maklumat teknikal yang terkandung dalam dokumen permohonan paten. Bagi tujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia atau residen Malaysia membuat permohonan antarabangsa paten melalui sistem PCT tersebut, pindaan kepada Akta Paten 1993 telah dibuat pada tahun 2003.

Walau bagaimanapun, pindaan kepada Akta Paten 1983 mengenai pemfailan paten melalui sistem PCT perlu dibuat sekali lagi. Pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini secara amnya adalah untuk membuat pindaan berbangkit bagi menjelaskan beberapa peruntukan akta ini dengan peruntukan PCT. Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan untuk diselaraskan dengan Akta Paten 1983 adalah seperti berikut memasukkan seksyen baru 35b untuk membenarkan pemohon yang memfailkan permohonan paten domestik atau Pejabat Pendaftaran Paten memohon sesuatu pencarian antarabangsa yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Pencarian Antarabangsa. Dengan kemasukan seksyen ini yang merupakan salah satu prosedur di dalam PCT, pemohon domestik atau pejabat pendaftaran paten boleh meminta supaya satu pencarian antarabangsa dibuat oleh Pihak Berkuasa Pencarian Antarabangsa ke atas permohonan domestik. Ini akan membolehkan Pejabat Pendaftaran Paten memproses sesuatu permohonan paten dengan lebih pantas dan efisien memandangkan laporan carian paten telah pun disiapkan.

Pindaan seksyen 78F adalah bagi menghendaki mana-mana pemohon yang merupakan pemastautin di Malaysia yang memfailkan permohonan antarabangsa mematuhi peruntukan di bawah seksyen 23A iaitu memohon kebenaran bertulis daripada pendaftar paten untuk memfailkan permohonan antarabangsa. Perkataan tertakluk kepada seksyen 23A dimasukkan

bagi tujuan menjelaskan bahawa bagi pemfailan antarabangsa, pemohon yang merupakan pemastautin di Malaysia masih perlu memohon kebenaran daripada pendaftaran paten sebelum membuat pemfailan antarabangsa.

Seksyen 78G dipinda untuk menyatakan dengan lanjut kehendak-kehendak yang mesti dipenuhi jika sesuatu permohonan antarabangsa bagi paten dibuat hendaklah mengikut seperti yang telah dinyatakan di dalam 3D. Memandangkan perkataan 3D telah pun didefinisikan di dalam seksyen 78A adalah lebih wajar sekiranya apa-apa borang yang digunakan adalah sejajar dengan borang yang dinyatakan di dalam 3D.

Sekiranya terdapat apa-apa pindaan yang dilakukan kelak di dalam borang permohonan antarabangsa Malaysia tidak perlu melakukan pindaan tersebut memandangkan borang permohonan antarabangsa yang diguna pakai oleh Malaysia adalah borang permohonan antarabangsa seperti yang diperuntukkan oleh 3D itu. Subseksyen baru 1A dimasukkan di dalam seksyen 78G untuk menyatakan bahawa permohonan antarabangsa hendaklah difailkan dalam bahasa Inggeris. Manakala subseksyen baru 2A dimasukkan untuk menyatakan akan kesan dari pemfailan ke atas permohonan antarabangsa tersebut jika Malaysia *indefinite* bagi tujuan untuk mendapatkan perlindungan paten di bawah Akta Paten 1993.

Memandangkan borang permohonan adalah seperti yang diperuntukkan oleh 3D maka pindaan ini dilakukan untuk menjelaskan agar permohonan antarabangsa hendaklah difailkan dalam bahasa Inggeris. Pindaan turut dilakukan bagi menjelaskan bahawa sekiranya Malaysia di *decimate* sebagai *senator office* tarikh pemfailan antarabangsa adalah juga merupakan tarikh pemfailan di Malaysia. Dengan memasukkan subseksyen ini, seksyen 78H yang asalnya dipotong. Seksyen-seksyen 78H, 78I, 78J dan 78P Akta Paten 1983 dipotong kerana semua perkara-perkara ini ada diperkatakan dalam pelbagai seksyen dalam Akta 291.

Bagi tujuan memperkemas peruntukan-peruntukan di bahagian 14A Akta Paten 1983 pindaan dibuat kepada perkara-perkara seperti prosedur-prosedur memfailkan permohonan antarabangsa, *fi* permohonan dan borang permohonan seperti yang terdapat di dalam seksyen 78H, 78I dan 78J dengan memotong peruntukan-peruntukan tersebut. Ia juga akan mengelakkan pindaan seterusnya yang perlu dibuat kelak setiap kali pindaan mengenai perkara-perkara tersebut dibuat kepada 3D.

Seksyen 78K dipinda untuk memotong perkataan "*and is a rules*" kerana definisi *duty* adalah termasuk peraturan-peraturannya. Seksyen 78K sedia ada telah menyatakan bahawa proses permohonan antarabangsa ketiga fasal antarabangsa ataupun *international phase* hendaklah mengikut peruntukan di dalam cuti. Memandangkan perkataan 3D turut merangkumi peraturan di bawah 3D perkataan "*and is rules*" dicadangkan dipotong. Seksyen 78KA yang baru dimasukkan untuk menyatakan bahawa *fi* bagi permohonan antarabangsa adalah seperti yang dinyatakan di dalam 3D dan lain-lain *fi* yang ditetapkan.

Pindaan kepada Akta Paten 1983 melalui pindaan 2006 dan peruntukan agar *fi* yang perlu dibayar adalah seperti mana yang diperuntukkan di dalam 3D. Sekiranya terdapat apa-apa pindaan berkenaan *fi* kelak Malaysia tidak perlu melakukan apa-apa pindaan memandangkan *fi* adalah berdasarkan 3D itu.

Seksyen baru 78OA dimasukkan bertujuan untuk memasukkan peruntukan menghidupkan semula permohonan paten antarabangsa yang dianggap telah ditarik balik di bawah seksyen 78O. Pindaan ini dilakukan untuk membolehkan pemohon menghidupkan semula permohonan antarabangsa yang dianggap telah ditarik balik di bawah seksyen 78O.

Peruntukan ini memberi peluang kepada pemohon untuk meneruskan permohonan jika kegagalannya untuk mematuhi seksyen 78O adalah sesuatu yang tidak disengajakan. Namun begitu, permohonan hanya dapat dihidupkan semula sekiranya permohonan untuk menghidupkan semula permohonan antarabangsa dilakukan dalam tempoh masa seperti yang ditetapkan serta mempunyai alasan-alasan yang kukuh di atas mematuhi seksyen 78O.

Seksyen 78P dipotong kerana peruntukan ini telah pun dimasukkan di dalam Seksyen 35B yang baru. Seksyen 78P dipotong memandangkan Seksyen 35B yang baru menjelaskan dengan lebih terperinci berkenaan peruntukan ini. Seksyen 35B yang baru membolehkan permohonan domestik ataupun Pejabat Pendaftaran Paten meminta supaya suatu carian antarabangsa dibuat oleh pihak berkuasa pencarian antarabangsa di atas permohonan paten domestik. Pencarian sedemikian akan membolehkan Pejabat Pendaftaran Paten memproseskan sesuatu permohonan Paten dengan lebih pantas dan efisien memandangkan laporan carian Paten telah pun disiapkan.

Seksyen 78Q(1) dipinda untuk menjelaskan dengan lanjut mengenai perkara penukaran sesuatu permohonan antarabangsa kepada permohonan nasional. Pindaan kepada seksyen ini menjelaskan dengan lebih terperinci lagi berkenaan perkara penukaran sesuatu permohonan antarabangsa kepada permohonan nasional. Pindaan-pindaan kecil yang lain yang berbangkit, lain-lain pindaan yang tidak diperkatakan dengan khususnya di sini merupakan pindaan-pindaan yang kecil atau berbangkit yang dilakukan bagi tujuan memperkemas Akta Paten 1983.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah bersetuju untuk menjadikan anggota PCT selaras dengan objektif utama PCT iaitu untuk mewujudkan satu sistem permohonan paten yang mudah, menjimatkan dan lebih efektif kerana dengan memfailkan satu sahaja permohonan antarabangsa seseorang itu boleh dalam masa yang sama memohon untuk mendapat perlindungan bagi reka ciptanya di negara-negara ahli PCT yang melebihi 100 negara termasuklah negara-negara membangun dan sedang membangun. Pada amnya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bagi tujuan memenuhi obligasi Malaysia di bawah PCT selepas Malaysia menjadi anggota PCT. Jadi Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada ahli yang menyokong?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya Tuan Lee Sing Chooi.

### 6.13 ptg

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri laluan kepada saya bahas tentang suatu akta untuk meminda Akta Paten 1983. Pemindaan ini banyak berkaitan dengan cadangan supaya Malaysia menjadi ahli *PCT - Patent Cooperative Treaty* di mana Malaysia di jadual menjadi ahli nombor 131 pada bulan Ogos 2006 kelak. Satu pindaan Akta Paten 1983 telah dibuat pada tahun 2003, sekarang akta yang sama juga dikemukakan untuk tujuan yang sama untuk pinda sekali lagi supaya Malaysia dapat menjadi ahli PCT. Di sini saya hendak tanya mengapakah pindaan tahun 2003 itu tidak mencukupi? Apakah keadaan yang telah berubah yang menyebabkan Akta Paten ini perlu dipinda dua kali untuk menjadi ahli PCT.

Tuan Yang di-Pertua Malaysia bercadang menjadi ahli PCT apakah manfaat kepada Malaysia dan rakyat Malaysia? Adakah sebarang sekatan atau kelemahan atas daya tahan dan daya saing Malaysia dalam menangani PCT itu. Adakah Malaysia dapat maklum balas-maklum balas dari negara-negara yang sudah menjadi ahli PCT atas kelebihan dan juga kelemahan yang dialami mereka. Tuan Yang di-Pertua Malaysia sudah menandatangani dengan izin *Paris Convention for Protection of Industry Property* juga yang juga bersangkutan paut dengan Paten yang PCT ini berkenaan permohonan dan juga carian Paten yang *Paris Convention* berkenaan dengan pendaftaran Paten dan sekarang ini kita ada Akta Paten.

Apakah syarat-syarat ketiga-tiga ini adalah selaras atau tidak? Saya hendak tanya kerana Akta Paten 1983 yang diguna pakai di Malaysia itu adalah selaras dengan kedua-dua ini dan syarat-syarat yang dikenakan kedua-dua ini adalah selaras dengan apa yang kita hendak buat dan juga hendak pinda di Akta Paten 1983. Tuan Yang di-Pertua Paten ini ada had masanya sesuatu paten itu. Di Malaysia selalunya 20 tahun adalah had masa yang disebutkan di Seksyen 23 Akta itu, di negara lain had masanya mungkin berlainan yang ada 20 tahun mungkin ada yang lain. Selepas tamatnya had masa sesuatu paten itu adakah kerajaan mengambil peluang kesempatan itu menggalakkan industri tempatan supaya selepas tempoh paten itu sudah tamat maka kita mengeluarkan barangan yang tempoh paten itu sudah luput supaya kita dapat menghasilkan barangan yang lebih murah terutamanya ubatan-ubatan yang harganya begitu mahal dalam tempoh Paten.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tahu perkembangan pendaftaran Paten di tanah air kita, berapa paten sudah didaftar dan apakah kecenderungan umum atau trend bilangan pendaftaran paten? Apakah masalah-masalah yang masih dihadapi para saintis dalam pendaftaran? Berapa paten Malaysia dapat dikomersialkan? Dalam penguatkuasaan Akta

Paten, berapa kes kesalahan di dapati dan apakah kategori-kategori kesalahan itu, kesalahan itu dilakukan oleh syarikat Malaysia atau syarikat yang dimiliki oleh orang asing? Tuan Yang di-Pertua Paten itu berkaitan dengan kebolehan berinovasi dalam era globalisasi yang amat mencabar ini, R&D menjadikan salah satu usaha yang menentukan daya tahan dan juga daya saing negara.

Saya berharap sistem pendidikan yang sedang dikaji semula sekarang dapat mengambil perhatian atas memupukkan kebolehan inovasi dan kreativiti. Kerajaan juga boleh memberi gerakan, galakan secara insentif atau pembebasan cukai atas aktiviti-aktiviti R&D dan melicinkan pendaftaran hasil R&D di mana-mana kementerian yang berkenaan dan juga dalam proses pendaftaran paten dalam Akta Paten ini. Dengan perbahasan tersebut saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

#### 6.19 ptg

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan akta yang hendak dipinda ini. Pertama *Patent Cooperation Treaty* dengan izin adalah satu kehendak saya ingat oleh negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat untuk kita masuki kerana ia satu kehendak *free trade agreement* dengan negara-negara tersebut. Jadi perlulah negara kita melalui satu jalan di mana Malaysia boleh berkecimpung di dalam perniagaan dunia dengan lebih besar lagi.

Oleh yang demikian kita tidak dapat lari daripada memasuki *Patent Cooperation Treaty* dan seterusnya kita membuka ruang untuk rakyat kita yang berniaga lebih-lebih lagi yang mempunyai kemahiran untuk mereka ataupun pereka-pereka kita untuk memperluaskan dan mengeksploitasikan kebolehan mereka di negara-negara yang lain. Hanya yang kita perlu ambil kira dan ambil perhatian dengan sedalam-dalamnya ialah seperti mana Yang Berhormat saudara saya, saudara Lee telah bertanya adakah kita telah bersedia dari segi teknikal *no haul* dengan izin, dari segi kapasiti dan kemampuan serta kemahiran untuk mengendali semua perkara mengenai paten bila kita telah sama-sama menjadi anggota atau negara-negara yang telah menjadi penanda tangan kepada *treaty-treaty* seperti PCT dan lain-lainya.

Cukupkah anggota kita mempunyai kepakaran di dalam memeriksa paten dalam menganalisa dan mengkaji satu-satu permohonan, adakah kita mempunyai anggota yang cukup, adakah peguam-peguam di negara kita dan hakim-hakim di negara kita mempunyai *special knowledge* ataupun *specialized knowledge*, dengan izin, di dalam perkara-perkara yang begitu luas, di mana paten dipohon dan sebagainya.

Rakyat haruslah diberi, kalau boleh sebaik-baiknya maklumat tentang manfaat-manfaat yang kita perolehi apabila kita menjadi ahli PCT. Adakah perlindungan kepada paten yang kita

hendak beri kepada sesiapa sahaja baik daripada rakyat kita sendiri ataupun daripada rakyat-rakyat asing yang berdaftar dengan kita ataupun berdaftar sendirian ataupun bersama-sama dengan orang kita. Adakah kita memberikan perlindungan yang sebaik-baiknya dari segi undang-undang, dari segi penguatkuasaan dan sebagainya di negara-negara yang lain di mana paten kita pula didaftarkan.

Jadi semua ini hendaklah diambil kira. Memanglah kalau kita sudah dikehendaki memasuki *treaty* yang sedemikian kita harus menyediakan modal insan di dalam ke arah itu dengan sebaik-baiknya dan seperti mana di dalam apa jua bidang lain, kita harus tunjukkan tahap kemahiran yang disegani oleh masyarakat dunia. Supaya bukan sahaja kita telus, tulus dan *transparence* tetapi kita juga mahir, cekap, efisien dalam semua perkara mengenai paten, mengenai perniagaan dan sebagainya.

Jadi dengan itu, saya rasa undang-undang yang hendak dipinda ini haruslah disokong dan haruslah kita beri undang-undang ini untuk diimplementasikan oleh pihak-pihak tertentu. Mungkin pindaan ini hanya melengkap apa yang kita telah ada dan apa yang negara kita telah rancangkan, Menteri Kabinet yang telah memasuki beberapa *treaty* sebelum ini juga, *Paris Convention*, *Urban Convention* dan sekarang ini di *Patent Cooperation Treaty*. Jadi dengan kata-kata sedemikian, saya rasa saya menyokong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Selepas itu Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan bagi saya untuk membahaskan sedikit tentang soal Rang Undang-undang, pindaan Rang Undang-undang yang di hadapan kita. Saya sememangnya menyokong bahawa pindaan ini dilakukan, bahkan saya mengharapkan dengan kita menjadi ahli di bawah PCT itu, kemudahan-kemudahan dan manfaat-manfaat yang selalunya diperolehi oleh mereka yang menjadi ahli itu akan benar-benar datang kepada Malaysia.

Saya mempunyai kemusykilan yang sama seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah bercakap terdahulu daripada saya iaitu keupayaan kita benar-benar untuk menyelia dan mendaftarkan paten. Sebab kita semua fahami bahawa sebelum sesuatu produk itu dijadikan paten ia memakan masa yang amat panjang dan pembiayaan penyelidikan yang amat besar sekali. Dan ini kita tidak mempunyai setakat ini. Saya ingin juga mengatakan di sini bahawa banyak daripada produk-produk kita, di bawah *bio-diversity* kita yang sudah pun dipatenkan di luar negara.

Saya mengambil contoh Tongkat Ali, Tongkat Ali penggunaan perubatan Tongkat Ali sudah pun dipatenkan di Amerika, walhal ini adalah sumber pengeluaran negara kita sendiri. Sekiranya ada di antara penyelidik-penyelidik kita mendapat penemuan-penemuan yang mempunyai khasiat-khasiat yang baik daripada Tongkat Ali ini dan dijadikan satu jenis ubat atau pun satu jenis produk *nutraceutical* iaitu *supplement*, kita meletakkan barangan ini didaftarkan

sebagai paten bersama dengan kementerian yang berkenaan. Apabila kita menjadi ahli PCT ini adakah kita boleh menerima paten yang sudah pun didaftarkan di negara kita ataupun ia masih terletak di bawah kawal selia *Patent Rights* yang sudah pun dipegang di Amerika Syarikat. Jadi satu kemusykilan dan saya harap kementerian dapat mengatasi masalah yang sedia ada.

Ketiganya, saya pernah melawat di Universiti Teknologi Malaysia di Johor Bahru yang banyak menjalankan kerja-kerja selidik dan kajian berasaskan ataupun terhadap barangan *bio-diversity* Malaysia dan banyak daripada produk-produk ini diiktiraf sebenarnya oleh syarikat-syarikat antarabangsa. Umpamanya penggunaan daun kesum itu sebagai produk *deterrent* untuk *insect* (serangga-serangga) ini dan juga sebagai aroma terapi syarikat *Loreal* sendiri dan juga daripada 'Grass' daripada Perancis Selatan menganggap produk ini sesuatu yang amat baik sekali yang dapat dikomersialkan di Perancis ataupun di antarabangsa.

Tetapi ia perlu dipatenkan dan di sini terletaknya masalah kita adakah kita hendak patenkan di sini, sebab penemuan-penemuan dalam penyelidikan itu tidak mencukupi, kita harus membuat kerja-kerja selidik yang lebih besar lagi. Dan di sini letaknya masalah kita. Kalaulah satu produk itu dalam jangka masa pertengahan penyelidikan diambil oleh syarikat Jerman dan juga syarikat Perancis yang datang melawat di *laboratory-laboratory* kita,

Dia mempunyai kemudahan kajian dan penyelidikan yang lebih istimewa, yang *sophisticated*, maka dibawanya pergi ke negara mereka dan dia memanjangkan atau pun meneruskan penyelidikan mereka dan kajian di negara di Perancis atau di Jerman umpamanya. Jadi apabila ia dapat mencapai satu tahap yang terbaik dalam penyelidikan mereka, mereka akan mengeluarkan produk ini dan mungkin akan dipatenkan. Di sini, bagaimanakah kita akan menjaga kepentingan kita sebagai pengeluar sumber *biodiversity* yang memulakan kajian itu.

[Datuk Hamzah bin Zainudin **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini satu perkara yang saya mohon bahawa kementerian dapat menyelidik dan menyelesaikan. Keempatnya, terdapat beberapa pengeluar di Malaysia ini, umpamanya pengusaha-pengusaha yang sudah pun mengeluarkan barangan-barangan yang berasaskan *biodiversity* hasil daripada kajian-kajian dan kerja-kerja selidik yang mereka lakukan. Terdapat satu syarikat di Kelantan umpamanya mengeluarkan produk yang dinamakan *Gold Carbon*. Iaitu dua produk yang terkenal ialah *Sea Fresh* dan *Fruit Fresh*. Di mana penggunaan *Fruit Fresh* dan *Sea Fresh* ini kalau ditabur atau pun dijirus sedikit sahaja kepada ikan, ia menjadi segar megar dan bertahan lama. Tetapi ada satu syarikat yang mulanya mengimport atau pun membeli barang ini daripada mereka, dia buat *reverse re-engineering*, dia cuba mendapatkan bahan-bahan *ingredients* di dalam produk yang dia membeli itu dan kemudian dia pula pandai membuat pengeluaran produknya sendiri.

Dan hasil daripada itu, mereka pergi ke kementerian, patenkan barangan itu sebagai barangan mereka. Jadi di sini, adakah kementerian, kalaulah syarikat yang mula-mula

mengeluarkan barangan ini pergi ke kementerian mengatakan ini produk saya dan saya ingin mendaftar paten terhadap produk saya sementara ada syarikat lain yang sudah pun mendaftar, kalau dia menunjukkan bukti-bukti bahawa sebenarnya pada dua tiga tahun yang lalu umpamanya dia sebenarnya menjual kepada pihak yang sekarang ini mendaftar paten dengan pihak kementerian. Adakah kementerian akan memberi laluan ataupun menyelidik untuk menentukan kesahihan paten yang mula-mula tadi diletakkan, didaftarkan.

Jadi di sini, di antara perkara-perkara yang saya mohon agar kementerian mengambil berat dan meneliti. Paten ialah satu penjagaan *intellectual property* dan di sini kita rasakan, kita katakan bahawa *biodiversity* kita begitu berleluasa, begitu banyak sekali, tetapi kita tidak mempunyai teknologi, inilah masalah kita. Maka kita harus meningkatkan *biodiversity* itu kepada *quadrant* yang teratas sekali dalam matriks pengeluaran supaya kita dapat menjadikan *biodiversity* yang kita ada itu sebagai sesuatu barangan pengeluaran yang dapat didaftarkan sebagai paten.

Saya bersependapat dengan sahabat-sahabat saya, adakah kementerian melalui perundangan atau pindaan yang ada sekarang atau pun kebolehan yang kita ada sekarang ini benar-benar dapat menjamin paten di bawah pendaftaran paten kita itu benar-benar menjadi paten yang juga akan diterima di tahap antarabangsa. Dengan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dan saya sedia menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, saya jemput Yang Berhormat Dr. Hj. Mohd Puad bin Zarkashi.

**Dr. Hj. Mohd Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana ini adalah rang undang-undang yang bertujuan untuk menambah baik terhadap rang undang-undang yang sudah pun pernah kita pinda pada tahun 2003. Yang bertujuan supaya kita ini menyertai PCT. Dan saya rasa ini adalah amat baik kerana ia memudahkan kita untuk mendapat paten itu di Malaysia. Cuma yang ingin saya bangkitkan di sini, oleh kerana paten ini tujuannya ialah untuk *protection*, dengan izin, dan dia juga membawa kebaikan kepada pemilik sesuatu produk yang dikeluarkan itu di mana dia mendapat *recognizant*, dengan izin, terhadap kreativiti yang telah dilakukan hingga melahirkan sesuatu produk, dan jika barangannya itu dipatenkan, maka barangkali dia juga boleh memberikan *right*, hak produk yang dikeluarkannya itu kepada orang lain yang mana dia boleh memberikan kebenaran dan lesen kepada orang lain untuk mengeluarkan barangan tersebut.

Dengan kata lain, dia juga akan mendapat bayaran terhadap produknya itu apabila dipatenkan dan digunakan oleh orang lain dengan kebenaran melalui mahkamah dan sebagainya. Maka di sini, ingin saya membangkitkan iaitu jika sekiranya berlaku sebarang *dispute*, apabila barangnya sudah dipatenkan dalam keadaan kita sudah menyertai PCT ini. Dalam keadaan sebuah negara yang kecil seperti Malaysia ini, apakah sebenarnya Rang

Undang-undang ini nanti boleh membantu pemilik asal itu jika berlaku *dispute* dengan pihak yang diberikan haknya itu. Dan ini amat penting sebenarnya dan kita tahu bahawa sebenarnya di negara kita ini dalam keadaan kita mempunyai dengan izin, *low level* dari segi kemampuan untuk melakukan *research* dan sebagainya.

Maka apabila barang itu dipatenkan, maka dia lebih mudah sebenarnya dieksploitasi oleh negara-negara lain yang lebih maju. Dan ini yang membimbangkan kita. Dan saya sebenarnya ini amat penting, saya ambil contoh seperti mana Yang Berhormat Dr Norraesah memberikan satu contoh. Saya juga ingin memberikan satu contoh bagaimana satu keluaran Mak Siti di negeri Johor. Kebetulan dia tidak mahu patenkan barangnya itu sebab kerana masalah kos yang tinggi. Tetapi barangannya itu yang dijual melalui *direct selling* diletakkan di hospital di Singapura. Di sebuah hospital *private* di Singapura. Dan secara kebetulan, ada seorang *billionaire* yang datang berubat di hospital tersebut dan diberikan cadangan untuk memakan ubat tersebut dan akhirnya dia mendapati dirinya apabila memakan ubat itu, ubat itu amat berkesan kepada dia.

Oleh itu, dia menjemput pengeluar kepada produk ini yang saya ketemui ketika mengadakan lawatan ke China baru-baru ini, sebab kebetulan saya duduk dalam kumpulan diskusi yang sama dengan beliau di University Pharmaceutical di Shenyang itu. Maka, apabila ubat itu berkesan kepada orang yang asalnya daripada Afrika Selatan ini, maka dia mengajak pengeluar ini iaitu rakyat Malaysia ini untuk ikut dia ke Afrika Selatan dan di situlah dia memberikan sagu hati kerana rasa seronok dia ubat itu berkesan kepada orang Malaysia ini dengan sumbangan sebanyak RM1 juta.

Bukan kerana hendak beli paten dan sebagainya tetapi kerana dia berasa bangga dengan keberkesanan ubat tersebut. Dan apabila saya tanya kepada beliau ialah kenapa dia tidak patenkan barangan tersebut, maka itulah jawapan dia iaitu kerana masalah kos yang tinggi dan dia takut sebab untuk melakukan *research* yang lebih besar, memerlukan perbelanjaan yang lebih besar dan dia bimbang jika dipatenkan, maka produknya itu lebih mudah dieksploitasi oleh negara yang lebih maju. Sebab itulah dia mengatakan, dia lebih suka mengambil pendekatan *direct selling*.

Jadi sebab itulah saya ingin bertanya, jika sekiranya sesuatu barang itu dipatenkan dalam keadaan *level* kita yang begitu rendah dalam bidang penyelidikan dan sebagainya, apakah ada satu ruang yang mana kita boleh membantu jika berlaku sebarang *dispute* apabila barang itu dieksploitasikan, apatah lagi apabila kita meluluskan Rang Undang-undang ini, kita menyertai PCT tadi. Dan saya tidak tahu apa bezanya dan ini saya juga perlukan penjelasan apakah dengan kita meluluskan rang undang-undang ini, kita akan menyertai WIPO ini. itu sahaja yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, saya rasa tidak ada siapa lagi ahli-ahli yang mahu membahaskan, jadi saya jemput menteri untuk menjawab.

**6.40 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meminta Akta Paten 1983 ini. Saya teliti ucapan Yang Berhormat tadi dan mungkin dapat saya beberapa perkara yang dapat saya jelaskan.

Sebelum itu sebenarnya PCT ini adalah merupakan satu perjanjian kerjasama antarabangsa mengenai sistem permohonan paten untuk diterima pakai di kalangan negara-negara ahli PCT ia meliputi aspek-aspek memfailkan permohonan, carian dokumen paten, pemeriksaan permohonan paten dan penyebaran maklumat teknikal yang terkandung di dalam dokumen permohonan paten dan Ahli Yang Berhormat memang faham dari segi *basic*, tujuan untuk kita menyertai ahli PCT ini. Memang benar sampai hari ini ada 131 negara yang menjadi ahli PCT ini.

Sebagai ahli PCT ini, pemohon domestik atau Pejabat Pendaftaran Paten boleh meminta supaya suatu carian antarabangsa dibuat oleh pihak berkuasa pencarian antarabangsa atas permohonan paten domestik ini. Apabila saya bantangkan rang undang-undang ini telahpun saya sebut kali ini kita buat pindaan ini bagi tujuan untuk membolehkan rakyat Malaysia atau residen Malaysia membuat permohonan antarabangsa paten melalui sistem PCT tersebut. Memang benar pindaan kepada Akta Paten 1983 ini telah pun dibuat pada tahun 2003 dan hari ini kita buat sekali lagi pindaan ini.

Sebenarnya pada tahun 2003 kita buat pindaan terhadap Akta ini sebab untuk membolehkan kita menjadi ahli PCT pada masa itu. Pada tahun 2003 yang sama, kerana WIPO telah membuat satu pindaan peruntukan di dalam *treaty* ataupun PCT tersebut iaitu memasukkan peruntukan untuk *reinstatement of Patent Application* ataupun menghidupkan semula, memulihkan semula permohonan Paten yang dianggapkan telah pun ditarik balik sebab WIPO buat pindaan pada masa itu, oleh kerana kita harus membuat pindaan dalam akta kita untuk menyesuaikan keadaan kita menjadi ahli PCT.

Jadi, erti kata pada tahun 2003 kita buat pindaan untuk menjadi ahli dan oleh kerana WIPO membuat satu pindaan terhadap *treaty* ataupun PCT itu, kita terpaksa negara kita juga perlu membuat sedikit pindaan untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh PCT ini. Kalau lain kali PCT ada buat sedikit pindaan lagi ada kemungkinan kita harus juga buat pindaan terhadap akta kita ini. Mungkin ini dapat saya jawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi juga bertanya apakah faedah kalau kita menyertai sebagai ahli PCT dan saya rasa ada berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada kita menyertai ahli PCT ini, selain daripada proses paten, dapat kita memproses lebih cepat dan kos memfailkan itu akan menjadi lebih murah.

Tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat pun sentuh tentang mungkin dari segi kos, tidak salah saya Yang Berhormat Dr Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Ia ada sentuh tentang sebab kos untuk memfailkan itu terlalu tinggi maka dengan cara untuk kita menjadi ahli PCT kos memfailkan itu jadi lebih murah, berkaitan sesuatu dengan paten ini. Pada masa yang sama, dapat kita juga galakan lebih banyak permohonan paten khususnya dari negara luar untuk membuat permohonan di negara kita dan itu pasti dapat kita menambahkan hasil negara kita ini.

Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi juga membangkitkan tentang apa bezanya Konvensyen Paris 1989 yang telah pun kita tandatangani dan apa ada beza dengan PCT ini. Sebenarnya konvensyen-konvensyen yang kita telah tandatangani seperti Konvensyen Paris 1989 adalah satu konvensyen yang menyediakan garis panduan dan kehendak-kehendak yang perlu dipatuhi bagi memfailkan paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian bagi anggota konvensyen. Jadi, bukan setakat paten sahaja tetapi paten cap dagangan, reka bentuk perindustrian untuk menyertai ataupun menandatangani sebagai anggota konvensyen.

Tetapi pada PCT pula ia adalah bagi memfailkan paten antarabangsa. Paten sahaja, paten antarabangsa dan termasuk carian antarabangsa bagi permohonan paten. Maka, Konvensyen Paris dan sebagainya adalah berlainan ia bukan setakat paten sahaja tetapi cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan sebagainya tetapi PCT khusus untuk Paten sahaja.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Lee dan juga Yang Berhormat Dato' Dr Norraesah binti Mohamad dan juga yang lain pun ada sentuh tentang tempoh ataupun *life span* sesuatu paten yang telah didaftarkan. Memang benar *lifespannya* cuma 20 tahun dan ini selaras di seluruh dunia, semua negara sama iaitu 20 tahun. Yang Berhormat pun ada sentuh tentang kalau satu *invention* yang kita dapat dan kita paten adakah bahaya kerana orang lain mungkin pun dapat tahu dan mungkin dari segi usaha mereka untuk memajukan lagi produk tersebut mungkin dia juga boleh paten dan dapat faedah daripada orang-orang yang buat *invention* itu tetapi dia dapat faedah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang ini harus kita lihat di sudut lebih teliti sebab sesuatu produk apabila kita paten, selepas 18 bulan proses untuk pastikan bahawa produk yang dipaten itu memang dikhaskan untuk pemohon ini, bererti selepas 18 bulan memang orang awam akan tahu tentang paten yang dipohon ini. Jikalau seseorang dapat majukan ataupun dilihat dari segi *invention* itu dia dapat membuat penyelidikan dan sebagainya, akhirnya lebih canggih, lebih maju dari segi *invention* yang sedia ada, memang ada kemungkinan dia dapat buat permohonan paten supaya dia dapat paten itu.

Tetapi saya fikir ini lebih kepada kesedaran yang harus kita wujudkan di negara kita ini sebab ini dipraktikkan di seluruh dunia maka kita tidak dapat lari daripada keadaan yang sebenar. Saya rasa dari segi penyelidikan, dari segi mewujudkan kesedaran memang perlu kita laksanakan supaya rakyat negara kita mendapat faedah daripada apa dia sebenarnya paten yang dikatakan pada hari ini. Memang contoh seperti tongkat ali dan sebagainya memang berlaku maka kita harus memainkan peranan untuk kita mendidik rakyat kita supaya lebih faham tentang paten dan cara macam mana kita dapat setanding dengan negara maju supaya kita tidak ketinggalan untuk mendapat paten dan untuk mendapat faedah daripada usaha yang mereka buat selama ini.

Tentang jumlah permohonan ini, sama ada dari tahun sebelum ini sampai hari ini, bagaimana keadaan permohonan paten dan juga berapa telah pun digerankan. Mungkin ahli-ahli yang saya dengar mungkin pertanyaan sebegini. Saya boleh beri contoh pada tahun 2001 misalnya, jumlah permohonan ataupun bekalan itu adalah 5,934. Untuk makluman Dewan yang mulia ini walaupun 5,934 tetapi kebanyakan permohonan itu adalah permohonan daripada negara asing. Permohonan domestik cuma 271 sahaja. Saya lihat memang jauh bezanya tentang permohonan paten ini maka kita harus lagi berusaha supaya mendidik rakyat Malaysia yang kita dapat fahami apa dia paten dan menggalakkan mereka supaya memohon melalui paten ini.

Tahun 2002, sebanyak 4,937 dan permohonan domestik 322. Tahun 2003, sebanyak 5,056 untuk permohonan kerajaan Malaysia 376. Tahun 2004, sebanyak 5,442 dan permohonan tempatan 522, ada peningkatan. Pada tahun 2005, sebanyak 6,286 permohonan domestik masih lagi 522. Saya lihat dari segi kita mewujudkan kesedaran dan melahirkan kesedaran, akhirnya ada galakan kepada rakyat Malaysia. Saya nampak ada peningkatan dari segi jumlah permohonan ini. Maka kita harus berusaha lagi untuk kita membantu ataupun menggalakkan rakyat Malaysia supaya faham tentang apa dia paten ini.

Selaras dengan pertanyaan tentang sama ada kita galakan ataupun insentif yang kita bantu untuk R & D dan sebagainya. Memang Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi dan juga pihak MTDC ada juga menyediakan tabung-tabung yang tertentu untuk menggalakkan ataupun membantu para industri ataupun para individu untuk mengkomersialkan teknologi mereka sama ada dari segi reka bentuk ataupun *invention* mereka ini. Memang ada pihak yang dapat membantu dari segi ini.

Juga dari segi apabila paten itu kalau kita menghadapi *infringer* ini sama ada pihak pemohon ini ataupun tuan punya paten dapat ambil tindakan. Untuk makluman, kalau mengikut undang-undang yang sedia ada pihak yang mempunyai paten boleh bertindak melakukan ataupun mengambil tindakan terhadap *infringer* ini iaitu melalui mahkamah iaitu dalam tindakan *civil suit*. Pihak kementerian tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap *infringer* ini tetapi

tuan punya paten boleh mengambil tindakan mahkamah iaitu melalui *civil suit* untuk mendapatkan keadilan dari segi ini.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi :** Yang Berhormat, mohon laluan Yang Berhormat. Sebab itu saya ingin bertanya tadi apakah sistem mahkamah kita ini ataupun apakah kita ada kemampuan sebenarnya untuk membantu orang yang mengeluarkan produk itu apabila barangannya dipatenkan tetapi dia menghadapi disiplin ini, sebab kita nanti akan berhadapan dengan negara-negara yang besar ini. Sebab itu saya sebutkan tadi pengusaha itu tadi mengatakan bahawa lebih baik dibuat secara *direct selling* daripada dia patenkan dalam keadaan dia tidak mempunyai wang yang cukup besar untuk melakukan penyelidikan dan inovasi terhadap produknya.

Dia tidak ada kemampuan tersebut tetapi ubatnya cukup berkesan. Sebab itu jutawan Afrika Selatan itu bagi dia duit satu juta sebab ubat itu berkesan. Tetapi dia kata dari segi dia hendak membuat penyelidikan dan *innovation*, dia tidak ada kemampuan. Tetapi kalau dia patenkan produknya itu, maka sudah tentulah dengan *standard* yang rendah dari segi penyelidikan dan inovasi tadi, mudah produknya itu dieksploitasi oleh orang lain. Maka di sinilah timbul persoalan apakah kerajaan kita apabila kita menyertai PCT tadi. Sebab itu saya rasa sahabat saya tadi pun Yang Berhormat Dato' Haji Idris ada menyebut telah kemampuan mahkamah dan sebagainya.

Saya mempunyai isu yang sama sebenarnya. Apabila dia mengambil pendekatan, lebih baik dia kata dia *direct selling*, dia pergi satu hospital sahaja iaitu hospital pakar di Singapura, maka produknya tidak boleh pergi global. Ini yang menjadi masalah. Saya minta lebih ...

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ... akhir sekali ingin sentuh perkara ini sebab dari segi sama ada kita mampu untuk menangani segala perkara yang dihadapi khususnya untuk permohonan paten ini dan juga dari segi tenaga pekerja kita dan juga macam mana mahkamah dapat bantu dan sebagainya. Saya masih mengatakan bahawa harus kita menasihatkan supaya tuan punya *invention* ini patut dia daftar sebagai paten walaupun mahal tetapi ada suatu faedah.

Kalau kita menyertai ahli PCT, memang benar pemfailan satu kes di satu negara memang memakan kos RM4,000. Kalau hendak banyak negara memang memakan kos yang besar. Tetapi menjadi ahli PCT, dia cuma maksimum lima negara sahaja. Ataupun dibayar lebih kurang RM20,000 bererti boleh *cover* semua negara. Bermakna ia dapat meringankan kos beban untuk memfailkan satu paten maka saya masih cadang supaya galakkan beliau untuk paten. Kalau tidak walaupun melalui *direct selling* dan sebagainya, mungkin pada suatu hari ...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ya.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Bersambung dari apa yang Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad cakapkan tadi, bukan sahaja setakat dalam persekitaran negara kita. Ini Mak Cik Timah yang membuat suatu ubat iaitu perubatan yang begitu baik, kalau dia paten memang mudah untuk diklonkan ataupun di *reproduce* ...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ditiru.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** ... ditiru oleh orang lain. Saya bertemu dengan seorang penyelidikan daripada Amerika Syarikat yang amat terkenal. Dia bekerja dengan *World Bank* dalam sektor *biotechnology* pertanian. Dia mempunyai suatu teknologi pengeluaran asas rumpun laut untuk mengeluarkan *nutraceutical* tetapi penemuannya, teknologinya tidak dipatenkan sebab katanya kalau saya patenkan, saya tidak dapat langsung menjual apa yang hendak saya lakukan sebab syarikat-syarikat gergasi dengan mudah dapat akses kepada paten. Sebab bila kita patenkan barangan keluaran kita, segala *detail* nya akan kita perturunkan, *ingredient* nya banyak mana, bagaimana ia dilakukan proses pengeluaran semuanya ada.

Kalau di Amerika Syarikat pun boleh jadi macam itu, tambahlah di negara kita, di mana *Louis Vuitton* pun senang kita lakukan, tambah pulalah kalau produk perubatan yang amat mudah setakat separuh penyelidikan itu didaftarkan menjadi paten, mati makcik itu. Inilah saya rasa kebimbangan ataupun realiti dalam sektor paten yang kita sebutkan pada hari ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Maksudnya mati perniagaan makcik itu.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Mati perniagaan makcik itu.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Bukan makcik itu mati.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Saya tadi kata masih kita harus menggalakkan tuan punya produk ini dipatenkan sebab perlindungan sesuatu paten memang *retrial*, bukan kalau paten sahaja dia dapat semua sekali dia dilindungi. Dalam erti kata dia paten di Malaysia harus paten di negara yang lain kalau kita hendak menjalankan perniagaan tersebut. Memang benarlah, saya setuju kalau dengan cara ini mungkin dia memakan kos yang besar. Tetapi ada satu faedah kalau kita menyertai RBCT ini, saya tadi sebut mungkin dari segi kos bebanan dapat dikurangkan.

Apabila dia membuat suatu penyelidikan dalam 18 bulan jangan disebarikan kepada pihak yang lain. Lepas 18 bulan apabila ditetapkan ataupun perlindungan tetap dilindungi maka tidak mengapa kalau produk ini dapat dimaklumkan kepada orang lain.

Maka dari segi kemahiran ataupun kemampuan ini untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya kalau dahulu memang kurang kita punya dari segi jumlah pemeriksa pun kurang. Cuma 20 orang lepas itu kita tambah sampai 40 orang dan sekarang kita mempunyai 62 orang. Dari segi mahkamah, bagaimana kita dapat mempertingkatkan lagi untuk kita membuat perlindungan kepada tuan punya paten ini bukan setakat paten, cap dagangan dan sebagainya.

Kerajaan telah pun bersetuju supaya mengadakan satu mahkamah khusus iaitu kalau semua berjalan dengan lancar maka pada awal tahun hadapan dapat kita wujudkan satu Mahkamah *IP Court* ini supaya dapat kita memberi perhatian yang khusus kepada kes-kes berkenaan dengan *direction property* ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dengan adanya usaha pihak kerajaan dan juga kementerian, dahulu memang mengambil masa yang panjang untuk mendaftarkan atau memfailkan satu permohonan paten, dahulu mungkin ambil masa 6 atau 7 tahun dan sebagainya. Tetapi hari ini kita dapat kurangkan sampai 4 tahun atau 4 ½ tahun dan *target* kita untuk memendekkan masa lagi hingga kepada 3 ½ tahun. Sebenarnya 4 tahun lebih kurang standard *international* tetapi sasaran kita masih mengharapkan dapat mengurangkan sampai 3 ½ tahun.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tentang mahkamah tadi yang akan diwujudkan apakah ia juga mempunyai kuasa bertindak jika sekiranya akreditasi dilakukan oleh pihak seperti di Amerika? Saya ambil contoh, ada satu syarikat di Jerman yang mengeluarkan khemah tetapi khemah itu ditiru oleh satu syarikat di Johor Bahru yang bentuknya begitu cantik tetapi itu yang saya kata barangkali mahkamah mereka di sana *advance* dan akhirnya orang yang meniru syarikat Khemah Saujana ini didenda hampir RM300 ribu kerana tiru bentuk khemah itu. Itu yang saya kata tadi apakah mahkamah yang kita wujudkan tadi berkemampuan jika yang melakukan eksploitasi ini orang di Amerika, terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ya, Yang Berhormat tadi saya kata memang perlindungan itu *territorial* maka memohon paten itu semua negara kalau dia hendak menjalankan perniagaan itu di Amerika Syarikat atau United Kingdom misalnya harus paten di negara tersebut. Maka perlindungan di negara itu dapat mereka perolehi. Sama dengan Malaysia juga kalau berlaku di Malaysia akan dijadikan kes Malaysia dan selain daripada itu kalau seseorang itu mempunyai dia memang mempunyai opsyen untuk mendapatkan perlindungan di bawah *Trade Secret*. *Trade Secret* ini jika tidak mahu orang lain tahu tentang *ingredient* dan sebagainya mungkin melalui proses ini maka ada cara untuk membuat *protection* tentang pengeluaran produk tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah menjawab semua soalan yang dibangkitkan walaupun ada kaitan dengan empat Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Minta laluan. Mengenai mahkamah tadi Dato' hendak melindungi apa-apa yang didaftar di Malaysia yang kita nampak pendaftaran itu kebanyakannya hampir 90% lebih adalah dari pihak-pihak atau syarikat-syarikat asing. Maka perlindungan itu kebanyakannya untuk paten-paten orang asing. Saya juga keliru mengenai untuk mendaftarkan sesuatu paten itu kerana sekarang trend paten itu yang dahulunya lebih luas dan sekarang paten itu lebih terperinci. Kalau sesuatu bahan itu dipatenkan maka dengan teknologi-teknologi yang

baru dan canggih di negara-negara maju itu mereka dapat menyelidik bahan-bahan aktif dan mengubahsuai supaya menjadi satu paten baru.

Itu adalah kelebihan mereka yang sudah canggih dengan teknologi. Ini akan merugikan rakyat atau saintis atau pemaju negara-negara membangun. Saya mencadangkan supaya kementerian ini dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengadakan satu mekanisme mendorong *supporting system* untuk memajukan perkara-perkara paten dan juga membantu sesiapa yang hendak mempatenkan inovasi mereka. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Mungkin kita harus berusaha lagi dari segi mewujudkan atau bagaimana kita hendak membuat perlindungan dan sebagainya. Walaupun setakat ini permohonan tempatan kalau dibandingkan dengan permohonan asing memang jauh beza tetapi ini tidak akan menyekat untuk kita berusaha meningkatkan kesedaran dan sebagainya. Dari segi trend yang dikatakan Yang Berhormat tadi saya nampak ada kemajuan sebenarnya. Dari lebih 200 orang sampai lebih 500 orang dan sebagainya. Dan tidak boleh dielakkan dari segi zaman moden ini memang banyak *invention* yang dapat kita lihat maka kita haruslah melalui universiti-universiti kita untuk menggalakkan lebih ramai lagi saintis-saintis ataupun pakar-pakar yang dapat menghasilkan produk-produk yang lebih canggih untuk dipatenkan untuk mendapatkan faedah daripada keadaan yang kita hadapi pada hari ini memang kita harus berusaha lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya telah menjawab semua soalan maka dengan ini saya sekali mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Dato' Hamzah bin Zainudin *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal 1 hingga 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2006****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****7.12 mlm.****Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda Satu Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat huraikan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang. Akta Pengangkutan Jalan ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1987 dan telah beberapa kali dipinda bagi disesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa.

Cadangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 pada kali ini bertujuan untuk membolehkan pengenaan caj ke atas kenderaan asing yang memasuki Malaysia selaras dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 29 Mac, 2006 dan 19 April, 2006. Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan ini pindaan perlu dibuat ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan menggubal bahagian baru iaitu bahagian 3A dengan objektif seperti berikut:

- (a) membolehkan pengenaan caj ke atas kenderaan asing yang memasuki negara ini berdasarkan kaedah tatacara pengutipan caj; dan
- (b) memberikan kuasa kepada anggota Jabatan Pengangkutan Jalan atau mana-mana penjawat awam atau pihak berkuasa yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang untuk menjalankan tugas pengutipan caj kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukkan baru yang diperkenalkan adalah seperti berikut :

- Seksyen 88A menghuraikan tentang tafsiran caj pihak berkuasa dan pintu masuk yang dibenarkan. Tafsiran ini disediakan bagi memberikan maksud yang jelas terhadap perkataan-perkataan sama yang digunakan dalam bahagian 3A baru ini.
- Dari segi pemakaian pula seksyen 88B memperuntukkan bahawa caj kenderaan ini akan dikenakan kepada mana-mana kenderaan motor kecuali kenderaan barangan. Ianya tidak terpakai kepada kenderaan barangan memandangkan perkara ini telah pun diperuntukkan dalam Akta Levi Kenderaan

Barangan 1983 di bawah seliaan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia.

- Dalam pada itu seksyen 88C memberikan kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk menetapkan jenis atau kelas kenderaan motor amaun caj yang kena dibayar atau cara pembayaran dan tempat pembayaran caj boleh dibuat.
- Tuan Yang di-Pertua, seksyen 88D pula memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk memberikan kuasa secara bertulis kepada mana-mana Pegawai Pengangkutan Jalan atau mana-mana Pegawai Awam untuk meminta, memungut dan menyimpan caj yang dikutip terhadap kenderaan motor asing yang memasuki negara ini. Selain daripada itu juga Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh mengecualikan mana-mana kenderaan motor asing daripada pengenaan caj melalui suatu perintah yang disiarkan dalam warta.
- Perkara ini diperuntukkan di dalam seksyen 88E. Bagi tujuan melancarkan urusan bertugas kutipan caj seksyen 88F menetapkan bahawa pemandu kenderaan motor berkewajipan untuk mengemukakan apa jua dokumen apabila dikehendaki oleh orang atau pihak yang berkuasa yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk mengutip caj kenderaan motor.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan perintah untuk mengenakan caj pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 127(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi maksud menyelaraskan tatacara dan mekanisme kutipan cadangan dengan memasukkan peruntukkan seksyen 127(1) dan (S) baru. Melalui peruntukkan baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh membuat peraturan melalui penggubalan kaedah mengenai kutipan caj bagi kenderaan motor.

Selain daripada itu satu pindaan susulan turut dicadangkan kepada seksyen 3(6) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan mengadakan peruntukan bahawa semua pegawai awam dan pihak berkuasa yang diberikan kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan caj jalan bagi kenderaan motor hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam.

Dengan adanya bahagian 3A baru ini maka kutipan caj kenderaan motor boleh dikenakan terhadap kenderaan motor asing yang memasuki negara ini. Tuan Yang di-Pertua,

perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara yang akan dipinda dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Pengangkutan Jalan pindaan 2006 ini akan melibatkan tambahan perbelanjaan wang kerajaan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ada sesiapa yang menyokong.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Datuk Yaakob kemudian Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

**Datuk Yaakob bin Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang diberi untuk membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Rang Undang-undang ini saya memang bersetuju dan menyokong sepenuhnya dan sepatutnya Rang Undang-undang ini boleh dikuatkuasakan atau boleh dibentangkan terdahulu daripada ini memandangkan beberapa negara telahpun melaksanakan penguatkuasaan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini umpamanya kerajaan Singapura telah pun mengenakan bayaran sebanyak kalau nak dikira SD30.00 iaitu bersamaan iaitu lebih kurang RM70.00 untuk kenderaan kita yang masuk ke sana.

Namun begitu saya percaya matlamat dan hasrat kerajaan bukanlah semata-mata untuk mengambil tindakan balas kepada tindakan negara jiran kita. Secara menyeluruhnya Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan melibatkan beberapa negara ASEAN yang lain seperti Brunei, kalau di Sabah dan Sarawaknya Indonesia termasuk juga Thailand dan tak banyak daripada Kemboja dan Vietnam. Namun begitu saya percaya hasrat dan matlamat Rang Undang-undang yang dibentangkan ini mempunyai tujuan-tujuan yang baik keadilan dan juga dengan semangat perpaduan kerana kita pun tidak tahu jumlah yang sebenarnya akan caj yang akan dikenakan.

Namun begitu saya akan sentuh dua, tiga perkara kerana Rang Undang-undang ini agak *straight forward* iaitu untuk mengenakan caj bayaran dan dari segi ini saya nak sentuh perkara yang disebut di bawah seksyen 88 di mana antara lainnya kalau saya lihat pertanyaan saya mungkin ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu bilakah dijangka akan berkuatkuasanya akta ini kemudian kalau dilihat perangkaan-perangkaan yang mana pada saya harus diambil kira dari segi kaedah-kaedah sebelum kita melaksanakan penguatkuasaan akta ini.

Kerana implikasinya memang ada yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kekerapan kenderaan luar umpama daripada Thailand yang masuk melalui sempadan kita sama ada di Padang Besar atau di Golok Kelantan puratanya setahun anggaran sekitar 800 ribu lebih kuranglah daripada utara sahaja.

Kemudian kalau daripada negara jiran kita Singapura purata setahun anggarannya hampir satu juta lebih kurang 80 ribu satu bulan keluar masuknya kenderaan asing dan anggaran juga daripada Sabah ataupun Sarawak daripada Indonesia dan Brunei lebih kurang 150 ribu, daripada Indonesia sekitar 100 ribu daripada Brunei yang masuk.

Jadi keseluruhan kenderaan yang akan aktif keluar masuk ke negara kita lebih kurang dalam dua juta. Dan implikasi kewangan boleh juga kita unjurkan, kita tidak tahu berapa hasil yang akan kita dapat. Tapi saya yakin bukan inilah matlamat kerajaan untuk mencari keuntungan, tetapi dengan sumbangan kewangan daripada kutipan hasil daripada *charge* yang berkaitan, kalau kereta jumlah dua juta setahun di kali, kalau RM30, kalau akan dikenakan *charge*, mungkin RM60 juta kita akan dapat hasil daripada kutipan. Bergantung, kalau RM20 kali dua juta, RM40 juta kita akan dapat setahun.

Kemudian kita harus juga lihat impak daripada kekerapan kenderaan asing ke negara kita, yang ditinggalkan, yang harus ditanggung oleh pengurusan kerajaan kita. Yang pertama dari segi sudah pasti kesannya kepada dua juta kenderaan... kesannya kepada sistem jalan raya kita, kesannya sudah pasti ada. Dan saya rasa adalah adil kalau dikenakan kutipan *charge* tersebut. Sekurang-kurangnya dapat digunakan untuk *maintenance* jalan-jalan kita.

Dan begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada dua juta anggaran kenderaan tersebut, sudah pasti berlaku kemalangan, kemalangan yang menyebabkan *divider* nya pecah ataupun berlakunya kematian apabila berlaku kemalangan jalan raya menyebabkan pihak penguasa, polis ataupun Jabatan Pengangkutan Jalan, ataupun agensi-agensi berkaitan dengan *speed trap*, semua memerlukan perbelanjaan dari segi menguatkuasakan undang-undang. Jadi *charge* tersebut tidak kira apa jumlah yang akan dikenakan sudah pasti agak, dengan izin *justify*, sekiranya kita kenakan kepada kenderaan-kenderaan asing.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan, boleh?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya, silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Yang Berhormat, mengenai *charge* ini, saya ingin tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat setuju tidak kalau kenderaan daripada Singapura ini kita *charge* sama dengan jumlah yang mereka *charge* pada kenderaan kita yang masuk ke Singapura. Dan kita kena ingat satu lagi bahawa kebanyakan kenderaan Singapura ini, bila dia masuk, dia pergi jauh sampai ke Kuala Lumpur dan dia juga mendapat subsidi minyak kita sebenarnya. Sebab dia beli minyak di Johor Bahru untuk isi petrol dalam kereta dia itu, kemudian dia pergi jauh sampai ke Kelantan. Dan Yang Berhormat pun tahu bahawa sekarang

ini kalau kita tengok *highway* di tempat kita ini, kalau dulu biasanya kereta Singapura ini banyak antara Johor Bahru sampai ke Ayer Hitam sahaja.

Tetapi sekarang ini daripada Johor Bahru ke Kuala Lumpur banyak sudah kereta Singapura dan saya yakin mereka pergi jauh sampai ke Penang. Jadi sebab itulah mereka sebenarnya dapat faedah subsidi minyak kita, dan bersetujukah Yang Berhormat juga bahawa lori-lori daripada Thailand ini mengangkut barangan pertanian ke Singapura. Lagi jauh daripada Thailand itu, pergi ke Singapura, saya duduk di Johor Tuan Yang di-Pertua, jadi saya kerap berjumpa dengan lori plat nombor dia itu Thailand. Dan saya tahu dia mengangkut barang-barang pertanian, sebab *trailer* yang besar itu, jadi sudah tentulah *charge* itu lebih tinggi sebab sudah tentu dia menggunakan diesel, mendapat subsidi pula. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua saya percaya niat kerajaan kita bukanlah untuk mengambil ataupun membalas dendam dan niat kita juga bukanlah untuk mencari keuntungan daripada mengenakan *charge* tersebut. Tetapi secara logiknya dari segi untung rugi memang adil kalau dikenakan *charge* yang sama, tetapi saya katakan tadi itu atas semangat negara ASEAN dan saya katakan di sini, lori-lori yang disentuh oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tersebut kalau ikut akta ini, tidak mengenakan sebarang bayaran kepada kenderaan lori perdagangan.

Mungkin Yang Berhormat daripada kementerian nanti boleh memperbetulkan kalau maklumat saya tidak tepat, dan kita tahu *charge* ini juga ada impaknya dari segi pelancongan dan kalau kita kenakan *charge* yang tinggi, yang akan mungkin terima kesannya di sebelah selatan, iaitu di Johor. Sekarang ini ulang-aliknya kenderaan Singapura dari segi keuntungan pelancongan memang banyak di selatan. Dan saya tidak nafikan 20% atau 30% kenderaan yang masuk itu, mereka terus ke Genting Highland, terus ke Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Namun wujud unsur penggunaan minyak-minyak kita. Dan ini keuntungan yang mereka perolehi, dan saya lihat...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Laluan lagi sekali Yang Berhormat. Kalau begitu kita minta kementerian masukkanlah yang lori-lori *trailer* yang membawa barang-barang yang masuk ke Singapura, supaya lebih lengkap Rang Undang-undang ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya dari segi katakan rasionalnya memang patut dikenakan bayaran. Tetapi melibatkan satu dari segi nilai eksport-import, dari segi *balance of payment*, perdagangan. Kerana sedikit sebanyak ianya akan menjejaskan pendapatan purata negara dari segi eksport dengan menggunakan kenderaan-kenderaan perniagaan yang tidak dikenakan sebarang *charge* yang dicadangkan. Namun ini mungkin Yang Berhormat daripada Kementerian Pengangkutan boleh bagi pihak saya untuk memberi pandangan di atas cadangan yang dibangkitkan oleh sahabat saya. Tentang minyak...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap tentang semangat negara-negara ASEAN. Mengapa kita fikir semangat untuk kita membuat *charge* yang rendah, padahal mereka *charge* kan yang tinggi kepada kenderaan-kenderaan kita. Bukankah semangatnya seharusnya sama. Bagaimana Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan hargai pandangan, persoalan dibangkitkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Namun kita harus lihat kesan sampingannya dan impak dari segi persepsi lain. Mungkin kita kurang dari segi *charge* kenderaan tetapi sampingan keuntungan yang kita akan dapat dalam bentuk yang lain. Dan mungkin saya kira ini pihak Kementerian Pengangkutan mungkin ada hujah-hujah yang lebih bernas. Yang boleh membantu memberi satu jawapan yang baik kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad. Dan saya katakan tadi perlu kita dikenakan *charge*, cuma angkanya kita harus lihat di mana.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan sekali lagi. Yang Berhormat saya rasa kita tidak, bukan saya kata kita ini tidak boleh tegas sikit, Singapura ini, dia sebenarnya macam mana pun, dia terpaksa masuk Malaysia, sebab dia tidak boleh hendak melancong dekat tempat dia itu, dia rasa terkongkong. Dia mesti hendak keluar juga daripada negara dia dan saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa boleh dikatakan orang Singapura ini memang dia suka makan di Johor Bahru, sebab tempat dia itu, dia hendak makan pun, dia sudah rasa tidak sedap, dia hendak cari pelbagai aneka jenis makanan dan sebagainya, dia datang ke Johor Bahru.

Dan untuk makluman Yang Berhormat, bahawa ada setengah daripada mereka itu, mereka pun pandai juga sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, sebab dulu saya pernah bekerja dengan Pejabat Menteri Besar, jadi kadang-kadang *driver* saya itu, dengan izin waktu malam bila saya tidak gunakan dia, dia guna kereta dia pula, dia masuk Singapura, ambil orang Singapura itu sampai dekat *apartment* yang mereka tinggal, bawa masuk ke Johor, untuk makan dan sebagainya untuk beli barang dekat *Giant* dan sebagainya dan dia hantar balik dengan kereta dia sendiri. Dia tidak guna kereta kerajaanlah maksudnya. Tetapi maksudnya mereka ini meletakkan nombor di setiap *apartment* dan sebagainya di Singapura.

Jadi orang Singapura ini pun dia pandai, dia tidak hendak guna kereta dia, dekat sangat. Maka dia telefon, suruh ambil sahaja, datang Johor dan makan, hantar balik. Tetapi yang kita kena fikirkan sekarang ini mereka yang pergi jauh sampai ke Genting Highland dan sebagainya. Sebab itu saya rasa, tidak perlu kita hendak rasa risau dan sebagainya, dia tetap hendak datang, sebab dia sudah tidak ada tempat untuk melancong. Dan dia tiada tempat hendak bawa kereta laju sebenarnya kecuali dekat *highway* kita.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang saya setuju agar satu angka yang boleh diterima bukan oleh kementerian dan diterima oleh seluruh rakyat kita. Kita tidak mahu apabila dikenakan caj esok, wujud suatu tuntutan, satu desakan kerana angka

yang akan di caj itu tidak *justify* berbanding dengan apa yang dikenakan kepada kita dan yang ini saya minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan boleh memikirkan apabila menentukan jumlah caj yang seadil-adilnya dan supaya rakyat kita tidak seolah-olah memberontak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan caj juga saya setuju sangat dikenakan memandangkan bahawa dilihat di sebelah sempadan di Thailand dan tidak juga kurang di selatan Singapura dan di Indonesia. Kekekapan kenderaan ini masuk antara lainnya bukanlah termasuk pelancong sahaja tetapi ini melibatkan penyeludup-penyeludup yang begitu aktif membawa barangan seludup untuk berdagang dan ini juga puncanya seludup minyak berlaku, seludup gula berlaku yang kekekapan kenderaan keluar masuk. Kalau caj ini dikenakan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya pasti sekurang-kurangnya penyeludup-penyeludup ini akan lebih berfikir dua kali.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat pandangan kementerian dari segi modus operandinya apabila berkuat kuasanya undang-undang ini terutamanya dari segi yang pasti kesesakan akan berlaku, khususnya di Tambak Johor dan kita haruslah lihat persiapan kita bagaimana mana cara, berapa minit yang akan terpaksa kita gunakan di dalam mengenakan caj tersebut kerana beberapa instrumen dokumen diperlukan oleh pemandu kenderaan luar negara membuktikan dan terpaksa membayar caj tersebut, mengeluarkan segala dokumen termasuk sijil pendaftaran, surat lesen memandunya dan proses ini melibatkan masa. Adakah lorong-lorong yang akan digunakan bagi caj tersebut terpaksa...

**Datuk Dr. Jins bin Shamsudin:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, apakah caranya yang terbaik sekiranya kita mengarahkan semua kenderaan berat melalui *Second Link*, dengan izin, yang ada sekarang ini daripada memasuki Tambak Johor. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Jins. Ini adalah salah satu alternatif cadangan yang baik yang boleh pihak kementerian fikirkan. Cuma dari segi pelaksanaannya melibatkan satu yang pastinya tempoh masa bagi kenderaan-kenderaan tersebut dan yang keduanya yang saya telah katakan tadi, kenderaan-kenderaan perniagaan memang tidak dikenakan caj dan sudah pasti impaknya akan berlaku *bottle neck* di tempat-tempat tertentu ini tidak dapat dielakkan.

Namun begitu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, inilah saya sebutkan tadi iaitu kita melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang, pastikan pihak jentera kerajaan kita bersiap sedia agar tidak timbul yang saya sebutkan tadi kesesakan yang mana akan menimbulkan sungutan, rungutan dan bagaimana pula dengan soal-soal dari segi - kerana undang-undang ini berkuat kuasa di bawah Akta Pengangkutan. Ia tidak dapat lari daripada melibatkan pihak PDRM, Jabatan Kastam, Imigresen dan juga lain-lain yang mempunyai kuasa

undang-undang bagi melaksanakan keselesaan penumpang dan pemandu-pemandu luar negara.

Saya pasti berlaku satu *overlapping*, dengan izin, dari segi menguatkuasakan pengutipan caj yang akan dikenakan. Jadi yang ini dari segi kaedah-kaedahnya harus kementerian lihat agar impak negatif yang tidak begitu menonjol yang mana akan menjadi, dengan izin, *backfire* kepada kerajaan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya juga...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Haji Abdul Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Masa, *timing*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Yang Berhormat memikirkan bahawa pengenaan caj yang sedang kita bahaskan sekarang, khususnya pada kenderaan dari Singapura yang memasuki Malaysia dipandang, di rasa oleh rakyat Singapura kerana rakyatlah secara langsung membayar caj ini sebagai satu tindakan kita selepas kita boleh disebut sebagai gagal berkira bicara dengan Kerajaan Singapura. Masalahnya ialah *timing*. Kalau tidak kerana perkara seumpama itu dalam hal ini saya rasa cukup munasabah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pada anggapan saya telah saya nyatakan di dalam ucapan permulaan tadi sepatutnya penguatkuasaan undang-undang ini, mengenakan caj ini boleh dibuat mungkin lebih awal, bukan dalam waktu sekarang. Kalau dilihat Kerajaan Singapore telah pun mengenakan bayaran cajnya melebihi 10 tahun yang lalu dan saya juga beranggapan bukan kerana kegagalan kita di dalam rundingan bagi menyelesaikan isu-isu semasa tetapi secara ketepatan waktunya pihak kementerian telah pun memikirkan masa yang sesuai dan terpaksa mengenakan caj sebagaimana yang telah dibentangkan ini.

Mungkin dari segi persepsi, lumrah kita akan dapat *read between the line*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah kita bertindak kerana kita gagal tetapi saya percaya ura-ura perancangan mengenakan caj ini telah pun dirancang setahun yang lalu, namun secara kebetulan segala-galanya telah berlaku, jadi kita tidak boleh untuk menunda penguatkuasaan akta ini lantaran kerana kegagalan berupa rundingan menyentuh isu-isu yang kita telah pun sedar sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penguatkuasaan undang-undang ini juga saya minta dari segi kementerian untuk bagaimana cara yang terbaik. Yang pertama agar pihak PDRM turut mengambil bahagian dari segi kutipan-kutipan denda yang tidak dibayar melebihi jutaan ringgit, kenderaan-kenderaan daripada luar negara yang melakukan kesalahan-kesalahan *traffic offence*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita boleh laksanakan penguatkuasaan secara bersepadu agar dengan satu caj kita juga boleh mengenakan tuntutan kesalahan-kesalahan jalan raya yang tidak dibayar oleh pemandu-pemandu daripada luar negara.

Menyentuh dari segi jenis-jenis kenderaan, Tuan Yang di-Pertua, yang lumrahnya kalau kita lihat Singapura terkenal dari segi pengeksportan kenderaan *recon* di dunia dan mungkin dengan cara sistem untuk caj ini boleh mengenal pasti kenderaan-kenderaan yang di seludup, yang berlaku kecurian di negara kita dibawa ke Singapura dan apabila kenderaan-kenderaan tersebut untuk melepasi sekatan-sekatan di sempadan baik di Thailand ataupun di Sabah Sarawak ataupun di Singapura dengan mem*produce*kan dokumen-dokumen kenderaan tersebut sudah pasti ianya boleh *verify*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apakah kenderaan itu mempunyai dokumen yang asli atau kenderaan itu kenderaan palsu atau kenderaan yang telah dimodifikasikan dengan tujuan penyeludupan.

Ini langkah-langkah yang boleh membantu pihak kuat kuasa sama ada JPJ ataupun PDRM. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kenderaan-kenderaan yang masuk ke negara kita, umpamanya daripada utara begitu ketara dari segi sama ada kereta itu telah *dimodified* sedemikian rupa. Kemudian dari segi cermin gelapnya, apakah dari segi penguatkuasaan kita akan kita kenakan juga kepada kenderaan yang masuk daripada luar negara dalam negara kita dari segi tindakan pihak polis ataupun pihak JPJ.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat pandangan kementerian, bagaimana sasaran RMK-9 kita mewujudkan termasuk pemandu minda kelas pertama. Kalau kita lihat, bagaimana cara menguatkuasakan ini dapat diambil melalui kenderaan-kenderaan daripada luar negara yang masuk di negara mereka mengamalkan sistem pemandu kelas minda pertama, tetapi masuk negara kita terikut-ikut separuh daripada cara pemandu kita memandu kenderaan. Saya lihat dari segi, sebab fokus saya hanya untuk caj ini, saya tidak mahu pergi lebih jauh iaitu bagaimana kita dengan menggunakan Akta ini. Kerana pelanggaran *speed trap* begitu banyak.

Kerana pelanggaran dari segi undang-undang lalu lintas juga mengikut jumlah kesalahan begitu banyak oleh pihak PDRM dan bagaimana Akta ini boleh kita *integrate* bersepadu dengan pihak polis untuk mengesan pemandu-pemandu yang tidak mengikut cara kehendak negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya amat turut menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Hiang A Li.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas dalam Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Akta ini adalah untuk meminda Akta supaya mengadakan caj jalan bagi kenderaan-kenderaan daripada negara-negara lain. Ini memang satu pindaan, saya amat bersetuju dan sokong. Tetapi ada beberapa perkara saya ingin menyentuh:-

- (i) Sekiranya dikenakan caj kenderaan, ini akan menjejaskan berkenaan menjejaskan sektor pelancongan, iaitu kerana kenderaan-kenderaan terpaksa bayar caj. Kemungkinan bilangan kenderaan, terutamanya pelancongan akan

berkurangan. Itu satu. Tetapi saya nampak balik, ini kemungkinan untuk secara permulaan sahaja. Kerana caj itu, sekiranya munasabah, pada masa ini masih belum menetapkan jumlahnya. Sekiranya munasabah, saya nampaknya pada permulaannya akan memberikan kesan yang tidak begitu baik untuk sektor pelancongan. Pelancongan daripada negara-negara jiran. Jadi, di sini saya harapkan, caj itu tidak akan tinggi sangat.

- (ii) Berkenaan pengangkutan atau kenderaan barangan yang tidak kena caj. Dan nampak itu tidak akan memberikan kesan yang begitu baik kerana banyak kenderaan barangan yang datang daripada negara jiran terutama Thailand yang masuk ke negara kita dan sampai mengangkut barangan sehingga Johor dan sebagainya. Sebaliknya, mereka datang dan terus dapatkan bekalan diesel kita yang telah kerajaan banyak masukkan subsidi, iaitu memang dia menikmati subsidi kita untuk keuntungan mereka. Jadi, saya cadangkan kenderaan barangan dimasukkan untuk perlu bayar caj juga.

Tuan Yang di-Pertua, caj memang sehingga hari ini, kita masih tidak tahu berapa banyak caj akan dikenakan kenderaan-kenderaan asing. Itu satu. Yang saya sebutkan tadi, sekiranya dia munasabah, tidak akan menjejaskan pelancongan kita.

Yang kedua, cara untuk mengutip caj kenderaan. Saya di sini ingin mencadangkan supaya kita pakai macam *smartcard*, atau Singapura *they call it, auto pay*, dengan izin. Yang mana, semua butir-butiran kenderaan akan masuk dalam smart card. Apabila mereka masuk ke pintu masuk kepada kita, dia hanya sentuhkan kad itu untuk register dia masuk. Kad itu adalah satu kad untuk macam caj kad yang dia kena *prepaid*. Itu bermakna, apabila mereka keluar daripada negara kita, dia sentuh kad itu, dia akan *deduct*. Itu bermakna kita macam *touch n go*, iaitu satu cara, saya nampaknya senang sekali dan boleh mengelakkan kesesakan di tempat macam di kaunter-kaunter imigresen atau kastam.

Pada masa yang sama, saya nampaknya kalau sekira mereka ada melakukan kesalahan di lalu lintas kita pada masa itu, nampaknya satu tindakan bersepadu dapat diambil kalau sekiranya kita gunakan caj kad macam itu. Jadi ini perkara-perkara yang saya ingin sentuh dengan perbincangan. Dengan perkara-perkara itu, saya minta sokong Akta itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin berbincang? Kalau tidak ada, saya meminta pihak kerajaan untuk menjawab.

**7.47 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya nak ucapkan penghargaan bagi pihak

Kementerian Pengangkutan kepada beberapa ahli Yang Berhormat, terutamanya kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob dan Datuk Dr. Jins Shamsudin dan juga Yang Berhormat Hiang A Li yang telah memberi beberapa pandangan ke atas Rang Undang-undang ini dan saya berterima kasihlah kerana nampaknya semua Yang Berhormat menyokong dari segi pembentangan Rang Undang-undang ini. Kalau Yang Berhormat menengokkan Rang Undang-undang ini, dia begitu *general* dan bahkan kita hanya hendakkan satu peruntukan untuk kita dapat menguatkuasakan *levi* ini.

Segala kaedah-kaedah itu, masih lagi belum ditetapkan oleh Kabinet menerusi Kementerian Pengangkutan dan beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang berapakah kenderaannya yang telah keluar masuk ke negara kita sama ada melalui sempadan daripada Thailand ataupun di Singapura. Apa yang saya nak maklumkan kepada Yang Berhormat, sebagai contoh yang mana kita mendapat satu angka berdasarkan maklumat yang saya dapat daripada pihak JPJ sebagai contoh. Menerusi sistem *automatic vehicle screening system* yang kita gunakan, yang dipasang oleh JPJ di Tambak Johor dan di lebuh raya Link kedua, sebagai contoh. Bilangan kenderaan pendaftaran Singapura yang memasuki Malaysia bagi tahun 2004 dan tahun 2005 adalah sebanyak 11,395,000 buah kenderaan. Ini menggambarkan bukanlah satu angka yang kecil dan kita tidak menguatkuasakan undang-undang ini terlebih awal kerana kita memerlukan berbuat berbagai-bagai kajian dan dia melibatkan berbagai-bagai jabatan.

Kita pada hari ini dengan apa yang saya dimaklumkan iaitu *charge* ini hanyalah melibat... yang kita cadangkan untuk kenderaan yang datang dari Singapura dan Thailand sahaja, dekat dari ini. Segala kaedah-kaedah yang kita hendak gunakan dalam segi amaun *charge* itu belum kita tentukan dan juga siapakah yang akan mengutipnya dan siapa yang akan menempatkan apa yang telah kutip dan cara-cara kutipan ini juga adakah dalam bentuk *cash* ataupun menggunakan cara-cara atau kaedah-kaedah yang lain belum lagi kita tentukan. Jadi pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi bagi saya adalah sesuatu pandangan yang bernas akan saya kemukakan kepada kementerian.

Selain daripada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan kenderaan barangan yang mana pada ketika ini dalam segi bagi Rang Undang-undang ini memanglah kenderaan barangan ini terkeluar, tetapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kenderaan perdagangan tidak dikenakan *charge* disebabkan kenderaan ini telah dikenakan *charge* RM100 untuk lori tiada muatan dan RM200 untuk lori yang membawa muatan memasuki Singapura. Ini sudah kita guna pakaikan menerusi Akta Levi Kenderaan Barangan 1983. Bagi menentukan *charge* yang dikenakan pelbagai kriteria akan diambil iaitu berkaitan dengan kesan terhadap pelancong dan saya rasa pandangan kita adalah ini tidak akan menjejaskan langsung dari segi pelancong apabila kita mengadakan *charge*.

Bahkan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad tadi, dia telah *charge* kan kita tidak kurang daripada 30 *Singapore Dollar*. Tetapi kita tidaklah mengambil itu sebagai satu ukuran. Tetapi kita akan kaji dan selidik, ambil pepatah Melayu kata, "*lain padang, lain belalang*". Kita ada cara kita dan dia ada cara dia. Jadi selain daripada itu berkaitan dengan Rang Undang-undang ini macam saya perkatkan tadi, masih lagi tidak begitu menentu dalam segi kaedah-kaedahnya dan saya rasa tidak akan saya dapat jawab semua daripada apa yang telah dibangkitkan kerana yang saya tahu, tujuan kita ini adalah satu tujuan yang murni, tidak hendak membalas dendam kepada sesiapa kerana Malaysia ini adalah satu negara yang amat sensitif dalam segi dengan izin, *feeling* dia punya negara jirannya. Kita tidak menyinggung perasaan negara-negara jiran kerana *we are a friendly country* dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedikit sebanyak itu saya dapat perjelaskan di sini dengan apa telah dibangkitkan dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi beberapa pandangan yang begitu bernas yang boleh saya kemukakan kepada kementerian saya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, di atas jawapan diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalahnya dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG AKADEMI SENI BUDAYA WARISAN KEBANGSAAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan penyenggaraan dan pentadbiran Akademi Seni Budaya dan Warisan

Kebangsaan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh huraikan.

**7.58 mlm.**

**Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 di Dewan yang mulia ini. Semoga ianya beroleh kelulusan jua. Lahirnya Rang Undang-undang ini, adalah hasil dari kesedaran dan kajian mendalam, bahawa di tanah air tiada terdapat sebarang institusi pengajian tinggi yang khusus mendidik, mempromosi dan menyelenggara Siswa Seni Budaya dan Warisan di bawah satu bumbung. Memang sedia terdapat beberapa institusi yang memberi kuasa dan kursus serta latihan mengenai muzik, seni lukis, teater dan sebagainya secara persendirian.

Secara hakiki pula, kita ketiadaan sebuah institusi lengkap yang mempunyai skim pembelajaran khusus bagi seni budaya dan subjek-subjek berkaitan seni kreatif dan warisan. Peranan Akademi Seni Kebangsaan atau ASK yang sedia ada adalah terhad. Sebagai institusi pengajian seni yang ditubuhkan 12 tahun yang lalu, ia hanyalah sebuah institusi amali yang menganugerahkan sijil dan diploma dalam beberapa mata pelajaran seni sahaja, seperti tarian, teater, muzik, tulisan kreatif dan ASK yang sedia ada tiada berkemampuan memberi pengajaran dan bimbingan menyeluruh sehingga ke peringkat ijazah bersekali dengan bimbingan amali atau praktikal.

Dengan lulusnya akta ini nanti, insya-Allah Malaysia akan beroleh sebuah institusi tinggi yang berkemampuan mengeluarkan graduan-graduan di tiga peringkat iaitu kelulusan bertaraf sijil, diploma dan ijazah. Sebagai sebuah institusi induk pengajian tinggi, seni budaya warisan yang bermartabat akademi ini akan melahirkan warga profesional, pemikir, penggiat dan pengamal seni budaya masa depan. Ini sesungguhnya membawa erti yang sangat bermakna kepada waktu ini dan untuk negara. Apatah lagi Bab 23 di dalam buku Rancangan Malaysia Kesembilan, penegasan dan dasar kerajaan mengenai seni budaya dan warisan dijelaskan begitu ketara ke arah membentuk suatu masyarakat yang berwibawa dan berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, institusi ini akan mengeluarkan nanti graduan-graduan yang berupaya menjadi penggalak, pemupuk, pelaku dan pengamal seni termasuk pereka, pelakon, penulis skrip, sutradara filem yang berkaliber melalui pembelajaran tahap sijil, diploma dan ijazah juga akan dikursuskan melalui pembelajaran amali dan teori ialah bidang-bidang penyelidikan dan pemupukan kebudayaan, pemeliharaan dan pentadbiran warisan pelbagai jenis. Adalah dijangka tidak kurang dari 20 mata pelajaran seni budaya dan warisan akan dikursuskan apabila ASK sekarang menjadi Akademi Seni Budaya dan Warisan yang unggul.

Mata pelajaran seperti penghayatan warisan, pemuziuman dan kearkiban juga akan ditawarkan. Tentunya tenaga pengajar juga akan melibatkan pakar-pakar dalam dan luar negara. Akademi juga akan bertalian akademik dengan pusat-pusat pengajian seni global dan serantau. Pewujudan Akademi Seni Budaya dan Warisan seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah untuk menampung keperluan industri seni negara bagi masa kini dan akan datang.

Wajar dimaklumkan negara kita memerlukan lebih ramai seniman, pengurus, pengamal dan pemaju budaya dan warisan berkaliber tinggi. Industri seni budaya dan warisan yang secara popularnya dikenali sebagai industri kreatif atau industri budaya adalah bernilai sekitar RM6.2 bilion setahun. Tergolong dalam industri ini ialah antara lain penerbitan buku dan majalah, muzik, perfileman, teater, seni bina, fotografi, seni lukis, seni gubahan, kraf tangan, penulisan kreatif, koreografi, televisyen dan sebagainya.

Kekurangan sumber manusia berkualiti dalam bidang-bidang ini memang dirasai. Justeru masanya telah sampai bagi kita melangkah berani melatih anak bangsa sendiri dalam jurusan-jurusan ini. Kekurangan juga terdapat dalam aspek pengurusan dan pemasaran produk seni yang menyebabkan kerja-kerja produksi tidak berada di tahap cemerlang. Bidang ini memerlukan tenaga pengajar yang terlatih bagi meningkatkan kerja-kerja dan kepakaran di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi harapan agar Akademi Seni Budaya dan Warisan ini akan dapat mengubah sikap negatif masyarakat bahawa kononnya di dalam seni budaya atau di dalam industri kreatif tiada didapati potensi atau tiada masa depan yang setanding dan menjamin. Anggapan ini salah dan meleset sekali. Telah terbukti di negara-negara maju bahawa ini adalah sebaliknya. Industri kreatiflah yang menjenamakan budaya dan produk mereka, muzik mereka, wayang mereka, fesyen mereka dan sebagainya. Kita akan mewujudkan profesion-profesien seni budaya untuk zaman yang serba mencabar ini. Dari animasi hinggalah kepada ciptaan fesyen dan stail. Warga Malaysia yang berbakat perlu dilatih seperti mana kita mendidik warga kita di bidang-bidang lain dalam Sains, Matematik dan jurusan-jurusan seterusnya. Cuma bilangan mereka yang harus dihadkan mengikut mutu dan pasaran profesion.

Pengurusan Akademi Seni Budaya dan Warisan seperti yang dihuraikan dalam Rang Undang-undang ini adalah mudah. Ia dikepalai oleh seorang Rektor dan dibantu oleh timbalan Rektor, pendaftar serta pentadbir dan tenaga pengajar yang bertaualiah dari luar dan dalam negeri. Sebuah lembaga pengarah ditubuhkan bagi mengawas dan menentukan dasar sementara lembaga pengajian menentukan soal-soal profesion dan pendidikan yang sesuai.

Disiplin para pelajar perlu berada di tahap maksimum. Untuk itu peruntukan-peruntukan mengenai kebajikan, pengawasan dan lain-lain disediakan dengan secukupnya. Saya suka memberi penegasan Tuan Yang di-Pertua, bahawa suasana artistik dan berbudaya akan menjadi kandungan premium kepada akademi ini. Negara pada masa ini sesungguhnya memerlukan

karyawan dan pengurus seni yang mempunyai ilmu akademik yang mencukupi mendalam dan menyeluruh.

Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini peranan dan taraf akademi ditingkatkan kepada sebuah institusi pengajian tinggi seni profesional dan akhirnya menyumbang kepada pembentukan sikap, nilai hidup dan perjuangan kehidupan insan yang berimbang. Rang Undang-undang ini akan menjadikan akademi ini cukup relevan, meluas peranannya serta mampu memenuhi kehendak semasa kerajaan kita mewujudkan masyarakat yang berjiwa seni dan menjulang estetika mereka terhadap alam dan manusia. Masakan tidak begitu, subjek-subjek berkaitan arkib dan kearkiban serta pemuziuman juga akan diajar dan dipakari.

Akademi Seni Budaya dan Warisan tidak akan dijadikan sebagai institusi pengajian tinggi yang mementingkan kuantiti. Kementerian akan memastikan supaya bilangan graduannya setimpal dengan keperluan negara dalam bidang seni budaya dan warisan. Pengambilan pelajar adalah terbuka kepada lepasan sekolah-sekolah seni. Pelajar-pelajar perseorangan yang cintakan seni, graduan-graduan lain yang bercita-cita tinggi ataupun individu-individu yang mempunyai daya cipta dan kesungguhan dalam bidang-bidang tersebut. Institusi ini akan berupaya memberi penumpuan yang lebih mendalam dan menyeluruh kepada pelbagai aspek pembelajaran kesenian dan tuntutan murni kehidupan itu sendiri. Rang Undang-undang ini membolehkan akademi bergerak sebagai institusi tertinggi dalam hal ehwal seni budaya warisan dan sekali gus mengisi tuntutan modal insan yang begitu ditekankan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini membolehkan akademi menjalankan fungsi sebagai institusi utama. Seterusnya usaha melahirkan penggiat pengamal dan karyawan serta mewujudkan masyarakat Malaysia yang berimbang tamadunnya berbudi pekerti serta sahsiah yang tinggi akan dapat kita hasilkan. Kualiti dan martabat seni perlu berkembang selaras dengan kemajuan negara. Bidang pendidikan industri kreatif tidak seharusnya berada di takuk lama tetapi perlu berkembang selaras dengan zaman pembangunan pesat dan era global. Cuma kita harus memperkukuh budaya kita sendiri. Bidang pendidikan kesenian adalah salah satu komponen penting yang dapat membantu usaha kerajaan ke arah membina negara bangsa yang tinggi tamadunnya berlandaskan pengalaman nilai-nilai murni dengan harapan melahirkan masyarakat berbudi bahasa, berjiwa halus dan seterusnya menyumbang kepada identiti negara. Usaha dan peranan ini dapat dilakukan dengan adanya pembelajaran seni yang formal dan khusus melalui Akta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**  
Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan

bagi penubuhan, penyenggaraan dan pentadbiran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Datuk Dr. Datuk Jins Shamsudin.

#### **8.10 mlm.**

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang telah membentangkan Rang Undang-undang bernama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebudayaan yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Rang Undang-undang ini mengandungi lapan bahagian dan 52 seksyen di dalamnya. Saya tidak akan membahaskan perkara-perkara yang melibatkan hal penubuhan, pelantikan lembaga pengarah, lembaga pengajian, pelantikan Rektor dan timbalannya, dan kuasa-kuasa serta fungsi lembaga dan jawatankuasa pendaftar, penubuhan jawatankuasa perwakilan pelajar, larangan-larangan dan konvokesyen dan lain-lain yang berkaitan dengan pentadbiran.

Saya hanya akan membahaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan isi kandungan yang berikutnya. Akademi Seni Budaya dan Warisan diangkat daripada Akademi Seni Kebangsaan yang menjurus kepada kursus dan latihan dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan termasuklah perfileman dan ianya kemudian akan dipanggil akademi. Saya amat berterima kasih sekali lagi kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang telah mengangkat Rang Undang-undang ini untuk diperbahaskan pada hari ini.

Kalau kita masih ingat, saya pernah mengemukakan dalam Dewan yang mulia ini supaya kita mengadakan satu akademi atau institusi pengajian tinggi di dalam bidang kesenian. Maka ini telah disambut oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bagi kita melahirkan sebuah akademi yang dapat menampung anak-anak seni yang sekarang ini atau pada satu ketika dahulu terpaksa keluar negara untuk belajar di luar negara dalam bidang ini kerana tidak ada satu institusi pengajian tinggi yang boleh memberikan atau menawarkan pengajian yang telah disenaraikan di dalam Rang Undang-undang ini termasuklah saya sendiri terpaksa dahulunya keluar belajar di luar negara.

Oleh itu, kita amat bertuah kerana dengan adanya usaha Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mewujudkan satu akademi seni dan mengangkat akademi seni kebangsaan ini menjadi sebuah institusi pengajian tinggi bagi melahirkan anak-anak seni yang mempunyai pendidikan formal. Akademi ini juga merupakan sebuah akademi yang akan menjadi sebuah akademi yang ulung di dalam negara ini. Dan akademi ini seperti yang tercatat di dalam Rang Undang-undang ini tidak menggunakan akta universiti. Dia mempunyai aktanya

tersendiri yang dapat memberikan ia satu kebebasan di dalam menentukan segala *syllabus* dan kurikulumnya. Tetapi ia juga mempunyai status universiti.

Di dalam seksyen 5 akademi juga menawarkan sijil, diploma dan juga ijazah. Saya mengharapkan pada satu ketika nanti akademi ini bukan sahaja menawarkan sijil, diploma dan ijazah tapi akan juga satu hari nanti menawarkan PhD. Jadi ini ialah merupakan satu peningkatan yang boleh kita sama-sama berbangga kerana di dalam sebuah negara yang telah merdeka selama 48 tahun hari ini kalau Rang Undang-undang ini diluluskan maka kita akan mempunyai sebuah institusi pengajian tinggi dalam bidang seni yang tidak pernah ada sebelumnya. Walaupun ada pengajian seni di dalam beberapa buah universiti tetapi bukanlah pengajian yang pengkhususan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Silakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat tadi menyebut tentang PhD. Jadi bila Yang Berhormat menyebut tentang PhD ini saya ada sedikit kerisauan. Saya takut akhirnya akademi ini menjadi terlalu akademi dan *contradict* dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu dia tidak mahu limpahan graduan sedangkan yang kita pentingkan ialah kualiti bukan kuantiti dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bila beliau menyebut perkara tersebut. Sebab bagi saya sebelum ini kita sudah pun meluluskan akta warisan dan hari ini kita membincangkan Rang Undang-undang mengenai dengan akademi ini dan ini bagi saya adalah pelengkap kepada komitmen kerajaan dalam persoalan warisan, kebudayaan, seni dan sebagainya.

Jadi apakah pada pandangan Yang Berhormat bahawa akademi ini sepatutnya lebih bersifat kemahiran supaya mereka yang keluar daripada akademi ini mereka inilah yang akan sebenarnya memartabatkan warisan seni kebudayaan negara kita sebenarnya. Saya lebih suka dalam akademi ini bersifat kemahiran, penyelidikan sebab kita banyak lagi khazanah-khazanah yang perlu diselongkar sebenarnya. Saya tidak tahulah.

Walaupun bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah sebab apa yang saya faham tadi Yang Berhormat memang mengkaji keseluruhan Rang Undang-undang ini.

Jangan nanti macam tadi ada seorang Timbalan Menteri kata kita tidak baca Rang Undang-undang ini. Main hendak bahas sahaja. Dia merendah-rendahkan kita. Ini yang saya berasa tidak berapa seronok sebenarnya. Tapi alhamdulillah apa yang diperkatakan itu tidak betul sebenarnya. Sebenarnya kita memang membaca Rang Undang-undang ini secara teliti dan kita membahaskan itu ialah kerana kita merasakan ini adalah penting sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, mohon laluan. Perkara yang sama. Saya juga Tuan Yang di-Pertua ingin merakamkan kesal saya iaitu tadi di atas

penggulangan seorang Timbalan Menteri merendah-rendahkan Ahli Dewan Negara seolah-olah Ahli Dewan Negara tidak membaca atau tidak tahu apa yang kita bahaskan dalam Dewan Negara ini.

Jadi saya juga boleh buat tuduhan kepada beliau bahawa beliau juga tidak tahu apa yang beliau bentang dan apa yang beliau gulung sebab beliau juga membaca teks yang disediakan oleh pegawai daripada kementerian. Jadi ini satu kesalahan sungguh. Jadi saya berharap untuk merakamkan supaya Timbalan Menteri itu mempunyai disiplin yang baik semasa berada di dalam Dewan Negara.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya. saya mengambil kesempatan yang pendek ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kerana hadir sendiri untuk membentangkan Rang Undang-undangnya untuk dibahaskan.

*[Tepuk]*

Dan kita yakin persoalan yang kita bangkitkan nanti akan mendapat satu reaksi yang begitu positif dan bernas daripada Yang Berhormat Menteri sendiri. Untuk itu saya mengucapkan sekali lagi syabas dan tahniah.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan tadi dan sebenarnya saya belum sampai ke situ kerana sudah ada dalam catatan saya berhubung dengan kursus-kursus yang hendak dijalankan.

Dan saya juga ikut sama mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri hadir untuk membentangkan Rang Undang-undang ini. Jadi kita lihat di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan para kedua adalah satu peruntukan yang boleh dianggap besar kerana ianya akan memberi kira-kira, saya difahamkan sebanyak RM700 juta dari RM200 bilion untuk diagihkan kepada agensi-agensi di bawahnya untuk membangunkan industri seni budaya muzik dan perfileman yang telah disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang kita telah bahaskan minggu lepas, mempergiatkan peranan budaya, seni dan warisan dalam masyarakat. Memperkayakan kebudayaan, kesenian dan warisan budaya.

Jadi ini adalah merupakan satu pengiktirafan daripada kerajaan kepada institusi seni dan kepada mereka yang terlibat di dalam bidang kesenian. Kerana ini adalah merupakan satu usaha yang telah diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan khususnya menteri sendiri yang telah mengangkat Akademi ini. Untuk membangunkan modal insan di dalam bidang perfileman, kita memerlukan peralatan-peralatan dan prasarana yang canggih untuk melengkapkan cabaran-cabaran kita untuk menghadapi globalisasi. Jadi ini telah pun dirangka dan telah pun dicadangkan supaya kita mempunyai sebuah *digital mix studio* sendiri

kerana sekarang ini kita pergi ke luar negara untuk memproses filem kita dalam bentuk digital, kita terpaksa ke Thailand, India atau ke Hong Kong atau negara-negara lain.

Dengan tertubuhnya Akademi Seni Kebangsaan ini, kebudayaan dan warisan ini dan juga peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan maka kita dapat membangunkannya sebuah makmal pemrosesan yang lebih canggih dan kita juga merasakan dalam bidang perfileman ini adalah perlu mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang canggih kerana hari ini kita berada di dalam sebuah dunia yang sudah begitu moden dan kita ada peralatan-peralatan canggih yang ada di negara-negara lain. Kalau kita ingin bersaing di peringkat antarabangsa maka kita juga harus ada peralatan-peralatan yang dapat bersaing walaupun dulunya kita bekerja dan kita membuat filem tanpa peralatan-peralatan canggih tetapi hari ini masanya sudah berubah.

Jadi oleh sebab itu kita merasakan banyak lagi perkara-perkara yang dapat kita laksanakan bagi mengangkat martabat dan seni negara khususnya dalam bidang seni perfileman dan kita juga perlu mempunyai sebuah arkib perfileman dan yang paling penting sekali seperti yang sedang kita usahakan ini ialah untuk memberikan pengetahuan dan pelajaran kepada anak-anak seni yang dulunya belajar secara praktikal sahaja tetapi dengan adanya Akademi ini kita dapatlah satu hari nanti menggabungkan kedua-duanya seorang pelajar yang mempunyai ilmu dalam bidang ini dan diberi pula kesempatan untuk membuat kerja-kerja praktikal tentunya akan melahirkan filem dan juga hasil seni yang boleh kita banggakan satu hari nanti.

Hari ini kita sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang telah pun merangka satu perkampungan perfileman. Saya difahamkan akan ada satu perkampungan perfileman yang akan dibina dalam tempoh yang terdekat bagi tujuan untuk melengkapkan lagi industri perfileman dan industri seni negara bagi melahirkan anak-anak seni dapat berkarya di tempat-tempat yang ada peruntukan-peruntukan yang disediakan.

Kalau kita pergi ke negara-negara lain bererti kita pergi ke Korea umpamanya sebagai contoh mereka ada perkampungan filemnya sendiri, kita pergi ke Taiwan mereka ada perkampungannya sendiri dan kita juga mengharapkan supaya perkampungan filem ini akan menjadi kenyataan dalam masa yang terdekat supaya dapat kita sama-sama menyaksikannya supaya ada satu perkampungan filem dan bukan itu sahaja kita boleh menarik pelancong datang ke negara kita bagi menggunakan perkampungan ini jika mereka sekiranya ingin membuat filem-filem di negara kita ini dan ini adalah satu usaha yang amat perlu.

Dan untuk itu juga kita telah menyediakan peralatan-peralatan canggih ini dalam seni perfileman dan kita juga seperti mana tadi Yang Berhormat telah menyentuh tentang kerja-kerja perfileman ini sebenarnya adalah kerja-kerja praktikal dan kita juga merasakan bahawa dalam bidang ini mempunyai 70% kerja-kerja praktikal sebenarnya kerana ianya dengan izin ialah *hands on*. Kalau hanya kita belajar di *classroom* semata-mata tidak mungkin menjadi seorang

pembikin filem yang baik kerana mereka haruslah memahirkan diri dengan menggunakan peralatan-peralatan perfileman yang canggih hari ini untuk memahirkan diri untuk menggunakan peralatan-peralatan ini.

Untuk itu kita lihat hari ini juga kita harus ada sebuah institusi yang juga melengkapkan peralatan-peralatan seperti yang saya sebutkan di atas tadi dan juga *special effect* dengan izin. Kalau kita lihat di negara-negara yang membangun hari ini telah ada peralatan-peralatan yang boleh membuat filem tanpa lagi menggunakan realitinya dengan izin.

Kalau dulu kita kalau hendak buat sebuah filem meletupkan sebuah kereta sebagai contoh kita terpaksa benar-benar meletupkan sebuah kereta atau langgar sebuah kereta sehingga dia terbakar atau jatuh. Tetapi hari ini sudah tidak perlu lagi dengan adanya peralatan canggih yang akan disediakan oleh Akademi ini nanti maka ia akan memberikan peluang yang lebih baik kepada mereka yang berkemampuan dan berpengalaman dan akan menjadikannya lebih baik lagi dan tidak lagi memerlukan kereta sebenarnya tetapi ada caranya yang boleh kita gunakan dengan menggunakan *special effect*.

Dulu saya pernah membuat filem dengan meletupkan kereta terpaksa kita bakar sebuah kereta dan saya pernah *accident* ataupun menghadapi kemalangan di atas kerja-kerja itu. Dulu juga kita tidak ada kelengkapan sedemikian dan oleh sebab itulah kita harus melihat ini sebagai satu usaha ke arah menjadikan filem sebagai satu yang boleh kita banggakan di satu hari nanti. Kita tidak lagi hanya membuat filem untuk dipasarkan di dalam negara kita sahaja. Kita juga merencanakan supaya satu hari nanti filem-filem kita dapat dipasarkan di luar negara dan hari ini pun kita sudah memenangi beberapa *award* di luar negara.

Bagi tujuan itu maka haruslah kita meningkatkan lagi usaha kita ke arah melahirkan filem-filem yang bermutu tinggi dan inilah usaha yang dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ingin melihat masa depan kita lebih cerah, masa depan kita lebih terjamin, masa depan kita lebih dihormati oleh pembikin-pembikin di negara-negara sekitar iaitu negara-negara ASEAN. Hari ini kalau kita lihat filem-filem daripada Thailand sudah tinggi mutunya. Filem-filem daripada Taiwan dari Hong Kong dan sekitar kita telah menggunakan peralatan-peralatan yang cukup canggih kerana dianya merupakan...

**Tuan Ismail bin Kassim:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Silakan.

**Tuan Ismail bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya cuma ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin berhubung dengan filem-filem yang dihasilkan di negara jiran kita yang telah mengatasi kita. Boleh dikatakan jauh dari segi kualiti penghasilan, pengarahannya dan sebagainya termasuk tema yang dipaparkan. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin, adakah kerana syarikat-syarikat filem di negara berkenaan mendapat insentif dan juga kerjasama sebagaimana yang dibuat oleh

Kerajaan Malaysia termasuk pinjaman yang diberikan menerusi Bank Pembangunan kalau tidak silap saya dan sebagainya setiap kali drama ataupun filem yang hendak dihasilkan.

Saya difahamkan oleh rakan-rakan di sana yang mana saya ada terlibat sedikit sebanyak dalam pembelian *syndicated* filem ini, saya merasakan tiada bantuan langsung daripada kerajaan termasuk kemudahan prasarana seperti mana yang telah kita sediakan tetapi mereka masih boleh menghasilkan filem-filem yang berkualiti tinggi. Apakah pandangan Datuk berhubung perkara ini?

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Datuk Hamzah bin Zainudin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Hamzah bin Zainudin:** Teruskan.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebenarnya amat beruntung. Kita amat beruntung di dalam sebuah negara yang mempunyai prasarana yang cukup teratur. Kerajaan Malaysia telah pun melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di atas usaha Yang Berhormat Menteri sendiri mendapatkan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi memberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan.

Dan kalau ini dilakukan di negara ini melalui Bank Pembangunan, dan saya amat tertarik di atas pandangan Yang Berhormat tadi bahawa negara-negara seperti Thailand juga dapat menghasilkan filem-filem yang bermutu tinggi tanpa diberikan bantuan dan modal kerana mereka mempunyai pasaran yang luas. Pasaran yang luas dan kalau dilihat daripada peralatan yang ada, kita sendiri pun pergi ke Thailand untuk melakukan kerja-kerja *post production* dan sebagainya.

Jadi oleh kerana itu, dengan adanya kelengkapan yang akan disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, maka kita percaya, kami percaya satu hari nanti kita juga akan dapat menembusi pasaran-pasaran yang ada di sekeliling kita. Bercakap tentang pasaran itu juga, kita haruslah juga memikirkan bahawa pasaran filem-filem tempatan dan TV yang ada di negara ini, hari ini kita amat sukar untuk dapat tempat di pasaran-pasaran di luar negara. Maka itu saya ingin menyarankan supaya kerajaan yang berkaitan, kementerian yang berkaitan supaya dapat mengadakan satu peraturan untuk bertukar filem-filem yang ditayangkan atau yang diimport daripada negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Korea, Filipina dan sebagainya yang diimport masuk ke negara ini, kita tayangkan sama ada di panggung wayang, pawagam atau di TV hendaklah juga mereka yang mengimport filem ini, dapat mengeksport pula filem kita supaya kita dapat tukar satu demi satu.

Kalau dahulu kita pernah melakukan ini dengan Indonesia, satu pasaran yang agak besar dan saya merasakan bahawa hari ini kita juga mengimport filem-filem yang datang

daripada Indonesia, Thailand, Korea, dan mereka boleh menayangkan filem-filem mereka di negara kita, mengapa tidak kita juga dapat berusaha untuk menayangkan filem-filem kita ke negara lain dan kita ada satu platform di bawah Kementerian Penerangan iaitu satu Jawatankuasa...

**Tuan Ismail bin Kassim:** Mohon laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat, adakah ini disebabkan oleh sikap rakyat Malaysia sendiri. Bukan tidak ada filem berkualiti yang dihasilkan di negara kita yang memaparkan jati diri yang begitu berkesan, yang memaparkan semangat nasionalisme dan lain-lain seperti Sepet, Paloh dan sebagainya tetapi filem tempatan kurang diminati. Tetapi filem di negara lain yang memaparkan tema yang sama tetapi diminati oleh rakyat Malaysia. Adakah perangai rakyat Malaysia ini, dia memang suka yang asing, yang sendiri punya dia tidak suka.

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sudah menjadi naluri manusia, sudah menjadi naluri manusia bahawa yang asing itu selalunya diminati. Tetapi ini tidak bererti filem kita tidak mendapat tempat. Kalau kita lihat filem-filem kita yang dipasarkan, yang ditayangkan di negara ini, ada kalanya melebihi kutipan *box-office* dari filem-filem asing. Ada di antaranya hingga mencecah RM6 juta. Jadi, ini telah menunjukkan bahawa ada peminat-peminatnya walaupun kita hanya ada kira-kira 2.5 juta yang menonton filem-filem tempatan tetapi ianya adalah berterusan.

Dan dari masa ke semasa, kita boleh meningkatkannya, dan saya yakin dan percaya bahawa penonton- penonton Malaysia juga adalah penonton yang setia kepada filem-filem tempatan. Sebab itulah kita masih mempunyai *collection*, dengan izin, yang berterusan hingga kita boleh menjadikan filem itu sebagai filem *box-office*, dan saya merasakan dengan adanya kita melahirkan filem-filem yang bermutu tinggi, dan satu ketika nanti kita akan boleh menarik penonton- penonton untuk menonton filem-filem dipanggung kita sendiri kerana kita hendaklah membuat filem-filem yang bukan sahaja dapat menarik penonton- penonton kita, orang Melayu, tetapi juga dapat menarik penonton- penonton bukan dari golongan orang Melayu.

Walaupun, kita lihat hari ini mereka mempunyai pilihan, mempunyai pilihan untuk menonton filem-filem yang dibawa masuk dari Hong Kong, dari China, dari Taiwan, daripada India, daripada negara-negara lain tetapi ini tidak bererti kita tidak boleh melihat filem-filem kita kerana filem kita menggunakan bahasa Kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa rasmi negara dan saya pun pernah bercerita dengan seorang sahabat yang sekarang ini menjadi Timbalan Menteri. Beliau kata, beliau belajar bahasa Melayu melalui filem Melayu. Jadi bererti filem Melayu juga adalah ada unsur-unsur pelajaran. Boleh belajar bahasa kerana bahasa dalam filem Melayu itu selalunya mudah untuk dipelajari.

Dan saya sebut perkara itu tadi ialah Kementerian Penerangan mempunyai satu jawatankuasa yang diberi nama dengan izin, *Committee On Culture and Information* (COCI) dan jawatankuasa ini boleh dari masa ke semasa untuk terus berunding dengan negara-negara jiran

khususnya negara-negara ASEAN untuk bertukar-tukar filem di antara negara ASEAN supaya kita meluaskan pasaran kita, bukan sahaja di negara kita, filem kita tetapi kita dapat juga memasarkan filem di negara-negara jiran khususnya dan boleh juga kemudiannya kita perluaskan lagi. Kalau filem-filem asing, filem-filem luar negara boleh kita tayangkan di negara kita, kenapa tidak kita juga berbuat demikian.

Janganlah sampai kita menjadi kera di hutan disusukan, anak di rumah mati tidak makan. Jadi filem kita juga haruslah diberi kesempatan untuk mereka menayangkan filem-filem ini di luar negara. Kita lihat filem-filem yang ditayangkan di sini juga adalah mendapat sambutan, tetapi kenapa tidak? Dahulu, kalau kita masih ingat, filem Hang Tuah pernah ditayangkan di sebuah panggung yang terbesar di Bangkok. Jadi, pada ketika itu, masih boleh. Jadi bererti filem kita pernah mendapat tempat dan sambutan bukan sahaja di dalam negara dan luar negara, terutama sekali di Indonesia.

Filem-filem kita mendapat sambutan juga di Indonesia. Ada satu ketika dahulu, sehinggakan filem-filem P.Ramlee ada orang yang berebut-rebut untuk menonton filem-filem P.Ramlee di Indonesia dan ini boleh kita lakukan. Dan saya juga merasakan perlu..

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Boleh minta laluan tidak?

**Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Silakan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin. Dalam pembuatan atau pun produksi satu-satu filem, terdapat tiga komponen penting. Pertama, peralatan. Kedua saya rasa ialah *director ship* dan *production* itu sendiri, pengarah. Yang ketiga, *actor-actor* itu sendiri. Adakah tekanan yang sama akan diberi oleh akademi ini kepada tiga-tiga komponen ini sebab yang kita lihat, saya mendengar perbincangan daripada Yang Berhormat ialah filem itu yang sudah sedia ada, filem itu sudah terjadi, maka boleh dijual di pasaran dan lain-lain. Tetapi pembikinan filem itu yang amat penting dan ini yang saya hendak tahu sama ada tentu sekalilah saya anggapkan bahawa tiga-tiga komponen ini akan diberi tekanan yang baik atau pun yang penting oleh akademi.

**Dato' Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan sendiri telah memperjelaskan bahawasanya kita akan menumpukan perhatian pada beberapa sektor yang telah disebutkan tadi. Saya yakin dan percaya kalau kita boleh melahirkan seperti pelakon-pelakon terkenal pada zaman dahulu seperti Tan Sri P. Ramlee, Ahmad Mahmood, Aziz Jaafar, Aziz Satar dan yang lain-lainnya dan juga pengarah-pengarah terkenal seperti Husain Hanif, Tan Sri P. Ramlee dan juga pengarah-pengarah yang lain dengan tanpa mempunyai sebarang institusi pengajian tinggi atau sebarang latihan formal.

Dengan adanya institusi pengajian tinggi yang akan dilahirkan ini, yang akan mendidik anak buah ini saya yakin dan percaya bahawa kita boleh melahirkan pelakon-pelakon, pengarah-

pengarah dan penulis-penulis yang lebih bijak di masa akan datang kerana mereka ini adalah terdiri daripada anak-anak lulusan daripada beberapa buah institusi pengajian perfileman. Dan kita juga percaya bahawa dengan adanya akademi ini kita boleh satu hari nanti berbangga bersama.

Saya ingin mencadangkan juga supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mempromosikan filem-filem kita memperdagangkan antarabangsa membawa pengusaha-pengusaha filem ikut serta dalam misi perdagangan Kementerian di luar negara. Ini kerana dengan adanya itu kita dapat mempromosikan filem-filem kita di luar negara di samping kita sendiri akan melakukannya dari semasa ke semasa. Hari ini setiap kali misi perdagangan antarabangsa tidak pernah pun mengajak kita untuk ikut serta untuk mempromosikan filem di luar negara. Jadi, oleh kerana itu ini juga yang penting.

Satu lagi perkara yang perlu saya ingin mencadangkan juga supaya penerbangan MAS dan Air Asia yang terbang ke seluruh negara dan juga ke luar negara dapat sesekali mempromosikan filem kita, menayangkan filem-filem buatan tempatan, filem-filem Malaysia. Dengan adanya penayangan itu maka kita dapat mempromosikan dari semasa ke semasa adalah orang yang akan menontonnya di dalam pesawat itu dan akhirnya mereka akan tahu mana Malaysia. Bagaimana budayanya, bagaimana kehidupan kita. Ini juga satu perkara yang jarang kita dapat.

Saya juga telah difahamkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan UDA akan dibangunkan semula. Kita tahu UDA adalah sesuatu jabatan dahulunya yang banyak membina panggung-panggung wayang dan hari ini UDA sudah diswastakan, semua panggung-panggung wayang yang ada dahulunya telah ditutup. Jadi, saya ingin menyarankan apabila UDA dibangunkan semula hendaklah bersama-sama kita memikirkan soal menayangkan filem-filem kita di panggung-panggung yang akan dibina sekurang-kurangnya satu negeri sebuah panggung wayang ataupun pawagam. Dengan adanya itu kita tidak lagi memerlukan dan tidak lagi sukar untuk menayangkan filem-filem kita di seluruh negara.

Hari ini kita amat beruntung kerana Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan telah pun mewujudkan satu peraturan iaitu peraturan wajib tayang. Jadi, kita boleh menayangkan filem-filem kita selama dua minggu di pawagam-pawagamnya tetapi ia juga terhad kerana pawagam-pawagam seperti di bandar-bandar kecil seperti di Muar, Batu Pahat, Taiping dan banyak lagi tidak ada pawagam. Kalau kita lihat di Alor Star sendiri, baru-baru ini saya pergi ke Alor Star, panggung wayang atau pawagam yang ada di sana itu telah pun diambil alih oleh KUKOM dan dijadikan Dewan KUKOM, dewan untuk ceramah, persembahan dan sebagainya. Amat sedih kita lihat, kalau dahulunya di situlah filem-filem Melayu ditayangkan.

Dengan adanya usaha ini kita harap UDA dapat membangunkannya semula panggung wayang di seluruh negara supaya dapat kita terus memeriahkan lagi filem-filem kita di seluruh negara. Kerajaan juga terpaksa mengadakan undang-undang ini kerana kita adalah sebuah

negara yang selalunya bertolak ansur. Jadi, oleh kerana itu panggung wayang dahulunya yang dimiliki oleh *Shaw Brothers* dan juga *Cathay Organization* amat sukar pada ketika itu untuk kita menayangkan filem kita.

Pada suatu ketika saya bersama-sama dengan seniman agung Allahyarham Tan Sri P. Ramlee terpaksa menayangkan filem-filem kita di dewan-dewan, Dewan Hamzah, Dewan Mara kerana tidak dibenarkan menayang di panggung-panggung mereka. Ini di antara perkara yang harus kita lihat dan kita bersama-sama memikirkan, harus ada pawagam-pawagam di seluruh negara dan hendaklah kita bangunkan bersama. Satu lagi perkara yang saya ingin cadangkan ialah untuk menjayakan akademi seni, budaya dan warisan kebangsaan ini juga saya ingin mencadangkan supaya ada satu usaha ke arah menyebarkan luaskan dasar kebudayaan kebangsaan untuk difahami oleh semua rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Ini kerana apabila mereka memahami tentang dasar kebudayaan ini maka setiap rakyat Malaysia akan mencintai dan akan menghormati kebudayaan-kebudayaan negara kita. Jadi, oleh kerana itu kita harapkan supaya ada usaha ke arah menyebarkan luaskan dasar kebudayaan ini dan juga pengukuhan kebudayaan ini supaya budaya seni dan warisan memerlukan program-program yang dapat menghayatkan mereka dengan penghayatan seni.

Saya sekali lagi ingin berterima kasih kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan yang telah mengadakan satu program iaitu program merakyatkan seni dan budaya. Jadi, dengan adanya program ini kita dapatlah bersama-sama untuk menjadikan seni dan budaya sebagai satu wadah untuk rakyat Malaysia pada keseluruhannya tidak hanya tergulung kepada individu semata-mata.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dato' Dr. Jins Shamsudin:** Sikit lagi. Tidak panjang, sikit lagi. Ada dua helai lagi.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau boleh pendekkan.

**Dato' Dr. Jins Shamsudin:** Pendekkan dan saya akan menggulung.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Percepatkan.

**Dato' Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih. Saya juga ingin berterima kasih sekali lagi kerana dahulu kita banyak menggunakan bahasa-bahasa baku. Bahasa-bahasa di dalam filem, sebab bahasa filem ini agak berbeza. Saya sekali lagi berterima kasih kepada Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan khususnya Menteri iaitu Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim yang baru-baru ini telah melancarkan tulisan jawi, yang telah melancarkan akhbar tulisan jawi yang telah pun sekian lama berhenti.

Dengan kerjasama Utusan Melayu dan juga Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan telah memberikan peruntukan yang besar bagi menghidupkan semula naskhah jawi Utusan Melayu dan dalam masa ketika-tika tertentu. Dan, juga langganan-langganan oleh beberapa negeri dan organisasi termasuklah negeri Terengganu baru-baru ini, kita lihat telah melanggan Utusan Melayu, Kelantan, Melaka dan Perak. Kita

mengharapkan supaya semua negeri-negeri yang ada di Semenanjung Tanah Melayu di Sabah dan Sarawak dapat melanggan Utusan Melayu tulisan jawi kerana itulah budaya yang dapat kita hidupkan semula juga kerana hampir hapus.

Maka dengan adanya usaha Menteri Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan kita dapat membaca semula tulisan jawi. Sebab tulisan jawi juga amat penting di dalam kita menjadikan ia sebagai warisan negara. Kalau kita lihat di muzium-muzium, kita lihat perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh raja-raja Melayu dengan kerajaan Inggeris dahulu semuanya ditulis dalam bahasa jawi. Jikalau kita tidak mengajar anak-anak kita membaca tulisan jawi dan memahaminya maka sukar untuk mereka membaca bahan-bahan yang kita anggap sebagai warisan negara. Tulisan jawi juga dapat anak-anak kita membaca Al-Quran melalui tulisan jawi.

Maka dengan itu saya dengan rasa bangga dan dengan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan kerana membentangkan Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya Warisan Kebangsaan ini dan saya dengan ini pohon menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

#### **8.51 mlm.**

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya Warisan Kebangsaan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan khususnya Menterinya yang pada malam Yang Berhormat telah datang sendiri untuk membentangkan Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya Warisan Kebangsaan yang dalam ucapan pengenalannya tadi, saya rasa sangat-sangat meyakinkan.

Saya sebenarnya mengharapkan saya bercakap terlebih dahulu daripada Datuk Dr. Jins Shamsudin supaya apa yang saya sebut, jika tidak kena begitu begini, dapat ditutupi oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin tetapi nasib saya tidak baik, saya bercakap kemudian. Tetapi walau bagaimanapun saya berharap saya dapat menambah satu dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ragu-ragu sedikit bila Akademi ini diberi nama Akademi Seni Budaya Warisan Kebangsaan. Kepada saya, cukup dengan nama Akademi Seni Warisan Kebangsaan. Sebab bila disebut seni, maka dengan sendirinya termasuk budaya, sebab ini seni itu sebenarnya berpunca dan berakar daripada budaya. Dan seni itu sendiri mencerminkan kebudayaan kita. Kecualilah Yang Berhormat Menteri memikirkan akademi ini khusus untuk satu-satu budaya tertentu. Maka perlunya perkataan budaya di situ.

Saya menimbulkan ini untuk hendak memberi pandangan supaya orang memikirkan bahawa bila kita sebut akademi seni, ertinya ia ini merupakan suatu tempat di mana orang boleh

belajar. Tambah-tambah di dalam undang-undang ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa akademi seni yang ada itu dipertingkatkan kepada suatu tingkat, setingkat universiti untuk membolehkan akademi ini mengeluarkan bukan sahaja sijil dan diploma tetapi termasuklah ijazah. Ertinya memberi peluang universiti orang pelajar pada peringkat ijazah dan selepas ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak pergi satu-persatu untuk menghuraikan sesuatu bab ataupun sesuatu perkara yang tertentu hanya saya hendak sebut hanya dua tiga perkara sahaja. Berhubung dengan satu perkara yang saya rasa sangat penting dan di sini diberi penekanan iaitu berhubung dengan tertib pelajar-pelajar akademi ini. Kita perhatikan selama ini ada semacam kecenderungan kepada aktivis seni, aktivis budaya, anak-anak seni ataupun kalau perkataan kampungnya 'anak wayang' untuk bergerak, untuk bertindak, untuk berlaku, bercakap dan sebagainya, lain daripada orang lain. Tidak maksud saya ertinya orang ini tidak normal, bukan begitu maksud saya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi itulah pembawaan-pembawaan sesetengahnya dengan pakaiannya, dengan rambutnya dan sebagainya.

Jadi dengan adanya akademi dan penekanan yang diberikan kepada kelakuan atau tatatertib ini, kita berharap anak-anak kita yang keluar dari akademi ini bukan sahaja mampu menampilkan diri sebagai seorang ahli seni, seorang seniman, seorang aktivis seni tetapi seorang yang mempunyai latar belakang dan pendidikan yang boleh kita banggakan. Jadi tidaklah orang mengatakan bahawa memang kalau ditunjuk, memang kalau dikatakan, memang kedudukannya, memang begitu kelakuannya seorang ahli seni. Tetapi tidak begitu, kita berharaplah graduannya daripada sini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun ada disebut di dalam undang-undang ini penubuhan badan atau Majlis Pelajar-pelajar. Saya tidak dapat hendak sebut dengan jelas di sini tetapi saya terbaca bahawa kaedahnya itu agak berlainan daripada apa yang diamalkan di institusi-institusi pendidikan tinggi kita sekarang. Saya rasa eloklah kalau boleh pembentukan atau penubuhan Jawatankuasa Pelajar atau Majlis Pelajar-pelajar ini seperti juga diamalkan institusi-institusi pendidikan yang lain supaya tidak timbul suatu keadaan di mana pelajar-pelajar merasakan bahawa dia dibentuk dalam keadaan yang berlainan daripada pelajar-pelajar lain.

Yang kedua, ada suatu... apa yang kita katakan kawalan, walaupun Yang Berhormat Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi kelonggaran tetapi saya rasa kalau tidak diberikan perhatian yang betul-betul kepada pelajar-pelajar di sini akan berasa terkongkong dengan tidak dibenarkan pelajar-pelajar kita memasuki persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tertentu. Saya setuju, saya sangat setuju bahawa pelajar-pelajar Akademi ini tidak dibenarkan untuk menyekutui atau masuk menjadi pelajar ataupun menyertai kegiatan-kegiatan yang bersifat politik ataupun yang bersifat kesatuan sekerja. Tetapi saya rasa tidak munasabah kalau kita hadkan pergerakan mereka sekali pun untuk menjadi ataupun bersama-

sama dengan pertubuhan-pertubuhan yang bersifat akademi, pertubuhan yang bersifat seni, budaya dan sebagainya. Ini pun saya rasa harus diberikan perhatian oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur membahaskan hal ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan KeKKWa khususnya Yang Berhormat Menteri – Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim yang saya rasa akhir-akhir ini memberikan perhatian yang agak berat kepada pementasan-pementasan yang berlaku di Istana Budaya. Dengan pementasan-pementasan yang saya perhatikan akhir-akhir ini bermutu, kita dapat berbangga adanya tempat seperti Istana Budaya di ibu kota kita di Kuala Lumpur ini. Seperti misalnya suatu masa bila kita pergi ke Indonesia ke Jakarta, kita selalu melihat apakah program Taman Ismail Marzuki misalnya, kepada ahli-ahli senilah, kepada orang lain barangkali bukan itu yang dicarinya, dicarinya benda lain.

Begitu juga hal dengan orang yang datang ke Kuala Lumpur. Dia akan tengok apakah program pada malam ini di Istana Budaya. Tetapi untuk mementaskan sesuatu persembahan di Istana Budaya, saya perhatikan akhir-akhir ini bukanlah satu kerja yang alang-kepalang ataupun satu kerja yang kecil, satu kerja yang memakan belanja yang agak banyak. Misalnya kita ambil suatu contoh pementasan drama muzikal 'Puteri Gunung Ledang' dan kalau tidak salah berdasarkan kepada maklumat daripada surat khabar memakan belanja lebih daripada RM1 juta.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat ada pergi menonton? Yang Berhormat pergi tidak menonton?

**Dato' Haji Abdul Rshid bin Ngah:** Yang Berhormat, saya bercadang... boleh dikatakan selama lima hari saya cuba mendapatkan tiket tetapi tidak dapat. Ada yang menasihatkan saya kalau begitu Datuk, baiklah berhubung dengan Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri, boleh jadi barangkali ada tempat-tempat tertentu. Tetapi saya cuba berhubung dengan pihak Istana Budaya tetapi dia kata semuanya penuh. Itu menunjukkan bagusnyanya sambutan-sambutan kepada pementasan yang seumpama itu dan kita memandang ke hadapan untuk melihat ada lagi pementasan-pementasan yang seumpama itu. Seperti yang saya katakan tadi ....

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya akan mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri lain kali kalau ada pementasan ini, tolong jemput Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid wakil Dewan Negara. *[Tepuk]*

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma dalam hal pementasan dan penayangan wayang gambar ini .....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad :** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah Yang Berhormat, tidak adil kalau Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid sahaja seharusnya saranan itu kepada semua Ahli Dewan Negara yang hari ini akan menyokong usul Rang Undang-undang yang akan dibawakan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itu saya tidak berani. Kalau seorang tu berani saya berani. Kalau dia tidak mahu bagi pun saya tolong beli tiket saja. Ramai tidak berani.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat tetapi Cuma kita rasa dalam sehari dua ini kita rasa dukacita sikit kerana usaha Dato' Dr. Jins Shamsudin untuk memperlihatkan filem Seorang Lelaki Komunis Terakhir tidak dapat ditunjukkan kepada senator-senator. Sebelum itu saya dapat tahu bahawa kepada Ahli Dewan Rakyat ditunjukkan tetapi kepada senator tidak diberi peluang. Saya tidak tahu apa salahnya senator dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita merasakan bahawa Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KeKKWa) mestilah memberi tunjangan, memberi bantu kewangan kepada persembahan-persembahan yang memang kita rasa bagus tetapi kemungkinan menggunakan belanja yang agak banyak. Ini adalah salah satu cara untuk kita mempertingkatkan seni pementasan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Jins Shamsudin tadi ada menyebut berkenaan dengan tulisan jawi. Tulisan jawi sebagai akhbar telah berhenti pada 29hb Januari 2006 jika saya tidak salah. Tetapi atas usaha kementerian dan Menteri Yang Berhormat Dato' Seri Paduka Rais Yatim dikira dengan Utusan maka Utusan mengeluarkan sekarang dalam bentuk sisipan. Kalau kita semua dapat mengingatkan, saya cuba hendak ringkaskan bukan hendak cerita panjang tetapi kalau boleh kita semua mengingatkan bahawa nasib tulisan jawi daripada sebuah akhbar satu masa dahulu surat akhbar Utusan surat akhbar Majlis yang kandungannya boleh dikatakan sebahagian besar memperjuangkan kemerdekaan pada tahun 2006 menerima nasib yang sekarang menjadi sisipan sahaja.

Tidakkah kita terfikir bahawa satu masa Utusan Melayu dan Berita Harian juga akan menjadi sisipan di dalam News Straits Times, Stars atau di dalam apa lagi jenis surat khabar yang berbahasa Inggeris. Ini tidak lain tidak bukan, bukan kerana salah orang lain tetapi salah kita sendiri pada satu masa dahulu di mana meletakkan tulisan jawi kepada tempat yang tidak patut. Tidak memberi peluang kepada anak-anak kita belajar tulisan jawi. Jadi tahun demi tahun pembaca-pembaca tulisan jawi berkurangan. Jadi keadaan yang sama saya rasa minta maaf saya buat telahan ini mungkin tidak semua bersetuju dengan telahan saya bahawa kalau kita tidak arif kalau kita tidak berhati-hati kepada keadaan sekarang bahasa Melayu pun akan menjadi bahasa surat khabar sisipan tahun 2020.

Saya sebut ini dan ini ada hubungan dengan usaha kita untuk memelihara warisan dan kita harap pada akademi ini Insya-Allah perhatian akan diberi sebanyak-banyaknya kepada masalah tulisan jawi. Mungkin barangkali orang akan ketawa melihat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini berlainan sikit dengan kementerian lain yang lebih mengutamakan barangkali tulisan jawi dan jika dipandang sepintas lalu agak ketinggalan zaman sedangkan orang lain memberikan perhatian kepada yang lain-lain. Tetapi kita pada saat-saat ini memberi

perhatian kepada tulisan jawi yang mungkin pada sesetengah orang satu tulisan yang telah ditakdirkan untuk mati tetapi dipanjangkan sedikit umurnya. Ini yang kita takut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya marilah sama-sama kita gambarkan bahawa pada satu masa mungkin barangkali tidak berapa lagi lima atau enam tahun lagi kita akan melihat di pawagam yang dicita-citakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Jins Shamsudin ditayangkan sebuah filem tempatan, di mana filem ini diarahkan oleh seorang graduan daripada akademi ini. Pelakon-pelakon utamanya ialah lulusan dari akademi ini dan penulis skripnya pun adalah penulis lulusan daripada akademi ini. Dan penerbitnya juga lulusan daripada akademi ini. Tetapi pemodalnya kita tidak tahu dari mana. Terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Saya perhatikan ada satu ,dua, tiga, empat, lima. Boleh pendekkan. Saya mulakan dengan Dato' Yaacob, kemudian Yang Berhormat Lee Sing Chooi, Dr. Puad, Dr. Norraesah dan Yang Berhormat M. Munusamy akhir sekali.

#### **9.07 malam.**

**Datuk Yaacob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas keadilan yang telah diputuskan tadi. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang membahaskan Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan Bilangan 2006. Di kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan sejujurnya dan seikhlasnya penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim di atas kepimpinan KeKKWa telah pun hari ini disedari akan pentingnya betapa peranan untuk mendaulatkan kembali budaya dan warisan sejarah bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar sekian lama budaya dan warisan sejarah telah dipinggirkan dan hampir terhakis dari segi budaya dan warisan sejarah dan kini yang dahulunya telah pun hampir pupus, malap dan ianya telah pun diceriakan kembali dengan adanya KeKKWa walaupun usianya baru setahun jagung iaitu kira-kira dua tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat walaupun ada ASK nya sudah hampir 12 tahun tetapi perjalanannya begitu sedih merangkak-rangka dan untuk itu saya tidak lupa untuk merakamkan sekali lagi kerana dengan wujudnya akademi ini secara sah pembelajaran secara formal telah pun diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh enam perkara dan ingin mendapat pandangan Yang Berhormat secara spesifik. Yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua iaitu berapakah unjuran ataupun sasaran pelajar-pelajar yang akan direkrut bagi mencapai Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu 2020 dan yang kedua saya juga ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat Dato' Seri Menteri bagaimana strategi akademi ini boleh menyambut seruan kerajaan agar *education hub* di peringkat antarabangsa untuk menarik pelajar-pelajar antarabangsa mengikuti akademi tersebut. Yang ketiganya bagaimana pula akademi boleh menerima pelajar-pelajar

yang seharusnya mempunyai latar belakang drama, tarian, muzik, nyanyian yang berkaitan dengan sistem *syllabus* pelajaran peringkat sekolah rendah dan menengah hari ini. Apakah di peringkat rendah dan menengah hari ini juga akan dimulakan dengan *syllabus* yang saya nyatakan tadi agar mereka boleh meneruskan hala tuju ke akademi sebagai mana yang akan dibina nanti.

Dan yang keempat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, bagaimana Akademik boleh membentuk kekuatan perpaduan integrasi kaum yang kita lihat pada hari ini di peringkat menengahnya agar begitu longgar atau agak begitu rapuh kalau saya nak katakan.

Yang Kelima Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri bagaimana produk atau graduan akademik ini kompetitif di pasaran secara terbuka dan tidak hanya ditumpukan dalam bidang-bidang khusus untuk akademik dan apakah graduan ini juga boleh kita seperti benih yang baik, dia boleh juga masuk dalam bidang-bidang lain dengan asasnya yang dibimbing oleh akademik ini agar pelajar-pelajar tersebut tidak menentu agar sasarannya tidak sempit, agar ia lebih boleh diterima dalam segala bidang.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Mungkin menjadi Pegawai Pentadbir dan Diplomatik.

**Datuk Yaakob bin Mohammad:** Mungkin Tuan Yang di-Pertua, itu maksud saya . Kemudian saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat dari segi cabaran untuk mendaulatkan Seni Budaya dan Warisan Bangsa, saya yakin kemelut atau pun kedukaan KeKKWa begitu banyak dan boleh mungkin Yang Berhormat nyatakan cabaran-cabaran hari ini yang dihadapi oleh KeKKWa dan mungkin Ahli-ahli Senator boleh membantu kalau tidak sekarang atau pun di masa akan datang kerana niat suci murni KeKKWa bagi martabatkan semula maruah warisan bangsa budaya jaraknya. Kerana saya yakin mana-mana negara di dunia andainya pupus warisan sejarah dan budaya ertinya masyarakat nya juga tidak mempunyai hala tuju untuk masa hadapan lantaran itu percayalah Yang Berhormat Dato' Seri Menteri kita yakin rakyat seluruh negara tidak kira apa bangsa kaum dan agama akan terus turut membantu memperjuangkan matlamat objektif penubuhan KeKKWa Dato' Seri Menteri sendiri Insya-Allah. Untuk itu saya turut menyokong sepenuh-penuhnya Tuan Yang di-Pertua, di atas penubuhan Akademik ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Lee.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya khas tentang Undang-undang Akademik Seni Budaya Warisan Kebangsaan 2006. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada KeKKWa dan juga Yang Berhormat Menteri Kanan Dato' Seri untuk membentangkan Rang Undang-undang ini untuk mewujudkan satu akademik.

Penubuhan akademik ini akan menghasilkan masyarakat yang berbudaya dan bertamadun. Saya hendak meminta sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri tentang fasal-fasal di dalam Rang Undang-undang ini terutama Fasal nombor 3, kuasa akademik di mana akademik akan menyediakan kursus-kursus.

Saya nak tanya adakah kursus-kursus ini hendak diluluskan oleh LAN atau tidak, kerana akademik ini maka ke tidak pakaian Akta 30, Akta 550 dan Akta 555, adakah kelulusan dan itu dikehendaki. Nombor dua, kursus-kursus yang dikendalikan itu adakah membayangkan kepelbagaian budaya di Malaysia yang mana yang sangat unik dan ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dilaporkan di Berita Harian hari ini.

Nombor dua, saya nak penjelasan tentang Fasal 13(2) di mana Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan Rektor tanpa memberi apa-apa sebab baginya. Saya nak ingin tahu apakah rasional berkenaan dengan kos ini saya takut kalau satu Menteri yang melantik Rektor, yang menteri yang lain itu, bila tukar Menteri, dia tukarkan Rektor.

Nombor tiga, berkenaan Fasal 20, di mana Rektor itu boleh menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan apa-apa sebab baginya menggantung dan membubarkan JPP atau mana-mana badan pelajar yang ditubuhkan di bawah seksyen 19. Saya nak tahu apakah sebab ini, adakah ini selaras dengan era *trend* globalisasi.

Nombor empat, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan larangan pungutan wang oleh pelajar atau pertubuhan badan atau kumpulan pelajar. Ini melarangkan pelajar-pelajar itu mengutip wang, saya ingat kalau pelajar-pelajar nak menjalankan aktiviti-aktiviti dan juga *performances* mungkin mereka mengehendaki minta wang atau memungut wang dari orang awam dan ini dilarang kecuali mendapat kebenaran dari Menteri. Peringkat Menteri itu agak peringat yang agak tinggi, bolehkah kelulusan itu kuasa itu dibagi kepada Rektor lebih sesuai. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, saya jemput Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan juga setinggi tahniah dan terima kasih kepada kementerian kerana akhirnya dapat mewujudkan satu akademik yang memang sudah ditunggu lama dan ini bertepatan juga dengan usaha Kementerian Pelajaran yang sudah pun memulakan penubuhan sekolah-sekolah seni dan kita berharap sekolah seni ini menjadi *feeder* kepada pelajar-pelajar tersebut untuk meneruskan pengajian mereka di akademik ini.

Cuma saya berharap bahawa perancangan yang rapi ini dapat dilaksanakan terutamanya kalau saya ingin menyentuh Perkara 6, iaitu tentang fakulti pusat dan juga Perkara 6, Fakulti Jabatan atau Pusat. Saya harap kementerian akan memastikan bahawa penubuhan-penubuhan fakulti pusat atau jabatan ini hanya berasaskan *priority* ataupun keutamaan terlebih

dahulu bukan nak dibuat semua tetapi difikirkan apa yang menjadi keutamaan dan keperluan kepada kita khususnya dalam memartabatkan soal seni kebudayaan dan warisan ini.

Dan saya sebab itu, saya agak tidak begitu selesa tadi bila disebut tentang pasaran kerja iaitu Tuan Yang di-Pertua, maka pun sebut kerja sebagai PTD dan sebagainya. Sebab saya tidak fikir tujuan akademik ini ialah untuk supaya mereka ini dapat diploma atau sijil kemudian nak bekerja akhirnya bekerja dalam bidang yang lain yang jauh menyimpang daripada apa yang mereka pelajari di akademik ini ataupun apabila dia lulus dalam bidang perfileman tapi akhirnya menjadi Pengurus Penjualan Tiket pula.

Jadi, saya rasa ini yang saya harap bukan tujuannya untuk pasaran kerja, tetapi bagaimana kita nak pertahankan warisan kita ini mempertingkatkan kualiti kebudayaan dan bagaimana sebenarnya ya, kita nak mencungkil lebih banyak lagi warisan-warisan yang mana dalam Akta Warisan yang kita luluskan sebelum ini maksud warisan itu sendiri luas *tangible* dan *intangible* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu saya mengharapkan *priority* ini, mungkin saya boleh memahami keluhan Yang Berhormat Datuk Jins, mungkin dalam perfileman boleh diberikan *priority* juga kerana memang sekarang ini kita kalau nak tengok filem Melayu, kita rasa macam baik tak payah tengok, kita dah tahu dah bila ada filem Melayu memang tak sedap punya, tapi kerana nak berhibur semasa Hari Raya. Sebab itu filem Melayu ini dia keluar pada hari Raya, sebab dia tahu musim Raya masa tu, orang nak pergi panggung wayang. Kalau keluar waktu macam ni, tidak ada. Sebab itu kita tahu, sebab itu perfileman... mungkin itu boleh diberikan perhatian.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau pelajar-pelajar daripada Akademi ini yang mengambil jurusan contohnya kursus dan latihan dalam bidang kebudayaan atau kesenian dan warisan, kalau menjadi *ambassador* atau menjadi wakil kita daripada Kementerian-kementerian *Tourism* (Pelancongan) sebagai contoh dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini sendiri sebagai contoh. Apakah tidak baik? Itu soalnya tadi. Itu saya minta.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Kecuali kalau kursusnya adalah kursus bidang pelancongan...

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itulah.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** ....tapi kalau perfileman ataupun kursus yang diambil ialah dalam bidang teater sebagai contohnya. Kemudian jadi *ambassador* pelancongan, bagi saya tidak sesuai.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat baca dalam muka surat 7, Fasal Clause 3 (3) banyak kursus-kursus dalam Akademi ini. Jadi jangan kita kurangkan atau rendahkan jurang Akademi ini. Itu maksud saya tadi Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya mengatakan bahawa, kursus-kursus yang hendak diperkenalkan ini berikan *priority* nya dari segi matlamat kita, dalam soal warisan, kesenian dan kebudayaan. Kalau fotografi ini saya ingat tempat lain pun ada. Tetapi matlamat kita ini, sebab ini adalah urutan kepada Akta Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang sudah kita luluskan sebelum ini. Sebab itu saya tahu banyak fotografi pun ada, lakon layar pun ada, skrip pun ada. Tetapi saya fikir yang perlu diutamakan ialah *priority*. *Priority* keperluan kepada hendak mempertahankan warisan, seni dan kebudayaan kita.

Itu yang saya maksudkan. Sebab itu barangkali perfileman boleh diambil kira, teater sebagai contohnya. Kita memang kekurangan teater-teater yang berkualiti. Saya tidak tahulah Puteri Gunung Ledang baru-baru ini, sebab saya memang tidak tengok. Tetapi bila saya tengok teater muzikal Datuk Onn, saya rasa semangat saya cukup tinggi sebenarnya. Sebab itu ada unsur-unsur nasionalisme, patriotisme, yang ini kualiti-kualiti teater seperti ini tidak ada dan barangkali dalam bidang artifak. Ini pun kita tidak ada. Tadi ada disebut tentang Kebudayaan Nasional, apa sebenarnya aktiviti-aktiviti Kebudayaan Nasional ini.

Yang tulen, yang perlu dilahirkan oleh Akademi ini dan sebab itu bila ada acara-acara tertentu, kita boleh merujuk kepada Akademi ini sebenarnya, yang menyediakan orang-orang yang terlatih yang mampu memaparkan apakah kesenian kebudayaan nasional itu yang boleh ditunjukkan kepada orang-orang asing. Sebab itu saya kata cari yang menjadi *priority*. Kita difahamkan kita ada macam... saya ada baca surat khabar, disebut di Jitra, di Kubang Pasu itu, katanya di situ terdapatnya kota lama yang sudah terbenam. Barangkali Akademi ini perlu menyediakan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam bidang tersebut, itu yang saya maksudkan.

Dan yang kedua ialah Akademi ini perlu menumpukan kepada kerja-kerja penyelidikan, khususnya mencari warisan-warisan kita yang hampir pupus. Maka Akademi ini menyediakan pelajar-pelajar yang boleh, yang kita latih dan dia mencari kesenian dan warisan kita yang semakin pupus. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau di Johor itu, barongan sebagai contohnya. Barongan hampir pupus, susah dah sekarang ini kalau saya hendak cari untuk buat persembahan barongan, payah dah hendak cari. Dan baru-baru ini, saya dalam merasmikan satu majlis itu, terjumpa orang membuat persembahan kempling. Kempling ini pun sebenarnya itulah kali pertama saya terjumpa, setelah sekian lama benda itu...bagi saya, saya ingat dah pupus dah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kempling itu apa?

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Kempling ini, dia macam hadrah, dia ada kitab yang dibaca dengan lagunya, dengan muziknya, tetapi muziknya itu cukup menarik, cukup lembut. Tetapi saya bimbang, kerana saya melihat orang yang mempersembahkannya itu, semua orang tua-tua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Jadi, apakah hadrah, itu kempling itu datang dari hadrah itu sendiri....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya tidak pasti Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** ....sebab itu mungkin dia orang tidak tahu yang sebenarnya.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya tidak pasti, sebab bukan bidang saya. Kemudian akhir sekali, sebab itu saya minta lima minit sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara yang saya hendak sentuh ini ialah tentang perkara tujuh, yang saya boleh sebutkan di sini ialah melibatkan soal *extension* sebenarnya. Kerja-kerja *extension*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di sini, seperti di Johor ada Yayasan Warisan Johor dan akhirnya Yayasan Warisan Johor ini, semakin lama, semakin berkembang. Kalau kita hendak cari zapin, yang berbagai-bagai zapin itu, semua mereka boleh persembahkan. Dan mereka mempunyai pelatih-pelatih yang boleh pergi ke sekolah menurunkan kepada pelajar-pelajar dan sebagainya supaya benda ini tidak hapus. Dan ini yang saya harap bahawa Akademi boleh melakukan juga kerja-kerja *extension* ini. Supaya semua warisan-warisan kita itu yang cukup banyak sebenarnya, tidak hilang begitu sahaja kerana kita menyediakan pelatih-pelatih yang menyediakan pelapis-pelapis yang berkembang. Dan ini mesti melibatkan semua kaum, budaya-budaya kaum yang lain, yang perlu dipertahankan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, maksudnya saya sebut zapin tadi. Kalau di Johor itu maksudnya kalau pelatih...sebab itu dia bukan tujuan setakat untuk mengeluarkan sijil dan sebagainya, tetapi mereka ini melakukan kerja-kerja *extension* juga. Mereka dijemput mengajar zapin ke sekolah-sekolah, pelbagai zapin. Itu yang saya kata Akademi ini juga harus berperanan sedemikian supaya maksud kita yang kita *define* dengan izin, pengertian warisan itu benar-benar dipenuhi melalui Akademi ini sebagai alat yang sebenarnya melaksanakan apa yang kita luluskan kepada Akta Seni Budaya dan Warisan sebelum ini, itu yang saya maksudkan sebenarnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

### 9.27mlm.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin dan peluang untuk saya membahas. Pendek sahaja Rang Undang-undang yang di hadapan kita ini. Pertama, seperti kawan-kawan saya yang lain juga saya ingin mengucapkan tahniah di atas inisiatif yang diambil oleh kementerian yang dipanggil KeKKWa sekarang ini, kerana saya sebenarnya sudah lama menunggu dan menanti adanya satu institusi yang akan mengembalikan budaya kita yang begitu indah dan cantik yang kini tidak lagi dalam penglihatan kita.

Umpamanya dalam apa yang dikatakan seni. Pertama, seni ialah seni tarian, seni nyanyian, seni lukisan, cara yang kontemporari juga termasuk. Tetapi warisan ialah apa yang

kita turunkan daripada dulu kepada kita sekarang. Ini yang semakin hilang daripada penglihatan kita. Hadrah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, saya kenal, maknanya kita tua-tua sikit ini, kita tahulah. Tetapi yang muda-muda ini tidak dapat menghargai atau menghayati apa yang kita perolehi di masa dahulu yang begitu indah sekali.

Saya teringat kepada satu peristiwa di mana kawan-kawan dan sahabat daripada luar negara datang melihat satu program majlis pelancongan dan seperti biasa, ini sesuatu yang memang saya memang tidak setuju. Tarian-tarian yang ditunjukkan adalah tarian-tarian yang sudah pun menjadi tarian campuran. Ini memang baik dalam erti kata kita hendak membudayakan budaya-budaya yang *multi-culture* di negara itu dalam satu bentuk tarian. Tetapi yang aslinya, tarian lilin yang begitu lemah-lembut dan cantik dah tidak ada, tarian zapin yang kita tahu dan pelajari dulu tidak ada. Maka kalau pun kita hendak mempersembahkan sesuatu tarian yang menunjukkan budaya *multi-culture* kita di sini, tidak apa. Tetapi sebagai *grown finale* mungkin. Tetapi permulaannya yang hendak kita persembahkan ialah keaslian tarian kita yang kita warisi.

Ini saya merasa keluhan keriangannya sebenarnya kerana *finally* (akhirnya) kita akan membawa kembali tarian-tarian asli dari bentuk yang sememangnya kita warisi akan dihidupkan semula. Termasuklah tarian-tarian daripada kaum-kaum asing. Pisahkan keaslian itu, kita pisahkan, kemudian hendak tunjukkan kita punya budaya yang harmoni dan kesamaan dalam semangat penduduk yang majmuk, *okay*, tetapi yang asli itu harus kita pertengahan terlebih dahulu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat di sini bahawa kurikulum atau pun *syllabus* yang hendak kita tentukan diberikan kepada Lembaga Pengajian. Saya ingin menanya dengan Yang Berhormat Menteri di sini sama ada kita masih ada mereka-mereka yang dapat membentuk standard yang sebaik mungkin. Maknanya setengah daripada kebudayaan dan tarian dan seni yang kita warisi sudah pun seperti yang dipercakapkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, sudah pun semakin pupus. Masih adakah mereka ini yang mempunyai kepakaran untuk membentuk standard yang sebaik mungkin. Standard yang dekat dengan asal kesenian yang kita warisi. Ini yang saya khuatiri, dan penyelidikan harus dilakukan seperti yang Yang Berhormat Dr. Haji Puad sebutkan tadi, tetapi kita harus, sebab perkara yang kita hendak bentangkan di sini dalam pengajian adalah sesuatu yang amat luas sekali, tetapi kita *priorities*. *Priority*nya adalah dua pada saya, pertama ialah menghidupkan semula apa yang cantik dan indah dalam kesenian yang kita warisi. Kedua, mengenal pasti kesenian yang dapat menghidupkan satu budaya menyayangkan kesenian itu sendiri, *appreciation of the performing art*, dengan izin umpamanya.

Kalaulah kita tidak bersetuju bahawa akademi ini membentuk mereka-mereka yang akan memasuk dalam pasaran pekerjaan, ini juga satu hakikat yang kita tidak boleh ketepikan, mungkin tidak *priority*, tetapi juga satu pendekatan yang harus kita lihat. Maknanya di sini kalau

di Amerika Syarikat dan di *England* sekali, *performing art* itu, adalah satu industri yang besar, maka kita juga harus menjadikan ia, industri yang mempunyai kualiti yang tinggi yang akan membentuk pekerjaan, bukan kita keluar mencari pekerjaan di pasaran, tetapi kita *create*, kita yang mewujudkan pekerjaan oleh kerana kita akan meningkatkan apa yang dikatakan *interest* minat dalam industri yang sedemikian rupa.

Saya juga ingin menanya bahawa, apakah yang akan terjadi kepada bangsawan, sebab pada saya bangsawan itu juga adalah seni dan budaya warisan kita, sebab dulu masa saya kecil memang saya minat dengan bangsawan. Sebab dia ada unsur-unsur *didactic* juga, pengajaran kepada anak-anak, dan ini satu yang saya rasa jangan kita ketepikan, kalau bolehlah kita hidup kembali bangsawan supaya biarlah anak-anak dan bakal cucu-cucu saya akan mengenalinya. Sebab ini sesuatu yang saya rasa tidak harus hilang begitu sahaja.

Saya ingin mengalih kepada seni lukisan, kontemporari dan bukan kontemporari. Sebab saya rasa Yang Berhormat Menteri mengetahui tentang hal ini. Bahawasanya pelukis-pelukis kita di antara yang amat diminati dan mendapat penghargaan yang setinggi mungkin di negara ini, bukan di negara ini tetapi di Australia dan di Jepun. Ada di antara mereka segala keluaran mereka dan *their work of art* orang tunggu berbaris untuk mendapatkannya, setinggi harga yang dapat ditentukan. Tetapi tidak begitu dihargai oleh warganegara kita sendiri. Saya harap akademi ini, akan dapat memberi...

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Akan dapat mempromosi dan memberi nilai yang setingginya kepada mereka-mereka Ahli Seni ini di negara kita sendiri. Akhirnya saya ingin merujuk kepada, satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah segala *syllabus* dan kurikulum yang hendak diperkenalkan, kalau di negara-negara luar negara, ianya adalah diletakkan di universiti sendiri, di pengajian tinggi dan mereka juga pergi sehinggalah kepada tingkat PhD, *Find Arts*, pengarah dan lakonan juga adalah satu subjek yang diambil di universiti, maknanya bahagian akademi itu juga adalah sesuatu yang penting. Kalau kita lihat pelakon-pelakon di luar negara kalau diajukan apa sahaja soalan kepada mereka, mereka dengan petah dapat menjawab segala isu semasa dan lain-lainnya dengan begitu bijak sekali. Ini pada saya ialah satu pemindaan minda yang baik, satu pendekatan yang baik, untuk menunjukkan bahawa pelakon-pelakon kita, artis-artis kita itu, bukan sahaja cantik, tetapi juga bijak dan pandai. Ini satu kualiti yang harus kita tanam di dalam artis-artis kita dan pelakon-pelakon kita supaya mereka dihargai dengan lebih lagi secara kualiti yang kita semua anggap sebagai kualiti.

Dan Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya setelah sijil, diploma dan ijazah, adakah akreditasi itu dilakukan oleh akademi sendiri atau pun LAN diambil kira dalam soal ini. Tadi kita berbahas tentang satu Rang Undang-undang di mana LAN itu sudah pun diketepikan,

tidak dianggap sebagai wajar dan relevan dalam sesetengah perkara, terutama sekali pemberian akreditasi diploma dan lanjutan. Adakah perkara yang sama akan berlaku di bawah akademi ini, dan kalau begitu apakah keistimewaan atau pun perbezaan dan garis perbezaan yang akan kita perolehi di antara ijazah yang akan dikeluarkan dan diploma yang dikeluarkan oleh kementerian dengan apa yang sudah pun diperuntukkan oleh LAN.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada bahagian kewangan, bahagian enam, kewangan akademi terutama sekali Fasal 29 di mana ianya memperuntukkan bahawa untuk membolehkan akademi membuat pelaburan, adakah satu lembaga pelaburan khusus untuk menganalisa atau membuat *assessment* terhadap tiap-tiap satu pelaburan daripada sumber kewangan diperolehi oleh akademi ini akan ditubuhkan. Oleh kerana saya rasa pelaburan untuk mendatangkan sesuatu faedah yang bertambahan kepada pelaburan harus dilakukan oleh mereka yang memahami tentang soal pelaburan itu sendiri. Dan apakah jenis pelaburan yang akan dikenal pasti yang dianggapkan sebagai halal di bawah akademi ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua itu sahaja dan saya harap akan mendapat penjelasan dan keterangan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri, kalau sekiranya kita bertanyakan sesuatu dari aspek untuk mendapatkan penjelasan dan lain-lain ini bukan bermakna kita tidak bersetuju Tuan Yang di-Pertua dan saya juga seperti rakan saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, teguran kami kalau pun ada bukan untuk mengkritik, bukan untuk menunjukkan bahawa kami tidak memahami apa yang di hadapan kami, tetapi ialah hanya untuk memberi pandangan mungkin yang berlainan, dan di sini kita mengharapkan dan kami percaya Yang Berhormat Menteri bukanlah sedemikian sikapnya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk bahas dalam usul Rang-Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006. Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya, mengucapkan syabas dan tahniah dan terima kasih kepada kementerian yang telah bercadang untuk menubuhkan satu akademi bagi Ahli-ahli Seni dan pelajar-pelajar yang berminat dalam jurusan seni.

Untuk membolehkan mereka melanjutkan pengetahuan dan bakat mereka serta mengisytiharkan mereka. Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa sebanyak 20 jenis pelajaran akan diajar bagi mereka yang berminat.

Saya bercadang bahawa kursus-kursus ini menggambarkan pelbagai seni budaya yang wujud dan dipraktikkan dalam negara ini oleh masyarakat yang berbilang etnik. Saya percaya fahaman budaya berbilang kaum oleh seluruh lapisan masyarakat boleh memperkukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian dan membantu dalam integrasi nasional. Oleh itu saya juga percaya bahawa mata-mata pelajaran seperti Baratnatyam Ramayana, juga boleh dimasuki

dalam fakulti dan kursus-kursus supaya masyarakat berbilang kaum ini boleh memahami dan juga menurut bersama dengan nilai-nilai budaya dan seni berbilang kaum. Dengan beberapa cadangan ini, saya turut menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ingin berbahas. Kalau tidak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### **9.41mlm.**

**Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Alhamdulillah Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, terima kasih penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian menyokong agar Rang Undang-undang ini diluluskan dan diberi jua pandangan-pandangan sampingan terhadap bagaimana ia harus menjadi lebih berkesan dan menyumbang kepada penubuhan masyarakat Malaysia yang berpotensi.

Perbahasan-perbahasan, saya dapati adalah kesemuanya menyokong dan seperti biasa teguran-teguran yang telah disampaikan itu, kesemuanya jua tidak ada yang menyinggung ataupun yang merendahkan apa-apa martabat seseorang ataupun dari segi perundangan itu sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Datuk Dr. Jins Shamsudin, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, Yang Berhormat Datuk Dr. Norraesah bin Mohamad, Yang Berhormat Dato' Abdul Rashid bin Ngah, Yang Berhormat Encik Lee Sing Chooi, dan yang akhir Yang Berhormat Munusamy Marimuthu. Sementara kita melihat undang-undang ini, kita harus berhadapan dengan satu kenyataan iaitu perlumbaan tamadun di Malaysia adalah sesuatu yang terlalu diasaskan kepada tamadun kebendaan, tamadun pembangunan dan tamadun perlumbaan bagaimana 'aku boleh dapat sesuatu' dalam *parenthesis* dengan izin. Sama ada menerusi pelajaran atau menerusi latihan pembinaan pekan baru, jalan raya, mahupun pembinaan-pembinaan institusi, jarang sekali ditekankan tentang pengisian penjiwaannya. Sebab maksud itu ditekankan sedemikian, lantaran apa yang telah kita terima dalam tempoh setengah kurun ini adalah hasil daripada isme ataupun falsafah yang sedemikian.

Jadi saya cuba menjawab soalan-soalan ini berasaskan kepada suasana yang telah wujud sedemikian rupa. Awal-awal lagi, harus saya nyatakan juga seperti yang pernah saya jawabkan semasa Rang Undang-undang ini dibentangkan di Dewan Rakyat, iaitu akademi ini tidak dapat memberi jawapan kepada semua yang dirisaukan oleh para *legislative* atau anggota *legislative* kita. Jawapannya berada dan kenalah diberi oleh pihak-pihak yang di luar akademi ini. Akademi ini semata-mata untuk diwujudkan bagi menyumbangkan kepada seni budaya dan

warisan tanah air, dan tidak lebih daripada itu. Oleh yang demikian, jika nak dipikul sesuatu beban, ia haruslah dipikul mengikut apa yang harus terpikul oleh bahu akademi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mukadimah seperti itu, izinkan saya cuba menjawab beberapa *query* atau persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat agar akademi ini berada jua hendaknya dalam pemikiran kita pada masa-masa akan datang agar diberi bantuan dan bimbingan bersama seolah-olah ia merupakan institusi kita sendiri, selain daripada sekolah, maktab atau universiti kita yang lain. Pemahaman yang dipersoalkan dan juga cara kita menjawabnya tentu tidak semuanya selesai pada malam ini memandangkan jam sudah larut masanya, dan masa itu adalah keemasan seperti yang kita maklum. Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin mempersoalkan banyak hal, tetapi soalan yang sebenarnya bolehlah kita rumus seperti berikut:-

- (i) Berkaitan dengan pawagam atau panggung wayang yang dirisaukan itu. Beliau menyangka bahawa pawagam merupakan punca bagi kita dan kemudahan bagi kita menayangkan filem, justeru harus diperbanyak oleh UDA dan dilihat semula pembangunannya menerusi kaca mata bagaimana wayang kita boleh ditayangkan di bandar-bandar, di pekan-pekan dan juga di kawasan-kawasan yang hendak dibangunkan. Mengadakan panggung wayang sahaja tidaklah sesuatu yang dapat kita pastikan sebagai menjawab soalnya. Yang penting ialah, cerita yang kita hendak sumbang itu haruslah merupakan cerita yang menembusi prejudis dan diterima oleh masyarakat sebagai sangat menarik dan boleh diketengahkan. Jika cerita wayang kita tidak menarik, orang tidak akan lihat dan tonton dan sekiranya kita bina panggung wayangpun, mereka akan gunakan bilik kecil dan boleh menayangkan bahan-bahan digital daripada filem kita. Justeru, mungkin panggung wayang atau pawagam itu sendiri bukan jawapannya kepada masa hadapan perfileman tanah air kita. Tetapi, cadangan untuk mewujudkan kemudahan ini sangat baik dan harus kita terima oleh sebab pawagam tidak perlu besar pada masa ini. Jika boleh, meletakkan atau menempatkan 100 ke 150 atau 200 orang pun sudah dikira sebagai memuaskan.
- (ii) Tetapi berbalik kepada soal jenis filem bagaimana harus kita keluarkan. Ini adalah persoalan yang amat berat, dan ia harus dijawab sendiri oleh sektor yang melahirkan filem itu dan oleh mereka yang menonton filem kita. Satu, ialah hadangan bahas. Ramai pihak menyatakan, semasa P.Ramlee dahulu, mewujudkan filem-filem menariknya seperti 'Bujang Lapok', 'Semerah Padi', 'Ibu Mertuaku' dan lain-lain. Pada masa itu, pengaruh digital tidak ada. Pengaruh televisyen terhad hitam, putih. Maka Shaw Brothers menerusi panggung-panggung Rex, Pavillion dan sebagainya, termasuk Plaza dan sebutlah yang lain, dapat memonopoli pandangan dan jurusan industri tersebut. Tetapi,

keadaan itu sekarang sudah berbeda. Mereka sekarang, yakni penonton, ingin melihat tema ceritanya dan teknik penyampaiannya secara *sophisticated* dengan izin. Jika kedua-dua elemen ini tidak ada pada filem itu, filem itu akan gagal. Sebaliknya, jika filem itu kisahnya tak seberapa, tetapi cara kaedah dan tekniknya menarik, mungkin juga orang melihat. Dalam keadaan sedemikianlah, maka kita dapati ½ juta orang penonton di Malaysia sering menghitamputihkan masa depan sesuatu filem itu. Oleh sebab filem merupakan salah satu daripada tajuk yang kita sajikan dalam pengajian akademi ini, tentunya ia merupakan industri kreatif yang utama yang harus kita beri pemikiran.

- (iii) Tetapi akademi ini bukanlah bersandar hanya kepada filem. Filem merupakan salah satu daripada tanggung jawab KeKKWa atau Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya suka menyatakan tajuk-tajuknya ialah kebudayaan, kraf tangan, filem, arkib, muzium, perpustakaan, seni tampak, ASK yang lama, warisan dan istana budaya. Kesepuluh-sepuluh aspek ini memberi penajaan kepada roh kehidupan kita yang harus kita anggap sebagai pelengkap kepada kehidupan kita daripada yang yang fizikal kepada yang biasa kita ingin wujudkan menerusi tontotan dan juga menerusi penghayatan ilmu serta nilai hidup kita sendiri. Tentang filem jua, walaupun saya tidak wajar agaknya menghabiskan begitu banyak dalam soal filem, FINAS alhamdulillah telah diperuntukkan tidak kurang dari RM40 juta dan kita akan gunakan wang ini bagi mewujudkan peralatan pasca produksi atau *post production* dengan izin.

Tendernya sedang dikelolakan dan insya-Allah kita akan dirikan dalam kawasan FINAS sekarang. Kemudahan ini bagi semua pembikin filem kita yang inginkan alat-alat serta kelengkapan-kelengkapan moden bagi memproses filem mereka terutama menerusi digital dan akan dapat nanti insya-Allah mengadakan produk tayangan mereka yang setanding dengan apa yang dizahirkan di Filipina, di Thailand, di Australia dan di kawasan-kawasan atau negara-negara lain.

Keadaan ini mestilah diterima sebagai satu permulaan tetapi filem-filem barat, filem-filem *bollywood* oleh kerana mereka sudah meneroka dalam dunia filem sedemikian lama dan psike atau pemikiran mereka yang pergi menonton filem sudah terpacak dengan nilai-nilai serta jalan cerita yang tertentu filem ini akan terus mendapat perhatian dan penerimaan. Namun pembikin filem tanah air jangan patah semangat. Kita perlu berjuang terus dan menimba ilham daripada pembangunan yang ada dan memperbaiki keadaan kita.

Disoal lagi, DKK sebenarnya bagaimana? Iaitu Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diwujudkan semenjak tahun 1971 terbahagi dua. Satu inskripsinya ialah bahawa dasar ini adalah dasar memperdanakan budaya yang wujud menerusi

masyarakat asas di Malaysia tetapi budaya pelbagai kaum yang sesuai membangunkan Malaysia dipakai terus. Dengan yang demikian, adunan kedua-dua nilai budaya itu iaitu arus perdananya dan arus yang diadakan menerusi komuniti Malaysia kita mesti kita jelaskan dan terima sebagai asas mewujudkan nilai budaya di tanah air.

Saya yakin iaitu dengan adanya pelbagai kemudahan yang kita akan wujudkan di bawah Akta ini sebanyak-sedikit akan meringankan beban pembikin filem, akan memberi galakan kepada pencinta seni, budaya dan seterusnya meletakkan batu asas yang jelas kepada latihan mewujudkan sektor warisan kita di tanah air. Tuan Yang di-Pertua, menganugerahkan sama ada PhD ataupun lain-lain adalah biasa kepada sesuatu institusi tetapi institusi pengajian tinggi yang nanti akan diwakili oleh akademi ini harus kita hati-hati iaitu sesuai dengan pandangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi tadi, ianya harus jangan ditokok-tambah sehingga badan ini terlalu berat dengan akademiknya. Ia perlu digandingkan antara akademik dengan *practicality* atau yang boleh kita laksanakan.

Graduan kita mesti laku dalam pasaran *creative industry* (industri kreatif) yang bijak menulis secara kreatif, harus boleh menulis jurnalis yang hebat, penulis buku yang terkenal waima seperti 'Pramudianan Tatur' dan lain-lain, boleh lahirkan Hamka, boleh lahirkan Keris Mas dan sebagainya. Mereka yang berkebolehan dalam perfileman perlu terus tinggi melonjak pencapaiannya agar apa yang kita sangsikan kenapa orang sana boleh buat filem lebih hebat daripada kita misalnya atau sangsi yang berbunyi kami tidak dapat pungutan harga tiket seperti yang ada pada filem-filem lain misalnya. Itu kita ketepikan sekejap. Graduan-graduan akademi ini perlu mengisi keperluan pasaran di Malaysia dan pasaran ini besar. Sebagai pendidik budaya, sebagai penari hebat, sebagai koreografer, sebagai pelukis, penulis, sebagai pengkritik filem, sebagai mereka yang berjinak-jinak dalam subjek arkib, muzium, perpustakaan, seni tampak dan sebagainya.

Hal yang hendak kita tegaskan di sini ialah ramai pihak anak-anak kita yang hendak belajar secara mendalam dalam subjek ini tetapi tidak ada sekolahnya, tidak ada tempat akademik yang hendak menjuruskan kebolehan mereka. Maka terpadamlah *talent* ataupun bakat mereka. Kita harus bandingkan balik iaitu Allahyarham P.Ramlee ataupun termasuk Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin sendiri yang berbakat dalam bidang ini masih tidak boleh dikatakan telah terlalu lewat. Allahyarham P.Ramlee mungkin tidak bersama kita lagi. Beliau telah melatih dirinya dalam keadaan yang susah, dalam situasi yang tidak ada bandingan pada masa ini. tetapi Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin masih bersama kita. Tunjukkanlah apa yang telah kita perolehi dalam pengalaman dan jadikanlah FINAS itu sebagai batu gilapan dan loncatan kita. Setelah dapat kita adakan kemudahan-kemudahan yang perlu kita sajikan di sini.

Tentang *special effects* dan sebagainya itu ini biasa. Kita tidak lagi akan meletakkan keperluan kita kepada satu bab sahaja tetapi kita akan belajar bagaimana orang-orang di barat

membuat filem dan cara mereka mewujudkan kesan-kesan yang perlu bagi kita. Tetapi tidak perlu bagi kita menyatakan bahawa kita tidak mahu belajar asalkan ada mereka yang berkemampuan datang ke Malaysia bertukar-tukar kepakaran kita akan dapat jua hendaknya menjadi pengeluar filem yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah tergolong kepada mereka yang memperkecil-kecilkan Senator atau rakan-rakan saya di Dewan tetapi saya berasa terharu apabila Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menyatakan tadi bahawa ada pihak yang memperkecil-kecilkan Ahli Yang Berhormat kononnya tidak baca itu atau tidak baca ini. Dalam Rang Undang-undang saya ini, saya anggap semua sudah baca cuma realitinya ialah tidak ada seorang pun akan faham semua yang tercatat dalam ini. Waima penasihat undang-undang sendiri pun terlupa kadangkala. Jadi kita memang tidak lari dan tidak bebas daripada kelemahan-kelemahan tersebut. Namun menyebutkan di sini kalau ada rakan-rakan saya yang menyebut, saya pohon maaf dan saya akan beritahu beliau lain kali berbudi bahasa. *[Tepuk]*

Tentang pandangan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad terima kasih oleh kerana kita pun nampaknya mempunyai pandangan yang sama bagi cadangan-cadangan yang perlu kita kemukakan. Soalan pertama berapakah sasaran pelajar RMK-9 yang perlu. Kita menganggarkan iaitu industri kreatif ini luas. Bak kata selalu yang dinyatakan;

*“membilang dari satu,  
bertanya khabar dengan salam,  
kalau dilipat sekecil kuku,  
kalau di bentang seluas alam.”*

Jadi seni budaya dan warisan ini cukup luas. Oleh itu, kita tidak dapat menganggar semua kehendak majikan. Namun demikian, dalam sektor pembukuan pasaran pembikinan filem, teater, lukisan serta penerbitan-penerbitan yang berada di kesepuluh jurusan tadi tidak kurang dari 300 orang setahun diperlukan oleh pihak-pihak tertentu sebagai pelaku, penasihat, pengeluar atau mereka yang kita anggap sebagai *catalyst* dalam industri tersebut.

Jadi, kami akan cuba melatih mereka yang tidak terlalu lebih daripada apa yang dipohon oleh industri. Industri ini bergantung pada nilai, dan nilai bergantung pada mutu kisah cerita penceritaan dan keindahannya seperti keindahan yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah tadi. Jika benda itu cantik, indah, sedap didengar kalau muzik ia dibeli orang, tetapi sebaliknya kita tidak akan dapat memberi sumbangan dan tidak dapat mewujudkan produk yang kita perlukan.

Kedua, Yang Berhormat menanyakan strategi antarabangsa tentang pelajar-pelajar. Saya suka menjelaskan bahawa strategi ialah bagi mengadunkan tenaga pengajar di akademi ini yang terdiri dari pelbagai pihak tetapi mereka hendaklah pakar dalam praktis atau dalam amalan mereka. Jika koreografi yang kita tekankan, koreografer itu hendaklah faham bagaimana tarian-

tarian tradisi yang hendak diwujudkan. Tarian-tarian yang asli yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah tadi daripada yang ditiru-tiru atau yang di lonjak-lonjak untuk cuma menaikkan komersialisme dalam pasaran. Jadi, pelajar-pelajar dari luar pun boleh kita terima tetapi yang penting ialah pengajar-pengajar dari luar pun perlu kita adakan dalam akademi ini dan kita akan adunkan tenaga tersebut supaya Akademi Seni Budaya dan Warisan ini menjana kepakaran dalam bidang yang kita tunggu-tunggu.

Ketiga ialah mengenai pelajar-pelajar yang harus ada latar belakang di sekolah bagaimana yang hendak kita terima. Kementerian Pelajaran sudah pun menggariskan iaitu sekolah-sekolah seni hendak diwujudkan, pengumuman telah pun dibuat. Kami akan mengambil anak-anak ini jika graduan-graduan di situ ataupun mereka yang telah sampai ke perenggan yang sesuai untuk dijadikan sebagai pengikut kursus-kursus di akademi. Sama ada di perenggan sijil ataupun di perenggan maktab ataupun di perenggan universiti, kita akan tentukan kemudian menurut Lembaga Akademi yang kita wujudkan di bawah akta ini.

Tentang kekuatan pelbagai kaum, memang menjadi tuntutan kita. Ini juga menjawab sekali gus pandangan dari Yang Berhormat Lee Sing Chooi dan juga daripada Yang Berhormat Datuk Yaakob sendiri. Sekiranya kita di Malaysia tidak lagi menerima hakikat bahawa satu-satu kaum tidak boleh wujud dengan sendirinya saya fikir kita sudah terlewat. Kita mesti terima hakikat bahawa dasar kebudayaan yang ada di tanah air mesti ada segmen interaksinya dan diwujudkan infrastruktur ataupun kemudahan asas baginya untuk berkembang. Jika itu tidak dicerminkan dalam akademi ini, maka saya sendiri menganggap ini satu cadangan yang gagal. Boleh saya menyatakan di sini, misalnya, pengambilan anak-anak ataupun mereka yang belajar tidak kurang hendaknya menepati dasar yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya sempat menyatakan tadi iaitu Bab 23 Buku Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sedia mengandungi pandangan-pandangan resmi kerajaan. Kita akan ikut itu dan tidak ada kaum yang akan kita ketepikan dalam soal ini. Misalnya kalau kita bandingkan dalam dasar penglibatan bumiputera dari segi ekonomi 30% sekurang-kurangnya bumiputera dikatakan perlu wujud dalam segmen tersebut untuk mendapatkan bahan kapital ataupun modal dan juga pemilikan saham. Dalam hal ini pun sedemikian. Tetapi ia harus diterbalikkan iaitu bukan bumiputera, kita mempunyai visi sekurang-kurangnya mesti ada 30% juga dalam akademi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masih menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi, kami cuba akan mewujudkan produk-produk KeKKWa ini sesuai untuk melunakkan masyarakat Malaysia di samping itu mewujudkan masyarakat yang cintakan seni budaya dan produk yang disebut sebagai industri kreatif tadi hendaknya melingkungi kehidupan kita supaya industri tersebut wujud dengan kebolehan dan juga keemasannya sendiri.

Yang Berhormat Lee Sing Chooi - mengenai kuasa-kuasa tadi, beliau telah mengemukakan apakah LAN, lembaga yang dikaitkan dengan Akreditasi Nasional dilibatkan. Sesungguhnya kami bekerja rapat, tidak boleh lari daripada itu. Misalnya 90 jam kredit perlu wujud bagi kita untuk mendapatkan diploma, 100 - 120 jam bagi kursus ijazah, kita tidak lari daripada kehendak itu. Malah kita akan berunding dengan LAN bagaimana boleh misalnya, pengawasan yang lebih ketara tetapi objektif dilakukan oleh akademi ini. Tentang kuasa menteri menamatkan khidmat rektor ini, bak kata orang, kalau kita mimpi jahat, jahatlah temanya. Tetapi kalau mimpi baik senyumlah jadinya. Saya harap tidak ada rektor yang jahat boleh dihentikan tetapi mungkin suatu masa kuasa ini terpaksa digunakan oleh menteri jika rektor misalnya tidak mengawasi ataupun menjalankan kegiatan-kegiatan politik yang tidak menguntungkan akademi, beliau harus berhenti.

Atas soalan 13(2), kenapa menteri ada kuasa ini, biar saya beri perbandingan. Misalnya di bawah perkara 43, Perlembagaan Malaysia, menteri itu sendiri boleh berhenti bila-bila oleh Perdana Menteri. Kalau menteri boleh berhenti bila-bila, apalah pula rektor. Rektor pun bolehlah berhenti apabila sudah tidak lagi sesuai dengan sistem yang ada di dalam akademi tersebut. Itulah rasionalnya, tidak ada lebih daripada itu. Tentu sekali menteri selepas saya, yang mengambil tugas di kementerian ini haruslah berhati-hati jika tidak Perdana Menteri akan menghembus liang telinga beliau sendiri.

Selepas itu kita pergi kepada larangan pungutan wang pelajar, kenapa rektor tidak diberi kuasa. Sebenarnya di bawah undang-undang yang ada di bawah akta ini boleh belaka diserahkan kuasa tersebut dan saya beri contoh di bawah Fasal 22(4) dan di bawah Fasal 34 boleh belaka diberi penurunan kuasa oleh menteri pada bila-bila masa dan ini tidak menjadi masalah kepada susunannya.

Tentang pandangan Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad, insya-Allah pelaburan akademi, jangan khuatir iaitu di bawah Fasal 29 itu kami akan berhati-hati iaitu antara Menteri Kewangan dan menteri berkenaan, ada dua menteri di situ berunding. Jadi, kalau sudah kedua-dua berunding tentulah jawatankuasa pelaburan jika diwujudkan perlulah terdiri daripada anggota atau warga yang paling cekal dalam menentukan kewangan akademi tersebut. Soalannya kenapa dua orang pihak menentukan? Jawabnya ialah lebih baik Menteri Kewangan dan Menteri Kebudayaan masa ini atau masa akan datang berunding di atas pelaburan tersebut. Tentu sekali mereka yang bertauliah, yang mempunyai latar belakang yang baik, menentukan nasib kewangan akademi ini dan tidak sekali-kali kita menduga ia akan disalahgunakan.

Tentang bangsawan, ini soalan yang sangat kena pada masanya. Kementerian sedang membuat promosi sekarang dan tidak lama lagi akan mengadakan pementasan di Panggung H S Lee dan juga insya-Allah di bawa ke negeri-negeri bagi mempopularkan semula bangsawan yang kita anggap salah satu daripada tunjang kebudayaan pementasan kita.

Tentang seni lukis dan pelukis-pelukis yang laku itu, kami tidak ada halangan sekiranya pelukis-pelukis itu diberi peluang untuk mempamerkan karya di Balai Seni Lukis dan di samping itu juga kami akan membawa contoh-contoh lukisan kontemporari yang tinggi nilainya untuk kita serlahkan di negeri-negeri dan juga di peluang-peluang pertunjukan seni lukis di mana sahaja diadakan malah ke Singapura pun ada kita bawa dan juga kepada kawasan-kawasan yang memerlukan perbandingan serantau.

Jawi - sekarang saya sentuh skrip ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan juga Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin. Ringkaslah saya jawab. Apabila kami mendapati penerbitan Utusan Melayu mulai dihentikan pada 29 Januari tahun ini, satu perasaan timbul dalam kementerian iaitu tidak akanlah orang Melayu sendiri yang telah bangkit dengan perjuangan sama ada menerusi UMNO atau menerusi parti-parti yang telah berjasa tidak memberi balik pengiktirafan kepada skrip jawi. Tapi itu persoalan sentimen, bukan persoalan berbentuk objektif. Objektifnya ialah sebabnya jawi itu tidak popular ialah kerana sistem pendidikan dan jarang orang mahu menerima hakikat ini.

Di dalam sistem pendidikan jawi itu tidak premium dalam satu tempoh yang panjang. Mungkin saya akan dikatakan kenapa Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebut itu. Saya selalu menyebut perkara yang benar dan kebenarannya ialah dalam sistem itu tidak ada elemen yang menyerlahkan jawi untuk dijadikan popular. Benar UMNO sudah naik, nasionalisme perjuangan kita naik menerusi jawi dan kita membaca sejarah Melayu dalam jawi, "*Sulalat al-Salatin*" dalam jawi tetapi tidak dipopularkan sebagai skrip yang digunakan oleh Mandarin atau yang digunakan oleh bahasa Tamil misalnya.

Jadi sebab itulah kami berasa kalau tidak diapungkan balik jawi terus hilang. Rakan kita dalam Kementerian Pelajaran berasa sedemikian. Dengan pengajaran J-QAF kita popularkan tetapi terhad dalam keadaan sedemikian. Oleh itu, kita sisipkan dahulu dan sisipan ini ada pihak menyatakan kenapa tidak terus dijual berasingan. Kita tegaklah dahulu balik kemudian baru berlari. Kita tidak boleh terus berlari sebelum tegak. Jadi kita ingin kukuh dahulu dan dengan sambutan yang ada di pelbagai negeri termasuk di negeri Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah sendiri dan juga di negeri saya, di Melaka dan lain-lain harapkan tulisan jawi popular kembali menerusi pembacaan dan kita jadikan ia skrip budaya terus-menerus.

Tentang masalah bagaimana ia harus kekal atau tidak ini terserah kepada orang Melayu sendiri. Tidak ada orang lain boleh menyatakan sedemikian. Yang terbesar ialah ia menjadi skrip yang terus diterima pakai dan kami di kementerian akan mempopularkannya. Akademi insya-Allah akan mengandungi subjek yang boleh menggalakkan pengajaran dan pembudayaan jawi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa merupakan *constraint* seperti yang saya sebut tadi secara ringkas ingin saya buat reaksi kepada beberapa pandangan yang masih saya anggap penting kita beri layanannya iaitu akreditasi yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato'

Dr. Norraesah binti Mohamad telah saya jawab sebahagiannya dan kami tidak akan lari daripada tanggungjawab tersebut tetapi kami akan wujudkan penilai kepada Akademi ini dan penilai-penilai itu akan kami ambil pandangan mereka agar produk kita sentiasa berada di tahap yang penting dan laku di kalangan masyarakat.

Mengenai kurikulum mesti ada pembentuk kepakaran. Inilah selaras dengan pandangan kami. Masa ini tidak ramai lagi yang ada yang boleh mewujudkan tanda aras atau *benchmark* kepada sesuatu produk. Misalnya Encik Ashaari Ahmad di Kelantan yang pakar dalam makyung, beliau tinggal seorang. Puan Khatijah sudah tidak ada lagi bersama kita. Pak Mat Baju Merah, beliau pun sudah tidak ada dalam wayang kulit. Kepada siapa kita hendak pergi. Tinggallah seorang yang bernama Encik Mohamad di Kelantan dan kita akan panggil Encik Mohamad balik yang berkampung di Kampung Pokok Kelapa dan kita akan gunakan pakar-pakar yang ada di Kelantan dan di Terengganu dalam wayang kulit. Tetapi dalam bidang-bidang lain kami akan terus mengurus tenaga dan mengurus akademik dengan mereka supaya tahap pengajaran di akademi ini sentiasa tinggi dan di mercu yang diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekarang pergi kepada keraguan yang timbul di dalam pemerhatian Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Kata beliau nama seni, budaya dan warisan ini tidak berapa kena. Tapi itu saya tidak hiraulah. Kami pun sudah berbincang panjang tentang tajuk ini. Sama ada seni mewakili budaya atau budaya mewakili seni. Ini macam yang mana dahulu, anak ayam atau telur. Ini akademik sebenarnya. Tetapi seni budaya sering disebut orang. Seni budaya merangkul *the arts and culture*. Jadi kita ambil itu. Apa yang dizahirkan menerusi seni budaya adalah warisan. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad tadi, warisan yang diwariskan kepada kita yang bernilai, yang tinggi, yang indah kita ambil itu sebagai imbasan. Jadi nama seni, budaya dan warisan ini, kementerian atau KeKKWa hendak cadangkan sebagai kemudian sebagai ASWARA misalnya atau Akademi ASWARA. Tapi itu hal yang tidak penting sangat saya bincang di sini. Lebih baik saya tekankan tentang apa kita hendak buat dengan Akademi ini sama ada budaya kita akan melonjak, seni kita akan tinggi nilai atau warisan kita dapat diapungkan semula supaya kita megah bersama.

Misalnya di Sabah, lebih kurang 12 suku kaum. Tidak ada seorang pun daripada pelajar kita di tanah air yang mengkaji membuat fotografi mengenainya dan memperlihatkan dalam penerbitan untuk dunia luar melainkan mereka datang ke Sabah dan Sarawak untuk pelancongan. Mereka datang, mereka pulang. Tapi siapa sebenarnya Murut? Siapa sebenarnya orang-orang yang tinggal di rumah panjang itu? Kita sendiri tidak mendokumentasikannya. Inilah kerja Akademi ini supaya tahu siapa kita, ke mana kita hendak pergi dan bagaimana kita boleh berdentum dan berdentam dengan bangsa-bangsa yang tinggi budayanya seperti di Eropah, di China dan lain-lain. Saya teringat dengan Akta Warisan tahun 2005 yang diluluskan oleh Dewan. Di situ ada satu peruntukan di mana kita beri manusia sendiri

boleh dianggap sebagai warisan. Dahulu tidak boleh, sekarang sudah boleh. Jadi pejuang-pejuang seni misalnya satu hari sudah boleh dianggap sebagai warisan kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan-soalan yang tidak sempat saya sebut secara khusus saya pohon maaf tetapi sebelum berundur saya berjanjilah menyatakan iaitu seni-seni atau perlakuan budaya yang sudah pupus baiklah yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga seperti barongan, kempling dan lain-lain kita akan cuba wujudkan balik. Itu segmen yang satu lagi. Saya setuju benar dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad tadi iaitu satu kerja kita ialah menjaga yang asli, yang seni. Satu lagi memberi cerna kepada yang popular untuk kita beri kemegahan kepada jurusan-jurusan pelancongan dan sebagainya. Kedua-dua ini mesti kita jalankan.

Antara seni, budaya dan warisan saya selalu menyatakan ia seperti tali sepilin dan tungku tiga sejerangan. Dan sepilannya tali ini dan tungku tiga sejerangan ini mesti kita fahami sebagai kepentingan dalam hidup kita dan justeru bukan saya sahaja dan rakan-rakan kementerian harus memainkan peranan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kita juga harus memainkan peranan itu.

Barangkali saya bolehlah lanjutkan sedikit tingkah laku kita dalam Dewan pun dilihat oleh mesyuarat, orang luar bagaimana kita bertikam lidah sama ada kita menggunakan emosi peribadi atau menggunakan logik *legislative* kita. Ini akan diberi harga oleh orang, begitu juga kita memberi harga kepada akademi ini nanti dalam keadaan yang sama tanpa emosi tetapi secara objektif. Barangkali pencinta-pencinta seni bolehlah saya ibaratkan sebagai hilang sedikit kerinduan mereka, 'sudah petang ini hari sudah kembang bunga ketola, sudah datang kehendak hati sudah hilang sakit kepala'. Itu adalah bagi mereka yang cintakan seni dan datangnya akademi ini untuk kita jadikan bahan perjuangan. Mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang cukup menarik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 52** diperintahkan jadi sebagai sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN (PINDAAN) 2005****Bacaan Kali Kedua dan Ketiga****10.24 mlm**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua saya memohon supaya dipertimbangkan dan dipersetujui cadangan untuk meminda Akta Makanan 1983 sebagaimana yang terdapat dalam Rang Undang-undang dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris masing-masing dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh huraikan sekarang.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah seksyen 36 Akta Makanan 1983 atau Akta 281, terdapat peruntukan yang membolehkan perundangan kawalan hasil tembakau diwujudkan. Sehubungan itu suatu peraturan telah digubal iaitu peraturan-peraturan kawalan hasil tembakau 2004 bagi maksud di atas. Dalam erti kata lain perundangan kawalan hasil tembakau yang wujud pada masa ini adalah bersandarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta 281. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian hendak menegaskan bahawa hanya kesalahan di bawah peraturan-peraturan kawalan hasil tembakau 2004 boleh di kompaun.

Semua kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta Makanan 1983 tidak dibenarkan untuk di kompaun kerana kerajaan tidak mahu berkompromi terhadap keselamatan makanan di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua pada masa ini dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan kawalan hasil tembakau 2004 terdapat dua amalan yang berbeza yang sedang dilaksanakan. Pendakwa raya di negeri tertentu ada yang telah memberikan keizinan secara *blanket approval* manakala yang lainnya memberikan keizinan berasaskan *case by case*. Dalam erti kata lain sebelum sesuatu kompaun ditawarkan, keizinan bertulis daripada pendakwa raya perlulah diperolehi terlebih dahulu.

Berikutan ketidakseragaman ini, Jabatan Peguam Negara telah memutuskan bahawa tindakan memberi *blanket approval* seperti mana yang sedang diamalkan oleh sesetengah pendakwa raya adalah bertentangan dengan seksyen 33 Akta 281 yang menetapkan bahawa keizinan bertulis perlulah diperolehi terlebih dahulu daripada pendakwa raya sebelum sesuatu tawaran kompaun dikeluarkan. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya Akta Makanan 1983 dipinda dengan memasukkan suatu peruntukan yang memberi kuasa kepada Pegawai Penguat Kuasa untuk mengeluarkan notis dalam borang yang ditetapkan kepada mana-mana orang dipercayai telah melakukan kesalahan-kesalahan di bawah akta.

Peruntukan ini adalah sama seperti mana yang terdapat dalam seksyen 53 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Pindaan yang memasukkan seksyen baru ini kelak iaitu seksyen 32 B akan memperuntukkan pegawai diberi kuasa boleh:

- (i) mengeluarkan satu notis kepada seseorang yang melakukan kesalahan
- (ii) menghendaki orang itu hadir di Mahkamah Majistret berkenaan pada masa yang dinyatakan di dalam notis
- (iii) pegawai diberi kuasa sementara itu hendaklah memperoleh keizinan bertulis daripada Timbalan Pendakwa Raya untuk mengkompaun kesalahan
- (iv) Jika orang yang kena saman tidak terima tawaran untuk kompaun kesalahan dan tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki, tindakan mahkamah akan diteruskan dan waran tangkap dikeluarkan terhadap orang kena saman jikalau mereka tidak hadir mahkamah pada masa yang telah ditetapkan

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain meliputi dua aspek utama iaitu memasukkan takrif baru dan pindaan takrif. Di bawah seksyen 2 dalam takrif, pegawai diberi kuasa perkataan inspektor kesihatan digantikan dengan perkataan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Di bawah seksyen 2 ini juga takrif kesalahan boleh kompaun telah dimasukkan untuk melengkapkan akta kerana tiada tafsiran tersebut dalam akta sekarang. Oleh sebab pindaan ini hanya bertujuan memperkukuhkan lagi akta yang sedia ada maka pindaan tidak menjejaskan aktiviti-aktiviti industri penyediaan dan perdagangan makanan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini memohon Dewan yang mulia ini menimbang dan bersetuju dengan syor pindaan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Makanan 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dan sebelum pada itu, ingin saya mengingatkan bahawa kita menghadapi satu keadaan dalam mana Parlimen bermesyuarat di atas pengisytiharan Seri Paduka Baginda yang mana tarikh-tarikhnya ditetapkan. Jika persidangan kita ini melampaui detik 12 malam, maka ia boleh timbul satu persoalan, tidak kira selaku andaian atau selaku teori terhadap kesahihan undang-undang yang kita luluskan kerana diluluskan di luar dari tarikh diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda untuk Parlimen bermesyuarat.

Ini yang menjadi pertimbangan yang cukup berat bagi saya. Saya tidak bercadang untuk mengendalikan Dewan ini dalam keadaan tergesa-gesa. Maka ia akan menjadi tidak sempurna dalam mempertimbangkan sesuatu rang undang-undang. Kita mempunyai dua lagi rang undang-undang untuk dibahas dan diluluskan dan dalam detik ini, kita hanya mempunyai 90 minit sahaja sebelum 12 malam. Oleh itu, saya minta dan mohon kerjasama daripada ahli-ahli Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**10.32mim**

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ringkaskan ucapan saya. Akta Makanan perlulah diperbaiki dan disempurnakan kerana ini akan menjamin makanan yang dijual ke rakyat jelata selamat dan tidak menjejaskan kesihatan. Di negara-negara maju, tahap keselamatan dan kebersihan pelbagai makanan keperluan amatlah penting kerana pengguna-pengguna mestilah ada keyakinan terhadap barangan yang dijual. Jadi jikalau kerajaan tidak memastikan keselamatan makanan keperluan, jadi kerajaan gagal komitmennya dan tugasnya kepada rakyat jelata.

Produk-produk yang dipamerkan di pasar raya atau di pasar-pasar perlulah diperiksa dari masa ke semasa. Jawatankuasa Kawalan Makanan di bawah Kementerian Kesihatan sebenarnya mesti sentiasa mengambil sampel untuk analisis. Bukanlah seperti berlaku tragedi, barulah ambil tindakan. Jadi Inspektor-inspektor Kesihatan atau pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan perlulah sentiasa memeriksa premis dan pusat memproses daging, rumah sembelih, gerai-gerai runcit menjual daging ayam, lembu, kambing dan khinzir dan lain-lainnya.

Jadi ikan dan sayur-sayuran perlulah diperiksa tentang ubat *pesticide* dan *herbicide*, antibiotik dan lain-lain. *Feed additive* dengan izin, yang membahayakan kesihatan orang ramai perlulah dimonitor dan pengimportannya perlulah diharamkan kalau *feed additive* itu tidak dibenarkan. Tentang *beta-agonist*, saya hendak bangkit isu tentang *beta-agonist*. *Beta-agonist* adalah satu ubat yang telah diharamkan oleh kerajaan atau Kementerian Kesihatan kerana ia membahayakan kesihatan orang ramai. Satu ubat untuk memperkasakan lebih daging otot atau *muscle* di ternakan khinzir, lembu dan kambing.

Pihak Lembaga Ubat Racun atau Malaysia Poison Board dengan izin, hendak membuat analisis tentang sampel-sampel yang diambil dari lalang rumah sembelih, pasar dan gerai-gerai jualan. Kementerian Pertanian diwajibkan untuk memastikan keluaran atau produk-produk pertanian dan ternakan selamat dimakan dan Kementerian Kesihatan mestilah menjamin bahawa ubat-ubat atau antibiotik yang bahaya perlulah diharamkan atau tidak boleh diimport. Pihak farmasi di bawah Kementerian Kesihatan mestilah pastikan pengimportan racun iaitu *feed additive* antibiotik atau *trace medrol*, dengan izin, sentiasa dikawal. Pada masa kini, saya tahu bahawa macam-macam antibiotik yang diharamkan telah diimport dari luar negeri.

Dari India, dari *Middle* China dan lain-lain negara kerana Malaysia telah jadi *dumping ground* untuk barang-barang yang tidak sihat. Akta Makanan Ternakan iaitu *Feed Act* telah lama dibincangkan tetapi *Feed Act* belum diluluskan di Parlimen. Bila sudah sampai masa kita ambil tindakan, walaupun *Feed Act* di bawah kuasa Kementerian Kesihatan, tetapi ini ada berkaitan dengan makanan haiwan atau lain-lain barangan termasuk udang dan ikan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau Malaysia hendak jadikan, promosikan Malaysia sebagai rantau untuk makanan halal atau halal hub untuk mengeksportkan barangan ke negara-negara Islam di Asia Barat, jadi

tindakan positif mestilah diperkuatkan jikalau produk kami yang berjenama, *branded* boleh dieksport kepada *Middle East*, dengan izin.

Saya amat risau kerana undang-undang walaupun ada di Malaysia tentang pengimportan ubat-ubat racun atau *feed additive* tetapi undang-undang ini belum disempurnakan dan macam-macam antibiotik pun telah diimport di Malaysia, dan sebahagian farmasi dengan ejen-ejennya mengimport *beta-agonist* yang tulen, yang *pure*, 100% *pure*. Yang ini paling bahaya kerana penternak-penternak mencampur dua gram sahaja ke satu metrik tan makan ayam, lembu, kambing atau khinzir, jadi binatang-binatang itu akan mengadakan lebih *muscle*, kurang minyak. Jadi *beta-agonist* adalah satu ubat yang paling bahaya untuk rakyat kita tetapi jualan *beta-agonist* masih ada di pasaran Malaysia. Begitu banyak. Jadi saya haraplah melalui pindaan Akta Makanan ini, tindakan yang keras boleh diambil. Jadi saya harap kementerian..

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan. Yang Berhormat, saya hanya mengambil sedikit masa sahaja iaitu Tuan Yang di-Pertua, adakah maksud Yang Berhormat bahawa di dalam makanan-makanan haiwan atau pun makanan ayam, terdapat bahan-bahan yang telah di campur, yang mana tidak sesuai untuk makanan manusia. Dalam erti kata, haiwan itu makan, akan *transfer* atau pun dengan izin *residual* dia punya bahan-bahan kimia ini akan jadi tertinggal dalam daging ayam itu atau pun ternakan itu dan apabila dimakan oleh manusia, ia akan membawa satu perkara yang tidak baik kepada manusia itu sendiri.

Yang kedua ialah berkait dengan satu ubat-ubatan atau *chemical* yang telah di masuk di dalam katakan ayam, untuk menggemukkan ayam itu dengan lebih cepat. Adakah ini juga akan memandulkan orang-orang yang makan itu tadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Jadi di bidang ternakan, makanan ayam, makanan kambing, makanan khinzir, kita perlu mencampur antibiotik dengan tahap yang dibenarkan. Tetapi *beta-agonist* adalah satu barangan yang paling bahaya untuk manusia.

Jadi, di negara maju barangan ini telah diharamkan, hanya negeri China dan negeri India ada kilang untuk membuat produk ini. Produk ini telah dihantar ke Malaysia, ke Thailand. Sebenarnya produk ini dipakai oleh manusia untuk rawatan Asma tetapi bila ubat ini pakai dalam ternakan, binatang itu lebih *muscle*, kurang minyak. Ini telah menjadi satu isu kerana kalau binatang memakan makanan *beta agonist*, ini akan membahayakan kesihatan manusia.

*I think* Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu tentang kes ini tetapi saya hari ini membangkitkan isu ini ialah dengan harapan supaya Kementerian Kesihatan mengambil tindakan yang keras kerana hari ini kita bincang isu pindaan makanan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, pohon laluan. Yang Berhormat, saya ingin membangkitkan yang Yang Berhormat sebut iaitu tindakan yang paling keras ini, apa maksud Yang Berhormat? Sama ada hukuman penjara mandatori ataupun bagaimana? Sebab kalau kita lihat di sini takrif baru diberikan, kesalahan yang boleh kompau. Apakah kesalahan

yang boleh kompaun ini memberi ruang supaya kita boleh bertolak ansur dan boleh meringankan hukuman? Itu yang pertama, Yang Berhormat. Tindakan tegas ini apa maksudnya.

Yang kedua ialah jawatan Inspektor Kesihatan yang sudah pun diubah namanya kepada jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran. Ini satu jawatan yang panas sebenarnya sebab saya tahu walaupun jawatan itu nampak kecil tetapi sebenarnya macam-macam ia boleh lakukan seperti pengalaman, Tuan Yang di-Pertua, kalau di pihak berkuasa tempatan. Inspektor Kesihatan ini segala-galanya ditangannya. Saya tahu, pernah berlaku kes ramai ahli-ahli majlis meletak jawatan kerana kuasa yang ada pada Inspektor Kesihatan yang di PBT ini sebab ia ada kuasa dari segi premis, kebersihan dan sebagainya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah caranya supaya tidak berlakunya rasuah dan sebagainya oleh mereka yang memegang jawatan seperti ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju bahawa kes biasa timbul kerana Inspektor Kesihatan, bukan semua, sebahagian, apabila mereka melawat tempat itu, ambil *sample* dan akhir sekali *sample* pun telah ditukar dan selepas itu Jabatan Kimia tidak ada di dalam laporannya, negatif. Jadi, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa walaupun Inspektor Kesihatan kerjanya senang sahaja tetapi ia boleh tulis laporan yang berlainan.

Tentang tindakan yang keras, cadangan saya ialah kebanyakan ubat-ubat racun atau antibiotik yang beracun untuk ternakan kebanyakannya diimport oleh sebahagian farmasi yang berminat, tidak profesional, jadi mereka melalui kawan-kawannya mengimport *beta agonist* yang pure, 100% pure, ini akan timbul masalah. Cadangan saya ialah kalau pihak penguatkuasaan dari Kementerian Kesihatan boleh ambil tindakan yang keras dan tarik balik lesen kepada farmasi yang terlibat dalam kes ini, mereka tidak akan cuba untuk mengimport barangan yang membahayakan kesihatan orang ramai.

Saya harap Akta Makanan selepas disempurnakan boleh digunakan oleh untuk mendakwa penternak-penternak, petani-petani sektor memproses bahan-bahan makanan di kilang jikalau mereka tidak mengikut syarat-syarat yang diputuskan oleh Kementerian Kesihatan. Hanya tindakan yang keras dan efektif boleh menyelesaikan halangan untuk mewujudkan satu masyarakat yang lebih prihatin dan sihat. Jadi, ini terpulang kepada Kementerian Kesihatan. Hari ini saya telah bangkitkan isu ini dengan cadangan yang keras, saya harap – kerana saya dengar cerita pelbagai ubat-ubat telah diimport ke Malaysia dan Malaysia hendak mencapai Wawasan 2020 kita perlulah menjaga kesihatan rakyat kita.

*I don't want Malaysia to be a dumping ground for all these dangerous product*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya mohon menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas. Kalau tidak ada saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

**10.46 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan juga Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Seperti yang saya katakan tadi bahawa pindaan pada kali ini adalah berkaitan dengan pegawai-pegawai kita diberi kuasa supaya boleh mengeluarkan notis di bawah undang-undang ini. Notis dan juga kompaun ini hanya akan digunakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.

Ini adalah satu pindaan yang khusus di mana kita akan selaraskan kerja kita di bawah untuk melaksanakan, untuk menjalankan penguatkuasaan kita di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau dengan lebih efektif dan efisien. Tetapi bagi isu-isu dan juga teguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi iaitu berkaitan dengan keselamatan makanan, saya telah ambil maklum dan saya akan bawa balik ke kementerian supaya tindakan sewajarnya akan diambil.

Berkaitan dengan *chemicals* seperti *beta agonist* dan sebagainya, ini adalah satu isu yang kita berkongsi tanggungjawab dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang dibawa ke Kementerian Pertanian dan kita juga akan ambil berat, akan ambil maklum berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan ini dan berkaitan dengan *chemicals* lain saya juga sudah buat nota dan saya akan bawa balik kepada kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat di atas jawapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PROMOSI  
KESIHATAN MALAYSIA 2006**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**10.51 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Datuk Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua :** Sila huraikan.

**Datuk Lee Kah Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia yang akan diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan. Fungsi Lembaga ini mirip kepada beberapa yayasan promosi kesihatan antarabangsa seperti *Thai Health* di Thailand, *Health Way* dan *Beat Health* di Australia, yang masing-masing bertanggungjawab untuk membina keupayaan dan memperkasakan pertubuhan-pertubuhan kesihatan, sukan, kebudayaan dan lain-lain untuk menjalankan program-program promosi kesihatan untuk masyarakat.

Kementerian Kesihatan telah melaksanakan banyak program dan kempen promosi kesihatan termasuk Program Cara Hidup Sihat, Program Doktor Muda, Program Prostar, sambutan hari-hari khas kesihatan dan Kempen Tak Nak. Untuk memastikan program dan kempen kesihatan berkesan dan mendapat hasil yang diharap-harapkan, Kementerian Kesihatan memerlukan rakan kongsi dan usaha sama daripada sektor lain yang membantu dan menyumbang kepada kejayaan kempen tersebut.

Dalam mewujudkan perkongsian pintar ini, kementerian bersedia untuk memberi sokongan kepada rakan-rakan kongsinya dalam bentuk bimbingan, teknikal dan geran kewangan. Ini adalah konsep dan paradigma di sebalik penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Sejajar dengan seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita mempelawa pertubuhan-pertubuhan masyarakat, sukan, kebudayaan, wanita dan belia untuk bekerja bersama kita bagi meningkatkan taraf kesihatan rakyat supaya objektif-objektif dan sasaran-sasaran kesihatan yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dapat tercapai.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, antara tujuan utama pertubuhan Lembaga Promosi Kesihatan ialah:

- (i) untuk membina upaya pertubuhan-pertubuhan serta mempertingkatkan aktiviti promosi kesihatan di peringkat masyarakat;

- (ii) untuk merancang dan melaksanakan aktiviti promosi kesihatan termasuk mencegah belia daripada memulakan tabiat mula merokok dan minum arak;
- (iii) untuk menggantikan penajaan aktiviti serta acara sukan dan kebudayaan oleh industri tembakau yang ditarik balik oleh pihak kerajaan.

Usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan rakyat memerlukan penglibatan dan penyertaan sektor-sektor lain termasuk pertubuhan-pertubuhan sukarela dan persatuan-persatuan sukan dan kebudayaan. Ini merupakan amalan global baik di negara-negara maju yang telah cukup dengan pelbagai sumber mahupun di negara-negara yang sedang membangun yang serba kekurangan dan terbatas sumbernya. Dalam hal ini, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia akan bertindak untuk menggerakkan dan memperkasa persatuan-persatuan daripada sektor kesihatan bukan kerajaan, sukan dan kebudayaan untuk menjadi rakan kongsi dalam usaha untuk mempromosikan kesihatan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan turut mengiktiraf bidang promosi kesihatan sebagai satu pendekatan yang lebih kos efektif dalam usaha untuk meningkatkan dan menambah baik taraf kesihatan rakyat ke arah kehidupan yang berkualiti di samping mengurangkan beban penyakit dan kos rawatan perubatan. Penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia akan menyediakan satu prasarana yang boleh membina promosi kesihatan di negara kita. Lembaga ini boleh memberi bantuan teknikal dan kewangan untuk membangun dan melaksanakan program-program promosi kesihatan, aktiviti penyelidikan dalam bidang kesihatan awam serta latihan dan pembangunan modal insan dalam bidang promosi kesihatan.

Penubuhan Lembaga juga dapat menampung sebahagian daripada sumber kewangan pertubuhan sukan dan kebudayaan yang terjejas akibat pengharaman semua bentuk promosi dan penajaan oleh syarikat tembakau semenjak tahun 2003. Pemberian geran dan bantuan kewangan oleh Lembaga boleh membolehkan pertubuhan-pertubuhan sukan dan kebudayaan meneruskan aktiviti mereka serta membantu Kementerian Kesihatan menjalankan aktiviti promosi kesihatan di peringkat masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia akan membuka satu lembaran baru dalam sejarah kesihatan awam di negara ini. Inisiatif ini bukan sahaja akan memantapkan program-program promosi kesihatan di kalangan masyarakat kita bahkan ini akan membantu membendung gejala-gejala negatif kesihatan khususnya dari segi penggunaan bahan-bahan yang memudaratkan kesihatan seperti tembakau dan meminum minuman keras. Tambahan pula Lembaga ini akan mewujudkan perkongsian pintar serta membina upaya sektor-sektor lain seperti sukan, kebudayaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan aktiviti promosi kesihatan di semua peringkat dan membantu kerajaan untuk terus meningkatkan taraf kesihatan rakyat.

Saya percaya usaha murni ini akan menghasilkan satu generasi rakyat Malaysia yang sihat, cergas dan ceria bebas daripada belunggu merokok dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan amalan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon Dewan yang mulia menimbang dan bersetuju dengan syor Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

**10.58 mlm.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006. Hasrat kerajaan untuk meningkat dan mempromosikan kesihatan itu dialu-alukan.

Kini, sesetengah rakyat sibuk bekerja mencari rezeki, sesetengah rakyat makan dan minum setiap masa tanpa mengira kesihatan. Sesetengah rakyat tidak begitu minat bersenam. Sesetengah rakyat termasuk kanak-kanak kita suka lepak di lembah konkrit atau di *supermarket* dan tidak suka pergi ke tempat-tempat kehijauan. Tabiat-tabiat ini yang merisaukan kita.

Selain daripada kesihatan fizikal, kesihatan mental juga pasti diambil kira dan diambil perhatian juga. Kini, kerap sekali kita nampak dan juga sesetengah orang yang sakit jiwa. Sekarang kita juga sering kedengaran *road bully* dengan izin, mungkin kerana penekanan hidup maka kesihatan mental dan jiwa juga tertekan dan memerlukan perhatian. Dengan penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia saya berharap lembaga ini dapat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesihatan rakyat Malaysia.

Fasal 16 memberikan kuasa kepada Lembaga untuk memberi geran untuk promosi kesihatan melalui aktiviti-aktiviti sukan, rekreasi dan juga kebudayaan. Saya berharap aktiviti-aktiviti ini juga merangkumi aktiviti kaunseling ataupun pemulihan termasuk pemulihan dari penekanan hidup dan sakit jiwa yang tidak begitu tenat, yang tenat dan berat itu sudah dirawat di hospital.

Berkenaan dengan pembelian geran saya berharap peraturan-peraturan dan proses yang akan diguna pakai, keputusan-keputusan yang diambil itu mempunyai kawalan yang ketat dan berintegriti. Dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Roslan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih dan ingin menurut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesihatan hingga tercapai hasrat ini melalui kementerian untuk mencadangkan bahawa penubuhan Lembaga ini demi mahu melihat serta menjaga kesihatan rakyat terus berada di tahap yang baik dengan amalan hidup sihat sentiasa. Saya percaya sikap yang telah diterapkan oleh kementerian ini bahawa *prevention is better than cure*, dengan izin ataupun pencegahan itu lebih baik daripada perubatan. Amatlah tepat sekali dalam konteks penubuhan Lembaga ini.

Saya ingin membawa perhatian di dalam Seksyen 14 dalam objektif Lembaga kerana di bawah subseksyen d dan f ada dinyatakan di sini iaitu mengurangkan atau menghentikan penggunaan hasil tembakau. Kita dengar pada pagi tadi dalam perbahasan lisan bahawa jumlah hasil daripada tembakau ini ialah sejumlah RM1.3 bilion setiap tahun. Jikalau ini hendak dikurangkan atau dihentikan terus maka kenalah kita mencari alternatif yang baru di dalam kita memberi hasil-hasil kepada petani-petani yang menanam tembakau ini supaya *return of investment* dengan izin mereka ini akan berhasil lebih daripada tembakau.

Di dalam (f) pula kedudukan bahawa penumpuan kepada cara hidup serta amalan hidup yang sihat Seksyen 16 subseksyen 2(b) juga menunjukkan bahawa untuk memperuntukkan geran atau bantuan kewangan daripada kumpulan wang bagi promosi kesihatan melalui aktiviti sukan, rekreasi dan kebudayaan. Saya percaya bahawa peruntukan yang akan diperuntukkan oleh pihak kerajaan begitu besar dan banyak dalam membawa promosi ini melalui Lembaga yang akan ditubuhkan nanti. Apa yang menjadi kekhuatiran kepada saya ialah dari segi sukan, dari segi kebudayaan dan riadah ini melalui Kementerian Kesihatan ini ada juga usaha-usaha di dalam kementerian-kementerian yang sama telah pun dibelanjakan dengan matlamat serta hasrat yang sama.

Dalam erti kata ianya akan jadi satu perkara yang bertindih ataupun *redundant*. Perbelanjaan-perbelanjaan ini sehinggakan membazir, kadangkala jumlah yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan melalui Lembaga-lembaga ini akan menjadi perkara yang sama. Dan dengan itu saya ingin menyarankan supaya satu penyelarasan di antara agensi-agensi kerajaan ataupun melalui kementerian-kementerian kerajaan ini supaya tidaklah Kementerian Belia dan Sukan belanja yang sama, Kementerian Kesihatan belanja yang sama, Kementerian Kebudayaan belanja yang sama di atas melihat bahawa rakyat kita ini akan menjadi berada dalam keadaan sihat dan sebagainya.

Saya ingin juga melihat daripada Seksyen 18 dan subseksyen b juga menyarankan perkara yang sama supaya disalurkan wang-wang ini melalui badan-badan seperti Badan Sukan dan Kebudayaan.

Satu lagi di bawah Seksyen 18 iaitu subseksyen 2 juga (a), (b) dan (c) memberi kadar supaya perbelanjaan ini diberi tidak melebihi 50% kepada pertubuhan-pertubuhan kesihatan, tidak melebihi 30% kepada pertubuhan-pertubuhan sukan dan rekreasi dan tidak lebih daripada 10% kepada peruntukan kebudayaan. Ini merupakan satu perbelanjaan yang agak keras dan *rigid*, dengan izin dan saya mencadangkan supaya ditambahkan satu lagi iaitu mana-mana pertubuhan yang difikirkan perlu oleh menteri supaya memberi fleksibiliti kepada menteri untuk menyelaraskan mana-mana yang tertinggal di dalam kurungan yang telah dicadangkan itu.

Seksyen 22 saya tidak mahu menyentuh sebab ia berkaitan dengan maklumat palsu yang mana dendanya agak kurang kalau kita lihat RM10 ribu sahaja. Apa yang lebih penting di sini ialah saya rasa yang menjadi hasrat dan cita rasa pihak kerajaan melalui kementerian ini ialah mahu melihat bahawa Lembaga ini akan memainkan peranan yang baik dalam membentuk masyarakat yang sihat. Jumlah perbelanjaan kerajaan untuk ubat-ubatan dan rawatan nanti akan dapat dikurangkan apabila ramai masyarakat Malaysia terdiri daripada orang-orang yang sihat. Inilah salah satu cara untuk kita membawa masyarakat kita ini kepada tahap yang lebih baik daripada tahap yang kita ada sekarang.

Saya tertarik kepada Yang Berhormat Tuan Lee yang mengatakan bahawa selain daripada kesihatan jasmani kesihatan minda juga kita perlu jaga. Oleh kerana sekarang ini banyak di antara orang-orang pertengahan sekarang ini mencari kekayaan jauh lebih baik lebih banyak hasratnya daripada menjaga kesihatan. Dan akhir sekali apabila ini terjadi maka masyarakat kita sekarang ini kurang arif, kurang sedar bahawa kesihatan itu jauh lebih baik. Kita tidak mahu nanti masyarakat di hari-hari yang agak dewasa banyak mempunyai masalah-masalah kesihatan sehingga membebankan bukan sahaja dirinya dan keluarganya malah kerajaan yang perlu membelanjakan begitu banyak untuk membeli ubat-ubatan yang meningkat dari segi kosnya, dari tahun ke tahun.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kementerian ini untuk menjaga generasi kita yang akan datang agar sentiasa berada di tahap yang sihat dan apabila rakyat sihat maka negara kita pun sihat dan ekonomi pun akan sihat dan akan terus menjadi makmur. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Mohd. Puad.

#### **11.08mlm**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin menyatakan di sini bahawa budaya gaya hidup sihat ini sudah semakin berkembang di negara kita. Sebab itulah jangka hayat umur di negara kita sudah meningkat kepada 70 tahun. Dan saya berharap dengan wujudnya

Lembaga Promosi Kesihatan ini maka budaya gaya hidup sihat ini akan bertambah tinggi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk juga kepada Perkara 14 ini yang disebut dan dibahaskan oleh sahabat saya tadi iaitu objektif kepada Lembaga ini. Saya fikir bahawa sebenarnya Kementerian Kesihatan boleh menggunakan premis-premis seperti klinik-klinik kesihatan di pekan-pekan untuk dijadikan tempat untuk kita mengadakan program-program rekreasi yang boleh dipimpin oleh klinik kesihatan itu sendiri seperti senamrobik dan sebagainya. Supaya kempen gaya hidup sihat ini sampai ke peringkat pendalaman dan satu lagi ialah apa yang kita lihat sekarang ini kebanyakan daripada program-program seperti yang saya sebut tadi iaitu senamrobik ini sering kita lakukan di waktu pagi. Saya fikir kita boleh juga ubah kepada waktu malam, sekurang-kurangnya sebelum mereka makan malam ataupun sekitar pukul 8.00 malam.

Sebab saya bertemu beberapa contoh di negara China, saya tengok di pekan-pekan besar dia di Shanghai itu, di *shopping complex* mereka mengadakan senam aerobik, jadi orang yang balik bertugas malam dan sebagainya dia terus ikut dan mengadakan program senam aerobik ini. Macam kita ini, balik daripada Parlimen, barangkali Parlimen kita habis pukul 7.00, dan kita keluar dari sini kita buat senam aerobik dulu sebelum kita pergi makan. Jadi, ini gaya hidup sihat dan saya ingin mencadangkan kepada Lembaga ini, promosi ini lebih sesuai dibuat seperti di KLCC.

Tempat-tempat yang menjadi tumpuan seperti di KLCC itu saya yakin di depan itu, kalau buat malam pun saya ingat ada orang yang akan menyertainya dan ini amat baik sebenarnya program gaya hidup sihat dan saya fikir *motto* "Gaya Hidup Sihat" ini penting digunakan dan ini sebenarnya yang akan mempengaruhi masyarakat untuk mementingkan dari segi pemakanan dari segi fizikal dan sebagainya.

Kemudian Perkara 17 (c) ini, saya amat menyokong iaitu apabila kita memohon derma untuk dimasukkan dalam Tabung Lembaga ini kena pastikan dengan teliti jangan terlibat duit daripada orang yang berniaga arak, tembakau dan sebagainya. Sebab itulah saya berharap mesti ada cara pemantauan yang khusus sebab mungkin dia kata dia sumbangannya itu bukan daripada perniagaan tembakaunya tetapi daripada perniagaan lain tapi sebenarnya datang daripada duit perniagaan tembakaunya. Jadi, sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya berharap ia akan mempengaruhi gaya hidup sihat di negara kita ini secara menyeluruh. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang ingin berbahas. Kalau tidak ada saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Berkaitan dengan isu kesihatan mental, Kementerian Kesihatan memang setuju dengan berkaitan dengan kesihatan mental ini kerana dengan izin, ada suatu pepatah, "*there is no health without mental health*". Ini adalah satu pandangan yang kita pegang dengan kuatnya di Kementerian Kesihatan. Itulah ada mengapa apabila kita menjalankan kempen "Gaya Hidup Sihat" kita, kita mementingkan lima aspek.

Di antara lima aspek ini adalah anti merokok, pemakanan sihat, bersenam, mengurangkan arak dan mengurangkan *stress*. Ini adalah berkaitan dengan *mental health*. Dan dengan wujudnya Lembaga ini, kita harap kelima-lima aspek ini kita akan dapat mempertingkatkan aktiviti-aktivitinya di peringkat akar umbi melalui NGO-NGO dan juga badan-badan yang berkaitan. Berkaitan dengan khuatirnya duit-duit yang kita ada ini barangkali akan disalah gunakan, saya ingin mengatakan bahawa peraturan-peraturan yang ketat akan diadakan supaya duit yang kita bagi itu atau geran-geran yang kita beri kepada pertubuhan-pertubuhan akan dikawal dengan baiknya. Dan berkaitan dengan pengurangan tembakau akan menjejaskan penanam-penanam tembakau di negara kita, kita memang ambil maklum berkaitan perkara ini dan seperti yang dikatakan tadi pagi ini Kementerian Perladangan telah mengambil usaha untuk mencari tanaman gantian untuk penanam-penanam tembakau kita.

Tetapi dari segi Kementerian Kesihatan, kita telah mengadakan beberapa kajian yang menunjukkan penanam-penanam tembakau ini mereka telah dieksploitasikan oleh industri tembakau. Yang pertama adalah tembakau yang ditanam sekarang ini jikalau tanpa subsidi kerajaan kita atau tanpa kuota kerajaan kita, kita tidak dapat bersaing dengan negara-negara lain dan apabila AFTA dan WTO, kita terpaksa membuka pasaran kita, kita khuatir bahawa pada masa itu penanam-penanam tembakau ini akan hilang pekerjaan mereka kerana mereka tidak dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa. Itu adalah baik di mana kita buat rancangan sekarang di mana tanaman gantian ini dapat dicari dan supaya penanaman tembakau ini boleh dialih kepada tanaman yang lain.

Dari segi kesihatan juga kita dapati bahawa penanam-penanam yang mengendalikan daun-daun tembakau ini dia memberi kesan kesihatan yang tidak baik kepada penanam-penanam tembakau ini kerana nikotin yang terkandung dalam daun tembakau ini dapat meresap kepada badan penanam-penanam ini apabila mereka sentuh daun-daun tembakau ini dan ini kita kena faham juga bahawa penanaman tembakau ini adalah satu kerja yang melibatkan semua ahli-ahli keluarga penanam iaitu ibu bapa terpaksa bekerja dalam kebun, begitu juga dengan anak-anak mereka terpaksa menolong dan ini akan membawa kesan yang tidak baik dari segi kesihatan dunia juga dalam masa yang panjang ekonomi kepada mereka ini.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Yang Berhormat, boleh minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pendek sahaja. Saya biasa bertanya dalam soalan saya kepada Kementerian Kesihatan bahawa ada satu syarikat ataupun sebuah syarikat yang akan mengeluarkan rokok yang lebih selamat. Jadi, kempen “Tak Nak Merokok” mungkin akan terus akan tenggelam dan syarikat ini akan mengeluarkan rokok yang lebih selamat.

Tapi, jawapan kepada saya kementerian mengatakan bahawa tidak ada satu rokok pun yang selamat dan malah kementerian berkata tiap-tiap satu batang rokok mengandungi dua ribu bahan kimia yang boleh menyebabkan penyakit kanser. Kenyataan ini daripada Kementerian Kesihatan, daripada Menteri Kesihatan sendirilah. Soalan saya ataupun kemusykilan saya, apakah kenyataan ini benar? Kalau kenyataan ini benar siapa sahaja yang merokok akan menghidap penyakit kanser.

Jadi, kalau kenyataan ini benar, kenapa kementerian tidak menggunakan kenyataan ini kalau kita kata kempen “Tak Nak Merokok” itu orang hisap rokok, hisap rokok juga, tidak peduli. Tetapi kenapa tidak menggunakan kenyataan ini bahawa satu batang rokok itu mengandungi dua ribu bahan kimia yang akan menyebabkan penyakit kanser iaitu kanser paru-paru. Jadi, dengan ini orang lebih takut kerana kalau kita cakap kempen “Tak Nak Merokok” orang tidak peduli tapi kalau kesan daripada penyakit kanser ini atau rokok yang kita hisap ini akan menghidap penyakit kanser makna orang lebih takut. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat.

**Dato’ Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan, kita hendak menegaskan bahawa kenyataan yang dikatakan tadi itu, memang betul iaitu tidak ada rokok yang selamat. Yang kedua, memang betul ia ada melebihi dua ribu bahan kimia di dalam setiap batang rokok yang kita hisap ini dan kementerian memang sentiasa menggunakan fakta-fakta ini dalam kempen kita untuk meyakini orang ramai bahawa merokok itu adalah tidak baik untuk kesihatan mereka malah ia juga adalah satu tabiat yang akan merosotkan ekonomi keluarga perokok ini kerana kalau kita selalu pun ada gunakan *calculation* untuk meyakinkan orang ramai.

Jikalau satu paket *cigarette* atau tembakau rokok ini pada hari ini adalah RM7. Kalau satu hari tujuh ringgit satu paket, satu bulan sudah RM210. Satu tahun sudah RM2000 lebih dan jikalau kita kali dalam 10 tahun bermakna lebih kurang RM20,000 lebih dan dalam 20 tahun bermakna kita dapat menggunakan duit yang kita jimatkan itu untuk membeli satu rumah, satu unit rumah kos rendah untuk keluarga kita.

Ini adalah beberapa program yang kita telah jalankan untuk meyakinkan orang ramai bahawa merokok itu adalah tidak baik dari semua segi. Kesihatan seseorang itu, ekonomi keluarga beliau dan apabila beliau diserang oleh penyakit, bukan perokok itu sendiri akan menderita tetapi juga keluarga dia akan menderita dari semua segi. Kalau dia meninggal dunia, satu sumber kewangan untuk keluarganya akan hilang. Kalau dia tidak mati, dia tidur di atas katil atau dalam kerusi roda, bermakna ahli keluarganya terpaksa berhenti kerja untuk menolong

beliau, untuk menjaga beliau. Ini adalah satu aspek yang sangat meluas dan kita sentiasa beritahu orang ramai dan kita memerlukan lembaga ini supaya kita dapat menyebarkan maklumat ini kepada lebih ramai lagi orang iaitu mengapa kita perlu lembaga ini untuk mempromosikan idea-idea dan juga fakta-fakta ini di akar umbi, di masyarakat kita.

Berkaitan dengan kekhawatiran barangkali, *grant-grant* yang kita atau program-program yang kita jalankan ini akan *overlap* iaitu akan mewujudkan pembaziran. Saya ingin mengatakan bahawa lembaga ini adalah terdiri wakil-wakil daripada kementerian yang lain. Ini bermakna apabila kita mengadakan program-program untuk kempen gaya hidup sihat ini, kita mendapatkan satu kata sepakat supaya program itu dapat dijalankan dengan kerjasama semua kementerian. Ini adalah satu aspek di mana kita dapat mengurangkan pembaziran dan kita harap dengan lembaga ini, ia tidak akan meningkatkan pembaziran. Ini adalah mengapa lembaga ini diwujudkan.

Saya ingin mengatakan juga *grant-grant* ini bukan kita berikan kepada kementerian berkaitan tetapi kepada badan-badan atau pertubuhan bukan kerajaan di bawah semua aspek iaitu selagi mereka memenuhi objektif-objektif lembaga yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Ini bermakna, jikalau mereka menepati objektif yang terkandung dalam ini iaitu penyelidikan atau promosi kesihatan untuk wanita, belia dan sebagainya, *grant* ini akan dipertimbangkan oleh satu lembaga yang kita akan wujudkan di mana, untuk meluluskan atau menolak permohonan ini.

Berkaitan dengan menggunakan klinik kesihatan untuk mempromosikan gaya hidup sihat, ini memang kita jalankan sentiasa masa dan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti malam, ini memang kita jalankan dan pada masa sekarang, kita boleh nampak bahawa kerja-kerja untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti senaman ini adalah melalui NGO-NGO yang kita ada. Kalau kita tengok di persatuan penduduk dan sebagainya, mereka telah mengadakan senamrobik pada pagi, ada yang pada petang, pukul lima, pukul enam, ada yang tai-chi, ada ...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Kah Choon:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, gaya hidup sihat juga bermakna kita kena tidur cepat. *[Ketawa]* Sebelum pukul 12, seelok-eloknya kita harus tidur Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Lee Kah Choon:** Okey, betul. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat itu cuma saya hendak mengatakan bahawa kita hendak tidur pun, kita kena habiskan kerja kita. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]* Kalau tidak kita tidak dapat tidur dengan nyenyaklah. Berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pada masa malam juga, seperti yang saya katakan, persatuan penduduk akan mengadakan tai-chi dan sebagainya di taman perumahan.

Dikatakan juga caruman kita tidak akan diambil daripada industri arak dan juga tembakau kerana ini adalah satu *conflict of interest* di mana kita adakan lembaga ini. Ini adalah beberapa

perkara yang telah dibangkitkan dan saya telah ambil maklum dan apa yang saya tidak dapat membalas dan menjawab, saya akan bawa balik kepada kementerian dan tindakan susulan dan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### USUL

#### **PENYATA KHAS JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**11.28 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 78(5) mengambil ketetapan bahawa penyata khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai kertas Dewan Negara DN(2) tahun 2006 hendaklah diterima”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 78(5) itu tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, semua pegawai serta kakitangan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama serta khidmat bakti Ahli-ahli Yang Berhormat semua sehingga kita dapat selesaikan urusan di hadapan kita dengan baik dan penuh persefahaman.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin yang telah pun membantu kita mengendalikan mesyuarat selama dua hari iaitu kelmarin dan hari ini. [*Tepuk*] Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua Ahli Dewan Negara kita yang juga ahli pentadbiran yang bersama-sama kita daripada mula-mula kita bermesyuarat sehingga ke saat akhir kita selesaikan semua urusan kerja kita. [*Tepuk*]. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan lagi.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 11.31 malam.***